



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2006	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B. 21	(Halaman 18)
Maksud B. 22	(Halaman 49)
Maksud B. 23	(Halaman 99)
USUL-USUL:	
Usul Anggaran Pembangunan 2006	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P. 21	(Halaman 18)
Maksud P. 22	(Halaman 49)
Maksud P. 23	(Halaman 99)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 18)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
19. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. " Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. " Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA

6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jelun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. Yang Berhormat Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS

20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS

58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
87. “ Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
88. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
89. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
90. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
91. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
92. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
93. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
94. Yang Berhormat Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO

95. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
96. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
97. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
98. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
99. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
100. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
101. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
102. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
103. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
104. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
105. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
106. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
107. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
108. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
109. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
110. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
111. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
112. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
113. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
114. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
115. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
116. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
117. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
118. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
119. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
120. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
121. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
122. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
123. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
124. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Hajah Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 16 November 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kementerian telah menyediakan pelan yang konkrit untuk dilaksanakan bagi menyelesaikan permasalahan pembeli yang telah membeli rumah tetapi tidak dapat menduduki rumah berkenaan disebabkan permasalahan CFO ataupun pembinaan terbengkalai yang kadangkala mengambil masa yang panjang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun] Bismillahir Rahamnir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Hari Raya Aidil Fitri, maaf zahir dan batin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah kelewatan pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pihak berkuasa negeri (PBN), kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperkenalkan sistem setempat ataupun *one-stop centre (OSC)* untuk dilaksanakan oleh semua PBT dan PBN dalam meluluskan pelan bangunan dan mengeluarkan CFO. OSC yang ditubuhkan di peringkat PBT dan negeri akan diteruskan bagi memantau tempoh masa setiap agensi teknikal membuat perakuan bagi pengeluaran CFO mengikut garis panduan untuk memastikan peraturan tersebut dipatuhi. Selain dapat meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian dalam sektor perumahan OSC juga dapat mengurangkan kos pembangunan.

Pada masa yang sama kerajaan dalam kajian untuk mencadangkan CFO digantikan dengan CCC ataupun *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* yang dikeluarkan sendiri oleh golongan profesional seperti arkitek dan jurutera berdaftar bagi meningkatkan sistem penyampaian dalam industri pembinaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih kepada jawapan. Berkenaan dengan cadangan pihak kerajaan untuk menubuhkan pengeluaran CF oleh CCC iaitu yang dianggotai oleh badan-badan profesional, siapakah mereka yang akan dipertanggungjawabkan golongan profesional tersebut. Saya difahamkan bahawa golongan profesional yang dimaksudkan ialah merupakan *engineer* ataupun jurutera yang terlibat dalam projek tersebut berserta dengan peguam yang terlibat dengan projek tersebut. Adakah ini tidak akan menghasilkan *conflict of interest* dan merupakan satu benda yang akan mengakibatkan pembeli tersebut akan jadi tertipu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan dan keprihatinan tentang CCC ini. Seperti mana yang telah saya sebutkan dalam jawapan tadi, CCC ini dalam kajian yang terakhir dan untuk makluman Dewan yang mulia ini proses kajian telah pun dilaksanakan dan kita cuma sekarang masih dalam peringkat penyelarasan undang-undang yang terlibat. Insya-Allah, kalau tidak ada aral melintang akan dibentangkan di Parlimen ini pada tahun hadapan.

Memang benar seperti kata Yang Berhormat tadi, bahawa *Certificate of Completion and Compliance* ini nanti akan dikeluarkan sendiri oleh golongan profesional seperti arkitek dan jurutera yang berdaftar. Oleh kerana itulah sekarang ini ada penyelarasan undang-undang yang sedang dilaksanakan melibatkan profesional-profesional ini untuk memastikan mereka ini akan bertindak sebagai sebenar-benar orang yang profesional, iaitu akan diperketatkan lagi peraturan-peraturan memastikan mereka benar-benar akan *comply* kepada peraturan yang ditetapkan dan mereka akan bertindak bebas, ertinya tidak *bias* kepada mana-mana pihak dan mereka sebenarnya seperti apa yang disebutkan adalah profesional.

Jadi, tidak perlulah Yang Berhormat ataupun masyarakat kita, rakyat merasa bimbang bahawa jika CCC ini nanti dilaksanakan, maka akan berlakulah *bias* terhadap pihak memaju ataupun kontraktor. Kerana ini semua telah pun di bincang secara terperinci oleh pihak kementerian dengan agensi-agensi dan badan-badan profesional berkenaan. Jadi, tidak ada timbul masalah nanti pembeli akan tertipu, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, salah satu cara yang terbaik untuk kita mengelakkan warga kita, rakyat daripada menjadi mangsa dalam projek-projek perumahan yang terbengkalai ialah dengan cara kita siapkan rumah itu dahulu, kemudian baru kita jual. Jadi, setakat manakah ke arah dasar ini sama ada dia masih dalam proses peringkat kajian ke ataupun ada apa-apa langkah telah pun diambil oleh pihak kementerian menggubal undang-undang ke arah dasar itu. Sekian.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Seperti mana Yang Berhormat semua faham bahawa kerajaan kita ini, Kerajaan Barisan Nasional ini memang sentiasa serius untuk menyelesaikan apa jua masalah yang ada kaitan khususnya yang ada kaitan dengan rakyat termasuklah dengan masalah cadangan untuk saya rasa apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Kota Melaka ialah konsep bina kemudian jual *build then sell*.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun dalam usaha dalam membuat kajian yang terperinci telah melawat negara Australia untuk mendapatkan makluman balas yang terperinci berkenaan bagaimanakah konsep ini dilaksanakan di negara tersebut.

Kemudian pelbagai perbincangan, pelbagai alah telah pun diadakan dengan pihak-pihak terlibat khususnya *key players* dalam sektor perumahan termasuklah persatuan pembeli rumah, persatuan pemaju perumahan, badan-badan profesional yang terlibat dan kita juga telah mengambil perhatian tentang implikasi kewangan dan telah mengadakan perbincangan demi perbincangan dengan institusi kewangan yang terdapat di dalam negara kita ini.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa memanglah kita sekarang ini dalam peringkat yang terakhir sudah, segala-gala perbincangan telah selesai diadakan dan kita dalam peringkat akhir menyediakan memorandum Kabinet, kemudiannya akan diserahkan kepada Kabinet untuk Kabinet membuat keputusan sama ada melaksanakan atau tidak konsep yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Sekian, terima kasih.

2. **Datuk Haji Rosli bin Mat Hassan [Dungun]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bilangan pasukan Sukan Polo di Malaysia dan apakah langkah kerajaan untuk menyuburkan permainan Poli ini menjadi permainan bukan elit.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kesemuanya terdapat 10 persatuan dan pertubuhan Sukan Polo yang didaftarkan di pejabat Pendaftaran Syarikat dan Pertubuhan serta Pesuruhjaya Sukan. Antaranya termasuk Polo Diraja, Kelab Polo Diraja Ampang ataupun Selangor Polo and *Riding Club*, Kelab Penunggang Kuda dan Polo Papar Kota Kinabalu Sabah, Persatuan Basikal Polo Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, *The Royal Selangor Polo Club*, *Royal Johor Polo Club*, *Club Polo Iskandar Ipoh Perak*, Persatuan Polo Diraja Malaysia Kuala

Lumpur, Persatuan Polo Sabah Kota Kinabalu, Sabah, *Club* Polo Tanah Merah Sungai Buluh, Selangor, *Club* Polo Mahkota Kuantan, Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai usaha untuk menyubur dan memperluaskan lagi permainan Polo, sukan Polo di kalangan rakyat negara kita, kementerian ini telah pun menyenaraikan Sukan Polo sebagai salah satu aktiviti sukan dan rekreasi di bawah program pembangunan sukan masa ataupun *mass sports*, dengan izin. Di samping itu, promosi dan publisiti yang sesuai sama ada melalui media cetak ataupun media elektronik perlu diadakan dari masa ke semasa. Media elektronik sama ada yang dikendalikan oleh pihak kerajaan ataupun pihak swasta boleh menyebarkan aktiviti Polo di Malaysia seperti dengan menerusi penyediaan rancangan khas yang berkaitan dengan Sukan Polo serta memperkenalkan cara-cara permainannya.

Di samping itu, sesi klinik Polo juga boleh diadakan dari masa ke semasa di zon-zon yang tertentu untuk menerangkan kepada para peminat Polo cara-cara serta teknik permainan Polo yang betul. Melalui klinik-klinik seumpama ini khususnya yang berperingkat asas, pertengahan dan *advance*, dengan izin, boleh juga diadakan untuk jurulatih-jurulatih yang berminat dan merekalah orangnya yang akan memainkan peranan penting dalam memperluaskan lagi sukan Polo di peringkat akar umbi. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk menyuburkan sukan Polo negara kita tidak akan berhasil sekiranya tiada kerjasama dan sokongan daripada persatuan-persatuan dan kelab-kelab Polo yang berkenaan.

Di samping mendapatkan kerjasama daripada pertubuhan-pertubuhan Polo yang sedia ada, para peminat Polo juga boleh menubuhkan lebih banyak lagi kelab-kelab Polo di peringkat akar umbi dan Kementerian Belia dan Sukan yakin penuh bahawa kelab-kelab ini akan dapat memainkan peranan penting dalam mendorong dan memperkembangkan lagi sukan Polo di tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua: Dungun.

Datuk Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua terima kasih pada kerajaan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tahu tadi daripada hampir keseluruhan kelab-kelab Polo ini dianggotai oleh hampir kesemuanya kumpulan yang elitlah terutama sekali yang berkaitan dengan kelab diraja dan sebagainya malah di peringkat antarabangsa pun apabila kita melihat bagaimana wujudnya sukan Polo ini pun memang dilahirkan sebagai permainan raja-raja semasa zaman bermula pada zaman 600 Masihi dulu lagi.

Soalan tambahan saya ialah kalau dahulu kita tengok golf juga merupakan suatu permainan yang dimainkan oleh kumpulan elit, tetapi sekarang ini tukang sapu, pemandu, pemandu teksi dan sebagainya pun sudah jadi suatu permainan rakyat di semua peringkat. Apakah sebenarnya strategi kerajaan untuk memulakan pengiklanan promosi sukan polo ini di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah lagi?

Apakah kaedah yang boleh dibuat dan direncanakan oleh kerajaan, kerana dahulu golf memang tidak boleh, tetapi sekarang sudah ada pertandingan di peringkat sekolah rendah dan sebagainya. Kalau ini dapat dilaksanakan, apakah kerajaan merasakan supaya sukan polo ini dapat dijadikan sebagai salah satu daripada sukan yang boleh dijadikan permainan untuk kumpulan bukan elit, tetapi untuk semua. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dungun. Sebenarnya seperti mana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat sendiri bahawa permainan ataupun sukan polo ini sememangnya dianggap umum sebagai sukan elit disebabkan oleh adanya kekangan yang tersendiri.

Antara kekangan yang saya maksudkan itu tidak lain daripada:

- (i) perbelanjaan yang tinggi khususnya dalam usaha penyelenggaraan kuda misalnya;
- (ii) kemudahan yang lain yang diperlukan untuk permainan polo. Ini juga kena diambil kira.

Saya setuju dengan apa yang dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat, iaitu dengan menerusi pertandingan yang kita anjurkan khususnya di peringkat sekolah ataupun di kalangan belia remaja. Ini pun satu cara yang saya kira bukan sahaja sesuai untuk mempromosikan sukan-sukan elit yang lain umpamanya golf dan juga *woodball* misalnya, tetapi juga dalam konteks ini ia adalah *relevant*.

Tetapi apa yang kita perlu atasi sekarang adalah kos perbelanjaannya yang tinggi khususnya dalam usaha penyelenggaraan, kemudahan dan kuda, dan ini saya berharap bukan sahaja pihak kementerian yang bulat-bulat memikul tanggungjawabnya, tetapi juga kelab-kelab ataupun NGO-NGO yang sedia ada mahupun yang akan ditubuhkan, mereka turut memikul tanggungjawab bersama dalam usaha membangunkan sukan polo.

3. Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan berapakah jumlah kewangan atau geran yang telah dibelanjakan untuk Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan sehingga kini setakat manakah kejayaan hasil dari penyelidikan tersebut dan berapa banyakkah hasil penemuan dari penyelidikan tersebut telah dikomersialkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian pada 21 November 2005 dan Yang Berhormat Kota Belud pada 22 November 2005 kerana menyentuh isu yang sama, iaitu Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta pengkomersialan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, program R&D di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) adalah meliputi empat program:

- (i) *Intensification of Research in Priority Areas* ataupun IRPA di mana dua daripada tiga kategori penyelidikan iaitu PR (*Prioritised Research*) dan SR (*Strategic Research*) memerlukan syarat bahawa geran-geran R&D yang dipohon mempunyai potensi komersial yang tinggi. Oleh itu, penyelidik-penyelidik haruslah mempunyai kerjasama dengan industri-industri tempatan yang membolehkan hasil-hasil R&D berkenaan boleh dipasarkan melalui kerjasama dengan industri-industri tersebut;
- (ii) *Industrial Grant Scheme* ataupun dikenali dengan ringkasnya IGS di mana industri-industri tempatan yang menjalankan R&D boleh memohon geran R&D MOSTI untuk menjalankan penyelidikannya;
- (iii) *Multimedia Super Corridor Grant Scheme* ataupun dikenali MGS di mana industri-industri ICT yang berdaftar dengan *Malaysian Development Corporation (MDC)* boleh memohon geran R&D untuk penyelidikan dalam bidang ICT;
- (iv) kerajaan juga mempunyai program untuk membangunkan pengkomersialan produk iaitu:
 - (a) *Commercialisation of R&D Fund (CRDF)* di mana industri-industri tempatan boleh memohon geran R&D melalui *Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)* di mana MTDC ini adalah merupakan agensi di bawah MOSTI sejak Februari tahun 2004 lagi.
 - (b) *Technology Acquisition Fund (TAF)* di mana industri-industri tempatan khususnya Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang menjalankan R&D boleh

memohon geran melalui MTDC untuk pembelian teknologi sama ada dari luar ataupun tempatan untuk membangunkan teknologi-teknologi baru bagi menghasilkan produk untuk pengkomersialan.

- (c) *Technology Acquisition Fund (Women)* (TAF-W), di mana industri-industri tempatan yang dipelopori atau dimiliki oleh kaum wanita dan menjalankan R&D boleh memohon geran melalui MTDC untuk pembelian teknologi sama ada dari luar ataupun tempatan untuk membangunkan teknologi-teknologi baru bagi menghasilkan produk untuk pengkomersialan.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Kelapan iaitu dari tahun 1996 sehingga kini 2005, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui program IRPA telah meluluskan sebanyak 5,843 projek berjumlah RM1,570.68 juta. Sebanyak 3,707 projek dengan peruntukan sebanyak RM708.21 juta telah diluluskan semasa Rancangan Malaysia Ketujuh, manakala 2,136 projek iaitu RM862.4 juta telah diluluskan bagi Rancangan Malaysia Kelapan.

Seiring dengan Pelan Induk Perindustrian II (IMP2) (1996–2005) dan Dasar Pertanian Negara (1992–2010), kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh telah memberi penumpuan kepada penyelidikan 14 sektor seperti:

- (i) agroindustri;
- (ii) pembinaan;
- (iii) tenaga;
- (iv) alam sekitar;
- (v) kesihatan;
- (vi) teknologi maklumat;
- (vii) pembuatan;
- (viii) bahan dan geosains;
- (ix) pengurusan IT;
- (x) bioteknologi;
- (xi) sains dan kejuruteraan;
- (xii) perkhidmatan;
- (xiii) top down bioteknologi; dan
- (xiv) top down fotonik.

Sektor utama penerima geran ialah agroindustri dengan peruntukan sebanyak RM178.548 juta iaitu untuk 1,255 projek. Kerajaan juga telah meluluskan sebanyak RM114.49 juta, iaitu untuk 725 projek dalam sektor sains dan kejuruteraan dan RM107.273 juta iaitu untuk 571 projek dalam sektor kesihatan dan RM71.772 juta untuk 321 projek dalam sektor pembuatan.

Bagi Rancangan Malaysia Kelapan pula, tumpuan penyelidikan adalah kepada sembilan sektor utama iaitu:

- (i) agroindustri;
- (ii) tenaga;
- (iii) mineral and geosains;

- (iv) pembuatan dan pembinaan;
- (v) perkhidmatan dan teknologi maklumat;
- (vi) ekonomi;
- (vii) sosial;
- (viii) alam sekitar; dan
- (ix) sains kejuruteraan.

Sektor pembuatan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila ringkaskan jawapan.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Baik. Saya hendak habiskan satu paragraf sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Sektor pembuatan dan pembinaan menerima peruntukan tertinggi iaitu sebanyak RM365.645 juta, iaitu untuk 311 projek manakala sektor sains dan kejuruteraan pula sebanyak RM142.561 juta untuk 576 projek dan sebanyak RM126.56 iaitu 208 projek telah diluluskan untuk sektor kesihatan dan RM95.042 juta untuk 408 projek untuk sektor agroindustri. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah pun meluluskan sebanyak 3,700 projek walaupun ada permohonan sebanyak 5,800. Soalan saya ialah adakah pihak kementerian mempunyai suatu sistem pengawalan atau *monitoring system*:

- (i) di dalam nilai dan meluluskan kerana kita tidak mahu adanya penyalahgunaan kuasa, misalnya dari segi pemberian geran kerana banyak syarikat ataupun penyelidik-penyelidik yang membuat aduan mengatakan bahawa syarikat mereka sudah lama menunggu untuk mendapatkan geran, tetapi tidak mendapat dan ada syarikat yang mereka kata tidak sepatutnya dapat tetapi memperoleh kelulusan yang cepat;
- (ii) dari segi memastikan penyelidikan itu dibuat selaras dengan kehendak kementerian. Mereka benar-benar menjalankan penyelidikan; dan
- (iii) dari segi mengkomersialkan, dari segi langkah kerajaan untuk memastikan bahawa IP mereka itu benar-benar digunakan dan dikomersialkan.

Jikalau pihak kementerian mempunyai sistem pengawalan ini atau *monitoring system* ini, tentu sahaja pihak kementerian mempunyai data, berapa ramai sekarang ini penyelidik bumiputera yang berjaya menghasilkan penyelidikan dan mengkomersialkan hasil penyelidikan mereka.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Sebenarnya kita dalam pengagihan ataupun untuk diberikan dan diagihkan geran penyelidikan ini kita ada dua jawatankuasa sebenarnya:

- (i) Jawatankuasa Teknikal; dan
- (ii) Jawatankuasa *Steering* ataupun Jawatankuasa Pemandu.

Jawatankuasa Teknikal ini adalah terdiri daripada pakar-pakar sama ada daripada agensi-agensi kerajaan ataupun agensi bukan kerajaan dan termasuk juga pakar daripada penyelidikan dalam bidang-bidang tertentu untuk menilai semua permohonan yang dimajukan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk dipertimbangkan. Selepas Jawatankuasa Teknikal bersidang dan membuat perakuan kepada mana-mana permohonan untuk diperakukan dan dibawa kepada Jawatankuasa Pemandu yang mana ini diketuai oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk

memperakukan kepada Yang Berhormat Menteri untuk diberikan pertimbangan ataupun kelulusan.

Ini adalah merupakan kaedah pemilihan ataupun *selection process* untuk mengagihkan geran. Kemudian dalam kaedah *monitoring* ataupun pemantauan, sebenarnya semua penyelidik diminta menyediakan laporan setiap enam bulan. Pada masa dahulu pernah tiga bulan sekali dimonitor. Tetapi oleh kerana terlalu banyak kerja penyelidikan yang terpaksa dibuat, jadi Kementerian memutuskan untuk mereka menyediakan laporan penyelidikan pada setiap enam bulan. Ini diteliti dan dipersembahkan pada Jawatankuasa Teknikal untuk diberikan pandangan ataupun teguran dan sebagainya.

Berkaitan dengan IP dan sebagainya seperti yang telah dinyatakan tadi, kita mempunyai geran pengkomersialan yang boleh dipohon untuk mengkomersialkan produk ataupun pertama mesti patenkan hasil-hasil itu lebih dahulu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua di Dewan yang mulia ini, jumlah sumber manusia yang telah berjaya dihasilkan daripada projek R&D yang tamat dalam Rancangan Malaysia Kelapan adalah seramai 35 Ph.D telah tamat, 119 MSc, 57 BSc dan 76 pegawai penyelidik di dalam pelbagai bidang. Hasilnya sebanyak lima anugerah telah pun dihasilkan, 116 penerbitan, 24 artikel dan 10 prototaip telah pun dihasilkan. Saya rasa itulah sahaja. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen daripada jumlah geran-geran dan pemberian-pemberian untuk R&D itu sebanyak manakah yang diberikan kepada dengan izin, *Multimedia Development Corporation (MDC)* kerana telah dilaporkan bahawa sebuah syarikat yang bernama '*Asterio*' telah menyaman Kerajaan Malaysia, Menteri Kewangan, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, CEO MDC itu Datuk Dr. Mohd Arif Nun dan Naib Presiden MDC (Kamil Othman) kerana kegagalan menjalankan kontrak perjanjian antara MDC dengan '*Asterio*' untuk menjadikan *E-village* suatu projek yang berjaya, malah sebaliknya menjadikan *E-village* itu gagal dan juga mengatakan, bahawa kerajaan tidak memenuhi perjanjian-perjanjian dengan syarikat tersebut.

Apakah kedudukan dan sikap Kementerian dalam kes yang mana telah sampai ke peringkat mahkamah?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih. Sebenarnya saya tidak ada agihan yang tepat berkaitan dengan berapakah peratus IRPA ini, geran pendidikan di bawah MOSTI ini diagihkan melalui MDC. Oleh kerana memerlukan data yang tepat saya akan memberikan jawapan secara bertulis. Saya rasa saya telah pun jawab berkaitan dengan program *e-village* ini pada satu masa yang lepas. Saya rasa tidak perlulah menjawab untuk kali yang kedua tentang perkara itu.

4. **Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan Malaysia akan menjadi Pengerusi Negara-negara ASEAN serta tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Asia Timur pada bulan Disember 2005, apakah usaha-usaha yang dijalankan supaya persidangan tersebut lebih signifikan serta memberi lebih makna kepada negara Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam saya ingin menyatakan rasa terima kasih di atas minat mendalam Yang Berhormat untuk mengetahui usaha-usaha yang dijalankan oleh Malaysia selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN serta Tuan Rumah kepada Sidang Kemuncak Asia Timur.

Malaysia akan menjadi Tuan Rumah kepada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 dan sidang kemuncak berkaitan pada 12 hingga 14 Disember 2005. Ini merupakan kali kedua negara kita menganjurkan sidang kemuncak sedemikian. Sidang kemuncak ASEAN ini adalah yang terbesar dari segi penyertaan dan melambangkan kemajuan yang dicapai oleh ASEAN serta hubungannya dengan negara-negara rakan dialog yang lain semenjak ditubuhkan pada tahun 1967.

Sebagai Tuan Rumah adalah menjadi tanggungjawab Malaysia untuk berusaha menjayakan sidang kemuncak tersebut. Dari segi logistik segala persiapan sedang diusahakan supaya semua aspek sidang kemuncak tersebut dapat dijalankan secara terbaik. Dengan kehadiran bilangan delegasi wakil-wakil kerajaan, pihak swasta dan media yang begitu ramai adalah diharapkan Kuala Lumpur akan menjadi tumpuan antarabangsa semasa sidang tersebut dijalankan. Adalah diharapkan juga nanti kejayaan kita menganjurkan sidang kemuncak tersebut dengan baik dan berkesan akan dapat mengharumkan dan meningkatkan imej Malaysia di mata dunia.

Usaha-usaha sedang giat dijalankan antara lain bagi memastikan supaya sidang kemuncak tersebut berjaya menghasilkan tiga deklarasi utama yang boleh dipersetujui dan ditandatangani oleh ketua-ketua negara dan kerajaan, iaitu Deklarasi Kuala Lumpur mengenai penubuhan Piagam ASEAN, Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Sidang Kemuncak ASEAN+3 dan Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Sidang Kemuncak Asia Timur.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN, Malaysia sedia memainkan peranan yang penting bagi mengeluarkan ketiga-tiga deklarasi tersebut. Peranan ini akan membolehkan Malaysia memberi sumbangan yang lebih bermakna dan signifikan bagi mencorak perkembangan dan arah tuju ASEAN serta hubungan organisasi tersebut dengan negara-negara dialog ASEAN yang berkenaan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, beberapa inisiatif juga akan diambil oleh Malaysia seperti mana yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau sempena hari ASEAN. Malaysia yakin penerimaan serta pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut serta lain-lain inisiatif yang akan dibangkitkan semasa sidang kemuncak tersebut akan dapat mengukuhkan ASEAN agar menjadi organisasi yang lebih dinamik untuk manfaat bersama. Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Sabak Bernam ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada pimpinan kerajaan dan khususnya Kementerian Luar Negara kerana Malaysia akan terus memainkan peranan yang cukup penting dan signifikan di persada antarabangsa.

Sabak Bernam ada dua soalan; apakah kriteria yang digunakan oleh ASEAN untuk sesebuah negara dijemput untuk menjadi anggota Persidangan Kemuncak Asia Timur dan ada dua buah negara besar yang cukup signifikan dalam peranannya di dunia yang sering menonjolkan kebesaran mereka khususnya Amerika Syarikat dan Rusia, antara keduanya ialah Amerika Syarikat. Kita difahamkan bahawa mereka menaruh minat untuk menyertai sidang kemuncak ini. Apakah mereka sudah memohon untuk menyertai sidang kemuncak ini? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jua kepada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam kerana membawa soalan tambahan yang menarik. Keanggotaan ahli-ahli persidangan Asia Timur ini adalah lebih bersifat *inclusive* daripada *exclusive*, dengan izin. Tiga kriteria yang ditetapkan untuk keanggotaan persidangan ini adalah:

- (i) sesebuah negara perlulah menjadi rakan dialog penuh bagi ASEAN atau dengan izin *a full dialogue partner of ASEAN*;
- (ii) sesebuah negara itu juga perlu menyertai atau bersetuju untuk menyertai *Treaty of Immunity and Corporation in South East Asia*, dengan izin; dan
- (iii) negara itu juga perlu ada hubungan substantif dengan ASEAN.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, permohonan negara Rusia adalah dalam pertimbangan keanggotaan ASEAN dan jika terdapat persetujuan semua pihak (*consensus*) negara Rusia akan dijemput ke persidangan akan datang. Negara Amerika Syarikat pula sehingga kini belum lagi menyatakan keinginan untuk menyertai persidangan ini dan negara kita mengalu-alukan penyertaan Amerika Syarikat sekiranya negara tersebut memenuhi ketiga-tiga kriteria yang ditetapkan di atas. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Pada hujung minggu ini ialah sidang kemuncak APEC yang sekarang ini sebenarnya menghadapi satu krisis identiti sehingga ada laporan khas yang menyifatkannya dengan izin, *APEC is balance on the brink of terminal irrelevance* dan APEC ada disifatkan oleh NGO-NGO sebagai "*Asia Pacific Evil Cooperation*".

Memandang kepada perkembangan ini dengan sidang kemuncak ASEAN, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sangat mustahak kita menunjukkan *relevancy* ASEAN khasnya kemuncak ASEAN dan satu cara yang terbaik sekali ialah menegenahkan isu Burma sebagai agenda dalam kemuncak ASEAN khasnya, oleh kerana laporan dua orang yang terkemuka bekas Presiden Czechoslovakia - Vaclav Havel dan *Nobel Prize Winner* - Desmond Tutu yang membuat perakuan bahawa isu Burma patut dikemukakan sebagai agenda *United Nation Security Council*. Dan sekarang sekurang-kurangnya ada tujuh anggota daripada *UN Security Council* yang bersetuju, yang hilang ialah satu undi sahaja supaya ada lapan daripada 15 sokongan bahawa Burma menjadi agenda *United Nation Security Council*.

Adakah hasrat supaya dalam sidang kemuncak ASEAN pada bulan depan, perkara ini menjadi satu agenda supaya boleh dapat sekurang-kurangnya satu atau dua undi *United Nation Security Council* supaya Burma menjadi satu agenda *United Nation Security Council*, satu isu yang begitu lama dalam *United Nation general assembly*. Tiap-tiap tahun ada *general assembly*, ketetapan diluluskan tetapi tidak ada dikuatkuasakan. Oleh sebab itu, perlu pergi kepada [Disampung] *United Nation Security Council*. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju perkara ini patut menjadi antara lain agenda utama dalam sidang kemuncak ASEAN?

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Kadang-kadang saya tertanya adakah Yang Berhormat mewakili parti DAP atau mewakili parti MAP (*Mynmar Action Party*) kerana setiap kali isu ini dibangkitkan Yang Berhormat tidak henti-henti mengutarakan isu tentang Mynmar ini. Sebenarnya Yang Berhormat, sidang kemuncak kita merangkumi agenda yang begitu luas, akan membincangkan isu-isu antarabangsa, isu-isu *regional* dan kita tidak perlu memikirkan skop yang sempit, hanya untuk semata-mata memikirkan Myanmar dan Myanmar. Sebenarnya ASEAN dan Asia Timur itu luas, bukan sahaja merangkumi negara Myanmar. Seolah-olah tidak ada isu lain yang lebih penting daripada isu Myanmar itu sendiri.

Saya harap sempena sidang kemuncak ASEAN ini parti pembangkang juga yang dipimpin oleh Yang Berhormat akan memberi kerjasama yang terbaik kepada pihak kerajaan untuk memastikan kita sama-sama menunjukkan di mata dunia.....

Tuan Lim Kit Siang: Mengapa soalan tidak dijawab? Belum jawab dia *going round the world*. Jangan *going round the world*. Ya atau tidak. *Answer, answer the question, come on*.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Tuan Lim Kit Siang: *You are going round the world*.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Saya sedang menjawab soalan Yang Berhormat

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tengah cuba menjawab.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Tetapi kalau boleh saya ceritakan sedikit. Saya meninjau parti DAP ini sejak lama, sewaktu saya masih di bangku sekolah. Parti DAP ini lambangnya roket dan parti MAP yang saya cakapkan tadi, *Myanmar Action Party* ini kalau boleh buat peta (*map*) kerana orang sekarang ini tidak pakai roket lagi, Yang Berhormat. Roket ini, waktu ini sebagai hiasan.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu *Myanmar Action Party*? Kita pencinta demokrasi untuk Malaysia, untuk Myanmar dan untuk dunia. Saya harap Yang Berhormat boleh bersetuju.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Duduklah, pakailah peraturan sikit!

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat tidak bentang itu. Kita *world democratic party*, bukan Myanmar sahaja. *[Ketawa]*

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, lambang roket itu selalunya melambangkan keganasan. Orang sudah tidak pergi ke bulan menggunakan roket sekarang ini. Orang pakai *discovery*. Kalau kita pakai roket - roket ini lebih merupakan bom, pemusnahan. Betul atau tidak, Yang Berhormat bagi Jerai?

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu? Itu saya protes.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya sokong.

Tuan Lim Kit Siang: Ini sangat bersangka jahat. Roket untuk sains, untuk teknologi, bukan semuanya untuk memusnahkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini bermakna perjuangan roket bukan untuk

Tuan Lim Kit Siang: Roket ialah sains dan teknologi. Tetapi dalam Barisan Nasional mungkin berfikir sempit - untuk *destruction*, buat bom. *[Dewan riuh seketika]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Lambang kena ubahlah. Roket sudah *outdated*.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, untuk memenuhi soalan Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Jawab. Jawablah. *Don't go round the world. Answer the question.*

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Sebagai memenuhi soalan Yang Berhormat, agenda untuk sidang kemuncak ASEAN ini tidak ada yang spesifik sebagaimana semua ketua negara boleh mengutarakan apa-apa yang ingin mereka bincangkan dan tidak ada satu skop yang akan memaksa mereka untuk tidak membincangkan apa-apa isu termasuklah isu Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua,

Nibong Tebal tempat sendiri,

Tiada tandingnya di luar negeri,

Terima kasih soalan diberi,

Harap-harapnya jawapan memuaskan hati.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kepong mahu *repair* roketkah? *[Ketawa]*

5. **Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan jumlah saman kesalahan lalu lintas oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang dapat diselesaikan dari bilangan saman 700,000 sejak tahun 2001- 2004 yang dianggarkan bernilai RM2.8 juta dan sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk mengehadkan tempoh laku saman kesalahan lalu lintas.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Lambang yang baik ini lambang Barisan Nasional saja. Lambang dacing lambang yang adil. *[Ketawa]*

Daripada perangkaan Polis Diraja Malaysia mengenai saman lalu lintas bagi tempoh dari tahun 2001 hingga 2004 menunjukkan saman yang telah didaftarkan adalah sebanyak 18,319,509. Dalam tempoh masa tersebut juga saman yang telah berjaya dijelaskan adalah sebanyak 11,071,525 saman atau 60.4% dengan kutipan bayaran saman sebanyak RM1.2 bilion. Ini bermakna sebanyak 7,248,084 saman masih belum dijelaskan oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, secara terperinci pada tahun 2001 sebanyak 4,351,296 saman telah didaftarkan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 3,193,978 saman telah dijelaskan. Bagi tahun 2002 sebanyak 4,188,987 saman telah didaftarkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 63.39% telah pun dijelaskan. Bagi tahun 2003 pula, sebanyak 4,388,933 saman telah dikeluarkan dan 2,551,708 saman telah pun diselesaikan. Manakala bagi tahun 2004 pula sebanyak 5,390,383 saman telah dikeluarkan dan daripada jumlah tersebut 50.9% telah pun diselesaikan.

Setakat ini kerajaan belum lagi merancang untuk mengehadkan tempoh sah laku saman kesalahan lalu lintas. Pada masa ini menurut peruntukan undang-undang sedia ada semua saman lalu lintas tidak mempunyai had tempoh. Saman tersebut adalah sah selagi individu yang disaman tidak menyelesaikannya. Terima kasih.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang kita alu-alukan penguatkuasaan undang-undang lalu lintas ini. Tetapi malang sekali setiap hari ada sahaja yang terkorban di jalan raya, lebih-lebih lagi waktu perayaan. Jadi saya ingin tahu sama ada penguatkuasaan undang-undang ini berkesan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat kerana kita sedia maklum bahawa punca utama yang berlakunya kejadian kemalangan jalan raya ialah punca sikap pemandu itu sendiri. Sebagai contoh daripada kajian yang dibuat punca kemalangan maut ialah sebanyak 92.5% adalah disebabkan oleh kecuaiannya manusia.

Di antara faktor-faktor utama ialah terbabas sendiri, makan jalan, bawa tidak mengikut undang-undang dan sebagainya. Dan, kita juga sedia maklum bahawa undang-undang sahaja tidak akan mampu untuk kita mengurangkan kemalangan jalan raya, sebab itu kita mengadakan kempen-kempen untuk memberikan kesedaran kepada pemandu-pemandu di jalan raya.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ada matlamat sendiri, di mana seperti contoh Jabatan Keselamatan Jalan Raya di bawah Kementerian Pengangkutan dalam satu kajian yang dinamakan *The Malaysian Government's Road Accident Death Reduction Target* bagi tahun 2010, di mana *target* kita dalam tahun 2010 kita telah menetapkan sasaran untuk kita mengurangkan kadar kematian atas jalan raya pada tahun 2010 ke tahap 4 kematian per 10 ribu kenderaan yang berdaftar.

Kadar ini kita dapati berjaya kita capai di mana kalau kita lihat pada tahun 1997 kadarnya ialah 7.37 per 10 ribu kereta berdaftar, tetapi pada tahun 2004, kadar ini kita dapat kurangkan kepada 4.52 kematian: 10 ribu kereta di mana *target* kita ialah 4 kepada 10 ribu kereta menjelang tahun 2010. Terima kasih.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri;

- (i) saya ingin mendapat penjelasan daripada bilangan saman, 700 ribu saman sejak 2001 hingga 2004, berapakah bilangan atau kadar saman yang dikategorikan sebagai saman ekor;
- (ii) adakah sebenarnya undang-undang di negara kita membenarkan kaedah saman ekor dari segi pembuktian serta kuat kuasa undang-undang mengikut Peraturan-peraturan Jalan Raya;
- (iii) sejauh manakah keberkesanan saman ekor terhadap pengurangan pelanggaran undang-undang lalu lintas;
- (iv) saya ingin mendapat tahu sebanyak manakah kes-kes yang dibawa ke mahkamah dan menghadapi kegagalan.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang 700 ribu saman yang dapat diselesaikan dalam jangka masa 2001 dan 2004, ya! Betul perkara ini? Itu soalnya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Soalan daripada Yang Berhormat bagi Hulu Langat mengenai saman ekor ini.

Tuan Yang di-Pertua: Iaitu 700 ribu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Soalnya ialah 700 ribu tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua lebih. Sebenarnya 18 juta. Itu soalan yang dianggarkan oleh Yang Berhormat bagi Sepanggar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya hendak tahu sama ada ini betul atau tidak betul. Tidak betul?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak tepat, ya. Okay, baik!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak tepat. Ia bukannya 700 ribu, ia lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: 18 juta.

Cik Fong Po Kuan: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat bagi Batu Gajah pun bangun hendak tanya soalan yang sama.

Cik Fong Po Kuan: [Menyampuk]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sama! Saya faham soalan Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Sekalikan.

Cik Fong Po Kuan: Sekali guslah.

Tuan Tan Kok Wai: Sekali gus jawab.

Cik Fong Po Kuan: Sekali guslah, saya ada tambahan sedikit. Sekali guslah.

Seorang Ahli: *This is not a market, you know.*

Tuan Tan Kok Wai: *Hey, shut uplah you!*

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya pohonlah, ini soalan sangat penting. Seperti Yang Berhormat bagi Sri Gading selalu bangkitkan juga, selalu penting. Penduduk saya, mangsa-mangsa saman ekor ada duduk di galeri dari Kampung Baru, Tronoh dan Nalla, dengan izin, saya rayu. Seperti Yang Berhormat bagi Sri Gading selalu merayu, Tuan Yang di-Pertua pun bagi. Saya pohonlah, Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon satu soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Jawab sahajalah, jawab.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya jawab, saya akan gulung sekali soalan Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat ada jumpa saya mengenai saman ekor ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya mengenai isu saman ekor ini memang ramai. Rakan-rakan, Ahli-ahli Parlimen datang berjumpa saya mengenai saman ekor ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak jelaskan di sini, kita sedia maklum bahawa dalam polis mengeluarkan saman ada dua borang saman yang dikeluarkan.

Yang pertama ialah borang POL170A, iaitu satu notis kesalahan lalu lintas yang hanya boleh digunakan semasa ketiadaan pemandu kenderaan yang melakukan kesalahan lalu lintas yang *diissued* tidak secara langsung kepada pesalah-pesalah trafik, dan ia mengikut kehendak seksyen 115 Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang menyatakan

kewajipan memberi maklumat dan juga kegunaan pernyataan sebagai keterangan. Ini yang selalu digunakan untuk saman ekor bila tidak dapat pemandu.

Satu lagi borang saman iaitu POL257. POL257 ialah notis pemberitahu kesalahan yang diisu secara langsung kepada pesalah trafik sekiranya kesalahan dikesan dan ia mengikut kehendak di bawah seksyen 53 Akta Pengangkutan Jalan, iaitu kuasa memerintahkan kehadiran di mahkamah. Ini adalah saman yang bila polis menahan pemandu-pemandu dan dia dikeluarkan saman, dia mesti tandatangan di depan pegawai yang menahan.

Jadi, mengenai soalan Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Jumlah yang dikenakan borang POL170A. Saya tidak tahu saman ini saman ekor atau tidak kerana borang POL170A ini juga digunakan kepada pemandu-pemandu yang membawa kereta lebih had limit. Kalau memandu lebih had limit memang kita benarkan untuk menggunakan POL170A kerana mustahil polis boleh menahan pemandu yang sedang memandu laju. Jadi, untuk saman yang dikeluarkan dengan menggunakan borang POL170A, dalam tempoh 4 tahun ialah sebanyak 12,756,498 saman dan borang untuk POL257 yang saman *on the spot* ialah sebanyak 5,523,011 saman.

Mengenai saman ekor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kita memang memberi mengikut undang-undang dan juga mengikut arahan bahawa saman ekor ini kita boleh gunakan kepada mereka yang memandu secara laju. Tetapi saya tahu ada yang memberitahu saya polis saman, tidak ada topi keledar pun polis saman, membawa budak sekolah tidak memakai topi keledar pun kena saman.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, perkara ini kita telah pun memaklumkan kepada anggota-anggota polis bahawa saman ekor ini hanya boleh digunakan untuk lebih had laju. Jadi, kalau ada saman yang dikeluarkan oleh polis kepada mereka yang pakai topi keledar dan sebagainya menggunakan borang 170A, maka kes ini boleh dirayu, boleh jumpa dengan OCPD dan menerangkan kepada OCPD kawasan-kawasan masing-masing bahawa sepatutnya memang tidak boleh menggunakan saman ekor.

Ini kerana kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak saman ekor menggunakan *speed trap* ini pun kita mesti ada bukti dengan menggunakan *camera*. Dan, sesiapa pemandu yang kena saman ekor boleh bayar kepada balai polis untuk melihat sendiri betul atau tidak betul kenderaannya. Itu sebab kita benarkan kerana kita ada bukti – *camerakan*. Tetapi kalau saman ekor yang tidak pakai topi keledar sepatutnya kesalahan-kesalahan sedemikian mestilah menggunakan borang POL257, iaitu mesti saman *on the spot* kerana melanggar kesalahan lalu lintas. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon, izinkan satu soalan tambahan. Bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat bagi Cheras.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, mengapa apabila Yang Berhormat bagi Sri Gading merayu, tiap kali Tuan Yang di-Pertua beri. Tetapi belah saya, saya merayu kenapa Tuan Yang di-Pertua tidak beri?

Seorang Ahli: Ini hak Speaker.

Cik Fong Po Kuan: Saya mohonlah. Ini apa? Diskriminasikah, Tuan Yang di-Pertua?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Cik Fong Po Kuan: Saya pun tanya, minta baik-baik.

Seorang Ahli: Baiklah, baiklah, baiklah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat pihak menteri sudah pun menggulung sekali jawapan itu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat, menghina Speaker, mana boleh.

Cik Fong Po Kuan: Mana Yang Berhormat tahu apa yang saya hendak tanya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, Yang Berhormat. Baiklah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Mesti ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat bagi Cheras, ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ha.

Seorang Ahli: Hey, jangan buli, hah!

6. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan cabutan tetap dan khas oleh syarikat-syarikat loteri sejak tahun lalu hingga sekarang dan jumlah cukai judi yang telah dikutip oleh kerajaan dari syarikat-syarikat ini pada setiap tahun sepanjang 5 tahun lalu bagi cabutan tetap dan khas; dan
- (b) alasan-alasan kerajaan membenarkan cabutan-cabutan khas ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, ada dua bahagian kepada soalan ini. Tiap-tiap soalan ini menjurus kepada syarikat loteri dan cuma ada satu sahaja syarikat loteri di Malaysia ini iaitu *Pan Malaysian Sweep*.

- (a) Sejak tahun lalu kerajaan hanya meluluskan 31 cabutan tetap dan tidak ada cabutan khas yang diluluskan bagi syarikat loteri. Jumlah cukai yang dikutip oleh kerajaan daripada syarikat loteri ini sejak lima tahun yang lalu adalah sebanyak RM237 juta.
- (b) memandangkan kerajaan tidak meluluskan sebarang cabutan khas bagi syarikat loteri daripada tahun lalu, maka soalan ini tidak berkaitan. Walau bagaimanapun, kerajaan memang membenarkan cabutan khas oleh syarikat-syarikat nombor ramalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tan Kok Wai: Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kerana sikap liberal dan galakan kerajaan telah membantu syarikat-syarikat baik pun loteri ataupun nombor ramalan atau industri perjudian dalam negara kita ini tumbuh dengan subur. Dan, ini juga menjelaskan, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah antara sebab-sebab kerajaan tidak mahu mewajibkan sumbangan wang politik itu diwartakan untuk pemeriksaan awam kerana rahsia bocor atau *open secret*, bahawa sebahagian hasil yang dikaut oleh industri perjudian dalam negara ini adalah digunakan untuk disumbangkan kepada tabung parti politik, parti-parti komponen Barisan Nasional. *[Dewan gamat]* Ini benar, ini benar. Rasa tidak senang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya bolehkah pihak-pihak lain dibenarkan untuk menggunakan 4 nombor ekor misalnya untuk menganjurkan cabutan khas untuk tujuan tertentu seperti tabung sekolah. Ini adalah satu perkara yang diharap-harapkan untuk satu jawapan kerana misalnya sekolah-sekolah yang memerlukan tabung seperti Sekolah Ibunda SJK(C) SJK(T) yang sangat kekurangan tabung, tetapi sangat memerlukan pembangunan dan disebabkan oleh sikap dan dasar diskriminasi kerajaan terhadap mereka. Bolehkah jika permohonan dikemukakan, dibenarkan untuk mengadakan cabutan khas bagi sekolah-sekolah itu?

Soalan yang berikutnya ialah saya ingin tanya Yang Berhormat.....

[Dewan gamat]

Apakah sebabnya sebuah syarikat judi bola, iaitu *Escort Sport*, apabila diberikan lesen untuk perjudian bola pada tahun yang lepas ditarik balik kemudian? Apakah sebabnya dan juga apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membanteras dan membendung kegiatan sindiket judi bola haram yang semakin berleluasa dalam negara kita ini?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Komen Yang Berhormat bagi Cheras tadi saya ingat adalah satu tuduhan dan ini tidak patut dilemparkan kepada Barisan Nasional. Tidak patut disebut perkara-perkara ini. Seeloknya, sepatutnya ditarik balik perkara ini.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang untuk nombor ramalan, syarikat-syarikat mana memang dibenarkan mengadakan cabutan-cabutan khas dan ini adalah untuk kemasyarakatan, untuk sukan, untuk kesihatan, untuk pendidikan dan juga kebajikan. Ada contoh-contoh yang saya boleh sebut. Sebelum ini ada Tabung Wabak JE, penganjuran sukan SEA, perlumbaan kereta F1, kempen keselamatan jalan raya dan lain-lain.

Jadi kalau mana-mana pihak yang ingin untuk memohon mengadakan cabutan khas untuk apa-apa kegiatan tertentu, boleh memohon kepada Menteri Kewangan sama ada Menteri Kewangan Pertama atau Kedua dan terpulang kepada Menteri Kewangan untuk menentukan sama ada boleh atau tidak boleh dibuat cabutan seperti itu.

Berkenaan dengan judi bola, memang ditarik baliklah oleh kerana memang ada sungutan-sungutan daripada pihak orang ramai, masyarakat Malaysia, sudah terlalu banyak sangat cabutan nombor ramalan ini, sudah ada enam syarikat mengenakan nombor cabutan tiga kali seminggu dan ditambah lagi cabutan khas, jadi empat kali seminggu. Kalau ada lagi judi bola, memang bertambah lagilah perjudian.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu iaitu bahawa memang ada berlaku judi tanpa lesen, judi semuanya haramlah, yang berlaku di dalam masyarakat, mungkin lebih banyak *volume* atau *quantum*nya daripada yang dilesenkan. Ini adalah di bawah tindakan polis dan polis sentiasa memantau. Tetapi cara sekarang ini bukan macam dahulu, tulis surat, tulis nombor atas kertas. Sekarang ini cara moden, cara internet, cara telefon, jadi susah kita hendak kesan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Kementerian Kewangan berkait dengan konsep amar makruf nahi mungkar yang selaras dengan pendekatan Islam Hadhari di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, yang mana kita tahu di dalam Islam ada empat perkara yang jelas di dalam al-Quran ialah yang berbunyi, firman Allah, [*Membaca ayat al-Quran – Surah Al-Maidah ayat 90*] Tetapi dalam konsep perjudian ini, sejauh manakah pihak kementerian dapat memantau seboleh-bolehnya mencegah daripada orang yang beragama Islam terlibat di pusat-pusat perjudian yang di~~legalize~~ oleh kerajaan ini. Sejauh manakah pendekatan yang dibuat oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan mengamalkan dasar tidak menggalakkan perkembangan aktiviti perjudian di negara ini, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi oleh kerana memandangkan negara ini adalah mempunyai satu masyarakat yang majmuk, pelbagai agama, maka kerajaan membenarkan, tetapi kerajaan kawal. Dalam hal ini, lesen baru tidak dikeluarkan lagi. Kalau lesen sudah mati, tidak akan dikeluarkan lagi ataupun lesen baru tidak dibenarkan.

Kalau hendak kawal sama ada orang Islam boleh beli atau tidak boleh beli, ini susah sedikitlah, Tuan Yang di-Pertua tetapi di tempat-tempat tertentu seperti di Genting, kasino itu tidak boleh ada orang Islam dari Malaysia masuk ke kawasan kasino, tetapi orang lain daripada luar negara boleh masuklah. Jadi setakat mana yang boleh, maka kerajaan akan kawal tetapi ada perkara-perkara di luar yang tidak boleh dikawal.

Pernah saya lihat ada juga orang yang kadang-kadang pakai kopiah putih pergi ke kedai nombor tetapi bila sampai di sana, dia taruh kopiah putih dalam poket, dia masuk beli nombor ekor. Itu memang berlaku. Jadi ini terpulang kepada diri masing-masing, Tuan

Yang di-Pertua. Kalau dia berpegang teguh kepada ajaran Islam, maka dia sendiri akan menyekat dirinya untuk terlibat dengan judi. Tetapi kalau dia tidak kuat, maka dia akan beli. Sebab itu pencegahan adalah melalui pendidikan tentang meningkatkan keagamaan dalam diri masing-masing.

7. **Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan:

- (a) adakah inisiatif untuk membuat katalog kepada semua tapak, bangunan dan kesan sejarah lama di seluruh negara. Jika ya, sila beri senarai lengkap; dan
- (b) apakah bantuan kewangan dan kepakaran yang boleh disalurkan untuk memastikan kesan sejarah negara dipelihara dan dipelihara.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ada menyediakan katalog bagi bangunan-bangunan dan tapak tanah bersejarah negara yang dikenali dengan nama daftar monumen dan tapak tanah bersejarah yang telah diwartakan. Daftar ini mengandungi senarai lengkap 179 monumen dan tapak tanah bersejarah untuk Semenanjung yang diwartakan di bawah Akta Benda Purba 1976, manakala 39 bangunan monumen dan tapak bersejarah untuk negeri Sarawak telah diwartakan di bawah Ordinan Sarawak Cultural Heritage.

Senarai lengkap tersebut akan disampaikan secara berasingan memandangkan butirannya terlalu panjang untuk dibaca. Kementerian juga menyediakan katalog senarai inventori bagi lain-lain monumen dan tapak tanah bersejarah yang belum diwartakan.

Bantuan kewangan adalah diberikan oleh kerajaan bagi kerja-kerja pemuliharaan bangunan dan tapak tanah bersejarah supaya ianya terus terpelihara. Sementara itu, pegawai-pegawai daripada Jabatan Muzium dan Antikuiti yang mempunyai kepakaran di dalam bidang pemuliharaan dan permuziuman akan mengawasi pelaksanaan kerja-kerja pemuliharaan dan memastikan kerja-kerja dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun] [Mengangkat tangan]*

Tuan Yang di-Pertua: Jerai. Tidak payah angkat tangan. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti semua angkat tangan pula, susah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, hendak pergi ... *court*. Tuan Yang di-Pertua, saya seronoklah bila kementerian hendak memelihara bahan-bahan kesenian. Tetapi baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa *Central Market* menghadapi masalah peniaga-peniaga di situ kerana pengambilan pengurusan baru akan menaikkan sewa.

Kita tahu orang-orang seni ini, Tuan Yang di-Pertua, dia lain daripada kita. Dia lain, dia bukan hendak cari makan sangat, dia seronok, dia boleh lukis muka Tuan Yang di-Pertua dengan elok, muka saya dengan elok, muka Yang Berhormat bagi Arau dia lukis dengan licin sedikit tang kepala itu, *[Ketawa]* semua ada, depa boleh buat. Jadi, saya difahamkan bahawa kementerian akan ambil alih *Central Market* ini. Jadi apakah ini benar dan apakah cara kementerian untuk menyelamatkan peniaga-peniaga yang ada di dalam *Central Market* itu kerana di sini adalah tempat pelancongan.

Dan, hari ini oleh kerana pemuliharaan bangunan itu tidak seberapa, maka pelancong-pelancong sudah kurang pergi ke situ. Jadi apakah tindakan pihak kementerian untuk mengekalkan perkara ini? Kalau hendak naik sewa pun, biar berpatutan, jangan terlalu tinggi kerana maklumlah dengan kos sekarang ini. Apakah cara pihak kementerian

untuk menarik pelancong-pelancong ini bersama dengan Kementerian Pelancongan untuk datang ke *Central Market* ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Sebenarnya saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu sepatutnya *Central Market* sebagai satu bangunan warisan negara patut dimiliki oleh kerajaan, tetapi malangnya ia dimiliki oleh satu syarikat swasta. Maka itu, kementerian saya akan cuba mengambil alih atau menuntut balik *Central Market* ini supaya kita boleh menepati tujuan kementerian saya iaitu menjadikan Kuala Lumpur sebagai satu pusat kesenian serantau.

Dengan ini, tujuan syarikat swasta tidak sama dengan tujuan kementerian kita iaitu memupuk perkembangan kesenian di negara kita. Tujuan mereka adalah untuk mengaut keuntungan yang lebih besar. Maka itu, kita harapkan kerajaan akan mengambil alih balik *Central Market* supaya menjadi satu pusat di Kuala Lumpur untuk memupuk perkembangan kesenian dengan cara sewaan yang berpatutan kepada peniaga-peniaga kecil. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Yang Berhormat bagi Jerai tahu yang Kedah ada satu tempat sahaja yang dibubuh dalam senarai ini, Tuan Yang di-Pertua. Senarai diberi kepada saya ini dan Perak mempunyai tempat yang terbanyak sekali, memang saya cukup yakinlah, 50 tempat yang dikatakan tempat monumen lama dan tapak tanah bersejarah. Tetapi kenapa kriteria ini dibuat? Kenapa Kedah itu satu dan Pahang itu negeri yang begitu besar hanya satu. Jadi apa kriteria kerajaan?

Soalan yang kedua, adakah langkah-langkah kerajaan untuk membukukan semua ini dengan latar belakang sejarahnya supaya dibaca dan diguna pakai oleh masyarakat Malaysia dan sebagai satu bahan sejarah kepada pelajar-pelajar di sekolah dan di universiti? Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih saya ucapkan kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat bagi Santubong. Tuan Yang di-Pertua, kriteria kerajaan yang dipakai untuk menentukan sesuatu itu sebagai warisan ialah mengikut pada umumnya Akta Benda Purba 1976, iaitu kalau satu khazanah atau bangunan yang mempunyai kepentingan dari segi sejarah, kebudayaan, sains dan pendidikan, maka itulah boleh diwartakan oleh menteri sebagai bangunan warisan atau tapak tanah bersejarah, maka ada satu *committee* atau satu jawatankuasa di mana latar belakang bangunan itu atau tapak tanah bersejarah itu akan dikaji dan kalau perlu dan menepati kriteria-kriteria yang termaktub di dalam Akta Benda Purba, maka ini diwartakan sebagai bangunan warisan atau tapak tanah bersejarah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab pada pagi ini.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.08 pagi.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Laje]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Anggaran Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Ketujuh]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.21 [Jadual] –

Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2006] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya minta pihak kementerian untuk menyambung menjawab.

11.13 pagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Pengerusi, semalam bila saya menjawab mengenai tahap penemuan dan pengkomersialan teknologi MARDI ditanya oleh Yang Berhormat bagi Mambong iaitu 7.5% daripada apa. Jadi minta maaf, semalam tidak lengkap. Untuk makluman, jumlah penemuan penajaan teknologi berjumlah 207. Jadi 7.5% daripada 207 ialah dalam 15 yang telah dikomersialkan dan diterima pakai oleh pengusaha. Jadi tahap pencapaian ini melebihi daripada *benchmark* yang telah ditetapkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi iaitu berjumlah 5.1%.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Ada beberapa contoh yang ingin kita kongsi. Contoh-contoh pengkomersialan teknologi penyelidikan adalah termasuk penemuan telur jenis *Omega 3* dinamakan “*designer egg*”, dengan izin. Jadi telur pun ada *designer* punya, ia ikut butik dan sebagainya, jadi *Omega 3* adalah “*designer egg*”, dengan izin. Penyembur M-spray, penyembur racun perosak, benih padi, produk pastri, produk ikan, umai – khas di Sarawaklah, selepas itu ada pemprosesan makanan.

Omega 3 tadi diusahakan oleh LTK Berhad, penyembur M-Spray adalah oleh M-Spray Sdn. Bhd, benih padi oleh BERNAS Berhad, produk pastri oleh Mentari Sdn. Bhd., produk ikan oleh Adam Sdn. Bhd., Umai oleh SCDC Sarawak, pemprosesan makanan IKS oleh Pawada, Zara Food Stuff, Jalin dan lain-lain, *bio sensor* iaitu oleh Biofacture Sdn. Bhd., betik eksotik adalah untuk dieksport, teknologi pengeksportan belimbing dengan kapal laut,

nanas *Josapine* yang kita eksport dan produk herba iaitu di bawah jenama Nona Roguy dan juga Nasuha.

Mengenai latihan yang dibangkitkan oleh Tanah Merah, sejumlah 34 orang usahawan telah dibimbing dan 92 anak angkat telah dilatih dalam bidang pemprosesan dan pengeluaran produk pertanian dan makanan meliputi sos, keropok lekor, roti, kicap, mee...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Santubong bangun.

11.15 pagi.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kawan dekat dan rapat Tuan Pengerusi. Saya nak berucap semalam, oleh kerana hanya diberi dua minit, lima minit, jadi biar saya tidak dapat dari tidak memuaskan. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, sama ada bersetuju dengan pandangan saya, masalah MARDI telah dilaporkan dalam surat khabar pagi tadi, menunjukkan MARDI telah tidak memuaskan banyak masyarakat bahkan ketidakpuasan itu telah disebut dalam Dewan ini pada hari kelmarin. Tetapi, saya berbeza sedikit Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa MARDI banyak mendapat penemuan dan dapat mencari banyak, perkara invention, perkara-perkara baru dan sebagainya, tetapi masalah yang dihadapi oleh pihak MARDI ialah untuk komersialisasikan penemuan-penemuan mereka, itu yang pertama.

Yang kedua, penyebaran penemuan MARDI itu tidak menyeluruh, akhirnya tidak dapat diguna pakai oleh pihak-pihak yang boleh mengkomersialkan penemuan-penemuan MARDI ini. Akhirnya kita melihat semua penemuan MARDI ini telah dibuka, disimpan dalam fail dan dimasukkan dalam almari begitu sahaja dan sumber kewangan yang kita belanja untuk mencari kepakaran yang kita ada telah tertinggal begitu saja. Jadi sekarang ini, undang-undang MARDI telah dibubarkan, kalau saya tak salah, untuk memberi ruang dan peluang supaya MARDI dengan sendirinya mengkomersialkan penemuan mereka ini secara meluas. Dan adakah tindakan ini telah dibuat, kalau belum dibuat, kenapa? Ini soalan pertama Yang Berhormat ya, panjang sikit soalan ini.

Soalan yang kedua, ini pasal Umai ni tadi. Saya duduk di Hotel Pan Pacific, Jadi hotel itu menyajikan makanan laksa Sarawak. Jadi laksa Sarawak yang disajikan oleh pihak hotel itu, semenjak sebelum lepas, saya rasa langsung tidak ada rasa laksa Sarawak. Itu yang pertama, saya panggil *chef* dia, saya *insist, I want to speak to the chef*, saya kata, sebab ini memalukan. Laksa yang dipromosi oleh pihak hotel tidak betul-betul laksa yang *diproduce* daripada Sarawak. Jadi saya kata, patut laksa ini jangan disaji. Akhirnya dalam minggu itu, sebelum puasa laksa itu tidak disaji, tapi semalam, saya masih duduk sana lagi, keluar lagi laksa ini. Jadi dia tanya, saya nak makan tak? Minta maaf saya tak makan, saya ambil kuah dia, saya nampak kuah itu memang bukan laksa Sarawak punya kuah. Jadi dia kata, ini orang kampung Datuk, kalau di kampung dia betul-betul, kalau di hotel berlainan. Saya kata, kalau di kampung macam ini, di hotel pun mesti macam ini, rasa dia mesti sama.

Ini berbangkit dalam soalan itu, soalan yang disebut oleh Yang Berhormat Dato'tadi, iaitu Umai. Saya pernah makan umai yang dikomersialkan itu. Jadi rasa umai itu tak rasa umai daripada Mukah, tak rasa umai Bintulu, tak rasa umai Miri, tak rasa umai daripada Kuching. Jadi rasanya berlainan. Tapi kalau kita hendak market satu-satu produk itu, mestilah rasanya asli, rupanya asli, walaupun cara pengawetannya mungkin berlainan. Jadi saya harap kita kena balik, *go back to the drawing board*, untuk melihat, supaya produk-produk yang kita keluarkan itu, akhirnya mencerminkan rasa dan rupa benda yang asli.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi satu mengenai MARDI, memang ada langkah-langkah membawakan untuk kita mengemaskinikannya lagi fungsi MARDI ini dan insya-Allah akan dibawa ke Dewan yang mulia ini, di mana di situ saya berharaplah Yang Berhormat juga dapat memberi lagi beberapa cadangan supaya MARDI dapat betul-betul menyebarkan penemuan-penemuan seperti yang kita harap-harapkan. Memang betul Yang Berhormat, dari segi pengkomersialan ini kita memerlukan pelabur. Kita mesti menerima pelabur-pelabur yang mampu, untuk membawa penemuan-penemuan ini seperti yang saya senaraikan tadi, itu

baru 15 daripada 207 dan memang banyak lagi yang kita perlukan dan proses, satu lagi proses penyelidikan ini, dia mesti dicuba, *test...* macam-macam, diuji kaji, apa penyelidikan yang dihasilkan MARDI ini betul-betul dapat dilaksanakan dan khasnya dapat diterima secara komersial.

Mengenai rasa makanan ni Yang Berhormat, rasa saya suara Yang Berhormat ni, sama-sama juga apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri selalu menyarankan seperti tomyam. Bila kita makan tomyam, mana-mana kita makan tomyam itu hampir-hampir sama di mana-mana negara, sebab kita tahu, Thai punya *kitchen* ini *is all over the world*, dengan izin. Jadi yang inilah yang kita cuba juga hendak sarankan di negara kita ini, supaya kalau dikatakan tadi laksa Sarawak, ia betul-betul rasa laksa Sarawak dan umai seperti Yang Berhormat katakan tadi ia betul-betul umai.

Untuk maklumanlah, mana-mana Yang Berhormat yang tak berapa mengetahui, umai ini adalah ikan mentah, kita di Sarawak ni macam Jepun sedikit sebanyak. Ikan mentah yang kita makan ada dia punya sos untuk kita makankan umai ini. Umai ini ada bermacam-macam, ada umai campur, satu umai calit, calit dengan sos. Jadi dia telah diproses sebegitu rupa dengan cara yang seasli yang mungkin yang memerlukan ikan yang begitu *fresh*, mesti ikan yang *fresh* supaya tak terasa pun ikan, tak ada rasa hanyir dan sebagainya dan saya seperti Yang Berhormat, kalau laksa Sarawak tu kita tengok kita dah tau, itu bukan laksa Sarawak yang tulen.

Jadi, ini yang kita hendak serapkan supaya apa yang sebenarnya di kampung ke, di hotel ke, di mana-mana lagi di hotel, kita memerlukan mereka menyaji yang seasli yang mungkin sebab ini boleh dirasakan oleh pelancong, boleh dirasakan oleh mereka yang bukan datang daripada tempat asal makanan tersebut.

Jadi, terima kasih Yang Berhormat, kita mengambil maklum, banyak cadangan Yang Berhormat yang begitu baik sekali ini, untuk kita rancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di dalam bidang-bidang tertentu.

Dr. James Dawos Mamit: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mambong, bukan laksa lagi, ya.

Dr. James Dawos Mamit: Bukan laksa. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Daripada 207 penemuan tadi dan 15 daripadanya yang telah pun dikomersialkan, adakah ini pun ada kaitan dengan Sarawak? Adakah *nutrient composition* of Sarawak traditional, *medicinal*, kacang mar, satu daripadanya. Apakah kandungan *nutrien* di dalam kacang mar, kerana saya nampak di sini, ini adalah satu tajuk penyelidikan di dalam program MARDI.

Yang kedua berkaitan Tongkat Ali, iaitu *Eurycoma longifolia*. Adakah *Saito Toxicity* ataupun kesan *Saito Toxicity* kompaun, iaitu kompaun 9 *Metoxy Canting* 61 ini yang telah diambil daripada Tongkat Ali ini benar-benar mujarab untuk '*human cancer sense*'. Ini juga satu tajuk *research* yang dibuat oleh MARDI. Terima kasih, mohon penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, untuk meringkaskanlah pertanyaan Yang Berhormat yang begitu saintifik, saya ingin mencadangkan Yang Berhormat masuk Lembaga Pengarah MARDI, untuk membantu, supaya Yang Berhormat boleh membimbing ya, yang disebut tadi Tongkat Ali, saya tak berapa pasti, Yang Berhormat, Tongkat Ali tu sebagaimana yang dikatakan, tapi kacang mar, kacang mar ini satu lagi. Saya tidak tahu, tapi ini adalah makanan kesihatan untuk mereka yang baru bersalin. Ini khasnya untuk masyarakat China di Sarawak. Jadi kacang mar ini, dia bermacam-macam herba di campur dalam itu, untuk masak bersama ayam, untuk dikukus bersama dengan ayam.

Tapi yang peliknya Yang Berhormat, yang peliknya Yang Berhormat, bila FAMA hari itu, membawakan produk kacang mar ini, untuk *testing*lah ke Hong Kong, mereka tidak tahu benda ini dan bila disuruh makan tu, okaylah mereka rasa sedap. Tapi bermakna bukan semua masyarakat China yang makan kacang mar ini di seluruh dunia. Jadi bermakna, eloklah jugalah itu, adalah satu *niche* yang kita boleh bawa untuk makanan kesihatan. Jadi ini adalah beberapa penemuan yang kita masih cuba dari segi *marketing*. Jadi MARDI bersama dengan FAMA cuba mempromosikan yang terbaru ini supaya, insya-

Allah ia mendapat sambutan yang baik. Jerai tadi nak tanya? Jerai tak jadi? Oh, dah terjawab.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Bukan Jerai, Putatan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tidak ketinggalan juga saranan daripada sahabat Yang Berhormat daripada Santubong berkenaan dengan makanan-makanan tempatan yang harus diterajui dan saya mahu tanya daripada kementerian jika ada, satu penemuan daripada bahan-bahan makanan yang terdapat di negeri Sabah. Sebenarnya Tuan Pengerusi, di dalam hotel ada juga beberapa makanan tempatan yang telah diperkenalkan kepada pengunjung-pengunjung kita iaitu 'hinabah'. Apa yang kita dapat bahan makanan dalam tomyam Sarawak ini, serupa juga menggunakan bahan asam-asam ini. Jadi di Sabah kita telah mengguna berleluasa berkenaan dengan asam. Tomyam, laksa kebiasaannya guna asam gelugur. Tetapi di Sabah, terdapat beberapa jenis asam yang telah digunakan oleh orang-orang tempatan dari zaman dahulu lagi, iaitu.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Sabarlah, Cameron. Mengganggu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang terhormat, Yang Berhormat, sebenarnya perkara ini terkeluar daripada apa yang dikemukakan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ini makanan Tuan Pengerusi. Ini asam, asam ini masuk dalam makanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau saya membenarkan semua soalan boleh dikemukakan, saya yakin Yang Berhormat, sampai pukul 5.30 petang tidak dapat habiskan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun minat dengan ini, saya tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minat-minat. Bincang luarlah, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: ...asam kelubi, kami panggil asam bakop-bakop, ini saya tidak tau, orang MARDI tau, ini selalunya digunakan untuk memasak ikan. Pemakanan ni, memang kita tahu asam gelugur, asam tenkodok, asam jawa, kenapa ini harus kita import?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat..

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Dia belum faham lagi Tuan Pengerusi, belum faham lagi, jadi asam kelubi ni..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Fahamlah-fahamlah..

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Kalau faham.....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, asam kelubi itulah yang kita guna untuk masak umai. Yang Berhormat, Yang Berhormat, asam kelubi itu kita guna campur dalam umai, sebab itulah umai itu masak, kira masaklah, kita tak masak cara fizikal masak, tapi yang memasaknya asid itulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Banyak, banyak...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau banyak tolong bantu kawan, masa untuk kita semua.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Okey, terima kasih. Jadi bermakna tidak ada gangguan ke atau macam mana Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Penjelasan mesti ada berkaitan perkara yang dibangkitkan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Kita macam ni, berbalik kita makanan, kalau kita dapat mempromosikan makanan ini, bahan-bahan ini mesti kita dapat pertingkatkan dan sebab ada demand. Jadi berbalik kepada satu lagi yang disebutkan tadi, tidak habis saya ceritakan, yang latihan ini iaitu kita membuat sos, keropok lekor, roti, kicap, mi

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jasin bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini ada kena-mengena dengan MARDI. Semalam saya mempersoalkan, Tuan Pengerusi pun dengar. Sepatutnya MARDI kena menjalankan penyelidikan dengan apa barang yang kita ada. Macam kata tanaman kelapa. Dekat Fiji boleh buat 32 produk daripada minyak kelapa, 32 produk. Kenapa kita tidak boleh buat? Selepas itu cerita tentang asam tadi. Bukan susah sangat. MARDI jalankan penyelidikan, asam yang ada kita buat cara baru.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tidak Datuk. Ini kita buat cara baru.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia akan jawab, dia jawab. Baik. Yang Berhormat jawab.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih. Yang Berhormat Tan Sri kita akan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tan Sri tidak ada sinilah Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sorry. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, tidak apalah, mana tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, terima kasihlah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Kita memang menyarankan dan kita memang membuat kajian atas bahan-bahan yang ada di dalam negara dahulu. Berbalik pada ini, sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan lebih 300 kursus latihan teknikal telah dijalankan oleh MARDI melibatkan lebih 8,000 orang peserta. Tetapi masalahnya setakat kita memberi pemprosesan dan sebagainya, tetapi berapa jauh mereka dapat mengimplementasikan terpulang kepada dari segi itulah, seperti saya katakan tadi pelabur-pelabur yang dapat membantu.

Mengenai pemberian subsidi baja padi dan subsidi harga padi diberi kepada semua penanam padi yang berdaftar untuk mengurangkan beban kos input utama iaitu baja. Selain itu, subsidi harga padi untuk menggalakkan pengeluaran hasil yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pengeluaran hasil....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita memang mengetahui bahawa kerajaan begitu aktif memberi subsidi padi kepada penanam-penanam padi. Persoalannya yang kita hadapi seperti yang kita nyatakan iaitu subsidi ini tidak akan berkesan selagi pihak BERNAS dan kementerian tidak mencari satu formula ataupun pendekatan yang boleh menyelesaikan permasalahan, sebab BERNAS membeli beras daripada luar negara dengan harga yang murah.

Kemudian, padi yang dikeluarkan oleh negara kita dia kata mahal. Jadi dia kena membeli dengan harga yang dia beli di luar negara.

Dalam soal ini, saya percaya ada orang yang boleh, kementerian ataupun MARDI berunding bagaimana cara, mungkin negara kita boleh mengeluarkan padi dengan harga yang murah. Sebab, contohnya saya rasa Yang Berhormat bagi Arau mempunyai kepakaran bagaimana hendak mengeluarkan padi dengan harga yang murah tetapi tidak ada pihak-pihak yang mahu berbincang. Jadi, apakah kementerian Yang Berhormat menyampaikan hasrat kita supaya MARDI berjumpa dengan Yang Berhormat bagi Arau berunding supaya perkara ini dapat kita selesaikan untuk memastikan bahawa negara kita tidak ketandusan daripada pengeluaran padi dengan harga yang murah. Minta penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya dengan ini mengarahkan supaya pegawai-pegawai saya berjumpa dengan Yang Berhormat bagi Arau untuk menggunakan teknologi-teknologi terkini. Tetapi sebenarnya memang kita ada jalinan kerjasama.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pengkalan Chepa.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Masa yang dari China itu datang pun, kita bersama-sama, kementerian bersama-sama untuk mencari jalan penyelesaian mendapatkan *variety* yang boleh mengeluarkan hasil yang lebih tinggi. Yang Berhormat, hendak tanya bab Yang Berhormatkah?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Tidak. Hendak tanya subsidi baja padi ini. Subsidi baja padi di Kelantan, kerajaan negeri terpaksa mengeluarkan RM4 juta kerana sebahagian daripadanya tidak diberikan subsidi baja padi. Tidak seperti di Kedah, diberi semua. Jadi bolehkah Yang Berhormat timbangkan untuk tahun depan dan seterusnya, Rancangan Malaysia Kesembilan supaya baja padi ini, kepada yang membuat padi betul-betul, tanpa kira fahaman politik sebagaimana yang didakwakan oleh pihak kerajaan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. *I think* tidak lama lagi adalah menjadi satu *benchmark* kepada kita dan insya-Allah, kita memang memberi kepada semua penanam padi yang berdaftar. Jadi *step* pertama, berdaftarlah dahulu. Jadi prosesnya seperti biasalah Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Masalahnya begini. Pengerusi JKK ini kadang-kadang dia tidak mahu mendaftar.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Itulah masalah. Jadi kalau boleh, buat apa cara pun, penanam padi ini supaya berdaftar.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, macam ini Yang Berhormat. Yang Berhormat balik ke kawasan, kempen pada dia orang. Macam mana pun fahaman politik, macam Yang Berhormat beritahu dekat saya, cakap dengan dia orang itu, apa juga fahaman politik, daftarlah. Sebab itu proses pertama Yang Berhormat. Kalau tidak daftar, macam mana kita hendak tahu siapa yang akan menerima subsidi. Jadi itu kita minta bantuan daripada Yang Berhormat. Jadi tidak apa Yang Berhormat, tidak malulah hendak berdaftar-daftar ini.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Tidak, tidak ke situ.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Kita boleh mendaftarkan melalui LPP, melalui KADA. Tetapi proses ini mesti diterima.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Insya-Allah, terima kasih Yang Berhormat, ya. Sebab *step* pertama itu penting Yang Berhormat. Jadi saya beralih kepada Tuaran. Yang Berhormat bagi Tuaran telah membangkitkan mengenai peruntukan yang disediakan bagi pembangunan penyelidikan pertanian di Tuaran Sabah. Jadi untuk

makluman Yang Berhormat, projek pembangunan penyelidikan pertanian Tuaran Sabah adalah projek Rancangan Malaysia Ketujuh.

Bagi tahun 2001 hingga 2004, peruntukan yang disediakan ialah berjumlah RM4.9 juta. Bagi tahun 2005, peruntukan tambahan berjumlah RM149,990 disediakan untuk menjelaskan bayaran. Jadi peruntukan RM10 token itu seperti Yang Berhormat tanyakan bagi tahun 2005 ialah bagi membolehkan peruntukan tambahan diberikan, insya-Allah. Jadi bila kita sudah *create*kan semua itu, mudah untuk kita memberi peruntukan tambahan. Jadi, bagi tahun 2006, peruntukan tidak disediakan kerana projek ini telah siap dan bayaran telah selesai. Mengenai projek

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tuaran bangun.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Persoalan di sini ialah, apakah sebenarnya penyelidikan yang dibuat oleh Pusat Penyelidikan Pertanian Tuaran ini? Boleh Yang Berhormat jelaskan sedikit apa sebenarnya program ini? Yang tadi sudah selesai. Selepas itu kegiatan penyelidikan yang dibuat oleh pusat ini, apakah sebenarnya? Mohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Jadi saya berharap pegawai akan menyediakan, memberi kepada saya nota, saya akan baca bila diterima dan projek satu lagi iaitu Timbang Menggaris, ya? Yang token Timbang Menggaris Sabah, projek ini merupakan projek Rancangan Malaysia Ketujuh juga dan peruntukan tambahan telah diberi berjumlah RM94,500 pada tahun 2005 untuk menyiapkan projek ini. Jadi nanti saya berharaplah pegawai akan memberi segala maklumat seperti yang diperlukan oleh Yang Berhormat.

Mengenai FAMA, Yang Berhormat telah membangkitkan FAMA dengan panjang lebar, terima kasih. Beberapa Ahli Yang Berhormat juga sama-sama membangkitkan, dirangkum di dalam jawapan ini. Jadi Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran telah bermohon supaya FAMA Sabah diperkukuhkan dan bajet pembangunan ditambah daripada RM5 juta yang dianggap terlalu kecil, memandangkan negeri Sabah mempunyai potensi yang besar dalam pengeluaran dan pemasaran yang memainkan peranan yang penting untuk pembangunan pertanian.

Kementerian memang akan memberi penekanan kepada pembangunan pemasaran, hasil pertanian di Sabah, memandangkan agensi pemasaran negeri iaitu *Sabah Agricultural Marketing Authority* (SAMA) dan Koperasi Pembangunan Desa (KPD), yang pada masa dahulu memainkan peranan dalam pemasaran telah tidak aktif lagi. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, FAMA akan menyusun semula FAMA Sabah dengan menambahkan prasarana pemasaran dan kakitangan bersesuaian dengan keperluan semasa. Sebagai contoh, pejabat FAMA akan dibuka di Tambunan, Tuaran, Papar, Tenom atau Pensiangan, Sipitang, Kinabatangan, Semporna atau Kalabakan dan Pitas. Ini menjadikan 18 pejabat FAMA di seluruh Sabah. Begitu juga dengan bilangan kakitangan akan ditambah daripada 81 orang sekarang ini...

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tuaran.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: kepada 128 orang.

Tuan Wilfred Madius Tangau: 128 orang. Tetapi kalau yang hendak..... Terima kasih Yang Berhormat. Kalau hendak buka cawangan, terima kasihlah kalau buka di Tuaran itu. Tetapi dalam satu cawangan sekarang ini, pegawai dia ada yang seorang, ada tiga orang, ada empat orang. Jadi, kalau hendak wujud baru ini, berapa kakitangan agaknya? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Pembahagiannya Yang Berhormat saya tidak tahu. Tetapi jumlahnya 128 orang. Jadi mungkin mereka akan berdasarkan kepada aktiviti yang ada setempat. Kalau di Tuaran itu aktiviti dia banyak, mungkin lebih pegawai dan mengikut apa - macam halia, di Tuaran itu ada halia, jadi mungkin macam itu.

Tetapi Yang Berhormat, saya mohon Yang Berhormat teruskanlah kerjasama dengan FAMA Sabah ini untuk sama-sama membantu supaya Yang Berhormat tercapai dari segi hasrat yang selama ini Yang Berhormat suarakan. Mengenai cadangan.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ada dalam senarai.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, ada. Tetapi saya tidak boleh tunggu Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, FAMA ini dia punya dua fungsi. Pertama, mengenal pasti produk-produk daripada masyarakat petani-petani kita dan kedua memikir bagaimana hendak memasarkan. Sebelum dipasarkan, FAMA harus memikirkan bagaimana hendak meng^{upgrading}kan produk-produk ini supaya mencapai tahap kualiti ataupun standard yang diperlukan oleh negara-negara pengimport. Kalau tidak, maka berlakulah lambakan seperti yang kita nyatakan hari kelmarin iaitu contohnya durian putih.

Di negara kita ini, kalau musim durian datang, harga dia pun sampai 30 sen sekilogram. Sementara di Amerika, yang hairannya dia boleh mengimport durian putih daripada Taiwan sedangkan Taiwan merupakan sebuah pulau yang kecil sahaja. Jadi kenapa FAMA tidak memikir bagaimana hendak menembusi pasaran-pasaran durian putih ini ke negara-negara Eropah, ke Amerika dan sebagainya. Kenapa FAMA tidak memikirkan secara *big skill*, iaitu membeli produk-produk daripada orang kampung dan dipasarkan mengikut standardisasi yang telah ditetapkan? Kenapa ini tidak boleh berlaku?

Apakah kita merasa kerugian untuk mencebur diri dalam bidang R&D dan sebagainya, sebab negara-negara maju di seluruh negara ini mereka banyak pelaburan dalam R&D sementara negara kita, bagaimana kita menuju negara maju 2020 kalau kita begitu kedekut untuk membuat *investment* dalam penyelidikan dan sebagainya untuk memastikan supaya hasil petani-petani kita ini boleh dipasarkan untuk mengikut tuntutan dan kehendak ataupun permintaan daripada negara-negara yang memerlukannya. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Semua cadangan yang baik itu memang kita ambil kira dan memang kita menjurus juga kepada membawa produk kita ke luar negara, tetapi prosesnya memang banyak Yang Berhormat. Tetapi itu juga tidak menjadi penyebab kenapa kita lambat memasuki pasaran global.

Jadi, tidak apa Yang Berhormat. Sekarang ini Yang Berhormat Menteri pun, dalam jadual dia memang sibuk mempromosikan produk-produk kita dan beberapa penemuan telah memungkinkan kita mengeksportkan produk kita seperti kita ambil contoh durian jugalah. Sebab dia katakan dengan bau busuk ini kadang-kadang, pengangkutan dan sebagainya dia susah hendak menerima. Saya pun tidak tahu macam mana durian yang lain boleh lepas. Tetapi kita ada satu penemuan, kita bekukan, kita sejuk bekukan buahnya sekali, kita kopekkan buah dia, kita bekukan sehingga sekarang ini dapat menembusi pasaran Australia di dalam bekalan durian. Jadi ini Yang Berhormat memang kita telah melaksanakan tetapi memang banyak lagi yang harus kita jalankan termasuk peruntukan untuk R&D.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Putatan, adakah berkaitan dengan FAMA?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Tuan Pengerusi, memang. Saya ada pegang kertas. *[Menunjukkan sekeping kertas yang dipegang]* Ini bukti dia.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Baru-baru ini, Menteri Pertanian melawat negeri Sabah pada 27 Oktober. Saya tidak tahu kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ikut bersama dengan menteri. Dalam taklimat setiausaha tetap Kementerian

Pertanian di Sabah, patut diberi contoh menyatakan bahawa sayur-sayuran dan buah-buahan ini tidak ada kena-mengena dengan yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Jika dibandingkan dengan eksport dan import, kita terlalu banyak mengimport sayur-sayuran dan buah-buahan ini. Manakala, perikanan ini kita lebih mengeksport, berjumlah 381.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, apakah perkara yang ingin Yang Berhormat sampaikan....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Belum sampai lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak. Sebab saya kena tentukan masa....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Saya minta penjelasan. Apa tindakan, apa pendekatan yang akan dibuat oleh kementerian tentang soal perbandingan antara import dan eksport ini yang mana sayur-sayuran ini boleh ditanam di tempat kita.

Buah-buahan ini kita boleh diperkasakan, boleh diperluaskan. Saya mahu minta penjelasan Tuan Pengerusi, apa pendekatan kementerian?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa dalam menteri menjawab penggulangan dasar telah diterangkan dengan panjang lebar, *balance of trade deficit program* yang kita akan juruskan di mana kita berharap tahun 2010 kita akan dapat positif 2 bilion, *trading* kita positif 2 bilion memang ada digariskan dengan begitu terperinci.

Mengenai cadangan supaya FAMA mewujudkan pasar borong di Sabah, FAMA telah menyenaraikan projek terminal makanan negara atau ringkasnya TEMAN di Kota Kinabalu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, ini semua membantu untuk kita memasarkan hasil-hasil. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan dan Larut meminta supaya FAMA memainkan peranan yang lebih aktif dalam pemasaran global bukan setakat memajukan pasar tani semata-mata.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian dan FAMA sekarang memang telah mengaturkan pelbagai usaha untuk menerokai pasaran antarabangsa melalui penubuhan 7 buah pejabat Atache Pertanian di luar negara iaitu di Amsterdam, Beijing, Tokyo, Sydney, Dubai, Laos Angeles dan Bangkok. Kementerian juga akan meningkatkan usaha dan misi pemasaran dan pelaburan pertanian ke luar negara yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri bagi tujuan meningkatkan hubungan dua hala, mendapatkan laluan pasaran, menarik pelaburan dan meningkatkan promosi produk-produk pertanian negara.

FAMA juga akan meningkatkan usaha penyelidikan pasaran di luar negara untuk memahami kehendak pasaran seperti dari segi standard, spesifikasi cita rasa pengguna, undang-undang, peraturan dan budaya niaga negara pengimport utama.

Yang Berhormat Larut bertanya adakah pertindihan fungsi-fungsi di antara FAMA dan syarikat makanan dan pertanian nasional. Perbincangan akan diadakan dengan Khazanah Nasional bagi memastikan fungsi Syarikat Pertanian dan Makanan Nasional tidak akan bertindih dengan FAMA tetapi akan saling melengkapi.

Yang Berhormat Petra Jaya telah membangkitkan dasar yang ada iaitu dari segi *delivery system* yang baik. Terima kasih Yang Berhormat, jadi sebahagian besar peruntukan pembangunan kementerian iaitu RM1.71 bilion bagi Bajet 2006 adalah untuk memantapkan sistem penyampaian berikut :

- (i) infrastruktur dan logistik, berjumlah 489.5 juta ringgit;
- (ii) kualiti dan piawaian keselamatan atau, dengan izin, *good agricultural practices* iaitu RM138.3 juta;
- (iii) penyelidikan dan pemindahan teknologi RM146 juta;
- (iv) meningkatkan kecekapan, pemasaran dan perolehan laluan pasaran, RM135.6 juta; dan

- (v) meningkatkan khidmat sokongan dan pengembangan termasuklah pinjaman iaitu RM382.5 juta..

Yang Berhormat Cameron Highlands telah membangkitkan mengenai latihan kepada petani yang perlu dipertingkatkan, kementerian memang sudah mempunyai rancangan untuk memperkasakan program pengembangan pertanian untuk mempertingkatkan latihan untuk bertani. Salah satu langkah yang diambil adalah penyusunan semula organisasi Jabatan Pertanian untuk menaik taraf pegawai pengembangan dan juga menambah bilangan pegawai.

Jabatan Pertanian peringkat juga perlu melaksanakan penyusunan semula organisasi untuk memperkasakan program pembangunan petani. Permohonan sedang disediakan oleh jabatan-jabatan pertanian negeri. Mengenai peruntukan 10 peratus dan bantuan kepada masyarakat India iaitu memohon pinjaman untuk memajukan projek pertanian. Bank Pertanian Malaysia menyediakan kredit pertanian yang merangkumi aktiviti pertanian terbuka kepada semua kaum iaitu aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pembuatan dan pengedaran.

Skop pertanian merangkumi bidang penanaman, perikanan dan penternakan berasaskan projek berdaya maju atau *viable* dan memenuhi syarat-syarat pinjaman Bank Pertanian Malaysia. Permohonan pinjaman boleh dikemukakan pada mana-mana cawangan Bank Pertanian Malaysia yang terdekat dan mudah bagi pemohon untuk dipertimbangkan.

Mengenai penyelidikan bio-teknologi untuk bunga teh dan sayuran, penyelidikan bio-teknologi telah menghasilkan *variety* buah-buahan yang tahan kepada serangan penyakit seperti betik, *transgenic* yang tahan kepada penyakit, bidang lain yang diberi penekanan ialah *bio-sansocate* untuk menentukan kadar racun kimia dalam sayuran, bio-proses dan tisu didik. Kerjasama R&D dengan pihak swasta di Cameron Highlands telah dijalankan dalam menghasilkan *bio-fertilizer* daripada bunga kekwa bersama dengan pengeksport di Cameron Highlands.

Mengenai peruntukan bio-teknologi peruntukan R&D untuk bio-teknologi telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu berjumlah RM30 juta. Yang Berhormat dari Pendang mengenai kawasan MADA memang adalah satu kawasan *water deficit* dengan izin, di mana kekurangan air memang berlaku sekali dalam lima tahun mengikut kajian yang dijalankan oleh pakar JAIKA. MADA telah mengambil langkah untuk menangani masalah dengan program penggunaan semula air-pengairan atau *water recycling* dengan izin, dan kempen-kempen menjimatkan air-pengairan.

Di samping itu MADA telah memohon supaya empangan baru iaitu empangan NAOK dan Jeniang Transfer dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan supaya air tambahan dapat diperolehi. Infrastruktur dalam kawasan MADA diakui tidak mencukupi. Pada *density* atau kepadatan 16 meter untuk satu hektar berbanding dengan optimum 50 meter sehektar.

Satu program jangka panjang telah dilaksanakan untuk menambah *density* ini. Untuk tempoh jangka pendek satu program telah dijalankan untuk memperbaiki infrastruktur yang sedia ada untuk menjamin air pengairan dibekalkan dengan sempurna dan menjamin pengeluaran hasil padi. Kawasan Paya Kecut berjumlah 940 ekar adalah suatu kawasan berpinggir di kelilingi oleh kebun getah dan menghadapi masalah mendapatkan pengairan yang sempurna.

Walau bagaimanapun MADA telah mengambil tindakan untuk membekalkan pam-pam dan mengorak pengairan sementara untuk mengatasi masalah ini. Kawasan ini telah dapat mengeluarkan tanaman dua kali setahun untuk membina kemudahan pengairan yang tetapi memerlukan peruntukan RM9 juta dan program ini telah dimasukkan ke dalam program pembangunan infrastruktur Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jalan ladang dalam kawasan MADA telah dibina pada tahun 70-an dan program telah dijalankan untuk menaikkan taraf jalan ladang yang berjumlah 1,800 km dalam

kawasan MUDA. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan adalah dijangka sejumlah 1,300 km jalan Ladang akan di naik taraf kepada *crusher run*....

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Arau.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya habis *sentence* dahulu kepada *crusher run* dan diturap supaya tidak mudah rosak.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan dengan sistem pengairan di skim MADA dan skim-skim lain. Adakah Yang Berhormat setuju atau tidak di mana saya katakan sistem pengairan di MADA adalah *out-dated* dengan izin. Sudah lama macam itu, perlu atau tidak kita tengok balik dan *upgrade* dia, sistem yang lebih mudah supaya tanah-tanah yang tidak begitu rata pun boleh dapat air. Oleh kerana air ini, mustahak untuk segala tanaman yang perlu kita tanam dari segi pertanian, tidak kiralah padikah atau apa pun, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, saya setuju dan peruntukan kalau dapat kita minta untuk tambahkan sebab untuk kita mengkaji secara menyeluruh memang perbelanjaan begitu besar bahkan memang sudah dicadangkan perbelanjaan ini dan mungkin kita tidak dapat membuatnya sekali gus tetapi mengikut rancangan. Sebab itu pun satu itu tadi sudah RM9 juta.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Lipis ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat, apabila MADA hendak buat dahulu saya lupa dan saya ingat Langkawi boleh ingatkan sebab Langkawi biasa buat ini. Kita meminjam duit daripada Bank Dunia untuk kita buat skim MADA kalau tidak silap saya. Kalau kita hendak ambil peruntukan negara kita memanglah kita hendak *balance bajet* dan sebagainya, tidak mencukupi tetapi beras ini adalah makanan 99 peratus rakyat Malaysia. Apakah kita sanggup mengimport untuk menguntungkan satu organisasi dan individu dan menggadaikan hak rakyat masa hadapan.

Apa salahnya kalau kita ambil pinjaman daripada Bank Duniakah mana-mana bankkah untuk World Bankkah, untuk kita buat bayaran yang macam saya katakan tadi dan saya menunggu soalan saya, soalan saya tidak naik, Yang Berhormat Langkau. Jadi tidak apalah, jadi saya kena tanya, langkau soalan saya itu, jadi saya hendak tahu apakah perancangan, kalau asyik berkata duit tidak ada, duit tidak ada. Kemudian beritahu kepada rakyat kita ada program 10 tan satu hektar, kita ada kelab 10 tan satu hektar, sedangkan ini kita menipu rakyat, kita bohong kepada rakyat kerana tidak boleh.

Benda yang tidak boleh buat kemudian kita bercerita kepada rakyat kita akan buat, kita akan mengkaji-mengkaji. Kementerian pergi ke luar negeri sudah tidak tentu kiralah, lawatan keluar negara Tuan Pengerusi saya ingat, duit itu kalau buat bayaran pun sudah cukup. Merata dunia sudah pergi melawat ini, balik dan asyik begitu sahaja jadi, saya tidak faham di kementerian ini apa yang kita hendak buat.

Jadi saya minta penjelasan kalau kerajaan hendakkan 10 tan satu hektar dan mengurangkan import padi, import beras, maka bagi infrastruktur yang cukup, kalau tidak jangan asyik bercerita di dalam kawasan tanaman padi kerajaan akan buat itu dan akan buat ini dan akhirnya tidak buat dan akhirnya kami wakil rakyat jadi mangsa, dia kata kami membohong. Habis, yang ini saya asyik marah, jadi saya minta Yang Berhormat beri penjelasan bukan marah tetapi tidak seronok. [*Ketawa*]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sabar Yang Berhormat ya, Yang Berhormat perlu sabar dan kita pun macam itu juga dan kita juga *frustrated* juga Yang Berhormat, asyik *day in, day out* jawab macam ini juga. [*Ketawa*] Jadi, kita pun sama-sama *frustrated* Yang Berhormat tetapi tidak apa kita mencari jalan tetapi berilah sokongan supaya kita sama-sama mencari jalan. Yang Berhormat sebab takut, saya pun juga takut saya melangkau Yang Berhormat yang tanya semalam mencelah ini, kadang-kadang Yang Berhormat ini yang mencelah ini telah mendapat perhatian lebih daripada yang dasar-dasar ini....

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, mungkin Jerai pun menghadapi masalah yang sama semasa beliau menjadi Pengerusi FAMA.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya rasa macam itulah.

Tuan Mohamad Shahrums bin Osman: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lipis, Lipis bangun.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi Yang Berhormat....

Tuan Mohamad Shahrums bin Osman: Tuan Pengerusi...

Dato' Abu Bakar bin Taib: Bagi Lipis...

Tuan Mohamad Shahrums bin Osman: Yang Berhormat

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Pasal yang....

Tuan Mohamad Shahrums bin Osman: Jalan Ladang...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: MADA. MADA..

Tuan Mohamad Shahrums bin Osman: Jalan Ladang.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sila.

Tuan Mohamad Shahrums bin Osman: Tuan Pengerusi, jadi Jalan Ladang sebenarnya saya dengar tadi yang dibuat oleh World Bank pinjaman Bank Dunia dan sebagainya, jadi di Pahang ini ada satu projek dahulu iaitu projek IADP Pahang Barat, selepas itu projek ini ditutup. Kesannya banyak jalan ladang sawah-sawah dan berbagai-bagai projek lagi yang dibuat semasa IADP ini ada terbengkalai sampai sekarang.

Walaupun katanya Jabatan Pertanian, JPS dan badan-badan dalam Kementerian Pertanian yang lain akan mengambil alih projek ini tetapi nampaknya tidak ada, tidak ada bayangan untuk mengambil alih dan baru-baru ini apabila kita bertanya tentang jalan ladang, jadi masing-masing menuding jari, tidak ada sesiapa yang bertanggungjawab. Mungkin juga kerana peruntukan yang diberi kepada Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan dan Saliran ini tidak cukup, jadi jalan ladang ini sampai sekarang tidak diselenggarakan. Di sini saya mohon penjelasan, adakah IADP Pahang Barat atau yang seumpamanya dibuat balik dan diadakan balik supaya dapat memastikan para petani dalam kawasan Pahang Barat ini sampai sekarang ini terbengkalai dan menunggukan bantuan daripada Jabatan Pertanian atau Jabatan Pengairan dan Saliran yang tidak kunjung tiba ini.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ambil maklum dan nanti fasal daripada pertanyaan Yang Berhormat pun ada jawapan juga di bawah ini, jadi Yang Berhormat ini saya cukup kasihan Yang Berhormat kita sama-sama simpati. Sudahlah tidak ada pegawai, peruntukan pula Pahang Barat dan macam-macam, jadi saya berharap ya....

Dato' Abu Bakar bin Taib: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Langkawi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sila.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Pengerusi, saya hanya hendak mencelah di sini. Tidak cukupkah air, ALING ada, PEDU ada, MUDA ada, memberi sekurang-kurangnya ada sedikit air. Cukup air, tetapi saya bimbanglah kerana terdapat 2,000 orang pekerja MADA staf MADA, 2,000 orang lebih, mungkin 3,000 kot, banyak. RO ada, RI ada, pertanian ada, semua ada, semua ada.

Beberapa Ahli: Semua ada, semua ada.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ketua Pengarah ingat, JUSA....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua ada, sekarang kurang apa Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Tidur, tidur!

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tetapi benda ini....itu yang saya takut itu Tuan Pengerusi kerana kita mengkhawatirkan air, membazirkan air, memang ini berlaku, tidak tahulah saya pun buatlah mampu, buatlah *case study*. Bagi study betul-betul. Kenapa kita perlu membazirkan air. Sekarang ini, hujan turun lebat. Kita bekal air. Kita hanya bekal bulan dua, bulan tiga, bulan empat, bulan lima. Itu sahaja. Yang lainnya, tak bekal air. Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, jadi itulah, kita pun risau juga ya dari segi air ni. Dia pergi ke mana ke, dan sebagainya, jadi terima kasih Yang Berhormat. Apa yang Yang Berhormat tegurkan tadi, insya-Allah kita juga akan mengambil maklum. Mengenai Jerai tadi, yang semalam dia mencelah tu, dia kata kawasan ladang satelit menghadapi masalah banjir. Ini terlampau banyak air. Yang tadi tak ada air. Jadi, mekanismelah yang harus kita tengok. Yang mana banyak air, kita bawa air, kita bawa ke yang tak berair.

Jadi, dalam tahun 2003, JKR telah membina laluan air lebih kurang dalam RM300 ribu di kawasan projek ini, dan sejak itu keadaan saliran telah diperbaiki. Memandangkan terdapat lagi lebih kurang 10% kawasan yang mungkin menghadapi banjir, dan banjir ini pula, pelik Yang Berhormat ya. Dia satu hari sahaja banjir. Banjir satu hari. Sekiranya hujan lebat, jadi jabatan akan berusaha untuk meminta Jabatan Pengairan dan Saliran memperbaiki saliran di keliling tapak projek pada tahun depan, insya-Allah. Kalau tak ada, Yang Berhormat maklumkan baliklah kepada kita.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Berjanji betui, betui, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ceritanya macam ni Yang Berhormat. Kita kata dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat. Dewan yang mulia ini. Jadi kita berharap Yang Berhormat, sebagai orang yang di akar umbi ini, maklumkanlah kalau tak ada.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak boleh. Saya balik, saya pi janji dengan depa, kalau tak boleh, saya yang teruk.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tapi kata tahun depan Yang Berhormat. Tahun depan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, tahun depan tak pa lah.
[Ketawa]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Lagi ada satu dua bulan lagi kan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tapi kawasan tu, dia banjir terkejut.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Kita mintalah pemantauan ini bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat membantu kami.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya, ya. Ni, dok mantaulah ni. Dok mai cerita di Parlimen ni.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, terima kasihlah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau tidak nak mantau macam mana? [Ketawa]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, panjang lagikah?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Panjang, panjang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ha, kena cepat sikitlah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi ini, satu lagi yang disebut oleh Yang Berhormat Pendang, potongan yang dibuat ini, potongan 17% hingga 18%. Ke atas padi. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, potongan ini dibuat mengikut mutu padi. Sebagai pemegang lesen, kilang perlu mengikut mutu yang sebenarnya yang ditetapkan dalam jadual penyesuaian. Dan sebenarnya Yang Berhormat, kalau ikut 17% hingga 18% ni, ini okey. Sebab sepatutnya apa yang terjadi di tempat itu dengan basah padi ini, petani itu boleh dipotong sehingga 22%.

Jadi, ini bermakna ini pun kira okey, sudah. Sebab apa kita jangan lupa setiap 1% kita lari daripada mutu padi ini, kita akan membelanjakan RM4 juta subsidi. Ha, begitu besarnya, bermakna. Jadi, itu Yang Berhormat, memang kita mengambil beratlah mengenai untuk kita menekankan kepada mutu keringnya padi ini. Dan memang sekarang ini kita mencari satu mekanisme yang diarah oleh Yang Berhormat Menteri secara saintifik untuk kita mengukur sebaik-baik. Sebab kita tidak mahu lari daripada kualiti padi ini yang akan menjejaskan perbelanjaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Mambong bangun Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Mohon penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga setiausaha Parlimen. Ini tentang pemotongan padi basah ini sehingga 22%. Apakah kaedah yang digunakan selama ini? Adakah pertimbangan dibuat *insitu*, di tempat itu? Dan selepas itu dibuat pengeringan. Selepas itu dikira dan ambil keputusan macam itu. Kerana setahu saya, *moisture meter* ini ada di dalam pasaran. Tidakkah kerajaan menggunakan peralatan *moisture meter* ini yang boleh mengukur kandungan air di dalam apa-apa sahaja, bukan di dalam padi sahaja, tetapi di dalam kayu pun boleh. Jadi, apakah kaedah yang digunakan selama ini? Kerana yang setahu saya, penggunaan *moisture meter* ini adalah satu kaedah yang baik sekali untuk diguna pakai. Tak payah lagi nak cari kaedah yang lain. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Dia selain daripada menggunakan *moisture meter* itu, mereka kena bawa pula masuk ke dalam lab (makmal). Ada lagi kaedah-kaedah lain yang digunakan. Dan semua kilang, sebenarnya ada makmal ini yang mereka harus untuk menentukan ketentuan dari segi *moisture*, kandungan air di dalam padi itu. Dan, sebenarnya petani ni, macam ni. Masa dahulunya kita tak ada mekanisasi yang besar-besar, *combine harvester* dan sebagainya. Jadi, bila bawa padi itu dengan sikit dengan jemuran, potongan *almost* kosong, sifar.

Sebab dengan begitu baiknya dari segi kekeringan padi itu. Tapi bila sekarang ini bila datang dengan lori beratur, dengan *combine harvester* yang banyak menuaikan secara ini, ha, ini yang menimbulkan masalah. Dan di sinilah kita mesti mencari kaedahlah. Terima kasihlah Yang berhormat katakan tadi, dengan *moisture meter* dan saya juga cukup yakin, memang itulah yang digunakan. Kecuali saya difahamkan kena bawa masuk juga ke dalam makmal. Jadi, terima kasihlah Yang Berhormat atas mengingatkan saya kepada nak menyebut *moisture meter*.

Mengenai lagi satu soalan yang disebut oleh Yang Berhormat Pendang iaitu beras jati. Sebelum itu saya ingin di sini memohon ampun dan maaf, terima kasihlah Jerai. Mengatakan mengapa telah menggunakan dari senario istana dan sebagainya di dalam iklan tersebut. Dan kami memohon maaf dan insya-Allah kami akan membawa ini kembali dan kalau dapat kita tidak menggunakanlah iklan tersebut. Kami memohon maaf. Kami daripada kementerian sedar di atas iklan tersebut. Jadi, terima kasihlah di atas menegur iklan tersebut.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat, iaitu jati itu. Beras jati ya. Jadi, kilang beras Ban Heng Bee, BERNAS ada kepentingan atau ekuiti 20%. Ha, 20% pegangan ekuiti. Dan syarikat pemborong beras serba wangi, berasnya. Padi itu kilang Ban Heng

Bee, dan berasnya 'beras serba wangi'. Sebenarnya Jati ini beras serba wangi digunakan jenama Jati. Di mana BERNAS mempunyai ekuiti 40% sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya nak tahu Yang Berhormat, setakat hari ini berapa syarikatkah?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Pasal BERNAS kah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Pasal BERNAS?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pasal *joint venture* semua ni. Syarikat usaha sama.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Pasal saya nak masuk BERNAS.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya? Tak pa kalau ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tak perlu.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya nak masuk bab BERNAS sat lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak pa, tidak pa, saya duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat pun bangun, tak minta kebenaran daripada Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dak, saya memang minta. Minta, tapi Tuan Pengerusi tunduk. *[Ketawa]* Saya ingat Tuan Pengerusi setuju lah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat Serdang merayu supaya kerajaan melanjutkan tempoh penutupan ladang khinzir yang sedia ada yang melibatkan lebih kurang 700 ladang yang dijadualkan ditutup pada Disember 2006. Tarikh penutupan ladang-ladang khinzir sedia ada pada akhir Disember 2006 telah ditetapkan oleh Kabinet.

Kementerian melaporkan kepada Kabinet kemajuan pembangunan, *pig farming area* ini dengan izin, PFA ini, dari semasa ke semasa untuk keputusan dasar dan tindakan selanjutnya termasuk jika perlu melanjutkan tempoh tersebut. Jadi bermakna ini kena bawa kepada Kabinet. Kementerian akan terus berunding dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk mewujudkan kawasan *pig farming area*, sehingga kini, selain dari Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah mengenal pasti beberapa kawasan untuk pembangunan ladang *pig farming area*. Yang lain itu belum ada lagi keputusan.

Yang Berhormat Kepong merasa bimbang dari segi peningkatan kawalan yang lebih ketat dalam menghadapi ancaman selesema burung. Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa bersama dengan Kementerian Kesihatan bagi menyelaraskan dan meningkatkan kesiapsiagaan atau *alert system* dalam menghadapi wabak selesema burung. Pelan Tindakan yang menyeluruh telah dibentuk mengikut tiga tahap *alert system*. Iaitu tahap pertama, iaitu kita bersedia dan menjalankan *checking, constant checking* dengan izin. Kedua, iaitu kuarantin dan yang ketiga iaitu hapus terus. Oleh yang demikian, persediaan yang secukupnya telah dibuat untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

Mengenai dasar pengeluaran daging negara, yang Yang Berhormat tanyakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kepong, bangun ke?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ini selesemakah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ayam Yang Berhormat kena flu ke?

Dr. Tan Seng Giaw: pulak. Kerana kita ada di tempat Tumpat, bulan Ogos tu, di Tumpat ada HPAL. Tumpat. Ini bermakna, virus ini pernah ada di negara ini.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tu lah, masalah kita di situ.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, okey Yang Berhormat, teruskan penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ya. Saya memang seronok dengan itu, ada *checking*, ada kuarantin dan hapus teruslah. Tiga peringkat ini, memang kita berharaplah dapat dijayakan itu. Tapi, adakah Yang Berhormat sedar, misalnya di Cameron Highlands, kerana kita ada petani-petani yang menggunakan itu baja burung. Dan baja burung ini boleh mengandungi virus juga.

Dan apakah langkah yang diambil, saya rasa bukan sahaja di Cameron Highlands bahkan di seluruh negara. Untuk itu, menjaga daripada berlakunya itu wabak HPAI itu. HPAI yang sebenarnya digunakan antarabangsa Tuan Pengerusi. Bukan selesema burung, selesema burung di Malaysia sahajalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ha?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Burung Yang Berhormat pelihara kena selesemakah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat!

Dr. Tan Seng Giaw: Tak dak, tak dak. Itu burung saya tidak ada.

Tuan Pengerusi Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kepong, cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ya. Itulah sahaja. Terutamanya Yang Berhormat, kerana jiran kita pun seperti Thailand dan Indonesia sekarang diserang selesema burung ini. Dan kita ada sempadan. Macam mana kita dapat mengawal kerana itu sempadan kita dah luas dah? Dah luas. Dan kita lebih baiklah kalau berbanding dengan Thailand atau Indonesia dari segi ini. Saya percayalah tu.

Tapi walau bagaimanapun, apakah itu usaha kementerian untuk mengawal sempadan kita supaya tidak berlakulah itu perkara dibawa ke sini sebab Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar, walaupun ada kawalan, tetapi, pokok, itu haiwan, sering kali dibawa masuk ke negara kita. Tanpa diketahui oleh pihak berkuasa.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. *Alert system* ini termasuklah yang kita gunakan di sempadan. Jadi, kalau adalah disebut tadi baja di Cameron Highlands ini sebenarnya dah disebutkan oleh Yang Berhormat Cameron Highlands. Saya rasa jawatankuasa ini atau pasukan petugas ini akan mendapat *alert* kalau ianya berlaku, kalau perebakan berlaku, daripada tahi ayam, tahi burung, najis burung ini.

Jadi saya rasa Yang Berhormat pun faham ada mekanisme-mekanisme yang lebih halus lagi mereka menggunakan bagi untuk *detect* dari segi penyakit ini. Kita guna selesema burung Yang Berhormat sebab ini yang lebih kita fahami dalam negara kita. Mengenai dasar pengeluaran daging..

Tuan Devamany a/I S.Krishnasamy: *[Mengetuk Mic]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak payah ketuk Yang Berhormat, saya nampak. *[Ketawa]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Dasar daging...

Tuan Devamany a/I S.Krishnasamy: Selesema burung. Saya meminta penjelasan mengenai apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian Pertanian untuk memberi kesedaran kepada petani-petani di sana kerana penggunaan baja melalui tahi ayam begitu banyak sekali di sana. Itulah saya hendak maklum balas daripada Yang

Berhormat Setiausaha Parlimen ini, sejauh manakah langkah telah diambil setakat ini, di Cameron Highlands?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan, sebab kita ada Jabatan Haiwan juga di sana, jadi mereka memang secara terperinci. Dan saya, risalah-risalah dan beberapa ceramah telah disampaikan kepada semua petani dari segi masalah penyakit selesema burung ini. Jadi saya rasa melalui *alert system* yang telah ditentukan tadi, kalau adanya merebak sesuatu di suatu kawasan itu, saya rasa pasukan yang lengkap lagi akan turun untuk memaklumkan. Dan di situlah, saya katakan kategorinya 1, 2 dan 3 akan digunakan.

Jadi saya rasa masa ini Yang Berhormat, kalau tidak ada ini bermakna lagi tahap satulah, bermakna kita berjaga-jaga. Mengenai Dasar Pengeluaran Daging Lembu Negara telah menyasarkan pengeluaran daging berjumlah 62,340 metrik tan iaitu memenuhi 40% kadar sara diri menjelang tahun 2015. Tumpuan utama dasar ini ialah pertama, mempergiatkan projek integrasi ternakan lembu dalam ladang kelapa sawit di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Sebanyak 2.3 juta hektar

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Pengkalan Chepa bangun, berminat dengan daging lembu.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Lembu? Yang Berhormat saya tak habis lagi Yang Berhormat, mungkin di bawah-bawah ini nanti Yang Berhormat sambung ya, kalau ada. Jadi 2.3 juta hektar ladang kelapa sawit diusahakan dengan projek integrasi dan dijangka menghasilkan sejumlah 36,500 metrik tan daging iaitu 58% daripada jumlah pengeluaran negara menjelang 2015, insya-Allah kalau kita pergunakan kaedah-kaedah...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Ya, saya nak tanyalah. Adakah Kementerian Pertanian ini membuat kajian mengenai pemeliharaan lembu dalam ladang kelapa sawit? Saya tanya Guthrie apabila Guthrie di Selangor ini dia ada 40,000 ekor, dia jual habis, dia jual ke Sarawak. Saya tanya fasal apa jual? Saya tanya Tan Sri Khalid sendiri dan pegawai-pegawainya. Dia kata kita buat kajian melalui R&D kita, bahawa tidak boleh pelihara lembu dalam ladang kelapa sawit, Kuku lembu sangat bisa dengan akar kelapa sawit dan kalau kita pelihara lembu, satu hektar atau satu ekar, saya tak ingat ini, biasanya dapat 17 tan, dia akan turun kepada 12 tan. Adakah buat kajian ini?

Saya ingin minta penjelasan yang kedua, ini Guthrie sendiri. Dia kata boleh kalau nak pelihara, tetapi kena siapkan tidak dalam ladang kelapa sawit tetapi dilepaskan berkeliaran. Cuba buat kajian ini.

Dr. Tan Seng Giaw: [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, Nak sambung?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus kan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ya. Ya, cukuplah, setiausaha Parlimen teruskan. Kalau boleh Yang Berhormat habiskan sebelum 12.30.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Insya-Allah, saya rasa apa yang kita buat itu ada kajian, tapi kecuali yang penemuan terkini Yang Berhormat ini kita akan sampaikan juga dari segi kukunya yang ada kesan kepada akar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bentong bangun Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tapi saya tahu kambing ini susah sikit, Yang Berhormat. Kambing kita tak sarankan sebab kambing ini dia panjat pokok kelapa sawit.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih setiausaha Parlimen. Berhubung dengan dasar daging, saya dengar tadi jawapan memang

kementerian kalau boleh kita nak *self-sufficient*lah. Balik kepada daging babi tadi, ya. Saya harap kementerian dapat cadang kepada Kabinet kalau boleh kena sediakan kawasan PFA dulu baru minta pindah. Jangan arah tutup kemudian baru nak cari PFA kerana kita memang menuju kepada *self-sufficient* dalam negara kita, tak usah kita import banyak-banyak daging dan membebankan negara kita. Apa cadangan kepada Kabinet yang saya nak pastikan daripada kementerian?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai PFA ini sebab ini tertakluk betul kepada kerajaan negeri, memang kita sudah ada satu rangka dan memang kita sudah kenal pasti yang 700 pengusaha ini. Setakat ini seperti yang saya katakan tadi, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak telah mengenal pasti kawasan PFA dengan segala *stringent* syarat-syarat yang dikenakan dari segi kebersihan dan sebagainya. Tapi negeri-negeri lain kita masih menunggu dari segi keputusan untuk di mana mereka mengenal pasti PFA.

Untuk makluman juga sebenarnya untuk daging khinzir kita memang sudah sampai kepada *self-sufficiency*. Sebenarnya kita yang mengeksport khinzir dan ayam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tapi yang lembu ini, sebab itu kita ada pelan tindakan untuk lembu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran bangun Yang Berhormat, nak bagi jalan?

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini soal lembu, pelihara lembu di ladang kelapa sawit, saya ingat ini satu perkara yang serius sebab sudah berkali-kali disebut oleh Yang Berhormat Menteri dan juga menteri di kerajaan negeri pun juga menyebut tentang soal pelihara lembu di ladang kelapa sawit. Penemuan ataupun apa yang dilihat oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa tadi satu perkara yang amat serius.

Sebenarnya sudah banyak pandangan yang telah diutarakan dan banyak kesangsian tentang soal lembu di ladang kelapa sawit ini. Ada seorang pengusaha di negeri Sabah, Mr. Yap saya ingat dia terkenal di Keningau, beliau menyatakan kalau hendak pelihara lembu sama ada daging ataupun susu, ini tidak boleh sebab kita kena bela. Ini satu perkara yang serius, kalau kita hendak bela lembu dalam ladang kelapa sawit, kaji betul-betul dan beritahu jangan sebarang sebut. Sebab ini melibatkan soal tanah, kalau ini tak boleh kita kena sediakan tanah untuk lembu untuk daging dan juga untuk susu. Ini serius, ini soal kajian. Saya minta pandangan. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, kita memang serius. Sebelum kita mengimplementasikan ini memang kajian menyeluruh telah dibuat tapi saya kata tadi yang disebut Yang Berhormat ini mungkin yang terbaru sebab perkara ini bukan statik, ia berubah. Dan saya tak habis lagi baca itu menggunakan ladang kelapa sawit sebab kebanyakan tanah kita yang ada adalah ladang kelapa sawit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Lipis bangun.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sekarang ini mana lagi negeri-negeri kebanyakan tanah sudah digunakan untuk ladang kelapa sawit, tetapi itu bukan satu caranya, ada lagi Yang Berhormat. Saya belum sampai, saya kata tadi saya tak habis lagi. Yang kedua,

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Isunya sama, Lipis Yang Berhormat, nak bagi jalan dulu? Lipis?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Isu sama, ya? Sebab ladang kelapa sawit ini kalaulah itu ada *feedback*, kita ambil kira, kita ambil maklum. Tetapi yang keduanya, kita memperkembangkan penternakan secara moden dan komersial melalui sistem *feedlot*. Ha, ini kita memerlukan tanah, sistem *feedlot*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Lipis, sila.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, di dalam kawasan Parlimen saya ada satu tanah yang luasnya 500 ekar, yang telah diperuntukkan sebagai padang ragut Jabatan Haiwan, saya rasa tapi setakat ini tidak digunakan. Menurut kata Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Kampung tersebut, projek itu gagal dan infrastruktur sudah dibuat tapi nampaknya saya pergi melawat baru ini tengok tempat itu banyak yang sudah runtuh dan sebagainya, adalah lebih kurang 10 ekor lembu di dalamnya. Semua lembu itu sudah kurus-kurus belaka jadi kita minta supaya oleh sebab kita sekarang ini membanyakkan ternakan lembu ini rasa saya projek itu boleh dibuat semula dan diberi perhatian serius. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, kalau dapat Yang Berhormat bagi secara terperinci nama tempat itu, boleh kita bangunkan semula sebab sudah dikenal pasti sebagai padang ragut. Bermakna memanglah bertujuan itu. Tetapi saya katakan tadi kalau tanah yang tak mencukupi, kita menggunakan sistem feedlot. Selepas itu kita nak mengkomersialkan penternakan tradisi sama ada individu atau kumpulan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, saya nak tanya sikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tak mahu hendak huraikan sangat tentang tanah sebagai menggalakkan lagi ternakan lembu. Masalahnya ialah baka lembu ini tidak ada, tak cukup. Setiap kali saya balik, JKK jumpa saya. Masalah permohonan itu lain, permohonan itu pula yang kita sokong tak dapat, wakil rakyat sokong tak dapat, Tuan Pengerusi. Di mana silapnya? Bila tanya Jabatan Haiwan, mereka kata ini hak mereka untuk menentukannya. Dalam borang ada disebut mesti mendapat sokongan daripada wakil rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Salah sokong kot Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak salah sokong.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tak tahulah, kalau Sipitang saya tak tahu, tapi ini kawasan saya. Jadi saya minta penjelasan pada Yang Berhormat, kita nak menggalakkan apa juga mesti ada cukup bakanya, kalau tidak "hangat-hangat tahi ayam". Siapa yang tidak mahu menternak lembu ini? Pergilah ke kampung-kampung mana di kawasan luar bandar, itulah yang mereka hendak, terutama di kalangan belia-belia untuk memulakan satu bidang ternakan, reformasi pertanian sebagaimana untuk menyahut saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tapi masalahnya mana bakanya? Benih-benihnya? Waima daripada India atau daripada mana sekalipun mesti cukup. Ada padang ragut, tak ada lembu, nak bela macam mana? Ada ladang kelapa sawit, padang ragut dan sebagainya, tak ada benihnya. Jadi mintalah kepada pihak Kementerian Pertanian, tentukan dulu baka-bakanya, lembu daripada mana, baru kita mulakan projek. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, jadi ini ada terjawab sedikit di dalam pelan tindakan di bawah Dasar Pengeluaran Daging Negara ini iaitu kita hendak menggalakkan semua ladang kelapa sawit menyertai projek integrasi melalui seminar dan bengkel serta menyediakan insentif yang lebih menarik.

Kedua, kita hendak menambah bilangan baka lembu berkualiti sama ada melalui import dan juga pembiakbakaan di ladang-ladang jabatan agensi dan kerajaan. Lembu ini satu, dia beranak seekor seekor, jadi nak mendapat baka ini *take time*. Yang Berhormat bagi Arau memanglah saya tahu ada AI dan sebagainya kan? Jadi ini kita akan pertingkatkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sabak Bernam bangun Yang Berhormat. Minat lembu juga ini.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih setiausaha Parlimen. Saya nak kaitkan dengan lembu ini, saya ingat ramai di antara Ahli Parlimen dan wakil rakyat ini berpengalaman untuk membantu pihak kerajaan dalam urusan ternakan lembu. Jadi oleh sebab itu, apa pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ambillah beberapa Ahli Parlimen ini untuk menganggotai Jawatankuasa pelaksanaan untuk memastikan projek-projek ini berjaya kerana Sabak Bernam ada pengalamanlah, pengalaman kegagalan.

Tapi kita harus belajar daripada bukan kegagalan Ahli Parlimen itu, kegagalan pelaksanaan. Oleh sebab itu, untuk mengelakkan perkara ini daripada gagal seperti yang disebut oleh teman-teman Ahli Parlimen ini, maka mesti ada satu bentuk kawalan. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai cadangan saya ini? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan bawakan ini supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berkepakaran ini digemblengkan untuk kita mendapat pencambahan fikiran untuk kita mendapat idea-idea.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak tanya sedikit Yang Berhormat. Kadang-kadang pihak kementerian pun tak konsisten. Dulu kita membenarkan mengimport atau membeli lembu daripada Cambodia. Ramailah mereka yang tertarik untuk membawa masuk lembu daripada Cambodia, harganya murah dan sebagainya. Tadi Yang Berhormat menyebut, nak import daripada India, kita tak tahu berapa harga dia sebab itu [Disampuk] Ya? Wallahualam, saya tak tahu lembu tua atau lembu muda.

Masalahnya sekarang ini kita kena perbetulkan birokrasi yang kita hadapi pada hari ini. Yang main pas-pas ini Yang Berhormat, letih kita. Kita di Parlimen, bila sesekali balik di kawasan, JKK menunggu datang jumpa kita. Masalah permohonan ini tidak selesai lagi, main tendang-menendang macam bola. Kita pergi Pejabat Haiwan, Pejabat Haiwan kata tidak ada baka, lepas itu Pejabat Pertanian, Pejabat Pertanian kata itu bukan bidang kuasa kami. Jadi masing-masing main lepas tangan, ini yang perlu diperbetulkan, kita mesti konsisten. Kalau nak menolong rakyat, kita kena tolong betul-betul supaya kita tidak hanya bergantung pada barang-barang import.

Selagi kita bergantung pada produk pra import, selagi itulah kita tidak akan berjaya. Sampai bila pun petani kita tidak akan berjaya. Bila ada produk yang terlalu banyak import akan berlakulah benda-benda yang tak sepatutnya berlaku. Jadi minta kalau boleh kita kena konsisten, gerakkan balik jawatankuasa di peringkat daerah dan mukim ini, turun ke padang. Yalah, peruntukan mestilah cukup, ya? Buatlah apa pun kita sokong, tapi benda-benda yang birokrasi ini mesti kita atasi dengan segera. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, semua itu masuk sekalilah dalam jawapan saya Yang Berhormat. [Ketawa] Sebab bagus cadangan yang baik dan mungkin sebab ada disarankan kita mewujudkan semula atau menggerakkan semula jawatankuasa pertanian daerah mukim dan juga peringkat Parlimen, insya-Allah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, panjang lagi ke Yang Berhormat?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya teruskan, teruskan yang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, kalau boleh.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi satu kita hendak membangunkan usahawan lembu *feedlot* yang berdaya maju dan yang boleh mentransformasikan penternak tradisional ke komersial secara moden. Membangunkan usahawan melalui latihan dan bimbingan, mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan di lapangan, memperkukuhkan pelaksanaan pembangunan dan penyelidikan dalam aktiviti pembiakbakaan, pemakanan ternakan dan pengurusan yang berkesan, memperkukuh dan mempertingkatkan lagi program kawalan penyakit dan status sanitary dan '*fito sanitary*', membangunkan kawasan-kawasan khas yang berskala ekonomi dalam pengeluaran daging

seperti di *beef valley*, untuk makluman ya kita ada *beef valley* iaitu lembah daging di Negeri Sembilan dan juga projek pertanian moden di Johor.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Petra Jaya supaya GLC dan sektor swasta digemblengkan. Memang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong bangun Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sekejap saya habis dulu Yang Berhormat. Memang di *beef valley* itu atau lembah daging itu, kita ada beberapa syarikat-syarikat anchor sebab swasta dan GLC sendiri syarikat anchor dan di mana petani dan penternak adalah sebagai peserta menerusi kontrak farming. Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya bangkitkan masalah lembu ini kerana dengan PFA pun bertahun-tahun selepas 'nipah' pun kita tak dapat melaksanakan kerana faktor-faktor yang tertentu. Selain daripada menyeru supaya kita adakan satu sistem yang adil kepada PFA, saya hendak Yang Berhormat, dia tak dengar itu, tak dengar macam mana? Ya, kita saya pun bersimpati dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana Yang Berhormat Menteri tak dapat datang untuk menjawab masalah yang rumit, memang rumit, lembu ini lembu memang rumit dan Jerai pun tahu, Arau pun tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kepong cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak ada, ini, ini.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kepong, masalah lembu liar di kawasan Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw: Lembu liar pun ada itu memang ada, kita mesti mencegahkanlah itu, memang ada. Yang Berhormat bolehkah bagi kita itu satu *breakdown* macam mana kita boleh berjaya kerana saya ada dengarlah banyak itu sistem yang dicadangkan itu di ladang itu kelapa sawit itu mungkin dia tidak akan berjaya. Bolehkah kita beritahu satu peladang kelapa sawit, berapa luas berapa hektar untuk satu ekor lembu dan kos untuk itu penternakan, untuk setiap ekor lembu dan sebagainya, satu ekonomiklah bagi kita. Bukan sahaja setakat itu apa yang dikatakan *beef valley* dan *valley beef* baik itu lain perkara. Yang penting sekali ekonomik untuk mengeluarkan lembu.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Masih Yang Berhormat sebenarnya semua ada *costing-costing* ini, tetapi saya tak ada bersama di sini Yang Berhormat ya, Yang Berhormat minta itu tetapi ini adalah kita baru wujudkan dasar daging negara dan kita senaraikanlah tindakan-tindakan yang kita galakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tanya *last* ini *last*. Terima kasih Yang Berhormat. Kita tak nafikan usaha kementerian tentang apa nama tindakan *feedlot* bagus, satu industri yang baru kecuali Kepong dia tak faham. Kalau hendak bela lembu ini satu ekar satu ekor lembu, padang ragut kena ada. Saya lihat tentang lembu pawah ini, kenapa kita tidak perluaskan? Yalah bagi pawah lembu kepada penternak-penternak di kampung, mereka takkan mampu untuk menyertai industri *feedlot* ini kerana melibatkan modal yang begitu besar.

Jadi, adakah pihak Yang Berhormat akan melihat supaya sistem lembu pawah ini kita teruskan, dan apa nama di tempat-tempat di mana kita boleh *upgraden* lagi ternakan di kawasan-kawasan petani ini, tentang menternak lembu ini daripada kita pada waktu yang sama menumpukan kepada *feedlot* ini kita tahu *feedlot* ini kadang-kadang kalau kita salah kendalikan, ia boleh menjadi satu perebutan yang tidak sihat terutama daripada mereka yang tak begitu mahir tentang *feedlot* yang diperkenalkan oleh kementerian.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya sistem lembu pawah ini yang telah menjadi tradisi kita dapat diteruskan lagi bukan setakat di Kelantan sahaja sebagai contohnya. Kita tak adalah nak melarang di Kelantan, tak mengapa, tetapi dapat diperluaskan lagi di semua-semua tempat di negeri lain. Selain kita dapat meningkatkan lagi sistem ternakan lembu di kalangan petani-petani di kampung-kampung. Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sebenar Yang Berhormat itu memang di dalam garis panduan dasar kita ini di mana yang konvensional yang dahulu yang tradisional, kita akan *upgraden* supaya ia menjadi lebih komersial. Termasuk sistem pawah, sistem pawah yang dijalankan khususnya di Kelantan dan sebagainya di mana itu adalah satu usaha, tetapi kita harus memperkukuhkan lagi di mana kita boleh memastikan bahawa lembu ini dijaga, dibela, digemuk dan sebagainya, ia dapat dipulangkan untuk kita jual supaya mendapatkan pendapatan kepada penternak itu pun termasuk.

Bermakna kita mencari kaedah yang terbaik di mana sahaja dan kalau tadi dikatakan ada *feedback* mengenai kelapa sawit ini, kita mintalah *feedback* ini kita sampaikan supaya kajian yang lebih saintifik boleh dijalankan betul ke tidak. Yang Berhormat daripada....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Putatan bangun, Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Minta penjelasan sedikit.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: *I think last* sebab saya hendak habiskan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Sekejap sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi, mengikut statistik yang ada dengan saya, pada tahun 2003, kita punya import daging lembu 1,071, ini nilai daging, Mambong minta maaf. Pada tahun 2004 ada 809,000 manakala import kita 34,528. Jadi sedarkah saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya minta soalan penjelasan dengan lembu bali ini yang telah pun diperkenalkan di negeri Sabah baru-baru ini. Jadi apakah perkembangan dia apabila ada *success* atau tidak? Itu sahaja.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat saya mohon maaf ya sebab ini yang baru, lembu bali? Biarlah pegawai saya mengambil catatan supaya dia boleh mungkin memberi secara bertulis *direct* kepada Yang Berhormat apa itu lembu bali. Yang Berhormat ini saya hendak masuk kepada Jerai mengenai fungsi BERNAS.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Hulu Langat Yang Berhormat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada setiausaha Parlimen. Ini masih dengan bekalan daging lembu. Sedarkah pihak kementerian bahawa sebahagian besar daripada bekalan daging tempatan, bekalan daging lembu tempatan adalah dihasilkan oleh penternak-penternak lembu tepi sungai, tepi kawasan perbandaran yang dikendalikan oleh penternak-penternak lembu berbangsa Benggali dan berbangsa India yang menternak 10, 50, 40 ekor lembu dan oleh sebab pembangunan yang begitu pesat terutama kawasan Lembah Klang kawasan negeri Selangor. Penternak-penternak ini - Puchong pun ada. Penternak-penternak ini telah dihalau dikeluarkan daripada kawasan-kawasan pinggiran sungai, kawasan-kawasan pinggiran kereta api, berdasarkan atas alasan pembangunan dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan bahawa penternak-penternak ini terus kekal sebagai pembekal daging tempatan bagi negara kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat itu mungkin pengusaha-pengusaha swasta atau bukan kata pengusaha swasta *private* ya, jadi kalaulah ada masalah ini mungkin kita dapat kenal pasti mereka sebagai mereka yang berpotensi yang boleh kita bantu, tetapi kalau dapat kita *alertkan* kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan kes-kes terpencil macam ini sebab kebanyakan mereka ini adalah sendirian. Dia membela 10, 20 ekor kan dan dijual dan sebagainya jadi kalau ada pembangunan mereka dihalau macam juga kadang-kadang projek-projek yang lain dia menggunakan tanah itu sementara projek itu belum berdiri, tetapi kalau dapat nanti pihak Jabatan Haiwan mungkin mereka tahu kes-kes tertentu.

Jadi, berbalik kepada Jerai, fungsi BERNAS. BERNAS adalah syarikat swasta setelah penswastaan LPN, Lembaga Padi Negara. Perjanjian penswastaan mensyaratkan

BERNAS menjalankan tanggungjawab sosial seperti pembeli terakhir padi, mengurus pembayaran subsidi dan mengimport beras bagi permintaan negara. Pengurusan subsidi harga padi tadi, pengurusan kewangan ditanggung sepenuhnya oleh BERNAS. BERNAS juga mengurus *stockpile* beras negara, iaitu disimpan di 37 buah gudang di seluruh negara yang dikawal sepenuhnya oleh BERNAS dan jumlah *stockpile* ialah pada satu-satu masa 92 ribu metrik tan. Jadi, pada sehingga setakat ini seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat, setakat ini semua hutang BERNAS telah dijelaskan dalam tahun 2004 dan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan hak yang kata di bawah bekalan BERNAS ini, gudangnya adakah di dalam kawasan keselamatan ataupun gudang-gudang disimpan oleh anak-anak syarikat BERNAS? Ini saya hendak tahu fasal dulu apabila LPN di bawah jagaan kawasan keselamatan dan di bawah *stockpile* kerajaan, tetapi tadi Yang Berhormat tidak perelaskan kepada saya siapa yang memegang *stockpile* ini? Adakah anak syarikat BERNAS ataupun pihak BERNAS yang memegang bagi pihak kerajaan ataupun ada tauke-tauke yang pegang? Atau syarikat-syarikat usaha sama yang pegang? Jadi kalau apa-apa berlaku dalam negara kita adakah kita terpaksa ketuk kilang dia orang dan minta beras ini dan kalau dia orang tak bagi beras kita hendak buat apa untuk itu?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat *stockpile* ini pun ada dia punya syarat-syarat tertentu, yang harus wajib dipatuhi dan untuk makluman, di kementerian kita ada satu bahagian Yang Berhormat memang kerja dia iaitu Bahagian Industri Padi dan Beras. Dia inilah yang mengawal selia, tiap-tiap tiga bulan dia ada turun padang, dia bersama dia checklah BERNAS ini, apa dia buat dan sebagainya dan untuk pengurusan *stockpile* memang satu kerja yang begitu rumit sebenarnya Yang Berhormat dan *stockpile* BERNAS ini memang kilang BERNAS sendiri bukan anak-anak syarikat dan sebagainya, disewakan sebab ada tempat itu terpaksa disewa dan sebagainya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya hendak kepastian bukanlah yang ini saya hendak tekankan, yang ini BERNAS ini memang saya hendak kepastian kerana saya difahamkan syarikat-syarikat usaha sama yang mengeluarkan beras, yang menjualkan beras ini yang menyimpan *stockpile* beras kerajaan. Jadi kalau pihak kawal selia pun apakah beras ini tidak boleh disimpan oleh pihak kerajaan? Kenapa BERNAS kita swasta, betul kita swasta tetapi kerajaan mesti ada satu syer, *golden* syer dan kita tengok BERNAS hari ini telah banyak menyimpang daripada asal dengan sistem VSSnya, membuang orang kerja dengan sekarang ini boleh dikatakan kilang-kilang BERNAS tidak beroperasi, orang dah tak jual padi ke kilang BERNAS, orang jual padi kepada kilang-kilang usaha sama, yang 20 peratus Yang Berhormat kata tadi.

Mati sudah pemborong-pemborong beras bumiputera yang dulunya 2,000, mati sudah kilang-kilang bumiputera yang dulunya berniaga beras. Jadi di manakah sosial *contribution* pertolongan BERNAS kepada pengusaha-pengusaha padi, beras dan sebagainya? Sudah tak ada dah jadi yang kayanya ialah orang lain, memperalatkan Melayu untuk mendapat keuntungan dan BERNAS menjadi kuda tunggangan, jadi saya terpaksa tegas benda ini kerana ini adalah industri yang saya tak mahu nelayan, petani-petani hanya menjadi kuli kepada industri beras ini. Mereka duduk dan menang jadi hamba kepada BERNAS.

Kilang BERNAS hari ini dah tak bergerak, pekerja dah dibuang ikut suka mereka, jadi di sini Yang Berhormat saya minta Yang Berhormat sebagai itulah saya kesian Yang Berhormat bukan saya marah Yang Berhormat, tetapi saya pun tertekan disebabkan melihat sedikit demi sedikit terhakisnya orang-orang bumiputera orang Melayu dalam bidang perindustrian padi dan beras yang dulunya kita agung-agungkan semasa IPM....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi janganlah Yang Berhormat marah Yang Berhormat, kalau itulah saya pun kesian, semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri dia pergi dah tinggal Yang Berhormat. Jadi saya hendak tahu, saya hendak penjelasan Yang Berhormat, dah berapa syarikat usaha sama BERNAS dengan syarikat pemborong ini? Dah berapa bumiputera dan berapa bukan bumiputera?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, saya ingin menjemput Yang Berhormat, kita pergi mendapatkan maklumat terperinci daripada BERNAS, [*Disampuk*] dia boleh dengan terperinci, *close door* dengan Yang Berhormat. Yang Berhormat bagilah betul-betul....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bersetuju dan saya hendak minta juga bawa dengan persatuan-persatuan pekerja BERNAS bersama dengan Ahli Parlimen untuk berjumpa dengan pihak BERNAS. Saya bersetuju Yang Berhormat, bagilah tarikh dekat saya.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Kita aturkan, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat boleh habiskan jawapan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, habiskan. Jadi, Yang Berhormat bagi Jasin pasal paraquat, kenapa paraquat masih diharamkan. Sebab-sebab paraquat diharamkan, paraquat terlalu toksik di bawah iklim tropika. Ia telah berlaku banyak kes keracunan dan kes racun ini ia *irreversible*, ia tidak boleh di'*irreversible*'lah kerana tiada *antidote*. Terdapat racun alternatif yang boleh digunakan seperti glifosat dan glufosinate. Walau bagaimanapun, ada kelonggaran kepada ladang kelapa sawit yang umur kelapa sawitnya kurang dua tahun. Masih boleh dibenarkan sehingga tahun 2007, tetapi walau bagaimanapun kerajaan sentiasa *review* dari masa ke semasa dan untuk makluman ini adalah keputusan Kabinet. Jadi, kalau ada dirasakan *very strongly*, dengan izin, boleh di'*review*'kan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu bertanya latihan pegawai. Kementerian memang mengambil berat dalam pembangunan dan latihan pegawai. Salah satu program yang diperingkatkan adalah dinamakan program teknologi *prospecting*. Pada masa kini, kementerian menggalakkan belia yang terlibat dengan memberi latihan intensif, bantuan infrastruktur dan peralatan serta khidmat bimbingan yang rapi. Pada masa ini insentif yang disediakan adalah berbentuk pengecualian cukai, seperti pengecualian cukai selama sepuluh tahun. Jabatan agensi di bawah kementerian mempunyai program tertentu dan juga melibatkan bantuan kepada mereka yang berhasrat untuk menyertai bidang pertanian seperti tanaman kekal pengeluaran makanan, projek kelompok, projek perdana, *contract farming* dan lain-lain.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini mengenai kemahiran pegawai ini. Saya sangat berharap supaya perkara ini dapat diberikan perhatian yang serius tentang kursus peningkatan kemahiran dan profesionalisme. Saya ambil contoh umpamanya pegawai pertanian, bila saya sebut mengenai NPK iaitu nitrogen, phosphate dan kalium, mereka tidak tahu. Macam mana mereka hendak membimbing petani yang melaksanakan pertanian. Jadi, oleh kerana itu saya nampak sangat di peringkat akar umbi, khususnya pimpinan, supaya mereka ini diberi latihan profesionalisme kemahiran yang khusus supaya dapat mereka membantu petani-petani kita secara khusus menjayakan pertanian kita. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat atas saranan tadi, jadi....

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Parit, bangun.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya amat setujulah cadangan dan apa yang dibuat oleh kementerian untuk melatih pegawai-pegawai ini dalam bidang kemahiran, teknikal dan sebagainya. Tetapi apa yang lebih penting ialah latihan bagaimana untuk berhubung, bermesra dengan petani kerana inilah rungutan yang kita dengar selama dua, tiga hari ini, soal kegagalan para pegawai untuk berinteraksi dengan petani-petani atau penternak-penternak ini dengan lebih rapat.

Saya tertarik dengan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa semalam, yang menceritakan kepada kita bagaimana pegawai-pegawai di Jabatan Pertanian di Thailand begitu mesra, begitu rapat dengan petani sebab itulah program di Thailand itu, salah satu sebabnya boleh berjaya sehingga menjadikan Thailand negara yang maju dalam bidang pertanian. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi sebenarnya selain daripada latihan kepada pegawai yang saya bacakan tadi adalah rangkaian program kita untuk menggalakkan belia menyertai bidang pertanian. Jadi, memang dicadangkan supaya kita ada kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan. Untuk makluman, memang kita sudah ada satu rangkaian kerjasama, diwujudkan bersama Kementerian Belia dan Sukan bagi melibatkan belia untuk menceburi dalam bidang pertanian. Kita sudah wujudkan usahawan tani, belia tani dan mahasiswa-mahasiswa menganggur yang kita galakan untuk masuk bidang pertanian.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bertanya dari segi lembu tenusu....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebut tentang Tangga Batu. Saya ada satu perkara yang saya bawa mungkin perlu penjelasan.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebut tentang PFA - *Pig Farming Area*. Di Melaka, Yang Berhormat, ada satu kawasan Alor Gajah jumlah babi ataupun khinzir yang ditenak di kawasan Alor Gajah ini di dua pusat ternakan adalah di Paya Mengkuang dan juga di Air Molek sebanyak 135,000 ekor. Ratio babi dengan rakyat Alor Gajah penduduk Alor Gajah 1:1, [Disampuk] Satu rakyat, satu babi. Air sungai yang mengalir masuk ke Selat Melaka itu hitam, melekat hitamnya, Yang Berhormat. Saya bertanya semalam tentang bagaimana kita mengangkut babi ini dari *farming area* ke pusat-pusat pasaran, pusat-pusat pemasaran daging babi. Jadi, ini perlu diberikan perhatian oleh pihak kementerian.

Indonesia, Filipina, tidak usah cerita pasal Amsterdam, ia bela babi jutaan ekor tetapi sungai dia tetap jernih, air yang mengalir keluar ke laut. Orang tidak tahu pun ada kegiatan menternak babi di dalam kawasan mereka. Saya minta supaya pihak kementerian letakkan unit-unit, gunakan sedikit peruntukan, unit-unit penguatkuasaan supaya penyembelihan babi, penyiangan babi ini berlaku di dalam *Pig Farming Area* tersebut, di samping memberikan perhatian kepada sisa-sisa babi ini daripada dibuangkan menjejaskan alam sekitar dan lain-lain lagi. Ini penting, Tuan Pengerusi, kerana ia boleh menyentuh sensitiviti kaum di negara kita. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya konsep *Pig Farming Area* termasuk semua itu jadi kita hendak mengurangkan pencemaran dan semuanya dilakukan di dalam kawasan itu. Termasuk bau-bau busuk itu semua tidak ada lagi. Jadi, ada konsep sebab itulah kita mesti menentukan, kerajaan negeri mesti menentukan kepada kita kawasannya supaya sistem terkini ini boleh diimplementasikan. Jadi semua pencemaran dan semuanya itu, insya-Allah dihapuskan.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat mengenai lembu tenusu. Ternakan lembu tenusu kawasan tropika memang kurang susu. Dia kata tadi pasal kurang susu memang kurang susu sebab ini kawasan tropika dan berbanding dengan jenis *temperate*. Oleh itu, usaha penambah baik baka dijalankan secara berterusan. Baka Mafriwal yang dihasilkan sejak tahun 80-an perlu terus ditambah baik supaya berupaya menambah pengeluaran susu. Di

samping faktor genetik, faktor-faktor lain seperti pemakanan dan pengurusan juga mempengaruhi pengeluaran susu.

Untuk makluman, memang betul Yang Berhormat harga susu adalah RM1.35 seliter dan ia adalah setanding dengan harga susu yang diimport. Jika ia dinaikkan, kilang akan banyak mengimport daripada membeli susu tempatan. Jadi kita kena *controlkan* harga ini. Mengenai pengimportan lembu boleh dibuat asalkan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Syarat-syarat tersebut tertakluk kepada tahap *sanitary* dan *phuto-sanitary* negara berkaitan dan analisis risiko yang dijalankan.

Mengenai wawasan Bank Pertanian....

Tuan M. Kula Segaran: Sedikit, ya. Mengenai harga susu yang ditetapkan oleh kementerian. Sekarang yang dikatakan RM1.35, itu sudah lebih kurang 10 tahun. Saya tahu harga di luar negara lebih kurang dalam lingkungan tersebut, tetapi kita perlu memberi insentif dan galakan yang tertentu supaya lebih orang menternak lembu dan susu keluaran itu dapat dibeli oleh kementerian. Bolehkah ini dikaji balik supaya rungutan-rungutan yang saya terima, aduan-aduan yang mengatakan *is far too long the price of milk has been like that*, supaya menaikkan kepada RM2.50kah, sedemikian.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya telah perelaskan tadi nanti pegawai akan ambil maklum.

Mengenai penyakit kuku dan mulut. Pada tahun ini sebanyak 524 kes telah berlaku di Kelantan, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan. Kawalan dan *surveillance* masih dijalankan. Dalam jangka panjang, program pembasmian penyakit ini disasarkan mengikut zon bermula dari Selatan Semenanjung. Negeri Sabah dan Sarawak telah pun diisytihar bebas daripada penyakit ini sejak tahun 2004.

Mengenai wawasan Bank Pertanian. Bank Pertanian ini memang hendak menjadikan sebuah bank terkemuka yang memainkan peranan utama dalam sektor pertanian di Malaysia. Yang Berhormat, bukan sahaja dari segi *collateral*, sebenarnya bila hendak memutuskan sama ada boleh dipertimbangkan, kita melihat kepada 5C, iaitu pertama *character*, kedua *capital*, ketiga *condition*, keempat *capacity* dan *last collateral*. Memanglah *collateral* itu mana-mana bank pun memerlukan *collateral*, tetapi di Kementerian Pertanian kita ada satu konsep, kalau hendak menggunakan MOA *in corporate* kita boleh kurangkan nilai cagar setakat 40% daripada nilai pinjaman yang diluluskan.

Mengenai Yang Berhormat bagi Kota Belud iaitu kekurangan pelaburan asing dalam sektor pertanian.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Saya minta jalan sedikit mengenai Bank Pertanian ini. Saya difahamkan di Thailand apabila sesuatu pihak syarikat atau individu yang memohon untuk pertanian dia pakai sistem terutama sekali ada panel daripada yang mahir betul dari segi pertanian ini, yang berjaya, dua orang untuk *interview* selain daripada pihak akauntan ini, *interview*. Dan, *interview farmers* sendiri atau peminjam sendiri dan melawat tempat itu. Kemudian dia gunakan *smart loan*. *Smart loan* ini ertinya macam *housing loan*, iaitu ia kira dasarnya *over draft* tetapi *loan*. Ia mengenakan caj mengikut penggunaan, kalau katalah - dia beri setakat itu bila sudah siap semua sekali barulah setiap panel ini dia pergi tengok dan penggunaan kewangan ini betul-betul menepati kehendak. Adakah ini dipakai di bank kita?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Semua itu dipakai, Yang Berhormat, prosesnya dan memang dari segi itu mesti ada, kita melihat pun tempat yang dia hendak usahakan sekali. Jadi, itulah kadang-kadang masa ada panjang sedikitlah untuk kita mempertimbangkan. Semua itu yang saya katakan 5C tadi digunakan dengan terperinci oleh pegawai-pegawai. Terima kasih, Yang Berhormat memang mahirlah dari segi apa yang berlaku di Thailand. [Ketawa] Mengenai kurangnya pelaburan asing....

Tuan M. Kula Segaran: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Barat bangun.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi sedikit. Saya ada bangkitkan mengenai perkara Minta jalan! Mengenai *fund for food*, tiada apa-apa jawapan.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: *Fund for food*, memang 3F ini sentiasa ada di situ. Untuk makluman, berkaitan dengan dana 3F, bermula tahun 1995, Bank Negara telah melantik Bank Pertanian bagi meningkatkan pengeluaran makanan dengan menggunakan baki dana 3F.

Yang pertama, sehingga bulan Ogos 2005, Bank Pertanian telah menggunakan peruntukan Bank Negara dan Kementerian Kewangan dengan jumlah pengeluaran dana sebanyak RM1.1 bilion. Prestasi permohonan dan bayaran balik pinjaman adalah memuaskan. Ini disebabkan kadar faedah yang rendah iaitu 3.75% setahun. Bayaran balik yang fleksibel serta penyeliaan kemajuan projek dan khidmat nasihat yang diberikan oleh Bank Pertanian dan cagaran adalah diperlukan bagi menimbangkan permohonan pinjaman dana 3F. Itu pasal 3Flah.

Jadi, itu 3F tetapi dari segi dana-dana yang lain, yang diberikan oleh Bank Pertanian tidak ada had, tetapi masalah melalui syarat yang 5C. Adanya meminjam sehingga RM40 juta dan sebagainya tidak ada had sebab terpulang kepada kemampuan membayar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat boleh habiskan jawapan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh habiskan jawapan?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Habiskan!

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Panjang. [Ketawa] Hendak habiskan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, kalau boleh sila habiskan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: [Ketawa] Jadi, Yang Berhormat, mengenai Yang Berhormat bagi Kuala Selangor yang banyak membangkitkan dari segi nanas, benih nanas ini memanglah ada kekurangannya, memandangkan bahawa Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia telah dibubarkan, jadi Yang Berhormat Menteri telah memutuskan pada 15 September di mana Jemaah Menteri, barulah Lembaga Nanas ini diwujudkan lagi. Oleh yang demikian, memanglah dari segi bekalan benih ini memang berkurangan dan semenjak ianya telah diwujudkan dan diberikan pula insentif 2,400 ekar, ramai pekebun kecil dengan mendadak telah berminat. Jadi, insya-Allah semua ini telah ditentukan dan akan dibekalkan benih-benih nanas ini.

Mengenai daun nanas yang boleh dijadikan fabrik dan kertas, Lembaga akan menjalankan aktiviti hiliran ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Mengenai tanah-tanah terbiar, kementerian telah mengenal pasti 12,000 hektar tanah terbiar yang sesuai untuk penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran.

Mengenai Yang Berhormat bagi Batu Gajah yang bertanya mengenai kementerian ini mengambil maklum masalah

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sabak Bernam?

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Kuala Selangor.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kuala Selangor, ya.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Banyak soalan yang saya bangkitkan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak jawab. Di antaranya, Projek Barat Laut Selangor yang mana tadi Yang Berhormat bagi Lipis pun tanya soal status projek IDP di seluruh negara, khususnya Projek Barat Laut Selangor tinggal pejabat sahaja. Di ibu pejabat, pegawai dan kakitangan sudah dipindahkan ke Jabatan Pertanian. Jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Tani di bawah hilang hala tuju dan didapati aktiviti penyelidikan, pengeluaran, pemasaran dan pemprosesan agak bertindih di antara satu jabatan dengan satu jabatan yang lain.

Umpamanya FAMA tanam serai, Jabatan Pertanian tanam serai, Projek Barat Laut juga tanam serai, jadi satu pendekatan agar IDP, khususnya Projek Barat Laut ini diperbaharui, diaktifkan semula supaya wujud penyelarasan konsep *integrated planning* dan juga *implementation* serta *monitoring*. Itu sebabnya kelemahan Jawatankuasa Pertanian di peringkat daerah yang tidak bermesyuarat dan kita harap satu mekanisme baru diwujudkan dan kalau dapat biarlah IDP, dahulu ada Jawatankuasa Penyelarasan diwujudkan, kalau dapat diteruskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya ingat jawab petanglah. Sudah pukul 1 lebih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, terima kasih atas cadangan itu, jadi kita ambil kira. Mengenai penanaman limau barli, isu tanah di bawahnya adalah di bawah negeri, tetapi kementerian telah kerap kali membangkitkan isu tanah di mesyuarat Exco kerajaan-kerajaan supaya dapat diatasi. Dan untuk makluman, Jabatan Pertanian ada rancangan untuk membangunkan lebih kurang 700 hektar kawasan baru bagi tanaman limau barli di daerah Kuala Kangsar dan Manjung.

Mengenai daripada Yang Berhormat bagi Sekijang, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dan Yang Berhormat bagi Setiu, iaitu kejayaan projek mesti ada kajian terperinci. Kementerian akan menekankan supaya cadangan-cadangan ini dilaksanakan iaitu kajian yang dilaksanakan adalah termasuk kajian kesesuaian iklim, kajian kesesuaian tapak, penyiasatan kesesuaian tanah, kajian kedapatan air dan kualiti air, analisis kewangan dan daya maju projek. Pemantauan yang rapi dan khidmat pengembangan yang lebih mantap akan lebih ditekankan.

Yang Berhormat bagi Beluran, penanaman rumpai laut. Lembaga Kemajuan Ikan telah memohon peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan berjumlah RM2.5 juta untuk meningkatkan tanaman rumpai laut di Semporna, Sabah. Peruntukan ini bagi meningkatkan infrastruktur, khidmat sokongan dan R&D. Langkah ini dijangka meningkatkan pendapatan seramai 100 orang yang terlibat dengan projek ini.

Mengenai reban tertutup. Kawalan dan pelesenan ayam dilaksanakan oleh kerajaan negeri, Enakmen Penternakan Ayam. Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah mencadangkan peraturan seragam bagi sistem reban ayam tertutup dilaksanakan di setiap negeri melalui enakmen tersebut.

Yang Berhormat bagi Langkawi menyentuh projek ternakan udang di Bukit Maluk, Langkawi.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, apa lagi?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Pengerusi, ini tentang reban tertutup dengan reban terbuka ini. Saya ingat di negeri Selangor masih banyak lagi reban terbuka. Maksudnya bila reban terbuka, dia punya kelemahan ialah bau dan pencemaran. Oleh kerana itu saya ingin bertanya, apakah ada insentif daripada pihak kerajaan kepada petani-

petani ini untuk mengubah reban terbuka ini kepada reban tertutup. Saya difahamkan, kosnya pun agak tinggi. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah enakmen yang kita minta di peringkat negeri dahulu, barulah kita dapat dilaksanakan dan mungkin beberapa cadangan Yang Berhormat itu akan kita ambil kira juga.

Projek ternakan udang ini di bawah LKIM di Bukit Maluk, Langkawi telah diswastakan kepada Syarikat Sumber Nadi Alam Sdn. Bhd. Projek ini masih berjalan dan mengeluarkan hasil-hasil sehingga kini. Projek telah diswastakan sejak Mei 2003 dan dipantau pelaksanaannya mengikut perjanjian penswastaannya bersama LKIM.

Mengenai Yang Berhormat bagi Lipis....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Langkawi bangun.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Pengerusi, saya hendak tahu projek ini dijalankan dalam tahun 1991 oleh Yang Berhormat Tan Sri Sanusi Junid pada masa itu. Sehingga 2002, projek langsung tidak ada langsung berjalan. Saya memperkatakan ini kerana pembaziran berlaku. Kalau bagi RM3 bilion pun tidak ada makna. Kalau bangkit Sanglang, Arau, bertahun, tidak ada jalan pun. Ikutlah pada mereka.

Pada mereka, pada tahun 1991 ke 2002. Tetapi apakah produknya? Satu lagi *factory* yang diadakan dua buah itu, berjalan ataupun tidak? Ini duit kerajaan, beratus juta ringgit, berjuta-juta ringgit. Kalaupun ini berlaku, sudah tentulah kita hendak luluskan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, sudah tentulah tidak ada apa. Jadi itulah, saya kata lagi, tindakan pegawai kita *more innovativel*ah sedikit. *You are intention of the officers*, saya kata dulu, gajah mati, apa sudah jadi dengan gajah mati? Gajah mati, mati sahajalah, lalang tumbuh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Yang Berhormat, bukanlah saya hendak ini, tetapi itulah saya hendakkan pegawai lihat perkara ini dengan serius. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapa jam lagi hendak habis?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Dua minit lagi. Yang Berhormat bagi Lipis, yang lain itu saya rasa telah terangkum dalam jawapan yang lain, ini dari segi perjawatan. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Lipis, jawatan pegawai pertanian ini akan diisi pada 1 Januari 2006, di mana sekarang ini kita telah dalam urusan mengambil pegawai dan juga membuat *reshuffling* di dalam jabatan.

Mengenai Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, lesen *charter* bagi *vessel* di Semenanjung akan tamat pada Jun 2006. Tetapi bagi Sarawak dan Sabah, masih dilanjutkan sampai satu tarikh yang akan ditentukan memandangkan industri perikanan laut dalam di Sarawak dan Sabah masih memerlukan input luar. Namun begitu, permit ini juga akan ditamatkan setelah satu perbincangan yang lebih mendalam diadakan antara pengusaha *vessel charter* dan pengusaha tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, yang *direnew* itu, satu belum sampai tempoh tiga tahun dan kalau sudah melewati tempoh tiga tahun, yang sudah itu kita tengok dari segi prestasi. Yang Berhormat bayangkan kalau semua *charter* ini kita berhentikan, apa akan terjadi kepada Pelabuhan Tanjong Manis. Sebab di sana pelabur-pelabur memang ramai telah melaburkan. Jadi lesen mereka ini kita teruskan atas dasar prestasi yang baik di mana mereka juga melabur dan bukan membawa ikan kita lari ke negara asal.

Yang Berhormat, yang ini dahulu, konsortium. Konsortium dicadangkan untuk menjana modal dan usaha untuk industri perikanan laut dalam peringkat penangkapan ikan dan pemprosesan dan pemasaran. Usaha ini adalah untuk lebih seragam dan berintegrasi. Akhirnya, ia akan melibatkan semua yang berminat termasuk nelayan dengan pulangan yang lebih mantap. Jadi kita adakan dahulu beberapa *anchor company* di mana dana terkumpul yang diperlukan adalah RM100 juta.

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, saya tidak ada masa, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: *Lastnya* ialah Yang Berhormat bagi Bagan. Yang Berhormat bagi Bagan iaitu mengenai bekalan diesel...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ...iaitu satu input yang begitu penting...

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ...dalam sektor perikanan. Jadi, Yang Berhormat...

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ...subsidi diesel ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Bandar Kuching.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: .. akan bermula pada 1 Januari 2006.

Tuan Chong Chieng Jen: Tuan Pengerusi, saya tunggu di sini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dengar jawapan dahulu.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi, subsidi diesel...

Tuan Chong Chieng Jen: Jawapan itu ada berbeza dengan apa yang telah dikeluarkan dalam sesi lain.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, saya menjawab bagi Yang Berhormat bagi Bagan ini. Subsidi diesel akan bermula pada 1 Januari 2006. Yang Berhormat boleh jumpa saya dekat luarlah nanti. Tetapi semua nelayan silalah berdaftar dengan LKIM secepat mungkin sebab hendak mengeluarkan satu *smart card*. *Smart card* ini diperlukan, Tuan Pengerusi, supaya tidak terjadinya *abuse* kepada subsidi yang diberikan. Walau bagaimanapun harga diesel, nelayan akan diberi pada harga RM1.00 seliter dan ia pula mengikut kategori, ada had-hadnya.

Jadi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dan...

Tuan Lim Hock Seng: Pukat tunda, saiz pukat tunda.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Kepada semua Ahli Yang Berhormat...

Tuan Lim Hock Seng: Ini tidak boleh.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya akan minta pegawai saya memberi jawapan bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya memang catat secara terperinci dan di mana saya terlepas daripada sini, saya akan minta jawapan itu bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Cukuplah, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,550,315,200 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,550,315,200 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,710,000,000 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,710,000,000 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.12 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.22 [Jadual] -

Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan 2006] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.22 dan Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah terbuka untuk dibahas. Larut.

2.33 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuma hendak bercakap sedikit sahaja dalam bab kementerian ini di bawah Butiran 03040 – Pembangunan Sosioekonomi.

Terima kasih kepada kementerian ini kerana telah banyak mengeluarkan peruntukan bagi mempertingkatkan lagi kegunaan asas di kawasan-kawasan luar bandar walaupun peruntukan yang disediakan itu masih belum mencukupi tetapi memadai. Sekurang-kurangnya kerajaan dari masa ke semasa sentiasa melihat bagaimana kemudahan-kemudahan untuk meningkatkan lagi taraf sosioekonomi penduduk luar bandar ini dapat dilaksanakan terutama di kawasan-kawasan yang masih memerlukan banyak lagi kemudahan-kemudahan seperti jalan raya, masalah perparitan, dan sebagainya lagi.

Saya melihat apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menekankan bahawa masalah sosial remaja yang membabitkan dadah menjadi musuh utama negara kita, sudah tentu kita mesti melihat, kita menjuruskan kepada apa lagi kemudahan-kemudahan yang boleh menyatukan pertubuhan-pertubuhan belia ini, umpamanya tempat untuk mereka berhimpun di mana mereka boleh bermesyuarat, mengadakan kegiatan-kegiatan dan sebagainya.

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian ini supaya diadakan satu peruntukan khas bagi mendirikan kompleks-kompleks, dewan-dewan serba guna di

kawasan-kawasan Parlimen menggantikan dewan *community hall*, dengan izin, yang dahulu merupakan tempat bagi JKK mengadakan mesyuarat pertemuan dan sebagainya. Dengan adanya dewan serba guna ini, kita boleh menggunakan untuk pelbagai jenis kegiatan untuk bermesyuarat, untuk pertemuan masyarakat, belia-belia, untuk tujuan bersukan dan *indoor activity*. Setidak-tidaknya projek ini boleh membantu kontraktor-kontraktor Kelas F yang hanya mampu dibenarkan menjalankan projek bernilai RM200 ribu ke bawah. Dengan adanya projek ini, kita boleh bukan sahaja melihat, mempertingkatkan lagi kemampuan Kelas F, bahkan membantu menyelesaikan masalah sosial yang berlaku di kawasan-kawasan luar bandar.

Kerana kita tahu di antara sebab berlakunya masalah remaja, masalah dadah, kejatuhan nilai akhlak adalah kerana mereka ini tidak ada tempat untuk menjalankan kegiatan. Mengikut pengalaman kami sebagai wakil rakyat, untuk mendirikan sebuah kompleks serba guna, satu *court* badminton sebagai contoh, hanya sekitar RM150 ribu. Kalau di setiap kawasan Parlimen, adanya kemudahan seperti ini, setiap tahun sudah berapa banyak kemudahan sukan, kemudahan untuk pertemuan belia dapat diadakan.

Saya hendak respons kepada cadangan Menteri Belia dan Sukan yang akan mendirikan kompleks bernilai RM2 juta di setiap kawasan Parlimen dan DUN. Kita amat mengalu-alukan kerana ini merupakan satu lagi kemudahan bagi tujuan yang telah saya sebutkan tadi. Tetapi kita kena ingat, apakah adanya projek seperti ini yang kita bertujuan untuk *centralizekan*, dengan izin, segala kegiatan mampu untuk kita selenggarakan, *maintenance*. RM2 juta ini bukan sedikit untuk projek kompleks ini, Tuan Pengerusi.

Walaupun hendak dibenarkan persatuan belia, kelab-kelab untuk mengendalikannya dengan geran yang disediakan, apa salahnya kalau boleh pihak yang berkenaan setelah saya sebutkan tadi, mengkaji semula, memberi peluang kepada Ahli-ahli Parlimen terutamanya atau pegawai-pegawai daerah, tetapi saya lebih suka kepada Ahli-ahli Parlimen mengikut tempat masing-masing. Apakah mereka ingin memilih kompleks yang bernilai RM2 juta itu untuk *dicentralizekan*, dipusatkan atau mengikut kekurangan kemudahan-kemudahan yang ada di kampung-kampung atau di tempat-tempat Parlimen yang berkenaan.

Kalau timbul masalah padang, mungkin wang RM2 juta itu boleh dipecah-pecahkan untuk tujuan kemudahan asas sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi. Jadi saya benar-benar walaupun kementerian ini turut memberi perhatian kepada kemudahan asas tetapi masalah ini kalau kita sama-sama pertimbangkan, insya-Allah, masalah remaja ini yang akan menjadi bangsa, warga untuk masa depan negara akan melihat betapa mereka juga turut diberikan perhatian.

Saya juga ingin mencadangkan supaya penyelarasan di peringkat daerah terutama sekali dalam pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan oleh kementerian ini. Kadang-kadang timbul masalah di peringkat daerah, projek jalan PJK, JKR juga mengendalikannya, pejabat daerah juga mengendalikannya. Kadang-kadang timbul pertindihan terutama kami sebagai Ahli Parlimen kadang-kadang merasa keliru dengan kuasa yang ada kepada dua agensi berkenaan. JKR dengan pertimbangannya dan pejabat daerah dengan pertimbangannya ke atas projek-projek yang hendak dilaksanakan di peringkat kawasan ini.

Jadi Tuan Pengerusi, saya berharap kalau boleh ditubuhkan satu jawatankuasa yang membabitkan semua peringkat, bagaimana pelaksanaan projek-projek di peringkat daerah ini setiap tahun dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Kadang-kadang ada projek-projek yang tidak dilaksanakan tiba-tiba telah diberi pembayaran. Walaupun JKK dilantik sebagai agensi kerajaan untuk membuat pemantauan, tetapi apakah pelaksanaan tersebut benar-benar mengikut *specs* ataupun kelulusan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah saya hendak sentuh dalam Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di peringkat Jawatankuasa ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: [*Bangun*]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bera.

2.40 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 iaitu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan saya ingin khusus bercakap pada hari ini adalah mengenai Orang Asli, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Seperti yang kita tahu bahawa penekanan membantu Orang Asli bukan sahaja sepatutnya kepada pembangunan dari segi fizikal, tetapi juga pembangunan dari segi minda mereka. Bahawa masyarakat Orang Asli bagi membolehkan mereka bersaing di dalam dunia yang serba mencabar dan kompleks, perubahan minda mereka perlu diberi perhatian dan diberikan keutamaan. Dan perubahan minda mereka sepatutnya bermula semenjak daripada zaman prasekolah hinggalah tamat persekolahan.

Saya nak memberi contoh, saya ambil satu persatu yang ada kaitan juga dengan KEMAS di bawah Butiran 20000. Masalah sekolah-sekolah KEMAS di perkampungan Orang Asli. Walaupun dasar KEMAS iaitu setiap 25 orang ataupun 20 hingga 25 pelajar KEMAS boleh membuka kelas-kelas KEMAS, tetapi banyak kelas KEMAS tidak mampu dibuka di kawasan perkampungan Orang Asli kerana kekurangan guru-guru KEMAS untuk mengajar anak-anak Orang Asli ini.

Saya menghadapi masalah-masalah ini dibanyak perkampungan Orang Asli di tempat saya sendiri. Apabila kita utarakan kepada pihak kementerian, pihak kementerian kata tidak ada guru dan mereka minta supaya dihantarkan senarai guru-guru KEMAS di kalangan penduduk asli sendiri, dan saya rasa memang wajar kalau sekolah perkampungan asli guru KEMASnya daripada kalangan kaum asli kerana mereka lebih memahami tentang kehidupan kaum mereka sendiri.

Masalahnya apabila dihantar guru ataupun nama-nama tenaga pengajar yang perlu dilatih oleh pihak KEMAS nama-nama tersebut hilang begitu sahaja. Jadi, akhirnya kawasan-kawasan asli yang tidak mempunyai guru KEMAS mereka tidak mampu untuk membuka kelas-kelas KEMAS untuk anak-anak Orang Asli. Dan anak Orang Asli tidak boleh nak dihantar ke sekolah KEMAS di perkampungan Melayu kerana masalah sikap mereka. Mereka masih mempunyai perasaan rendah diri dan sebagainya untuk bersaing bersama dengan anak-anak orang Melayu di kampung-kampung Melayu. Jadi, kita tidak ada pilihan, pihak kerajaan tidak ada pilihan, pihak kerajaan mesti menguntukkan guru-guru di kalangan Orang Asli untuk mengajar di kelas-kelas KEMAS di perkampungan asli. Jadi, saya berharap soal pendidikan prasekolah di kalangan anak-anak Orang Asli diberi keutamaan kerana jika tidak mereka akan ketinggalan.

Dan seterusnya kita naik ke sekolah-sekolah rendah, seperti kita tahu bahawa anak-anak Orang Asli terpaksa dihantar bersekolah di kawasan yang lebih jauh, jauh daripada perkampungan mereka. Mereka dihantar kadang-kadang tidak menggunakan motokar seperti di kampung-kampung Melayu, JHEOA biasanya menguntukkan lori misalannya salah satu *transport* dia, kerana kawasan jalan yang buruk mereka menghantar menggunakan lori dan sebagainya. Mereka menghantar pergi dan kembali selepas habis waktu sekolah. Dengan ini anak-anak Orang Asli tidak akan tinggal meneruskan kelas tambahan di waktu petang ..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan sedikit.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: ...dan kurikulum..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Ya, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya nak tanya..

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Ada minat Orang Asli lagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bera, bukan minat... Orang Asli ini dah banyak kali kita bercakap di Dewan yang mulia ini. Mereka ini diberikan

perhatian, tapi mungkin tak begitu konsisten. Jadi, saya nak bercadang kepada Yang Berhormat Bera, kawasan yang banyak Orang Asli ini. Yang Berhormat pun pernah diinterview dalam radio Orang Asli. Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya Jabatan Orang Asli diangkat ke suatu tempat yang ada pengiktirafan seperti agensi-agensi yang lain supaya mereka ini tidak ketinggalan ya, kerana mereka ini juga adalah merupakan sebahagian daripada rakyat, masyarakat di negara kita ini. Kita tidak mahu ada perbezaan seperti mana di luar negara, kerana mereka ini juga merupakan masyarakat kalau benar-benar diberikan perhatian lebih baik mungkin seperti di Amerika.

Jadi, Jabatan Orang Asli ini mesti diletakkan di suatu tempat yang penting bukan sahaja khas, supaya mereka juga merasakan bahawa mereka ini turut diberikan perhatian setiap masa. Mungkin mereka suatu hari nanti lebih baik dari Bera. Apa pandangan Bera? Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih kepada Yang Berhormat Larut. Saya bersetuju, saya bersetuju. Saya bercakap tentang Orang Asli ini daripada mula saya berada di Dewan ini sehingga ke hari ini, dan perkara yang sama juga mungkin saya bangkitkan seperti yang saya nak bangkitkan selepas ini tentang sekolah tadi, anak Orang Asli balik daripada sekolah apabila balik ke rumah kerana kedudukan yang jauh dan sukar untuk kembali ke sekolah akhirnya mereka tidak akan balik ke sekolah untuk pelajaran tambahan, kelas tambahan dan juga kurikulum dan ini menyebabkan mereka tertinggal. Alasan mereka banyak, mereka tidak mampu untuk pergi dengan keadaan yang begitu sukar.

Dan saya dah mencadangkan tahun lepas dan mencadangkan juga kepada Kementerian Pelajaran baru-baru ini supaya diwujudkan skim makanan tambahan khusus untuk anak-anak Orang Asli yang terpaksa balik tadi? Kalau diwujudkan skim atau program makanan tambahan tentu sahaja anak-anak Orang Asli ini akan tinggal di sekolah makan tengah hari, dan mereka boleh mengikuti kelas tambahan dan sebagainya. Kementerian Pelajaran sudah memberikan jawapan bahawa mereka mungkin tidak ada peruntukan dan perkara inilah sepatutnya diambil JHEOA - Jabatan Hal Ehwal Orang Asli supaya mengambil inisiatif ini untuk memberikan makanan tambahan kepada anak-anak Orang Asli ini.

Kalau kita nak bercakap minda, pertukaran minda, perkembangan minda bagaimana kalau daripada sekolah Tadika sudah tidak ada kelas di kampung mereka, jikalau hantar ke sekolah kebangsaan mereka terpaksa pulang dan tak pergi untuk belajar tambahan akhirnya mereka tentu sahaja akan keciciran. Pada hari ini separuh daripada kemiskinan tegar di dalam negara adalah di kalangan Orang-orang Asli. Bererti saya setuju dengan Larut tadi bahawa satu tumpuan yang khusus mesti diberikan. Sekarang saya nak beri contoh di dalam soal kebajikan masyarakat, di dalam bantuan kebajikan ibu tunggal, orang miskin di kalangan Orang Asli.

Apabila merujuk kepada kebajikan masyarakat, kebajikan masyarakat kata, "*Awak ada JHEOA untuk mengambil berat tentang awak, jadi balik kepada JHEOA*". Kebajikan masyarakat juga tidak beri atas alasan ada JHEOA. Tetapi masalah JHEOA adalah masalah kewangan dan sebagainya. Dari segi latihan selepas anak asli ini keluar, anak Orang Asli gagal misalnya.

Latihan - pada tahun depan 2006 cuma 1.58 juta sahaja diperuntukkan untuk latihan. Saya nak beri contoh di satu kampung saya beri mesin jahit kerana wanita di kampung itu beliawanis-beliawanis minta supaya diwujudkan, diberi mereka tiga mesin jahit. Saya luluskan mesin jahit, masalahlah dia mesin jahit diberi tidak ada tenaga yang nak melatih mereka menjahit. Jadi, tidak ada makna, sebab itu JHEOA mesti memberikan tumpuan bukan sahaja prasekolah, masa di sekolah rendah malah selepas mereka keluar sekolah dan menganggur. Orang Asli mesti diberi latihan secukupnya supaya mereka boleh hidup di dalam zaman yang mencabar seperti ini. Ada berapa minit lagi, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Dua minit lagi.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Dua minit. Boleh tak saya habiskan dua minit. Satu lagi yang saya nak ringkas, satu lagi yang saya nak ringkas nak disebut secara ringkas mengenai rizab Orang Asli, tanah simpanan Orang Asli. Sekarang masalah tanah simpanan Orang Asli hanya separuh daripada tanah simpanan Orang Asli di seluruh negara yang diwartakan.

Alasan pihak kementerian masalah tanah adalah masalah kerajaan negeri. Tolak kerajaan negeri, kerajaan negeri tolak kepada pihak kementerian. Yang menjadi mangsa adalah Orang Asli. Tanah mereka yang diteroka sejak datuk, nenek moyang mereka mengikut akta mereka, itu adalah hak mereka bagi pandangan mereka. Tetapi pihak kerajaan tidak menganggap seperti itu.

Apabila tanah itu diambil untuk dibangunkan untuk rancangan tanah seperti FELCRA dan sebagainya akan timbul masalah kerana bagi persepsi mereka, tanah itu tanah mereka walaupun sebenarnya mungkin bukan. Mungkin itu tanah kerajaan yang bebas yang kerajaan boleh ambil, tetapi kerana masalah pewartaan itu tidak dibuat akhirnya timbullah salah dari segi persepsi. Persepsi Orang Asli itu adalah hak mereka. Daripada pihak kerajaan, itu bukan hak mereka kerana tanah itu bukan tanah mereka dan keluar daripada hak mereka itu. Jadi, timbul masalah.

Banyak masalah akhirnya timbul, menjadi pertentangan di antara Orang Asli dan pihak kerajaan kerana tanah-tanah Orang Asli yang sepatutnya diwartakan masih belum diwartakan. Saya harap pihak kerajaan mengambil peranan, mengambil perhatian serius supaya tanah-tanah Orang Asli ini diwartakan. Kalaupun pihak berpandangan tidak mahu mewujudkan tanah rizab Orang Asli kerana alasan tidak mahu menjadi seperti *Red Indian* dan sebagainya, okey. Tidak ada masalah, tetapi beri tanah hak milik kepada mereka. Jangan tidak mahu mewartakan dengan alasan tidak mahu menjadi seperti *Red Indian* di Amerika, tetapi dalam masa yang sama tidak juga memberi hak milik kepada mereka.

Kalau boleh beri hak milik berasingan juga kepada Orang Asli seperti tanah-tanah yang ada di kampung-kampung Melayu dan sebagainya. Boleh saya beri kepada Yang Berhormat Cameron Highlands yang tadi dia bertanya.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sila.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Bera. Salah satu perkara yang begitu serius sekali dari segi Orang Asli ini dan perlu diberi perhatian oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah pergerakan *migration*, golongan-golongan ketua keluarga kerana mencari rezeki di bandar dan juga di Kuala Lumpur dan sebagainya. Seterusnya keluarga itu kekurangan pemimpin kerana yang tinggal hanya golongan-golongan wanita dan anak-anak yang begitu ramai kerana Orang Asli ini khususnya mereka mempunyai anak yang begitu ramai dan apa yang berlaku adalah mereka tidak diberi bimbingan sehingga penempatan-penempatan baru menyebabkan mereka diancam oleh anasir-anasir seperti penyalahgunaan dadah dan juga ada kes-kes pelacuran dan sebagainya yang begitu serius.

Saya hendak pandangan daripada Yang Berhormat Bera, apakah rancangan jangka panjang untuk mengatasi masalah migrasi yang berlaku dengan begitu serius dan apakah belia ini perlu diberi latihan *skill*, latihan kemahiran dan penempatan yang lebih sempurna dan dikeluarkan daripada alam sekitar yang sebegitu demi menjamin mereka tidak menjadi seperti *Red Indian* yang dikatakan tadi. Minta penjelasan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Cameron Highlands, kalau hendak tanya saya apakah rancangan jangka panjang kementerian, saya rasa soalan itu saya masukkan soalan kepada pihak menteri sebab mereka patut jawab. Menteri patut jawab kerana itu rancangan jangka panjang kementerian.

Tetapi, seperti yang telah saya sebutkan tadi, perpindahan berlaku kerana tidak ada peluang pekerjaan di kalangan kampung Orang Asli itu sendiri. Kalau dari guru KEMAS, tidak ada, kalau klinik di kawasan Orang Asli kita ambil orang luar dan sebagainya. Tetapi kalau kita wujudkan peluang-peluang pekerjaan di perkampungan Orang Asli dan

memberi pekerjaan kepada anak Orang Asli, akhirnya mereka akan berada di kampung itu sendiri. Tetapi perkara ini mungkin tidak berlaku. Bukan mungkin, perkara ini tidak berlaku.

Sebab itulah akhirnya mereka terpaksa pergi ke klinik di Kuala Lumpur, bekerja sebagai guru di Kuala Lumpur, Tadika KEMAS di tempat lain dan sebagainya. Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Lipis banyak Orang Asli. *[Ketawa]*

2.54 ptg.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bercadang mengambil perhatian dalam membahaskan di peringkat Jawatankuasa. Maksud Bekalan B.22 dan Pembangunan P.22.

Yang pertama sekali saya hendak melihat dari segi KEMAS. Ini Butiran 020000 - KEMAS di bawah Program 020100. KEMAS ini di peringkat daerah atau Parlimen, saya tengok macam di kawasan Parlimen saya sendiri sekarang ini oleh kerana kawasan Parlimen itu sudah berpecah, ia dalam satu daerah tetapi ada dua kawasan Parlimen. Rasa saya terlalu berat untuk mereka hendak menanggung kedua-dua Parlimen ini. Apa yang saya harapkan di sini ialah supaya ada satu Pejabat Kemajuan Masyarakat untuk Parlimen Lipis dan juga untuk Parlimen Cameron Highlands.

Yang keduanya, kalau boleh kita letakkan seorang pegawai teknikal sama ada pembantu teknik, juruteknik atau sebagainya di KEMAS supaya mereka ini boleh membantu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam mengawal selia projek-projek fizikal Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sekarang ini projek-projek fizikal, amity sosial, projek jalan kampung dan sebagainya diberi kepada pejabat daerah (pembangunan) untuk mengendalikannya.

Tetapi oleh kerana pejabat daerah terlalu banyak perkara yang hendak dikendalikan kadang-kadang tidak sempat. Saya pernah bertanya, ada satu balai raya yang baru lagi dibuat sebut harga. Saya bertanya kepada pegawai atau juruteknik, kenapa tidak dibuat sebut harga sekarang sudah bulan November. Jawapan yang diberi katanya terlalu banyak projek yang dia kendalikan, jadi dia tidak sempat, sebab itulah dia baru hendak buat.

Saya kata kalau sudah bulan November baru hendak buat, bila hendak siap? Itu saya kata, kalau adalah pegawai mungkin di KEMAS negeri dan pastilah dia akan terus bertanggungjawab kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini menjadi lebih mudah rasa saya untuk pihak kementerian berhubung terus kerana pejabat KEMAS pastinya berada di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar ini.

Yang pertama bagi Program 020300 - Pembangunan Desa. Apa yang saya pohonkan di sini ialah supaya selaraskan Gerakan Daya Wawasan yang terletak di bawah KEMAS dan juga RISDA, kerana apa yang saya nampak bila ada pertandingan tentang keceriaan dan kampung cantik dan sebagainya, KEMAS hanya mengambil kira Gerakan Daya Wawasan yang terletak di bawah kelolaan mereka sahaja. Ini menyebabkan kampung-kampung lain ada yang tertinggal. Di sini juga saya mengharapkan sebenarnya semua kampung sepatutnya telah ada Gerakan Daya Wawasan, bukan kampung-kampung tertentu sahaja.

Bagi Program 204000 – Pendidikan Masyarakat pula, sekarang kalau kita lihat dahulu masa sebelum KEMAS ada Program Sekolah Dewasa, selepas itu menjadi KEMAS maka banyakkah program dari segi kemajuan masyarakat dibuat. Saya tengok dalam butiran dalam buku ini ada lagi kelas jahitan dan sebagainya, tetapi saya tidak nampak kelas-kelas literasi komputer dan literasi ICT dibuat. Sepatutnya perkara ini dibuat melalui KEMAS dan mereka rasa saya dapat mengajar terus penduduk-penduduk kampung dan masyarakat di luar bandar ini supaya lebih cepat dari segi literasi komputer dan literasi ICT kerana rasa saya setakat ini tidak ada satu badan atau agensi kerajaan yang

bertanggungjawab secara terus untuk memberi latihan kepada penduduk-penduduk atau masyarakat luar bandar ini dari segi literasi komputer dan literasi ICT.

Saya kata begitu kerana banyak juga ketua kampung atau Pengerusi AJK yang kita bekalkan dengan komputer, tetapi komputer itu bertutup. Lepas itu saya tanya tidak ada orang yang boleh guna. Sebab bila kita lihat ada yang minit mesyuarat mereka yang masih bertulis tangan sebab tidak ada kemahiran dalam menggunakan komputer dan juga mereka *phobia* menggunakan komputer. Walaupun ada beberapa orang yang dihantar ke INFRA rasa saya untuk membuat latihan tetapi mungkin rasa saya tidak mencukupi kalau setakat seminggu sahaja. Tetapi kalau ada program di pihak KEMAS sendiri yang berterusan, saya percaya digital *divide*, dengan izin, di kalangan penduduk bandar dan luar bandar dapat dirapatkan lagi.

Yang seterusnya adalah Butiran 00700 – KKLB&W (Pembubaran LKW) Pembubaran Lembaga Kemajuan Wilayah. Bagi saya amat malang sebenarnya Lembaga Kemajuan Wilayah ini dibubarkan kerana banyak program atau projek yang pada suatu masa dahulu dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah telah tidak dapat berjalan terutama di kawasan rasa saya di Pahang Barat, di kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, DARA dan sebagainya.

Di sini saya memohonlah kepada kementerian supaya diwujudkan semula Lembaga Kemajuan Wilayah ini terutamanya kawasan-kawasan yang telah diubah, kalau tidak hendak nama kemajuan wilayah sebab sudah pernah ditutup dahulu buatlah dengan nama-nama yang lain, tetapi asalkan ada kerana saya rasa banyak peruntukan yang boleh disalurkan dan kalau kita hendak salurkan kepada daerah-daerah sebenarnya pejabat daerah sudah terlalu banyak perkara yang hendak dibuat, dan saya rasa tidak mampu bagi mereka hendak melaksanakannya.

Bagi Butiran 020004 - bekalan air alternatif. Di dalam kawasan Parlimen saya masih banyak lagi ataupun ada beberapa tempat sebenarnya yang tidak ada bekalan air bersih bukan kerana tidak ada paip dari Jabatan Bekalan Air - tidak boleh dibuat tetapi kerana tempat-tempat tersebut sukar untuk dimasuki. Contohnya kawasan kampung-kampung yang terletak di seberang Sungai Pahang yang memang kalau kita hendak salurkan air daripada Jabatan Bekalan Air yang sedia ada ini memang mengambil kos yang mahal dan sebagainya. Jadi saya pohonlah kawasan-kawasan ini yang nama-nama kampung itu akan saya berikan kepada pihak KKLW nanti untuk dibina bekalan air alternatif ini supaya mereka juga dapat menikmati bekalan air bersih ini.

Yang akhirnya, Butiran 040000 iaitu RISDA. Dalam lawatan saya ke kawasan Parlimen saya ada rungutan yang mengatakan bahawa pihak RISDA membekalkan benih yang bermutu rendah kepada pekebun-pekebun kecil ini apabila mereka membuat program tanaman semula. Katanya, kalau dahulu sebelum ditanam semula getah yang mereka dapat penuh cawan, tetapi bila torehan getah daripada yang ditanam semula ini setengah cawan sahaja ataupun tiga suku cawan sahaja. Ada juga yang setelah mereka siasat mengatakan bahawa benih getah itu mungkin tidak berjenama langsung, tidak ada dalam senarai jenama maknanya bermutu rendah. Jadi, saya minta KKLW, khususnya RISDA menyiasat perkara ini dan memastikan bahawa bekalan benih mestilah seperti yang sepatutnya. Dengan cara ini kita telah dapat membantu meningkatkan pendapatan orang kampung.

Mengenai Orang Asli, oleh sebab Tuan Pengerusi tadi menyebut bahawa di tempat saya pun ada banyak tempat terutama bagi Orang Asli ini, ada beberapa tempat yang memang sudah ada penempatan. Dalam perkara agama, mana-mana yang sudah memeluk agama Islam memang kita telah meletakkan guru agama, tetapi oleh sebab perkampungan mereka ini ramai kanak-kanak dan sebagainya perlulah ada sebagaimana yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat bagi Bera tadi, guru-guru ataupun guru-guru KEMAS untuk membantu mereka mendapatkan sumber pendapatan hidup. Walaupun ada juga ditanam getah dan sebagainya tetapi oleh sebab mereka ini ramai, maka tidak mencukupi dan selalunya mereka keluar dan sebagainya untuk mendapatkan sumber pendapatan.

Ini menyebabkan apabila mereka berpindah mereka membawa seluruh keluarga. Ada satu sekolah kebangsaan di sana yang hampir 95% Orang Asli, ada masanya hingga

sekolah kebangsaan itu kosong. Apabila ditanya ke manakah perginya murid-murid, katanya mengikut keluarga mereka berpindah kerana kebanyakan muridnya Orang Asli. Orang Melayu yang ada tiga empat orang pun sudah jadi Orang Asli kerana mereka pun tidak datang ke sekolah sebab katanya kalau sudah tiga empat orang sahaja tidak perlulah pergi ke sekolah.

Saya rasa setakat inilah dahulu, sekian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kinabatangan.

3.05 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Ada beberapa perkara dan saya teruskan sahaja iaitu Butiran 02300 – Jalan Luar Bandar, 02500 - Jalan Kampung, 02004 - Bekalan Air, 00600 - KEMAS dan 01700 - Elektrik Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya ada satu kampung iaitu Kampung Balat. Kampung ini mempunyai sekolah TADIKA, tetapi atas usaha pemimpin masyarakat dan orang kampung, tidak ada bantuan daripada mana-mana pihak. Kampung ini cuma boleh dihubungi melalui jalan laut ataupun jalan sungai, tidak boleh menaiki kereta oleh itu sukar untuk perhubungan. Masalah yang dihadapi iaitu kita mampu mengadakan kelas tersebut tetapi untuk membayar tenaga pengajarnya tidak ada. Selama ini pemimpin masyarakat dan orang kampung berkongsi-kongsilah membayar. Dimintalah kalau boleh kementerian mengambil satu langkah bagi membantu walaupun bukan bangunan tetapi untuk membayar elaun kepada dua orang tenaga pengajar yang terlibat di sekolah tadika yang kita panggil KEMAS, pada hal ini adalah atas usaha orang kampung sendiri.

Seterusnya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kementerian ini kerana telah berjaya membawa kementerian ini ke satu tahap yang boleh berhubung terus dengan masyarakat dan juga wakil-wakil rakyat, dan kita berharap kerajaan akan menambah peruntukan yang lebih banyak kepada kementerian ini sebab saya percaya matlamat kita menuju Wawasan 2020 sebagai negara maju hendaklah berlandaskan juga pembangunan seimbang.

Kita juga percaya bahawa kita tidak akan menuju sebagai negara maju kalau pembangunan di bandar dan di luar bandar tidak begitu seimbang. Selama ini memang kementerian ini telah banyak memberi peruntukan-peruntukan khususnya di Parlimen Kinabatangan, tetapi kawasan ini terlalu tertinggal jauh dan memerlukan satu pasukan atau satu pemantauan yang lebih komprehensif untuk memastikan bahawa jalan-jalan kampung boleh berhubung di antara kampung dengan kampung yang lain sebab jalan-jalan yang sedia ada ini merupakan jalan-jalan ladang ataupun jalan-jalan *state* yang telah dinaiktarafkan dan statusnya masih *grapple* - jalan tanah merah. Kalau hari ini hujan lebat, maka alamat satu minggulah antara satu kampung dengan kampung yang lain tidak boleh berhubung dan ini memerlukan peruntukan yang banyak walaupun tadi saya telah katakan memang ada peruntukan tetapi tidak mencukupi.

Saya harap pak menteri kita dapatlah memberi perhatian dan kalau boleh Kinabatangan ini, kalau boleh saya memohon kementerian ini mewujudkan satu agensi wilayah untuk memastikan pembangunan di kawasan Kinabatangan sebab hasrat kita untuk melihat agensi wilayah untuk negeri Sabah telah tidak tercapai, mungkin kita boleh laksanakan melalui agensi wilayah Parlimen sahaja. Peruntutannya juga mungkin tidaklah begitu banyak kalau melalui Parlimen sahaja.

Seterusnya mengenai bekalan elektrik luar bandar. Tuan Pengerusi, pada ketika ini di kawasan Kinabatangan juga memang terdapat lebih kurang 40% kampung tidak ada bekalan tenaga elektrik, yang hanya ada menggunakan *genset* yang dibekalkan sama ada oleh peruntukan Parlimen ataupun oleh SESB sendiri. Tetapi ketahanannya tidak begitu lama sebab kadang-kadang dalam tiga bulan *genset* yang kita bekalkan ini rosak ataupun tidak boleh digunakan pakai. Untuk *repair* pun memerlukan peruntukan lebih kurang RM1,000 bagi kos pengangkutan dan juga *repair* untuk *genset* ini.

Tiang lampu elektrik luar bandar yang setakat di Kinabatangan hanya sampai di kawasan Kampung Langkabung sahaja. Daripada Kampung Langkabung ini sampai ke tujuh kampung-kampung yang lain belum ada. Jadi, mintalah kementerian memberi peruntukan selaras dengan kehendak kerajaan melihat seluruh rakyat diberi fasiliti menerangi kawasan-kawasan kampung mereka.

Demikian juga dengan bekalan air, sehingga hari ini masih terdapat lebih kurang 37 buah kampung menggunakan bekalan air hujan, ada yang menggunakan perigi dan ini juga memerlukan perhatian. Kita telah mengenal pasti beberapa tapak untuk dijadikan sebagai bekalan air graviti bagi kawasan-kawasan yang terlalu sukar dihubungi oleh kenderaan ataupun apa-apa hubungan, maka terpaksa menggunakan sumber yang sedia ada untuk dinaiktarafkan. Cuma ia memerlukan sedikit peruntukan untuk memastikan bahawa masyarakat luar bandar juga mendapat bekalan air bersih ini.

Di kawasan ini, Tuan Pengerusi, tidak ada Orang Asli. Cuma status mereka sama, dipanggil anak tempatan, tetapi kalau ditengok kedaifan mereka, kalau ada masa saya sudah lama berhasrat membawa menteri kita melihat kawasan ini. Ini kerana kawasan ini terlalu terpencil seperti yang saya katakan ada anak-anak murid sekolah bangun pukul tiga pagi, mereka kena turun sekolah jam empat pagi, jalan kaki tujuh kilometer, sepuluh kilometer. Balik pun begitu.

Jadi, inilah antara lain rentetan-rentetan yang hendak saya sampaikan, supaya kementerian ini, kalau boleh saya meminta lebihlah sedikit untuk kawasan pedalaman Kinabatangan untuk mempertingkatkan sosioekonomi dan juga prasarana di kawasan Parlimen ini. Dengan ini saya menyokong, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Parit.

3.11 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di peringkat Jawatankuasa ini saya ingin mengambil bahagian untuk menyebutkan beberapa perkara. Pertama, berkenaan dengan program membasmi kemiskinan, khususnya Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat.

Sebagaimana yang kita sedia maklum kementerian ini memainkan peranan dalam usaha untuk mengurangkan bilangan rakyat yang miskin, dan seterusnya berhasrat seperti mana kehendak kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam tahun 2010 nanti. Tuan Pengerusi, walaupun banyak agensi yang terlibat di dalam melaksanakan program membasmi kemiskinan ini, tetapi saya dapati di peringkat akar umbi ataupun di peringkat daerah tidak ada penyelarasan yang kemas.

Ini kerana bantuan yang diberikan kalau mengikut di atas kertas terlalu banyak. Tetapi kita dapati mereka yang tergolong di dalam tahap kemiskinan tegar ini masih banyak. Jadi, ini memerlukan satu pendekatan, satu penyelarasan yang kemas khususnya supaya diwujudkan sebuah jawatankuasa khas bagi memantau dan melaksanakan program skim pembangunan kesejahteraan rakyat ini.

Ini kerana seperti yang saya sebutkan tadi RISDA pun terlibat, Jabatan Pertanian pun terlibat, KEMAS pun terlibat, FELCRA pun terlibat, tetapi tidak ada penyelarasan dan kita dapati sukar untuk mengadakan satu rekod yang terkini. Jadi, saya harap mungkin pihak kementerian dapat memberi arahan kepada mereka yang berkenaan di peringkat bawah supaya perkara ini dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi ialah berkenaan dengan Institut Kemajuan Desa (INFRA). Saya kebetulan berpeluang pergi ke INFRA ini pada tahun lalu dan matlamat INFRA ini ialah untuk menyediakan program latihan dan penyelidikan yang berkaitan dengan pengurusan pembangunan luar bandar kepada pemimpin dan seluruh anggota masyarakat.

Daripada pemerhatian saya INFRA ini mempunyai cukup input untuk melaksanakan program ini dan saya menyarankan supaya kesemua pemimpin masyarakat di peringkat daerah, di peringkat akar umbi dan di peringkat kampung diwajibkan hadir ke

INFRA ini bagi membolehkan mereka ini mendapat pendedahan yang lebih, mengetahui *vision* kerajaan untuk membangunkan masyarakat, khususnya masyarakat luar bandar.

Sekiranya boleh, seperti yang saya katakan tadi, semua pemimpin di peringkat akar umbi hadir dan pihak INFRA mesti menyediakan satu rekod yang lengkap. Siapa yang tidak datang, belum datang lagi, mesti dipanggil. Kadang-kadang ada pemimpin, khususnya di peringkat JKK ini, mereka sudah hadir sekali dua kursus di tempat-tempat lain, jadi mereka berpendapat tidak perlu hadir di INFRA. Sedangkan INFRA ini penekanannya kepada pembangunan masyarakat setempat.

Selain dari itu, saya menyarankan juga supaya INFRA ini, oleh sebab mereka mempunyai kepakaran tenaga yang cukup supaya mengkaji juga, bukan sahaja melatih, mengkaji kelemahan pelaksanaan program-program yang dibuat di peringkat akar umbi. Banyak program yang kita tahu, termasuk Program Membasmi Kemiskinan, Program Melahirkan Usahawan, Program Melahirkan Masyarakat Petani Moden dan macam-macam program.

Kalau boleh, sebab INFRA ini begitu rapat dengan masyarakat luar bandar, INFRA juga patut membuat kajian tentang keberkesanan program-program yang dijalankan di peringkat luar bandar itu bagi membolehkan pihak kerajaan, khususnya Kementerian untuk meneliti dan seterusnya mengubahsuai program-program yang jika pelaksanaannya tidak memuaskan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan KEMAS, di bawah kepala 02000. KEMAS seperti mana yang kita akui telah memainkan peranan yang cukup besar dan penting di dalam membangunkan masyarakat luar bandar, bermula daripada kanak-kanak di pra sekolah, tabika, sampai kepada pemimpinnya, sampai kepada ahli masyarakatnya.

Jadi, saya mengucapkan tahniah kepada KEMAS yang telah berjaya melaksanakan program ini dan tambahan pula sekarang ini Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan guru-guru tabika ini dipertingkatkan kemahiran mereka, di mana mulai tahun hadapan, tidak silap saya seramai 7,000 guru KEMAS ini akan diberi latihan perguruan, dapat sijil. Jadi, ini merupakan satu langkah yang sangat baik dan kita mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian kerana menyedari tentang pentingnya pendidikan prasekolah ini kepada murid-murid, khususnya di luar bandar.

Tetapi ada juga kekurangannya, Tuan Pengerusi. Terdapat kekurangan guru-guru untuk mengajar orang dewasa, misalnya guru seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bera tadi. Bukan sahaja di kawasan Orang Asli, di kampung-kampung juga penduduk meminta kita sediakan mesin jahit dan sebagainya, tetapi bila kita sudah sediakan mesin jahit terdapat kekurangan guru KEMAS untuk mengajar kelas-kelas jahitan ini. Saya berharaplah pihak Kementerian supaya meningkatkan usaha mendapatkan guru-guru bagi mengajar dalam kelas jahitan ini supaya alat-alat kelengkapan yang disediakan oleh pelbagai pihak, termasuk yang disediakan oleh KEMAS sendiri itu dapat digunakan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Santubong.

3.17 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada dua, tiga perkara. Yang pertama saya juga ingin menyentuh soalan KEMAS ini. Saya ucap tahniahlah kepada Kementerian dan juga Jabatan KEMAS kerana telah menjadi satu badan yang boleh mendidik anak bangsa dari awal lagi di luar bandar.

Untuk itu saya merujuk kepada Butiran 00400 – Pendidikan Prasekolah. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kerana Kementerian sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Parit, akan mengadakan satu latihan yang khusus untuk guru-guru di peringkat ini. Saya baru-baru ini menghadiri satu majlis beramai-ramai sebanyak 800 anak-anak lepasan KEMAS yang bakal memasuki persekolahan pada tahun yang akan datang.

Apa yang saya pandang, latihan yang diberi oleh pihak prasekolah ini amat efektif sekali. Jadi, saya sarankan di samping melatih guru-guru menjadi seorang guru yang terlatih tetapi saya juga menyarankan supaya guru-guru ini ditekankan untuk melatih anak-anak ini untuk menjadi warganegara *human resource* ataupun *human capital* yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berdaya saing, yang maju, yang cerdik pandai pada masa-masa akan datang. Peringkat awal ini amat elok sekali kita melentur selagi belum menjadi buluh.

Yang kedua, saya sentuhkan 00600 – Kemudahan Latihan KEMAS. Pegawai KEMAS perlu mendapat latihan. Takut kita nanti keadaan semasa perlukan mereka ini mempunyai satu latihan yang khusus. Mungkin mereka yang di dalam bandar melihat pembangunan dalam bandar tetapi yang terletak di luar bandar, pegawai-pegawai yang di luar bandar tidak lihat pembangunan berlaku.

Jadi mereka menumpukan satu tekanan kepada satu perkara sahaja. Jadi, *approach* kementerian untuk melatih masyarakat di luar bandar tidak tercapai melainkan pegawai itu mendapat latihan yang khusus.

Secara ringkasnya, Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh soal Bekalan Elektrik Luar Bandar - 01700. Nampaknya Sarawak diberi RM48 juta untuk tahun ini. Walaupun saya mengatakan terima kasih, tetapi saya bimbang perkara ini adalah belum mencukupi kerana di kawasan luar bandar, bahkan di kawasan Santubong hanya sebahagian daripadanya boleh dikatakan luar bandar, tetapi dalam bandar pun belum lagi mencukupi yang juga perlu rangkaian grid yang disampaikan.

Jadi masih banyak kampung di kawasan saya, Santubong, yang belum lagi mendapat bekalan elektrik. Orang-orang kampung ini yang dahulunya memang kampung terpencil tetapi sekarang dalam keadaan bandar perlu juga bantuan daripada pihak kerajaan. Malangnya sekali kawasan-kawasan yang terpencil yang mana grid tidak boleh disampaikan, Dato' Menteri. Umpamanya kampung yang saya sebut di sini, macam Kampung Sembilang, Beradik, Sungai Pinang dan Kampung Pulau Salak, umpamanya. Kampung Pulau Salak memang tidaklah dalam masa 50 tahun akan disampaikan dengan grid. Jadi mereka bersandar dengan *genset*.

Genset ini sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi memang tidak boleh tahan lama. Kita perlu juga bekalan elektrik. Yang masalahnya kita hendak minta daripada agensi kerajaan negeri, SESCO dan kementerian di sana, susah sedikit. Jadi, saya berharaplah kementerian mengadakan satu sumber di peringkat kementerian ini sendiri supaya apabila Ahli Parlimen merasakan kampung itu perlu dibantu, tetapi tidak dapat dibantu dan mungkin keutamaan dipandang berlainan di peringkat-peringkat negeri, kita minta juga kampung dalam kawasan kita itu diberi satu peruntukan.

Macam Kampung Salak, Tuan Pengerusi, minta maaf, kampung itu di pulau, 79 buah rumah sampai sekarang pun tidak dapat. Hari raya mereka minta kepada saya, "*Mintalah Dato, hari raya ini kita hendak ada api sebab genset kita yang dahulu sudah rosak.*" Jadi, saya tulis surat sampai 10 layar, pergi ke agensi ini, ke agensi itu yang kita fikir boleh memberi, sampai sekarang pun tidak dibantu.

Jadi, hari raya sudah berlalu, sudah lepas tetapi orang itu masih bergelap. Saya berharap kalau ada sumber kewangan ini, masih disimpan di pihak kementerian, bolehlah kita mohon dengan menteri. Saya tahu menteri ini peka dengan keadaan-keadaan sedemikian, tetapi kita diarahkan untuk meminta kepada agensi di peringkat negeri, jadi ini tidak mendatangkan apa-apa kepada kita.

Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Ini juga saya tumpukan kepada masyarakat di luar bandar. Memang di Sarawak saya ingat belum sampai 80% mendapat bekalan air bersih – ada yang menggunakan perigi dan ada yang menggunakan air sungai. Untuk orang yang di hulu sungai, untuk orang yang boleh membuat perigi dan airnya boleh bersih, takungan airnya bersih, mungkin boleh menggunakan air ini. Tetapi masyarakat yang di tepian laut, macam kawasan Santubong itu, memang semua kawasannya di pesisiran laut iaitu Kampung Salak ini, lagi saya sebutkan, memang tidak ada.

Saya sudah jemput agensi kerajaan negeri, *Geosains* peringkat Kementerian *Environment* untuk menyelidik supaya mencari bekalan air di bawah tanah. Ada enam lubang digali di bawah tanah bukit itu, tidak ada bekalan di bawah tanah, jadi *Geosains* tidak boleh bantu. Jadi, saya telah buat utusan dengan kementerian dan minta supaya bekalan air alternatif dibuat dan kajian telah dibuat. Ada syarikat berjumpa dengan saya dan saya suruh berjumpa dengan kementerian, saya harapkan supaya kampung ini diberi bekalan air bersih yang sekarang ini masih menakung air menggunakan air hujan.

Masalahnya kita hendak beli plastik ini susah. Dahulu senang dipinta plastik ini daripada Kementerian Kesihatan tetapi sekarang sudah susah hendak minta benda ini. Jadi, saya tidak tahulah macam mana hendak mengatasi masalah ini, tidak ada tempat lain saya hendak mengadu selain daripada kementerian ini jugalah. Saya cukup yakin kementerian akan membantu saya untuk kampung-kampung yang bermasalah ini.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi ialah soal jalan luar bandar. Saya berterima kasih dengan kementerian kerana memberi peruntukan, belum dikatakan cukup tetapi memadailah tiap-tiap tahun kita menerima peruntukan daripada kementerian untuk memberi jalan-jalan kampung. Tetapi ada lagi kawasan-kawasan yang telah hampir 40 tahun Sarawak merdeka menerusi Malaysia ini masih belum lagi mendapat jalan. Kawasan yang saya sebut, umpamanya dalam kawasan saya, Kampung Sembilang, Beradik, Tanju, Sungai Pinang, Tiang Api – ini lima, enam kampung Orang Melayu yang hidupnya bertani dan bertanam tetapi masalahnya ada dua, tiga perkara. Bukan sahaja perhubungan mereka terbatas oleh kerana tidak ada jalan, tetapi juga benda yang ditanam oleh mereka, buah-buahan yang ditanam mereka tidak boleh disampaikan ke pasar.

Pada tahun lepas, mereka ini kuat bertanam. Mereka bertanam buah labu, *pumpkin*, untuk dibuat *powder*. Sampai 20 tan buah itu buruk macam itu sahaja, tidak boleh dihantar ke luar oleh kerana air tohor, perahu tidak boleh turun. Hendak dipikul satu biji labu sahaja boleh sampai 60, 70 kilometer berjalan kaki. Kereta belum boleh masuk.

Saya sudah berutusan dengan kementerian, JKR di Sarawak, mereka kata kita tidak letak perkara ini sebagai satu projek prioriti JKR. Sampai saya cakap dengan Ketua Menteri sendiri. Kata Ketua Menteri, "*Berhubunglah dengan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Saya akan sokong sebagai projek prioriti untuk kementerian dilaksanakan di Sarawak.*" Jadi, Dato' Menteri, saya cukup yakin Dato' boleh bantu saya, biarlah, mereka ini sudah merintih. Bahkan 22 hari bulan ini diadakan satu dialog lagi. Saya kata sudah berapa kali buat dialog. Saya bukan meluluskan projek, saya bukan meluluskan sumber kewangan, dialog sahaja. Akhirnya nanti saya cakap bohong dengan orang. Jadi saya kata, berdialog dengan saya tidak mendatangkan hasil, panggillah JKR, JKR tidak ada duit. Saya tahu yang mereka tidak ada duit.

Jadi, saya bermohonlah kepada kementerian supaya melihat kawasan di Sembilang, Beradik, Sungai Pinang, Tanju dan Tiang Api ini. Tiang Api ini sempena dengan api elektrik yang pertama dipasang tiang, diubah kampung itu kepada nama Tiang Api sebab pertama kali melihat api elektrik, Tuan Pengerusi. Jadi, itulah penghargaan orang kampung kepada pemberian daripada kerajaan. Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kubang Kerian.

3.28 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada 010200 - Perancangan Strategik Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah ini.

Tuan Pengerusi, saya menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, pada tahap kita telah hampir 50 tahun merdeka dan mencapai kemerdekaan tahun yang ke-48, kita telah pergi kepada lapan kali Rancangan Malaysia dan seperti mana yang saya telah berucap dalam Dewan yang mulia ini, bahawa negara telah membelanjakan RM800 bilion untuk mencapai perbelanjaan untuk menyelesaikan masalah DEB dan juga pembangunan negara.

Tetapi persoalannya, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian ini, adakah kita telah benar-benar ada satu perancangan yang strategik dan juga satu *blueprint* yang menyeluruh dan juga satu R&D yang mencukupi dan terkini untuk kita mencapai kepada apa yang kita mahu capai dalam membangunkan negara, khususnya bila kita fokus tentang pembangunan wilayah dan juga masyarakat luar bandar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi, di sini suka saya untuk mengungkapkan beberapa statistik mengenai masyarakat luar bandar yang masih rata-ratanya, majoritinya terdiri daripada mereka yang terlibat dalam sektor pertanian dan juga industri-industri ataupun program-program berkaitan dengan sektor pertanian ini. Bilangan mereka dalam masyarakat luar bandar yang terlibat keseluruhannya berjumlah 1.063 juta orang, iaitu termasuk 424,723 petani dan sebahagian besar daripadanya adalah pesawah, 35,363 orang penternak, 44,656 adalah terdiri daripada golongan nelayan, 9,600 orang penternak akuakultur, 28,700 orang pekebun kecil getah dan kelapa sawit, 159,900 yang terlibat dalam industri asas tani dan 103,900 orang yang menjurus kepada aspek pemasaran tani.

Dari segi taraf hidup, selepas 50 tahun kita merdeka, sebanyak 74% atau 746,620 orang petani negara ini yang berpendapatan di bawah RM500 sebulan. 17% atau 180,520 orang berpendapatan antara RM500 hingga RM1,000 sebulan, manakala hanya 9% sahaja iaitu 35,956 yang berpendapatan lebih daripada RM1,000 sebulan.

Berdasarkan kepada statistik ini, Tuan Pengerusi, saya melihat bahawa kementerian ini masih lagi memerlukan suatu R&D yang betul-betul komprehensif dan memiliki satu pasukan ataupun *team work* yang benar-benar menjurus ke arah bagaimana kita hendak mencapai satu masyarakat desa luar bandar yang kompeten, yang mampu bersaing dan mampu hidup dengan selesa yang bersaing dengan masyarakat bandar dalam abad yang ke 21 ini.

Kalau kita pergi lebih jauh, Tuan Pengerusi, tentang saki baki ataupun kesan atau implikasi daripada pelaksanaan DEB yang telah 30 tahun meninggalkan kita, maka kalau kita lihat dalam masyarakat luar bandar sebagai contoh, satu kajian yang dibuat oleh Profesor Jayen Jawan dan Dr. Richard Manson dalam Edisi Khas Jurnal Kajian Malaysia Tahun 2004, bahawa orang Iban, etnik terbesar di Sarawak tidak mendapat manfaat yang banyak dari pelaksanaan DEB. Bukan etnik Iban sahaja, orang Melayu dan Orang Hulu juga masih ketinggalan berbanding dengan bumiputera atau bukan bumiputera yang lain yang kita khusus, yang kita fokus tentang masyarakat luar bandar di Sarawak dan Sabah.

Jadi, saya mengharapkan berdasarkan kepada statistik ini, maka kita akan lebih serius untuk kita melihat bagaimanakah bentuk pembangunan yang lestari, pembangunan yang boleh kita harapkan dalam jangka masa lima ataupun sepuluh tahun akan datang bahawa masyarakat luar bandar ini, masyarakat desa ini akan dapat mencapai tahap seperti mana yang kita harapkan.

Mengenai Butiran 010500 tentang Teknologi Maklumat dan Info Desa, Tuan Pengerusi dan Dato' Menteri, saya sebagai mewakili Wakil Rakyat bagi Kubang Kerian dan juga kawasan-kawasan lain yang pernah saya lawati, memang terdapat masalah yang besar terhadap pusat Info Desa ini dan saya mendapati ada di kalangan kawasan yang jenis komputernya telah *out-of-date* dan langsung tidak ada kemudahan-kemudahan yang terbaru seperti *software* yang terkini, yang dibekalkan kepada masyarakat Info Desa ini.

Saya mengutarakan perkara ini kerana, pada hari ini kebanyakan kemasukan ke universiti, ke IPTA, adalah melalui pendaftaran melalui IT dan ini memang menjadi masalah kepada pelajar-pelajar di luar bandar, di mana kalau kita lihat dalam satu kampung hanya ada satu pusat di balai raya sahaja dan ini sangat menyukarkan mereka dan kalau komputer ini atau pusat ini boleh beroperasi dengan baik, itu satu kemudahan kepada mereka. Kadang-kadang tidak ada pun, ada komputer, tetapi kadang-kadang rosak, kadang-kadang memang *out-of-date*.

Jadi, saya mengharapkan Dato' Menteri dapat melihat perkara ini dengan lebih serius kerana hari ini memang anak-anak kampung memang bergantung pada pusat ini, khususnya bila sampai musim-musim seperti sekarang ini, UPSR telah diumumkan, anak-

anak yang ingin memohon ataupun pelajar-pelajar IPTA yang ingin masuk IPTA ingin memohon pendaftaran secara *online*.

Tuan Pengerusi, pada Butiran 020400 dan 020500 yang berkaitan dengan Jabatan KEMAS ini, tentang pendidikan masyarakat dan bina insan. Saya juga mengharapkan di samping kita memberikan mereka kemudahan dari segi material, juga kita tidak lupa kepada pembangunan insan dan rata-rata kalau kita pergi kampung-kampung pedalaman pada hari ini, saya ingin membangkitkan masalah imam dan bilal yang telah terlalu tua, yang bacaannya tidak jelas kedengaran dan juga tentang pegawai-pegawai lain yang terlibat dalam pembangunan masyarakat.

Kita sedia maklum bahawa peningkatan masalah sosial dan gejala-gejala sosial yang sedang melanda negara kita adalah pada tahap yang mencemaskan dan di kampung-kampung pedalaman ini, kalaulah imam yang terlalu tua, bilal yang terlalu tua, noja yang terlalu tua, saya rasa adalah satu kesukaran untuk mereka, di samping mereka menjadi imam, di samping mereka menjadi bilal, kita juga mengharapkan mereka juga boleh melakukan khidmat-khidmat nasihat yang berperanan untuk kita membantu masyarakat di luar bandar. Jadi saya mengharapkan bahawa pembinaan insan ini juga menjadi sebahagian daripada agenda penting KEMAS supaya bakat-bakat baru, orang-orang muda sebagai contoh diberikan galakan, diberikan peluang dan diberikan mereka satu keyakinan untuk mereka tampil, untuk mereka memimpin masyarakat luar bandar ini.

Kemudian Tuan Pengerusi, tentang akhir sekali yang saya hendak sebutkan ialah tentang Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Saya juga bersetuju dengan rakan-rakan yang lain bahawa satu kajian yang terperinci yang juga satu R&D yang khusus juga perlu dibuat tentang masa depan Hal Ehwal Orang Asli ini. Kalau ada yang membangkitkan tadi, adakah benar setelah hampir 50 tahun kita merdeka ini, adakah mereka akan menjadi *Red Indian*, adakah mereka akan menjadi seperti orang Mouri, di Australia, ini juga satu perkara yang mesti kita lihat pada masa yang akan datang.

Setakat yang ada pada hari ini, hanya pada taraf hidup, hanya ada seorang Senator yang dilantik di kalangan Orang Asli dan tidak ada lagi wakil-wakil rakyat, Ahli-ahli Parlimen di kalangan Orang Asli. Jadi, saya juga mengharapkan supaya perkara ini diambil sebagai satu perkara yang mesti kita fokus dan mengikut kajian yang dibuat oleh UPM oleh sekumpulan pelajar yang mengikuti kursus Pembangunan Manusia, Dato' Menteri bahawa kajian yang dibuat memang tahap buta huruf di kalangan anak-anak Orang Asli ini masih pada tahap yang sangat membimbangkan, iaitu satu kajian yang dibuat di sebuah kampung mendapati 73% di kalangan anak-anak mereka masih lagi tidak dapat membaca dan menulis dalam era pendidikan yang ada pada hari ini.

Jadi, dengan hujah saya dan fakta-fakta yang saya kemukakan ini, saya mengharapkan supaya kementerian ini akan dapat menjalankan tugasnya dalam mencapai matlamat dan juga bersesuaian dengan satu kementerian yang akan mengambil peranan penting dalam kita memajukan masyarakat luar bandar dan desa pada masa yang akan datang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Terengganu.

3.38 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian berhubung dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, di bawah Butiran 02000 iaitu di bawah KEMAS, Jabatan Kemajuan Masyarakat dan 04000 – Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).

Agenda utama kepada jabatan dan kementerian ini adalah untuk membasmi kemiskinan dan juga menyusun kembali masyarakat kita dengan catatan untuk membangunkan sebuah masyarakat yang lebih adil yakni *equity*, dengan izin, tapi dalam masa yang sama juga harus berusaha dengan begitu gigih untuk membina kecemerlangannya sekali gus, yakni *growth with equity* dan meritokrasi sekali gus, bukan sekadar memberi hak mereka, membela nasib mereka, mengangkat darjat martabat

mereka daripada kemiskinan tetapi dalam masa yang sama juga memastikan mereka itu adalah merupakan satu kelompok masyarakat yang mempunyai meritnya, yang mempunyai meritokrasi dan kecemerlangannya sekali gus.

Dalam konteks ini, saya kira perkara yang paling penting yang harus dilakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, KEMAS, khususnya adalah dalam meminda dan membawa perancangan dalam mindanya, bukan sahaja hendak membasmi kemiskinan tetapi perancangan minda atau *mindset*nya sekali gus. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya jabatan ini benar-benar mempunyai orang-orang, ketokohan dari segi budayawannya, ahli-ahli sosiologinya untuk melihat benar-benar tentang permasalahan masyarakat miskin ini kerana ada masalah-masalah yang begitu parah yang dialami oleh mereka yang dialami bertahun-tahun lamanya untuk mereka dapat memberi rawatan-rawatan dan *treatment* pemulihan yang sewajarnya untuk mengangkat mereka maju dan tampil ke pentas ke hadapan, kerana KEMAS ini sebenarnya agenda utamanya ialah untuk melakukan *socioeconomic engineering*, dengan izin. Ini adalah merupakan agenda yang begitu penting sekali.

Di sini saya ingin tarik perhatian tentang usaha-usaha bina upaya ataupun membangun modal insan yang menjadi agenda utama kepada agensi ini, dan dalam konteks membina manusia dan modal insan ini sekali gus ia memerlukan kepada modal sosial dan modal budaya. Dalam konteks inilah keperluan-keperluan asas masyarakat. Saya ingin mencadangkan supaya Kementerian ini tidak melihat masyarakat luar bandar yang tidak berada dalam keadaan yang lazim ataupun biasa. Ertinya dalam konteks keadaan mereka yang tidak sama rata, *unequal, we cannot treat them equally. To treat unequally* akan membawa masalah dalam melaksanakan agenda-agenda di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini. Ertinya, perhatian yang serius, *preferential treatment*, keutamaan dan *positive discrimination* ini harus dijadikan sebagai satu agenda utama untuk diberikan oleh kementerian ini.

Saya juga ingin tarik perhatian berhubung pelbagai agenda di bawah bina upaya dan modal insan yang dijalankan oleh kementerian ini iaitu dari segi pendidikan literasi fungsian. Ini adalah merupakan satu agenda yang penting untuk memastikan penduduk-penduduk luar bandar itu memiliki literasi dan berfungsi pula dalam kehidupan mereka. Selain dari itu agenda tabika, tadika, tadi telah disebut tentang latihan guru-gurunya. Memang inilah adalah merupakan sesuatu yang cukup afdal. Tetapi untuk memberi latihan itu, hanya menyerahkan latihan itu kepada Kementerian Pelajaran sahaja saya kira tidak memadai.

Oleh yang demikian, perlu kita *outsource* kepada agen-agen lain yang boleh memberi latihan dan bekalan guru-guru tidak hanya melambakkan kepada Bahagian Pendidikan Guru sahaja. Barangkali agensi-agensi lain yang mempunyai tauliah untuk melatih guru-guru tadika dan tabika ini diberi juga ruang dan peluang yang sama.

Selain daripada itu juga, saya ingin mencadangkan agenda pendidikan sepanjang hayat. Agenda pendidikan sepanjang hidup adalah agenda yang harus diberi keutamaan juga. Sekarang ini yang dilihat adalah penekanan kepada tadika dan juga tabika dan sedikit sebanyak juga pendidikan peringkat dewasa, tetapi seterusnya kita haru memikirkan juga orang-orang yang telah bersara, orang-orang yang telah pencen misalnya, apakah bentuk latihan-latihan harus diberi dan ditangani oleh KEMAS ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat ini supaya mereka tidak tertinggal. Kadang-kadang orang yang berumur lima puluhan dan enam puluhan ini masih mempunyai potensi yang begitu baik sekiranya diberi latihan-latihan dari segi literasi komputer, dari segi kemajuan-kemajuan masyarakat yang lain agar mereka terus dapat memberi sumbangan kepada kesejahteraan masyarakat.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kerana kementerian ini telah mendapat satu peruntukan yang agak besar iaitu RM85 juta untuk membangunkan perpustakaan di luar bandar, yang jumlahnya kira-kira 400 lagi perpustakaan luar bandar akan dibangunkan. Tetapi dalam konteks ini, satu perkara yang harus diambil perhatian ialah tentang....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, saya tertarik apa yang telah diujahkan oleh Yang Berhormat tadi, mengenai kompetensi pegawai KEMAS, juga dari segi infrastruktur KEMAS, peranan KEMAS dalam tadika, tabika dan sebagainya. Kita melihat di kawasan-kawasan luar bandar, kita tidak dapat menafikan bahawa keadaan daif ataupun dari segi infrastruktur yang dibekalkan memang tidaklah mengikut apa yang kita harap-harapkan. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat? Yang Berhormat juga menyebutkan tentang pendidikan sepanjang hayat, ianya perlu peruntukan tambahan. Jadi, dalam keadaan yang ada sekarang, kita pun tidak berupaya untuk meningkatkan lagi dari segi infrastruktur, tadika KEMAS, tabika dan sebagainya dan saya rasa adakah ia lebih praktikal kalau kita mengutamakan dahulu tabika dan tadika, kemudian kalau kita ada peruntukan tambahan maka kita akan meneruskan apa yang telah dikatakan iaitu pembelajaran sepanjang hayat. Kalau tidak, macam semua *target* terlalu banyak, sasaran terlalu banyak dan akhirnya kita cuma sekadar ada saja. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Razali bin Ismail: Saya kira agenda pendidikan sepanjang hayat itu adalah merupakan agenda negara sebenarnya. Ia tidak hanya kita membuat *treatment* secara serpihan ataupun dengan izin, *piecemeal treatment*, dia harus mendapatkan *treatment* secara menyeluruh. Ertinya merentasi secara bersepadu daripada peringkat, kalau boleh daripada dalam kandungan lagi sehingga ke liang lahad. Ini adalah merupakan sebagai satu pendekatan yang dilihat sebagai *integrated*, bersepadu dan berterusan. Saya kira ini adalah merupakan strategi yang harus dibuat. Meskipun penekanan perlu diberikan kepada pendidikan-pendidikan awal ini yang bersifat *formal*, tetapi kita tidak harus melupakan pendidikan yang bersifat *non formal*.

Saya ingin meneruskan di sini, permasalahan yang timbul ialah masalah dari segi *delivery* iaitu dari segi penyampaian kita. Sering kali terdapat bahawa agenda-agenda yang begitu baik yang telah dinyatakan tidak dapat dilaksanakan akibat daripada *the gap*, apa yang diistilahkan sebagai *the execution gap*, yakni kelompangan dari segi perlaksanaannya. Maka dalam konteks ini, latihan-latihan berterusan kepada pegawai-pegawai kita ini, CPD, *Continuous Professional Development* harus diberikan kepada pegawai-pegawai ini, khususnya pegawai-pegawai KEMAS ini, supaya mereka sentiasa cekap dan *professionally driven*, dengan izin, ertinya *professional busy* dalam mereka menjalankan tugas-tugas, mereka tidak pula menyimpang kepada agenda-agenda yang lain. Ini adalah merupakan satu perkara yang penting. Dan tadi saya telah menyebut tentang perpustakaan..

Datuk Haji Hasan bin Malek: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta penjelasan.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menambah apa yang disebut tadi soal pegawai dalam jabatan KEMAS di peringkat daerah. Sebenarnya saya menghadapi masalah yang besar dari segi keanggotaan pegawai-pegawai KEMAS ini kerana memang benarlah apa yang disebut tadi, soal pegawai, soal mengubah fikiran anak-anak, rakyat memerlukan pegawai yang terlatih dan sebagainya. Melalui Infra disebut tadi memang betul. Tetapi apa yang menjadi masalah di kawasan saya, khususnya Kuala Pilah ialah terdapat kekosongan yang begitu ramai, yang telah pun dimaklumkan kepada pihak jabatan dan kepada pihak kementerian sudah bertahun-tahun tetapi jawatan itu tidak diisi. Soal guru-guru tadi misalnya, permintaan menubuhkan tadika banyak tetapi pegawainya tidak ada. Bila berhubung dengan pihak jabatan, kata jabatan ini terpulang kepada pihak kementerian untuk mengisi.

Jadi, dalam kesempatan ini saya merayulah supaya kekosongan baik di peringkat kepegawaian atau guru-guru, di peringkat tadika, tabika ataupun penyelia-penyelia wajar diisi segera. Sekarang ini di tempat saya penyelia kanan dipangku dan pangkuan ini sudah memakan berbulan-bulan. Saya tengok dari segi kerja cukup baik, tidak ada masalah. Kemampuan pegawai terhad. Tetapi kalau sudah lama sangat pangku, pangku lama-lama ini bahaya Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Jadi saya harap akan dapat diperbetulkan dan diisi segera.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak minta penjelasan sama Yang Berhormatkah atau

Datuk Haji Hasan bin Malek: Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ... permintaan kepada kerajaan?

Datuk Haji Hasan bin Malek: yang saya hendak minta tambah sikit penjelasan ini supaya pandangan kita ini, soal kekurangan pegawai tadi janganlah dikaitkan pula soal JPA dan lain-lain. Jadi yang saya minta Yang Berhormat masukkan dalam ucapan Yang Berhormatlah sebagai tambahan soal kekurangan pegawai tadi mesti diisi. Terima kasih. Sekian.

Dato' Razali bin Ismail: Saya sokonglah 100%, kita ada Yang Berhormat Menteri kita dan itu adalah merupakan sebahagian daripada ucapan kita bersamalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dato' Razali bin Ismail: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Dato' Razali bin Ismail: Menggulang. Tentang perpustakaan ini, saya amat sokong benar sebab ini adalah merupakan satu budaya yang harus diterapkan, budaya ilmu, budaya membaca sebab ini sahajalah boleh kita *break through* masalah dari segi kelembapan dan juga kemiskinan masyarakat kita.

Akhir sekali di sini ialah tentang Tasik Kenyir ini di bawah KETENGAH ya. Saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian ini mengambil inisiatif yang sungguh-sungguh untuk membangunkan satu wilayah lagi di bawah KETENGAH iaitu Tasik Kenyir mempunyai lokasi yang begitu baik, mempunyai *scenery*, mempunyai persekitaran yang cukup bagus untuk dibangunkan. Kalau boleh, ada lagi satu bandar baru, Bandar Baru Tasik Kenyir. Satu bandar yang telah dibangunkan adalah di kawasan Mutaqibillah.

Sekarang ini sudah menarik kunjungan masyarakat luar dan juga kita dapat menghalangkan penghijrahan belia-belia tempatan (*local*) ke bandar-bandar. Seandainya Bandar Baru Tasik Kenyir dapat dibangunkan, saya kira ini dapat dijadikan sebagai satu nukleus, lebih-lebih lagi sekarang ini sudah ada ura-ura untuk membina satu lebuh raya yang menghubungkan kawasan Tasik Kenyir ke Ipoh, mungkin juga ke Gua Musang dan saya kira ini adalah merupakan satu daerah yang boleh dibangunkan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah tentang bina insan di sini. Saya lupa hendak sebut tentang bina insan. Dalam kita hendak membangunkan manusia bina insan ini, saya ingin tarik perhatian bahawa harus kita bina juga *the inner self* dengan izin, iaitu *the inside factor* iaitu dalam masa yang sama kita mesti menggarapkan dalam diri, terutamanya pemimpin-pemimpin ini, pemimpin yang akan menggerakkan pembangunan di kawasan luar bandar ini. Jadi *inner self*, daripada *inner self* itulah yang akan menentukan *the outer self*nya. Maka, dalam konteks ini metodologi latihan harus diberi keutamaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kudat.

3.50 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk terus membahaskan Butiran 02500 – Jalan Kampung dan Penyelenggaraan, iaitu projek jalan kampung. Seperti mana yang diketahui bahawa kawasan Parlimen saya iaitu kawasan Parlimen P.167 Kudat ialah merupakan sebuah kawasan luar bandar dan kawasan ini pula adalah mempunyai keluasan yang begitu besar sehinggakan antara kawasan Parlimen yang kedua terbesar luasnya di negeri Sabah yang mungkin mempunyai perbandingan dengan sebuah negeri di Semenanjung Malaysia. Kawasan Parlimen Kudat juga mempunyai tiga Dewan Undangan Negeri dan kawasan yang begini luas sudah tentu memerlukan banyak prasarana khususnya jalan-jalan kampung.

Mengikut apa yang saya telah dibekalkan oleh pegawai-pegawai saya, untuk keperluan jalan kampung sendiri di kawasan Parlimen Kudat bagi Rancangan Malaysia Kesembilan ialah berjumlah 84 kilometer. Sekiranya peruntukan yang sedia ada diberikan, maka ini bererti untuk kawasan saya, untuk menyelesaikan semua kawasan ini mendapat agihan, maka ianya memerlukan 17 tahun. Jadi bayangkanlah saya perlu menjadi wakil rakyat selama tiga penggal sekurang-kurangnya untuk menyelesaikan 84 kilometer projek jalan kampung yang berada di kawasan saya ini. *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya percaya menteri.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau bagi kurang lagi baik. Yang Berhormat boleh lanjutkan sampai lima penggal. *[Ketawa]*

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Lima penggal saya sudah tua Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Jadi, sebenarnya di sini saya memang faham hasrat menteri kerana Menteri Pembangunan Luar Bandar ialah seorang yang begitu prihatin khususnya kepada masyarakat luar bandar dan saya percaya bahawa dengan apa yang saya akan katakan ini, beliau akan mempertimbangkan untuk menambah peruntukan bagi kawasan saya kerana apa yang saya lihat di sini, sebahagian daripada kawasan Parlimen hanya memiliki dua DUN sedangkan kawasan saya yang begitu luas memiliki tiga DUN dan mendapat peruntukan yang sama dengan mereka yang mempunyai dua DUN.

Jadi, saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkan untuk menambah peruntukan RM1.4 juta ini kerana seperti mana yang diketahui bahawa 1 kilometer untuk membina sebatang jalan kampung di kawasan saya, ianya melibatkan tidak kurang daripada RM200,000. Jadi kalau satu tahun hanya dibagi RM1.4 juta, bererti di kawasan saya yang begitu besar hanya dapat membina jalan kampung sepanjang tujuh kilometer sahaja. Itulah sebab saya katakan tadi bahawa kawasan saya memerlukan 17 tahun untuk menyelesaikan 84 kilometer jalan kampung yang telah disenaraikan ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan berbanyak-banyak terima kasih khususnya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga kepada menteri secara peribadi kerana baru-baru ini melalui agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu FELCRA telah pun bersedia untuk melaksanakan projek tanaman getah khususnya di Pulau Banggi yang dijangka seluas 4,000 hektar, dan saya berharap projek ini benar-benar dapat dilaksanakan kerana setakat ini apa yang telah dilaksanakan hanyalah merupakan satu *Memorandum Of Understanding*, yang telah ditandatangani di antara pihak FELCRA dan juga kerajaan negeri dan kita berharap supaya *Memorandum Of Understanding* ini tidak hanya tinggal begitu sahaja.

Saya harap di dalam jangka masa yang terdekat ini, projek ini akan dapat dilaksanakan dan seterusnya dapat memulakan kerja-kerja pembinaan infrastruktur dan seterusnya melaksanakan projek penanaman getah tersebut. Sebagaimana yang kita tahu bahawa kawasan Pulau Banggi yang memiliki penduduk lebih kurang 10,000 tetapi mempunyai keluasan yang melebihi keluasan Singapura ialah sebuah kawasan yang termundur dan menjadi kawasan sempadan dengan selatan Filipina.

Oleh sebab itu, saya meminta supaya menteri dapat melaksanakan projek ini dengan segera dan dapat membantu untuk meluluskan peruntukan yang sewajarnya supaya projek-projek bagi melaksanakan pembangunan di kawasan ini dapat dilaksanakan. Ini kerana, berkaitan dengan pembangunan FELCRA ini juga, sudah tentu akan membolehkan pihak kementerian untuk menambah peruntukan, membantu meningkatkan khususnya pembangunan infrastruktur yang lain.

Di kawasan ini misalnya, di daerah kecil Pulau Banggi hanya mendapat bekalan elektrik sepanjang 12 jam satu hari, sedangkan di kawasan ini memiliki pejabat daerah kecil, Pulau Banggi memiliki sekolah menengah dan juga pejabat-pejabat kerajaan, pejabat daerah kecil Pulau Banggi tidak dapat berfungsi sepenuhnya disebabkan ketiadaan bekalan elektrik yang mencukupi, yang setakat ini hanya dibekalkan 12 jam.

Saya berharap supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat memikirkan bagaimana cara untuk menambahkan bekalan elektrik bagi kawasan pulau ini supaya akan memberikan kesejahteraan kepada penduduknya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat bagi Kudat, boleh minta penjelasan sikit?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Saya minta pandangan Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju. Agensi-agensi di bawah kementerian ini terutama FELCRA dan RISDA ataupun pada keseluruhannya iaitu tanpa kerajaan. Mana-mana agensi kerajaan yang membuat projek di kawasan-kawasan luar bandar yang memperolehi keuntungan turut terlibat dalam *social obligation* dengan membantu mengurangkan beban kerajaan. FELCRA umpamanya, kalau FELCRA pun hendak minta buat projek daripada kerajaan di kawasan-kawasan laluan mereka, begitu juga RISDA, ini sudah tentu akan membebaskan kementerian. Oleh itu, kenapa tidak kita cadangkan supaya FELCRA dan RISDA mereka mencapai keuntungan supaya jalan-jalan kampung yang melibatkan kawasan-kawasan, projek mereka ini mereka lambakkan peruntukan untuk mendirikan apa kekurangan di situ, sama ada jalan ataupun bekalan elektrik dan air. Ini akan dapat mengurangkan beban kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat? Setuju atau tidak?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Saya bersetuju dengan pandangan beliau kerana saya percaya dengan wujudnya projek ini di Pulau Banggi, FELCRA akan menggunakan sebahagian daripada peruntukan mereka untuk membangunkan kawasan tersebut khususnya untuk membina kawasan jalan-jalan kampung dan juga bekalan-bekalan prasarana yang penting. Tetapi dalam masa yang sama juga, saya percaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga dapat memberikan bantuan dan agensi FELCRA ini sendiri adalah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi dalam apa sekalipun yang penting, apa juga saranan-saranan yang baik, dapat membantu kawasan dan penduduk luar bandar ini, saya memang agak amat bersetuju.

Jadi, dalam soal ini saya ingin menyambung tentang keadaan di Pulau Banggi. Masalah yang paling besar di Pulau Banggi ini adalah masalah bekalan air. Satu kajian telah dibuat bahawa di Pulau Banggi ini sekiranya kerajaan ingin menyediakan bekalan air bersih untuk memberikan kesejahteraan kepada penduduk pulau ini, ianya memerlukan peruntukan sekurang-kurangnya RM50 juta iaitu untuk membina empangan air, yang diambil daripada suatu pusat sumber air iaitu daripada Bukit Sinambung.

Jadi, saya minta supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar membuat kajian segera dan juga kalau boleh menyediakan satu peruntukan secepat mungkin untuk membolehkan penduduk di kawasan ini mendapat bekalan air bersih, kerana saya telah melawat ke satu sekolah menengah bagi Pulau Banggi ini dan saya dapat melihat bahawa kebanyakan daripada pelajar-pelajarnya di sini terpaksa menggunakan sumber air telaga dan juga air daripada takungan yang tidak bersih dan walaupun telah diwujudkan satu bekalan air di sekolah itu melalui proses tapisan sendiri, tetapi saya melihat bahawa memang bekalan air itu tidak begitu cekap dan juga tidak bersih, malah tidak diselenggara dengan begitu baik kerana kemudahan (*facility*) itu disediakan tanpa menyediakan kos penyelenggaraan ataupun kakitangan untuk menyelenggarakan bekalan elektrik bagi Sekolah Menengah Banggi tersebut.

Jadi, yang seterusnya saya ingin menyentuh tentang Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Jalan-jalan luar bandar khususnya di kawasan saya memanglah tidak dinafikan adalah merupakan satu masalah yang begitu kritikal. Satu jalan yang saya nampak begitu penting sekali ialah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yes, gulung. lalah naik taraf jalan pintas Kampung Bongkol dan Kampung Telaga iaitu sejauh 37 kilometer yang melibatkan 10 buah kampung, 22 buah sekolah kebangsaan, 2 buah sekolah menengah kebangsaan dan dua buah klinik. Dan, ini melibatkan penduduk tidak kurang daripada 3,000 atau 4,000 orang, dan saya percaya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini Yang Berhormat Menteri saya mintalah kerana penduduk di kawasan ini khususnya di Kampung Telaga, tiap kali pilihan raya mereka ini selalu memberi sokongan yang kuat kepada kerajaan, kerana hasrat

mereka menyokong kerajaan tidak ada sebab lain, kerana mereka mahukan pembangunan yang seimbang di kawasan mereka, dan mendapatkan kemudahan-kemudahan yang sewajarnya khususnya di kawasan pengundi di Kampung Telaga. Mereka ini adalah penyokong kuat kerajaan dan mereka mengharapkan supaya nasib mereka dapat dibela, dan kalau boleh saya minta supaya kerajaan meluluskan sejauh 37 kilometer jalan luar bandar ini secepat mungkin, kalau boleh sebelum pilihan raya akan datang. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau.

4.01 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu Butiran 01000 - Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Butiran 01700 - Bekalan Letrik Luar Bandar, Butiran 02000 - Bekalan Air Luar Bandar dan juga tentang Butiran 02300 - Jalan-jalan Luar Bandar, secara gabungan.

Tuan Pengerusi, di kawasan Tebrau masih terdapat kampung-kampung tradisional dan juga kampung Orang Asli yang belum ada bekalan air, bekalan elektrik dan juga jalan khususnya kampung-kampung Orang Asli. Orang-orang Asli sudah berada di situ semenjak negara mencapai kemerdekaan dan sehingga hari ini masih belum ada bekalan air, bekalan elektrik dan juga jalan. Pejabat daerah pernah berjanji sebagai salah satu cara untuk mengatasi bekalan air itu ialah dengan menggali untuk mendapatkan air bawah tanah, tetapi sehingga hari ini masih belum ada tindakan dan memang Orang Asli itu sudah menyuarakan perasaan tidak puas hati mereka secara kuat kepada saya apabila saya melawat ke kawasan di situ, dan perkara ini juga telah disampaikan kepada kementerian. Sungguhpun masalah itu belum selesai, saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah memberi peruntukan khas setelah berulang-ulang kali saya mengemukakan rayuan sebanyak 200,000 untuk membina projek jalan kampung.

Di kampung-kampung tradisional, ada 16 buah kampung tradisional di kawasan saya yang ada di kalangan kampung-kampung itu masih belum ada jalan. Jadi kita tidak boleh masuk ke dalam kampung itu dengan kereta, jadi saya haraplah peruntukan akan diberi juga kepada kawasan Tebrau. Sebenarnya masalah pokok bagi Tebrau ialah dia telah diklasifikasikan sebagai kawasan bandar oleh kementerian. Jadi kelmarin saya sudah menghubungi Yang Berhormat Menteri, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi memberi perhatian kepada rayuan saya, bahawa Tebrau sebenarnya bukan kawasan bandar. Jadi saya mintalah rekod itu boleh diubahkan supaya Tebrau dikategorikan atau diklasifikasikan sebagai kawasan separuh bandar dan separuh luar bandar.

Sebenarnya sekurang-kurangnya 40 peratus daripada kawasan itu adalah luar bandar. Sekiranya kita klasifikasikannya sebagai kawasan bandar, bermakna tiada dapat apa-apa peruntukan seperti senarai yang baru-baru saya dapat itu, saya perhatikan bahawa tiada peruntukan untuk PJK bagi Tebrau. Jadi yang tadi, Yang Berhormat Kuala Terengganu kata, "*we cannot treat the unequal equally*", tetapi masalah bagi Tebrau ialah, *we cannot treat the equal unequally*. Sebab itu saya anggap kalau kementerian terus mengklasifikasikan tanpa apa-apa perubahan, mengklasifikasikan Tebrau sebagai kawasan bandar, rakyat luar bandar di kawasan Tebrau itu akan mengalami kesulitan yang tidak dapat diselesaikan. Dengan sebab itu saya berdiri di sini, merayu sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri supaya memberi pertimbangan, mengubahkan rekod itu supaya dia lebih tepat untuk menggambarkan keadaan yang sebenarnya di kawasan Tebrau.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri adalah seorang yang prihatin tentang masalah rakyat di luar bandar, dan keperluan prasarana di kawasan luar bandar itu, adalah amat penting untuk membantu meningkatkan kualiti hidup bagi rakyat di kawasan luar bandar di situ, dan tanpa peruntukan bagi projek jalan dan juga bekalan elektrik, bekalan air, masalah itu tidak dapat diselesaikan. Sekali lagi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tuan.

4.07 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan untuk saya dalam turut membahas dalam peringkat Jawatankuasa, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Saya ingin memulakan dengan Butiran 010200 – Perancangan Strategik. Dalam peringkat dasar, Jabatan Perdana Menteri, saya juga telah menyebut tentang soal penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah bagi negeri Sabah, dan saya difahamkan masih belum lagi ditolak oleh pihak kerajaan negeri, masih lagi berfikir tentang soal ini dan banyak sudah kita perkatakan tentang kebaikan-kebaikan untuk mewujudkan Lembaga Kemajuan Wilayah bagi negeri Sabah seperti mana juga disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan awal tadi.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian kalau boleh pihak kementerian mengadakan satu seminar yang melibatkan peserta-peserta daripada pemimpin-pemimpin negeri Sabah, khusus untuk memberi penjelasan tentang pendekatan pembangunan *growth centers* ini, dia tentang peranan pewujudan Lembaga Kemajuan Wilayah seperti mana yang telah diwujudkan di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia, saya ingin mencadangkan perkara ini sebab ia amat penting.

Saya fikir ramai pemimpin negeri Sabah yang keliru tentang fungsi Lembaga Kemajuan Wilayah ini, sehinggakan masih lagi tidak berpandangan positif tentang agensi dan pihak Kerajaan Persekutuan seterusnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah seharusnya tidak putus asa sebab kita Ahli-ahli Parlimen daripada negeri Sabah kita memberi sokongan penuh, bersama-sama dengan beberapa ahli Kabinet daripada negeri Sabah menyokong penubuhan ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 030000 - Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan juga dalam Butiran 030100 - Pentadbiran dan Sumber Manusia juga dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Pada tahun ini, tahun hadapan peruntukan untuk jabatan ini telah dipertingkatkan dan kita mahu ucapkan terima kasih, syabas kepada kementerian, dan saya bersama-sama dengan beberapa Ahli Parlimen tadi tentang keprihatinan kita tentang masa hadapan Orang Asli di negara ini. Walaupun Orang Asli bilangannya tidak sampai lebih 200 ribu orang penduduk, tetapi masa hadapan kebajikan mereka adalah amat penting. Dalam hal ini dengan berbagai masalah sosioekonomi yang telah dibangkitkan oleh beberapa ahli dalam Dewan ini sebentar tadi, saya ingin mencadangkan apakah dengan kepimpinan dalam jabatan ini, tidak ada pegawai-pegawai kanan Orang Asli sendiri.

Bagaimana kalau Jabatan Orang Asli ini ditadbir sendiri oleh Orang Asli, Ketua Pengarahnya ditadbir oleh Orang Asli sendiri. Saya difahamkan ramai Orang Asli yang sudah berkelulusan universiti dan sebagainya, dan kenapakah mereka ini tidak dibenarkan dan tidak dilantik menjawat jawatan penting ini, sebab saya melihat diri saya sendiri dan saya menganggap diri saya sebagai Orang Asli, Orang Asli daripada negeri Sabah. Dan, saya tinggal di kampung dan saya telah membawa bersama, dan saya bersama Yang Berhormat Menteri dan saya mahu mengucapkan terima kasih bersama-sama saya naik, masuk kampung dan saya amat berterima kasih dengan lawatan itu, beliau telah memahami bagaimana kehidupan kami di lereng-lereng bukit dan sebagainya. Hanya orang yang tahu dan yang merasai kehidupan. Misalannya beberapa perkara ditimbangkan itu tadi, kenapa mereka berpindah dan sebagainya, hanya orang ini yang tahu.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya Ketua Pengarah ini dilantik daripada kalangan Orang Asli dan saya juga ingin bersama-sama dengan Yang Berhormat daripada Kubang Kerian tadi. Kerajaan, kementerian ini harus memikirkan dan mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya diwujudkan satu kawasan Parlimen untuk Orang Asli. Ya, semua kita prihatin, kita bersuara untuk Orang Asli, tetapi jika sekiranya kita tidak wujudkan satu kawasan untuk mereka, kita tidak akan mendengar suara dan rintihan daripada Orang Asli itu sendiri, satu pun cukup, dua atau tiga pun kalau boleh sebab kita hanya ada satu Senator, ya.

Tuan Pengerusi saya ingin beralih ke butiran seterusnya iaitu Butiran 010700 - Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Butiran 01700 iaitu bagi negeri Sabah, saya

mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada kementerian kerana peruntukan telah ditambah daripada 35 juta pada tahun 2005, ditambah kepada 47 juta bagi tahun 2006. Walau bagaimanapun peruntukan ini masih lagi begitu sedikit.

Tuan Pengerusi, bagi kawasan saya di Tuaran, saya telah mengira dan ini termasuk bekalan elektrik yang grid, bekalan untuk solar dengan yang *genset*, kita memerlukan sekurang-kurangnya RM12 juta, itu hanya untuk Tuaran. Jadi, peruntukan untuk seluruh negeri Sabah RM47 juta sahaja, persoalannya sekarang sampai bila kita boleh selesaikan masalah bekalan elektrik, ini hanya untuk prasarannya belum lagi dengan masalah *currentnya*. Oleh sebab itu, saya mohon pihak kerajaan supaya peruntukan ditambah lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti, walaupun tahun hadapan RM47 juta tetapi kita pertingkatkan lagi, sebab kita ini berhadapan dengan rakyat, kita masuk kampung dan kita berkali-kali ditanya oleh rakyat dan kita tidak dapat memberi jawapan.

Hari ini di keseluruhan kawasan, semua sekolah rendah ada *schoolnet* dan *schoolnet* ini menggunakan *genset* dan dengan *genset* ini pihak orang-orang kampung, ibu bapa terpaksa mengumpul duit untuk membeli diesel, untuk memastikan supaya *genset* itu berjalan, kalau tidak *schoolnet* tidak berjalan di kampung-kampung. Ini amat kritikal bagi kita untuk merapatkan lagi jurang digital di kawasan bandar dan luar bandar.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya beralih pula ke Butiran 030400 iaitu Amanah Ikhtiar Malaysia. Tuan Pengerusi, telah diumumkan dan Yang Berhormat Menteri juga sendiri telah mengumumkan bahawa pada tahun ini iaitu 2005, kita telah gagal untuk mencapai sasaran kita untuk menurunkan kadar kemiskinan kepada tahap di bawah paras 0.5% dan sasaran baru ialah tahun 2009. Tahun 2009 kita akan dapat turunkan kadar kemiskinan seluruh negara kepada 0.5 peratus. Dalam hal ini Tuan Pengerusi, peranan Amanah Ikhtiar Malaysia sudah terbukti, di negeri Sabah kita juga mempunyai Yayasan Usaha Maju, iaitu mengambil pendekatan yang sama iaitu pendekatan grameen bank. Tetapi pada tahun hadapan, tahun 2006 dalam bajet ini saya nampak peruntukan yang diberi kepada Amanah Ikhtiar Malaysia ini kosong, sifar.

Saya ingin bertanya, apakah telah berlaku dengan Amanah Ikhtiar Malaysia ini? Peruntukannya kosong dan kita telah membaca di akhbar sedikit sebanyak ada masalah dan dahulu dia punya *funder*, Professor Shukor daripada USM sudah balik sebagai pentadbirnya, tetapi apa yang telah berlaku? Seheingakan zero ini? Ya, satu agensi yang memang sudah terbukti kejayaannya dalam pembasmian kemiskinan di negeri Sabah kita telah melihat ramai peserta dan sahabat-sahabat yang telah keluar daripada garis kemiskinan, tetapi apa sudah jadi? Saya ingin penjelasan apa sudah jadi dengan Amanah Ikhtiar Malaysia ini?

Seterusnya Tuan Pengerusi dalam Butiran 03201 - Program Kesejahteraan Rakyat. Program ini dulu dipanggil dengan PPRT. Program Rakyat Termiskin, sekarang dipanggil Program Kesejahteraan Rakyat. Kita mengucapkan terima kasih untuk program ini diberi peruntukan sebanyak RM100 juta. Soalnya di sini, adalah dari segi pelaksanaan. Pelaksanaan Program Kesejahteraan Rakyat ini yang disalurkan melalui pejabat daerah ataupun kadang-kadang agensi lain seperti Pertubuhan Peladang Kebangsaan.

Bagaimanakah kita memilih kumpulan sasaran itu yang pertamanya. Yang keduanya, dari segi pemantauan mereka yang mendapat projek ini. Yang termasuk dalam program khususnya yang ada kaitan dengan sosioekonomi. Bukan bantuan perumahan. Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya jawatankuasa di peringkat daerah yang sekarang ini sudah diwujudkan, bukan sahaja sebagai mengenal pasti tetapi juga untuk memantau. Memantau pelaksanaan setiap projek ini dan kita akan mendapat laporan berkala tentang pelaksanaannya dan kesannya. Melihat impaknya juga.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 04500 iaitu Penanaman Semula Lembaga Getah Sabah.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang kita semua sedia maklum, bahawa negeri Sabah ini, RISDA tidak beroperasi di Sabah. Iaitu satu agensi yang

dipertanggungjawabkan untuk menangani permasalahan pekebun-pekebun kecil. Bagi RISDA, kita lihat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat masa cukup.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Okey, saya gulungkan, Tuan Pengerusi. Telah diberikan peruntukan lebih kurang RM131 juta untuk seluruh Semenanjung. Tapi, untuk Lembaga Industri Getah Sabah, peruntukannya telah ditingkatkan, kita mengucapkan terima kasih. Dulu lebih kurang RM6 juta, sekarang ditingkat RM11 juta. Kita mengucapkan terima kasih, tetapi sebenarnya peruntukannya tidak mencukupi.

Untuk makluman, sebenarnya keluasan, keluasan tanah yang ditanam getah oleh pekebun-pekebun kecil di seluruh negeri Sabah ialah 64,000 hektar yang melibatkan begitu banyak pekebun-pekebun kecil sampai lebih 17,000 pekebun kecil.

Oleh sebab itu, sebenarnya peruntukan RM11 juta ini tidak mencukupi. Dan masih ramai lagi, masih ramai lagi pekebun-pekebun kecil yang tidak mendapat pembelaan dalam apa jua bentuk. Untuk ini, kita lihat dalam Butiran ini, peruntukan RM11 juta ini, untuk penanaman semula, tapi bagaimana dengan pembelaan mereka? Dari segi prasarana? Dari segi peralatan-peralatan? Dari segi memperkenalkan teknologi-teknologi baru? Penorehan getah dan sebagainya? Saya mohon supaya walaupun tahun depan RM11 juta, saya mohon supaya ditambah ini. Ditambahlah untuk kalau Lembaga Industri Getah Sabah sebab terutama sekali sekarang ini harga getah meningkat.

Pendekatan ini, mereka penoreh-penoreh getah, pemilik pekebun-pekebun kecil ini dengan melibatkan getah ini, ramai yang akan terkeluar dari garis kemiskinan. Sebab itu adalah amat produktif jika sekiranya peruntukan untuk Lembaga Industri Getah Sabah ini ditambah. Saya juga ingin mencadangkan supaya pihak kementerian dapat menyelaraskan, dapat membuat satu penyelarasan di antara Lembaga Industri Getah Sabah ini dengan Lembaga Getah Malaysia yang sudah beroperasi di negeri Sabah, terutama sekali dalam memperkenalkan dan memberi pembekalan teknologi-teknologi penorehan getah sebagai contoh. Ya, dengan kata-kata demikian Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ledang.

4.17 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Sebab itu kena tegakkan badan, 10 kali bangun. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah, dapat sudah kira nasib baiklah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Nasib baik hari ni. Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin ucapkan tahniah kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kerana telah pun mendapat peruntukan berjumlah RM2.3 bilion, saya kira meningkat RM1/2 bilion berbanding dengan tahun lepas. Saya nak terus menjurus kepada perkara 20000, yang khusus kepada Modal Insan sebagaimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kepada saya, kumpulan sasaran yang paling penting terhadap pembinaan modal insan ialah di peringkat tabika atau di peringkat kanak-kanak. Tetapi ada dua kategori, pertamanya, di kampung-kampung dan kedua, di bandar-bandar. Kalau kita bandingkan antara bandar dan kampung banyak bezanya. Sedangkan KEMAS ataupun kementerian ini menyediakan tabika ataupun TBK di peringkat di kampung-kampung di seluruh negara. Bilangannya, saya fikir terlalu banyak. Tetapi kalau kita bandingkan pula kemudahan TBK ataupun tabika ini dengan kemudahan yang disediakan oleh pihak lain ke atas tabika yang sama di bandar-bandar, jauh bezanya.

Bukan saya nak bezakan secara serius tentang di bandar ataupun di kampung. Tetapi, kepada saya, kita perlu juga melihat tentang suasana yang berlaku kerana kita tidak mahu apabila kita bercakap tentang modal insan satu masa nanti masyarakat di kampung yang kita nak bina ini tertinggal daripada masyarakat di bandar. Kerana asas kepada pembinaan modal insan ialah di peringkat kanak-kanak.

Saya lihat, walaupun pertamanya, saya ucapkan tahniah kepada pihak Kementerian kerana telah pun banyak melakukan banyak perubahan kepada TBK-TBK di peringkat kampung-kampung, di luar-luar bandar. Saya ucapkan tahniah. Ada beberapa tabika yang baru, ada juga tabika ataupun TBK yang masih lagi menumpang di balai raya, di bangunan-bangunan lain, selain daripada bangunan mereka sendiri. Ada juga yang ada kemudahan komputer. Ada juga yang tidak ada komputer. Ada yang mempunyai kelengkapan yang banyak. Di Batu Sapi, saya tidak tahu. Juga ada yang mempunyai kelengkapan yang canggih, yang tidak canggih dan sebagainya.

Kepada saya, kalau boleh saya memberikan sedikit cadangan, daripada rakan-rakan yang dapat saya kutip daripada luar. Kerajaan telah pun menyediakan sebanyak RM1 bilion untuk membela kontraktor Kelas 'F' di dalam ucapan bajet Perdana Menteri baru-baru ini. Saya fikir, walaupun RM1 bilion itu adalah untuk membela kontraktor-kontraktor Kelas 'F', kalaulah bidang-bidang kerja ataupun skop kerja dapat difokus kepada membela segala TBK KEMAS, di kampung-kampung di seluruh negara, saya membuat congekkan tadi, tidak kurang 10,000 TBK baru dapat dibina di seluruh negara.

Pada masa yang sama juga kita dapat membela Kontraktor Kelas 'F', sebab yang nak membina ini, yang nak dibela ini adalah Kontraktor Kelas 'F'. Yang nak membina ini adalah Kontraktor Kelas 'F'. Pada masa sama, kita dapat membela TBK-TBK di seluruh negara, yang saya kira tadi, tidak kurang 10 ribu. Kalaulah satu TBK berharga RM100,000 ringgit.

Tuan Pengerusi, saya fikir kita harus lebih melangkah jauh pantas daripada yang telah berlaku sebelum ini kerana tuntutan semasa kepada modal insan di peringkat kanak-kanak sangat penting. Selain daripada kemudahan ini, begitu juga tentang tenaga pengajar, saya berasa gembira kerana baru-baru ini Menteri Pembangunan, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, telah pun mengumumkan untuk memberi peluang ataupun meningkatkan taraf guru-guru tabika di seluruh negara sama ada secara separuh masa dan sepenuh masa. Akan menaikkan taraf mereka kepada taraf diploma ataupun ijazah.

Ini adalah satu pendekatan yang baik. Sekadarkan kalau boleh usaha ini dapat dipercepatkan sebab ramai juga yang nak pencen. Sekarang Tuan Pengerusi, saya semak, di Sekolah Kebangsaan Lawas, Sarawak ada sekolah, prasekolah, dan gurunya mempunyai kelulusan Master prasekolah di Sekolah Kebangsaan Lawas, Sarawak. Ada Master dalam bidang Usuluddin, Pengajian Islam. Kerana mereka, guru berkenaan mengajar subjek Agama.

Secara kebetulan, saya kenal guru yang berkenaan. Master! Dan tidak mustahil, satu masa nanti Tuan Pengerusi, kalau kita boleh pantas sedikit untuk membangunkan tenaga-tenaga pengajar TBK ini, mereka mampu mempunyai diploma, ijazah dan master sebab kalau kita boleh fokus kepada sistem pengajaran yang terkini terhadap kanak-kanak yang memerlukan asas pengajaran yang sempurna, saya percaya kita akan dapat membangunkan taraf pendidikan kanak-kanak di peringkat TBK dengan lebih pantas sebelum mereka masuk ke alam persekolahan yang sebenar. Maksud saya tadi, sekiranya mereka diberikan asas yang kuat, dengan pendedahan yang sempurna, mereka mudah menerima pengajaran yang lebih formal di peringkat sekolah dan akhirnya kita dapat membangunkan modal insan dengan lebih pantas lagi.

Kedua Tuan Pengerusi, tentang B10000, iaitu kementerian telah pun melancarkan semula Skim Pembangunan Ekonomi Desa ataupun SPED dengan jumlah tidak lebih RM1/2 juta. Satu jumlah peruntukan yang banyak. Sekadarkan Tuan Pengerusi, ada cadangan supaya pertamanya, bagi kelulusan peruntukan tidak melebihi RM50,000 diberikan kelonggaran dengan menurunkan kuasa kelulusan kepada pihak bank yang

menguruskan, sama ada Bank Rakyat, ataupun Bank Pertanian. Tak perlulah merujuk kepada Kementerian dan sebagainya.

Sekarang prosesnya ialah, bank menerima permohonan, kemudian, diproses oleh bank dan diangkat kepada kementerian untuk tujuan kelulusan. Kalau jumlah yang lebih kecil, misalnya RM50,000, terus diluluskan oleh pihak bank saya fikir itu adalah satu proses yang lebih pantas. Kecuali jika pinjaman tersebut melebihi RM50,000.

Kedua Tuan Pengerusi, supaya ada cadangan. Terima kasih Menteri kerana masuk semula. Ada cadangan supaya kos peguam bagi pinjaman SPED ini dimasukkan sekali di dalam pinjaman. Tidak perlu mencari duit lain, yalah, nak berniaga memerlukan duit yang banyak kalau kos peguam ini dimasukkan di dalam kos pinjaman, saya fikir itu adalah satu pendekatan yang baik.

Begitu juga, sekarang ini saya menerima cadangan supaya, caj 4% yang dikenakan kepada peminjam-peminjam itu dapat dikurangkan dan begitu juga kalau boleh kadar baki bayaran dikurangkan daripada 4% kepada mungkin 1% atau 2% kerana bank sekarang pun telah memberikan kadar pinjaman kepada 1.5% dan itu adalah satu perkara yang tidak mustahil.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, di Ledang ada juga kampung Orang Asli yang tinggal di dalam hutan-hutan. Pertama, saya sebutlah tiga kampung ini, Kampung Orang Asli Sungai Mering, Kampung Orang Asli Air Tawas dan ketiga Kampung Orang Asli Tenang Gembur. Ketiga-tiga kampung ini telah pun banyak diberikan pembelaan. Memang tidak dinafikan. Telah diberikan rumah yang sempurna, diberikan sekolah TBK, salah seorang guru itu untuk makluman adalah guru daripada Orang Asli sendiri. Kalau katakan Orang Asli tak ada guru KEMAS di tempat saya telah pun ada.

Sekadarkan oleh kerana dunia telah berubah, mereka juga telah pun melihat Akademi Fantasia, Program *Reality*, mereka nakkan bekal elektrik yang sempurna. Sekarang mereka menggunakan *genset*. Yang kita bekalkan juga, mereka hendakkan bekalan elektrik secara berterusan. Tak perlu tarik pakai tangan. Bukan kerana kita tak boleh bekalkan. Saya sudah semak dengan Kementerian Luar Bandar, ada peruntukan, bukan tak ada peruntukan.

Sekadarkan laluan masuk terpaksa menumpang *estate*. Saya sudah berjumpa dengan pihak estate, menteri minta saya tulis surat. Mereka nampaknya masih lagi susah untuk memberikan kebenaran supaya tiang-tiang TNB ini dapat lalu melalui kebun atau melalui tanah mereka. Ini adalah satu perkara yang saya fikir mendukacitakanlah. Saya fikir kalau boleh, biarlah kita beli sahaja tanah tempat jalan masuk itu. Tak perlulah kita tumpang-tumpang. Jadi mungkin pada masa akan datang, kita akan dapat bangunkan dengan lebih pantas lagi.

Tetapi persoalannya sekarang, Tuan Pengerusi ialah, sampai bilakah mereka nak duduk di dalam kawasan di kampung tersebut? Soal pendidikan, saya puji mereka datang ke sekolah, mereka datang ke sekolah. Masuk darjah satu, tapi bila masuk darjah dua, bilangan dah kurang. Mereka tidak dapat bertahan untuk masuk sekolah. Anak-anak mereka terbiar tidak masuk sekolah semata-mata kerana mereka tidak minat. Kerana tidak ada jalan sempurna, kata merekalah. Kalau jalan sempurna, mungkin mereka akan rajin ke sekolah. Jadi Tuan Pengerusi..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Pengerusi, kalau ini dapat diberikan perhatian yang lebih serius, saya berjanji, saya akan sentiasa bekerjasama dengan kementerian untuk melihat sama-sama masalah Orang Asli ini. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Selangor.

4.30 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan seluruh pegawai-pegawai kementerian yang bersungguh-sungguh untuk membangunkan kawasan luar bandar dan penduduknya khususnya dalam mencapai matlamat pembangunan seimbang di antara bandar dan luar bandar dan untuk menyusun seluruh masyarakat dan membasmi kemiskinan.

Kuala Selangor ingin mengucapkan jutaan penghargaan terima kasih di atas peruntukan yang telah disalurkan ke kawasan yang melibatkan jalan kampung dan juga emniti sosial. Namun saya ingin membicarakan beberapa perkara yang pertama, Butiran 010800 - Emniti Sosial yang mana peruntukan yang diberikan setiap tahun RM50 ribu, saya fikir kurang memadai kerana walaupun Selangor telah diisytiharkan sebagai negeri maju, INFRA masih diperlukan. Yang penting emniti sosial umpamanya balai raya ada setengah tempat atau kampung masih tidak ada tempat untuk mereka berhimpun untuk menjalankan kegiatan masyarakat. Jadi kalau boleh minta kementerian naikan peruntukan daripada RM50 ribu bukan sahaja untuk Kuala Selangor, tapi untuk seluruh negara lebih daripada RM100 ribu.

Yang kedua, saya ingin tahu kedudukan semasa rundingan yang saya difahamkan Yang Berhormat Menteri telah berbincang dengan pihak TNB berhubung dengan soal lampu jalan. Kalau dulu kita diberikan peruntukan sebuah kampung 10 biji lampu tetapi selepas itu nampaknya tak dengar khabar berita. Jadi kita masih memerlukan jalan-jalan kampung kerana kampung perlu dalam keadaan terang untuk mengelakkan pelbagai gejala sosial.

Di samping itu saya nak bercakap fasal 011000 - Program Kesejahteraan Rakyat atau PPRT. Berdasarkan pengalaman turun padang saya dan Ahli-ahli Parlimen yang lain, permintaan begitu banyak kepada mereka yang memerlukan membina baru rumah dan juga untuk memperbaiki rumah sedangkan syarat kelayakan yang ditetapkan oleh kementerian begitu ketat. Kalau dapat syarat ini dilonggarkan dan peruntukan yang lebih banyak diberikan kepada program PPRT ini agar mereka yang dalam keadaan hidupnya terdesak, dalam keadaan rumah yang usang dapat memperbaiki kehidupan pada masa yang akan datang. Saya berharap peruntukan ini walaupun macam negeri Selangor ada peruntukan kerajaan prihatin, namun ini tidak memadai dan peruntukan pertambahan patut disalurkan daripada Kerajaan Persekutuan. Dalam memilih kumpulan sasaran ini kalau dapat Ahli Parlimen dilibatkan dalam jawatankuasa dibentuk di peringkat Pejabat Pembangunan Negeri supaya kita benar-benar dapat mengenal pasti mereka yang layak dan patut diberikan pertolongan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Di samping itu, kalau dapat kementerian menggalakkan pelaksanaan program PPRT ini dibuat secara gotong-royong, tidak diserahkan kepada kontraktor Kelas F, kerana untung pun tidak banyak dan kita dapat menghidupkan konsep kerjasama atau gotong-royong di kalangan masyarakat.

Butiran 020004 berkaitan dengan KEMAS, saya perhatikan KEMAS hari ini tak cukup kemas. Yang pertamanya kita balik kepada sejarah penubuhan KEMAS yang bertujuan untuk menguatkan parti dari segi politik dan juga kerajaan. Kalau dulu kita ada jawatan penyelia KEMAS mengikut Dewan Undangan Negeri, tapi hari ini tidak ada dan penyelia kanan KEMAS mengikut Parlimen nampaknya bergerak sendiri, tidak berbincang dengan Ahli Parlimen untuk mengatur gerakan di kawasan Parlimen masing-masing. Kalau boleh jawatan penyelia KEMAS di setiap DUN diadakan semula agar mereka dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam mencapai matlamat kementerian.

Yang kedua berhubung dengan tadika, saya menyambut baik rancangan kementerian untuk menambah banyak. Ya, sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, saya amat berminat dengan *Key Performance Indicator* dengan izin Tuan Pengerusi, KPI penyelia-penyelia KEMAS kawasan-kawasan Parlimen. Yang Berhormat ada sebut tadi tentang penyelia-penyelia KEMAS yang tidak bekerja serba rapat dengan Ahli-ahli Parlimen dan bergerak secara

independent. Adakah kemungkinan penyelia-penyelia KEMAS yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi itu adalah mereka yang terlibat secara langsung di dalam gerakan-gerakan politik, parti-parti politik di peringkat Parlimen ataupun bahagian sehingga ada kalanya menyebabkan mereka meminggirkan wakil-wakil rakyat yang telah dipilih dalam pilihan raya dan sebagainya. Boleh Yang Berhormat beri penjelasan sedikit?

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Jawapannya benar, dan saya harap kementerian dapat mengurangkan *politicking* yang wujud di kalangan pegawai KEMAS di kawasan. Yang berhubung dengan rancangan kementerian untuk menambah banyak tadika di seluruh negara, tapi saya harap peruntukan secukupnya juga kepada bangunan-bangunan KEMAS yang sedia ada tanpa mengabaikan bangunan-bangunan yang sudah mula dimakan anai-anai, dan juga alat pemadam api yang sudah tidak boleh diguna pakai lagi yang berbahaya kepada kanak-kanak, dan saya mohon supaya peruntukan khas disediakan untuk tujuan yang berkenaan.

Di samping itu, saya juga ingin tahu dasar kementerian berhubung dengan pembinaan tadika yang melibatkan kawasan-kawasan bandar. Hari ini nampaknya kementerian ataupun KEMAS sendiri secara terbuka membiarkan kawasan bandar dibangunkan oleh pihak swasta untuk mewujudkan banyak tadika KEMAS yang mungkin ada kesan yang tidak baik kepada sistem pendidikan prasekolah ini. Jadi saya harap perkara ini dapat dilihat khususnya di Kuala Selangor. Di Bandar Baru Puncak Alam dan Taman Saujana, KEMAS tak masuk langsung.

Di samping itu, saya nak bangkitkan soal pusat kegiatan KEMAS, di Kuala Selangor kawasan pusat kegiatan KEMAS asrama ada, dewan ada, kantin tak ada dan peruntukan penyelenggaraan untuk bangunan dan juga kawasan tak ada. Tidak ada jaga, tidak ada tukang kebun, itu sebabnya kursus jangka pendek saja yang dapat dibuat hari ini, kursus jangka panjang tidak dapat diadakan kerana kurang kemudahan. Oleh itu saya mohon kementerian mewujudkan jawatan-jawatan yang saya sebutkan. Termasuk juga untuk menambahkan pusat jahitan dan masakan yang melibatkan soal peralatan dan tenaga pengajar juga perlu ditambah.

Dalam soal pendidikan, saya juga bersetuju dengan rakan-rakan supaya dalam proses untuk kita meningkatkan martabat bangsa Malaysia boleh duduk berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa di dunia ini supaya hari ini kelas-kelas memberikan pendidikan kepada masyarakat dalam soal bahasa, iaitu soal bahasa Inggeris yang merupakan bahasa antarabangsa, soal bahasa Cina bahasa perniagaan dan juga bahasa Arab bagi mereka yang berurusan soal perniagaan dan juga yang nak menunaikan haji dan umrah. Saya fikir ini cukup penting. Ini merupakan satu lagi tambahan yang harus dilaksanakan oleh pihak KEMAS.

Butiran 060000 berkaitan dengan RISDA, saya harap pihak kementerian dapat mengkaji semula peranan RISDA dalam membangunkan pekebun kecil getah dan juga kelapa sawit khususnya dalam soal pemasaran, di mana orang tengah mengambil peranan memberikan kemudahan pengangkutan, pinjaman, harga yang lebih tinggi berbanding dengan yang ditawarkan oleh RISDA. Oleh itu soal kakitangan dan soal pengangkutan kalau dapat ditambah agar RISDA dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam membela nasib pekebun-pekebun kecil.

Dan akhirnya Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai kedudukan Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar seperti yang telah dipersetujui dalam Jawatankuasa Kecil Parlimen agar jawatankuasa ini dapat berfungsi secepat mungkin agar dapat segala aktiviti dan kegiatan di bawah PLB, KEMAS, agensi-agensi wilayah yang lain dapat kita selaraskan dan dapat kita memastikan matlamat kementerian dapat dicapai. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ipoh Timor.

4.40 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, ada dua, tiga perkara sahaja. Yang pertama Tuan Pengerusi, mengenai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Saya tidak boleh faham kenapa dekat 50 tahun kemerdekaan, kita masih begitu tidak berjaya untuk memajukan Orang Asli, satu kumpulan yang begitu mundur dan miskin.

Dalam 70-an, 80-an, 90-an, kita selalu mendengar desakan daripada pihak DAP kita di sini pun bahawa perlulah ada kemajuan dalam membangunkan Orang Asli dan dilihat daripada sebagai contohnya, mereka boleh dapat memegang jawatan yang tinggi sekurang-kurangnya dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Kalau dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pun mereka tidak boleh dapat tempat yang tinggi, tentulah ini satu bayangan kegagalan usaha-usaha untuk membangunkan dan memajukan Orang-orang Asli.

Sekarang bukan sahaja ketua pengarah, belum sempat ada seorang Orang Asli, seorang pengarah negeri pun tidak ada. Saya ada bangkitkan perkara ini 10 tahun, 20 tahun, kenapa kita tidak boleh berjaya? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apakah yang sudah berlaku? Sampai sekarang 80% Orang Asli masih di bawah *poverty line* - 80%, dan mereka menghadapi krisis mengenai boleh kekal dalam tanah mereka oleh sebab pembangunan yang pelbagai bukan sahaja pembangunan perumahan tetapi *golf course*, *logging*, *relocation* dan sebagainya.

Saya ingat pada tahun lalu, saya ada bangkitkan dengan Yang Berhormat Menteri mengenai hal Orang Asli di Sungai Linggi, di mana ada pampasan diberi kalau tak silap saya RM38 juta, tetapi nampaknya ada Orang Asli yang sepatutnya menjadi *millionaire*. Sebenarnya mereka sangat miskin, oleh sebab ditipu dan dieksploitasi dan saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu kenyataan apa kedudukannya sekarang. Sekarang kita dalam proses untuk menggubal Rancangan Malaysia Kesembilan, bolehkah Yang Berhormat Menteri menggunakan pengaruh beliau supaya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bahawa Orang Asli dikategorikan dijelaskan sebagai satu *poverty group* yang khas, yang perlu dibantukan yang adalah kemajuan - *progress report* diberi kepada Parlimen dan di negara mengenai apa kemajuan kita capai dalam bidang ini.

Kedua ialah mengenai satu lagi kumpulan orang miskin di luar bandar, pekerja-pekerja estet mereka pergi mana? Nampaknya saya harap bahawa ini pun patut dapat di tanggungjawab oleh Yang Berhormat Menteri oleh sebab mereka tidak jatuh (termasuk) dalam mana-mana kementerian. Mereka *the missing link*, mereka sudah menjadi *under class* di negara kita dan saya harap mereka patut dibawa masuk ke dalam aliran perdana (*mainstream*), pembangunan di negara kita yang saya lihat di sini pun adalah peruntukan untuk IT, Info Desa dan lain-lain.

Seminggu dua yang lalu saya ada menghantar e-mail kepada semua anggota Kabinet, dua kali mengenai agenda-agenda yang saya rasa bahawa perlu dan harus menjadi tumpuan semua Menteri Kabinet. Tetapi ramai menteri e-mail kepada mereka tolak balik. Antara e-mail kepada menteri-menteri yang tolak balik ialah Yang Berhormat Menteri sendiri. Saya ada di sini, ada bukti. *Aziz@rurallink.gov.my* tolak balik. E-mail pertama tolak balik, *permanent error; I've given up*, itu *machine* katalah.

This is a e-mail, I'm afraid I wasn't able to deliver your message to the following address, this is a permanent error. I've given up, sorry it didn't work out. Kali yang pertama, kali yang kedua.

Kalau Yang Berhormat Menteri *e-mail* pun tidak ada, bagaimana kita boleh yakin bahawa usaha untuk *bridge the digital gap* antara *information have* dan *information have not*, khususnya mereka yang di luar bandar akan berjaya, tidak *inspire* mengilhamkan, memberi ilham bahawa inilah ada satu komitmen yang tegas. Saya harap bahawa kita pun boleh dapat apa yang sudah dibuat mengenai *bridge the digital divide*, khususnya mereka di luar bandar. Ini mustahak. Kita tidak mahu mereka di luar bandar menjadi *have not*, *info have not* yang baru. Dengan itu, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bukit Mas.

4.45 ptg.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian.

Tuan Pengerusi, sebelum saya meneruskan, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak kementerian khusus kepada Yang

Berhormat Menteri sendiri dan juga timbalan menteri kerana prihatin dengan kawasan saya di Bukit Mas dan kedua-dua beliau pernah melawat ke kawasan saya di Bukit Mas.

Pertama, saya ingin menyentuh tentang pendidikan prasekolah. Tentulah di kawasan seperti kawasan saya di Bukit Mas, yang merupakan kawasan luar bandar memerlukan pendidikan prasekolah ini. Walaupun pada dasarnya semua sekolah SK akan diadakan pendidikan prasekolah ini tetapi bagi kawasan saya kebanyakan SK sekarang ini belum diadakan kemudahan ini. Selain daripada itu, kebanyakan kampung di antara sekolah-sekolah yang mana penduduknya agak ramai, anak-anak muda, anak-anak kecil ini ramai memerlukan kemudahan pendidikan prasekolah ini supaya dapat kemudahan untuk bersaing dengan anak-anak di lain-lain tempat di luar bandar apatah lagi anak-anak di kawasan bandar.

Ini merupakan satu keperluan di kawasan saya dan saya berharap pihak kementerian melihat perkara ini sebagai perkara yang mustahak dan dapat melaksanakan kemudahan pendidikan prasekolah ini di kawasan saya.

Seterusnya saya menyentuh mengenai elektrik luar bandar. Di kawasan saya, Tuan Pengerusi, bekalan elektrik di kawasan luar bandar ataupun di tempat-tempat di mana melalui grid ini dilaksanakan hampir siap. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih sekali lagi kerana pihak kementerian dapat membawa kemudahan ini ke hampir semua kawasan berdekatan bandar.

Walau bagaimanapun, di kawasan luar bandar seperti saya sebutkan di sini seperti Bario, Ba'kelalan, Long Semadoh, Ulu Limbang dan lain-lainnya masih belum mendapatkan bekalan elektrik. Ini kerana di kawasan-kawasan tersebut tidak dapat dibawakan kemudahan melalui grid. Hanya kalau di Bario dulu dilaksanakan satu projek yang mana pada waktu itu rakyat di sana ataupun penduduk-penduduk di Bario sangat mengalu-alukan projek itu, malangnya tidak dapat tidak berjaya untuk membekalkan elektrik kepada kawasan Bario.

Ini merupakan satu kawasan yang saya rasa amat penting memerlukan bekalan elektrik seperti kawasan Bario, Ba'kelalan. Cara untuk membekalkan elektrik di kawasan-kawasan ini seperti mana yang dipersetujui oleh kerajaan, tidak lain dan tidak bukan iaitu menerusi solar dan juga mini hidro. Apa yang penting di sini, saya menyeru kepada pihak kementerian dan kerajaan supaya dapat membekalkan ataupun melaksanakan cara alternatif ini, iaitu sama ada melalui solar ataupun mini hidro pada kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi, iaitu di kawasan Parlimen Bukit Mas.

Yang ketiga, saya menyentuh mengenai bekalan air luar bandar. Ini merupakan keperluan asas di mana-mana pun. Di kawasan saya, di bandar Lawas, pada masa sekarang tidak mencukupi bekalan air luar bandar ini kerana sistem yang ada sekarang merupakan sistem yang lama. Penduduk-penduduk telah dan sedang berkembang dan sistem ini tidak dapat dibekalkan.

Kita bersyukur kerana baru-baru ini diluluskan satu sistem yang baru iaitu *original water supply* untuk membekal keseluruhan daerah Lawas itu dengan air ataupun sumber yang baru. Jadi, perancangan ini ataupun projek ini memerlukan peruntukan dan projek ini belum dilaksanakan, menunggukan peruntukan. Saya berharap pihak kementerian dan kerajaan melihat projek ini sebagai satu yang penting kerana ia akan membekalkan bekalan air bukan sahaja ke satu kawasan ataupun kampung malah ke seluruh daerah Lawas itu sendiri. Ini amat penting.

Seterusnya, saya menyentuh mengenai penanaman semula getah di Sarawak. Saya melihat program ini belum ataupun tidak dijalankan di Sarawak sedangkan kita memikirkan projek seperti ini amat penting. Ini kerana dalam keadaan negara kita sekarang ataupun rakyat yang memerlukan sumber pendapatan untuk mencukupi bagi keluarga, menyarakan keluarga masing-masing amat perlu projek seperti ini dijalankan di Sarawak. Saya telah bertanya dengan pihak berkenaan di Sarawak. Mereka memaklumkan bahawa projek ini belum ataupun tidak mendapat kelulusan. Oleh itu, saya menyeru kepada pihak kementerian agar dapat menjalankan projek penanaman semula getah di Sarawak supaya dapat mempelbagaikan punca pendapatan penduduk-penduduk kita di Sarawak.

Selain daripada itu, saya ingin mengutarakan masalah iaitu mengenai pelaksanaan projek-projek kecil kerajaan. Saya berpendapat masalah ini bukan sahaja masalah di kawasan saya. Saya mendapati bahawa masalah pelaksanaan projek-projek ini masih terdapat di mana-mana tempat. Masalah yang saya ingin utarakan ialah mengenai contohnya pada peringkat ini pun projek-projek kecil kita di luar-luar bandar masih belum dapat dilaksanakan dan ini ada kaitannya dengan cara pelaksanaan itu sendiri. Contohnya di kawasan saya, pelaksanaan projek sekarang ialah menerusi tender dan tender dipanggil ada kadangkala sampai dua tiga kali.

Sebabnya ialah tidak ada kontraktor-kontraktor khususnya kepala yang sesuai untuk menjalankan sesuatu projek itu. Misalnya, dalam projek seperti membuat parit. Kalauah penender-penender ini semua mempunyai *head* yang boleh melaksanakan kerja-kerja memotong rumput sahaja misalnya, *head one, especially head one*, jadi tidaklah dapat diterima oleh pihak tender *board*. Ini melambatkan projek-projek kita.

Walaupun hal kontraktor-kontraktor ini tidak ada kaitannya dengan pihak kementerian, tetapi saya ingin memaklumkan bahawa ini merupakan masalah, khususnya di kawasan yang jauh seperti kita di daerah Lawas, walaupun mempunyai kontraktor hampir 100 tetapi semuanya diberi *head* yang lebih kurang sama. *Head one* tidak dapat melaksanakan projek-projek yang lain seperti perparitanlah, jambatanlah dan lain-lain dan ini merupakan satu masalah. Sehingga kini projek-projek kecil kita belum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Jadi, saya berharap perkara seperti ini dapat diambil perhatian oleh pihak kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, habis?

Tuan Henry Sum Agong: Saya rasa itu sahaja dan saya ucapkan terima kasih. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Rembau.

4.50 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh beberapa tajuk sahaja iaitu pertama 010800 - Prasarana, Utiliti dan Ameniti Sosial, 011000 - Pembasmian Kemiskinan, 020400 - Pendidikan Masyarakat, 00400 - Pendidikan Pra Sekolah dan 01707 – Pemasangan/Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung.

Tuan Pengerusi, dari segi pembasmian kemiskinan, saya difahamkan pada tahun lepas, pihak kementerian ada bercadang untuk menjalankan bancian semula ataupun bancian kaji semula indeks garis kemiskinan, *poverty lines index*, untuk menentukan sama ada garis kemiskinan yang dipakai sekarang iaitu bagi mereka yang RM520 ke bawah, dianggap miskin dan RM260 ke bawah dianggap kemiskinan tegar. Saya ingin tahu adakah kajian ini telah selesai dijalankan memandangkan indeks garis kemiskinan yang sedia ada sekarang ini dipakai untuk kawasan luar bandar dan juga bandar yang pada hemat saya tidak lagi sesuai dalam keadaan kos sara hidup yang meningkat sekarang ini.

Selain daripada itu dari segi ameniti sosial, saya juga berharap pihak kementerian akan menimbang untuk meningkatkan atau menambahkan lagi peruntukan memandangkan ameniti sosial ini penting, khususnya di luar bandar. Bukan sahaja sebagai, contohnya balai raya, bukan sahaja jadi tempat mesyuarat sekarang ini tetapi untuk sebagai pusat pembangunan kampung. Sebab itu kalau boleh saya cadangkan supaya untuk jangka panjang, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini, balai raya ini dinaikkan taraf kepada dewan serba guna.

Mungkin buat permulaan kita boleh naik taraf mengikut mukim. Dan, akhirnya tiap-tiap kampung akan ada dewan serba guna, di mana bukan sahaja ada tempat mesyuarat tetapi juga ada tempat untuk kegiatan sukan dalaman seperti sepak takraw, futsal dan juga badminton selain daripada diwujudkan ruang untuk kegiatan ekonomi untuk wanita-wanita, khususnya ibu tunggal. Ini penting kalau kita ingin menjadikan kawasan luar bandar itu sebagai satu kawasan yang betul-betul sebagai GDW, di Gerakan Daya Wawasan, di mana

masyarakat setempat boleh menjalankan kegiatan dan dalam masa yang sama ini menambah pendapatan mereka.

Dengan adanya dewan serba guna ini juga dijangka akan dapat mengurangkan masalah sosial seperti gejala dadah dan sebagainya, sebab umum mengetahui sekarang ini di banyak tempat tidak ada kemudahan rekreasi untuk para belia kita menghabiskan masa lapang mereka.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, dari segi pendidikan prasekolah. Pada sekarang ini secara umumnya prasekolah yang dijalankan oleh KEMAS memanglah sambutanannya baik, khususnya di luar bandar, cuma masalahnya di pinggir-pinggir bandar. Di pinggir bandar seperti di kawasan saya di Paroi, di mana kepadatan penduduknya agak ketara tetapi kelas yang ada untuk prasekolah sangat terhad. Contohnya di kawasan di Sri Pagi ada lebih kurang 1,500 penduduk di taman sekitar di situ, tetapi kelasnya cuma ada satu sahaja yang dibuat oleh Jabatan Perpaduan Integrasi Nasional, sedangkan permohonan untuk memasuki sekolah ini sangat banyak dan rata-rata penduduk di kawasan ini mereka berpendapatan rendah dan sederhana, berpendapatan RM500, RM1000, RM1500, rumah sewa dan sebagainya tentulah mereka ini tidak mampu untuk menghantar anak-anak mereka di kelas tadika swasta yang kosnya RM100 ke RM200 bagi satu orang pelajar.

Jadi, saya sarankan supaya kementerian berunding dengan Jabatan Perpaduan Negara dan juga Kementerian Pelajaran untuk memikirkan dan membina lebih banyak lagi kelas tadika ini di kawasan-kawasan pinggir bandar selain daripada menambahkan kelas yang ada di kawasan-kawasan luar bandar. Pada hemat saya di kawasan luar bandar, buat permulaan tidak ada masalah ini kalau digunakan balai-balai raya. Apa yang penting semua anak-anak kita yang berusia lima ke enam tahun hendaklah diberi peluang untuk mendapatkan pendidikan prasekolah kerana kajian menunjukkan bahawa mereka yang didedahkan kepada pendidikan prasekolah biasanya akan mencapai kejayaan cemerlang di peringkat UPSR, PMR, SPM dan sebagainya.

Dari segi pemasangan dan penyelenggaraan jalan-jalan kampung, setakat ini nampaknya usaha yang dijalankan oleh kementerian sangat baik, cuma masalahnya banyak daripada lampu-lampu ini yang tidak menyala, sedangkan program ini bukan sahaja menceriakan kampung, tetapi secara tidak langsung juga boleh mengelakkan atau mengurangkan kes-kes jenayah. Sebab dengan adanya lampu yang dipasang di simpang-simpang jalan dan di tempat-tempat tertentu akan dapat membantu para belia kita yang kerja malam di kilang-kilang termasuk wanita supaya mereka ini tidak diganggu oleh mereka yang antisosial.

Selain daripada itu, saya juga berharap usaha pihak KEMAS untuk memberikan latihan yang lebih baik kepada guru-guru ini akan terus dipertingkatkan. Saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya kalau boleh 10% daripada guru-guru yang cemerlang ini, guru-guru tadika ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak KEMAS untuk mengikuti diploma dalam pendidikan awal di universiti-universiti tempatan. Selain daripada itu yang lain diberi peluang untuk mengikuti kursus diploma ini secara *off-campus* melalui Universiti Terbuka dan juga universiti-universiti yang lain. Dengan cara ini kualiti pendidikan prasekolah di peringkat luar bandar akan dapat dipertingkatkan. Terima kasih. Saya menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Eric Enchin Majimbun: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Baharum bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya Sepanggar.

5.04 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya berkongsi dan membahas mengenai B.22, Butiran 020300 – Pembangunan Desa, 020500 – Pembinaan Insan, 020700 – Pengurusan Pemakanan dan 020800 – Latihan.

Memang kebaikan bagi kita untuk ada pembangunan insan dan juga pengurusan makanan dan latihan ini sangatlah perlu untuk membangunkan di kawasan-kawasan luar bandar, tetapi masalah sekarang ini ialah tidak ada yang akan memantau perjalanan untuk pembangunan ataupun untuk pembinaan insan ini. Saya bercadang di sini agar satu jawatankuasa, kalau boleh yang dipanggil Pembangunan Insan Kawasan Parlimen yang akan dan urus setianya ialah sebagai KEMAS. Kita minta KEMAS kawasan akan menjalankan tugas urus setia ini. Ini kita perlu supaya kita dapat memantau tahap pembangunan insan di kawasan, pertama. Kedua, untuk memberi input keperluan-keperluan di kawasan dan juga untuk memberi dasar-dasar latihan yang perlu untuk pembangunan insan di kawasan tersebut.

Saya juga ingin menyentuh mengenai P.22, 02300 – Jalan Luar Bandar di mana dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini saya telah memohon supaya diberi keutamaan kepada tiga batang jalan utama luar bandar di kawasan Sepanggar yang terdiri daripada Jalan Telipuk-Natai-Kiulu, Jalan Kokol-Jalan Mengsiang Pulutan, Jalan Bagagontoki dan Jalan Tawakan-Indai. Ini sebenarnya adalah jalan-jalan yang telah pun dibina sejak 20 tahun yang lalu dan sehingga sekarang kita belum lagi dapat pembaikan jalan-jalan ini. Saya memohon agar sekurang-kurangnya pada setiap tahun kita boleh membina sebatang atau dapat menurap jalan ini setiap tahun satu batang agar hingga akhirnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kesemua jalan utama luar bandar ini dapat dilaksanakan.

Saya juga ingin menyentuh mengenai 02503 – Pembangunan Perusahaan Luar Bandar di mana kita tahu bahawa pembinaan pembangunan perusahaan di luar bandar ini sangatlah perlu, tetapi apa yang kita dapati pada ketika ini ialah pembangunan ini seolah-olah pembangunan rojak. Kita tidak tahu sama ada keperluan itu betul-betul kena kepada tempatnya iaitu di kampung-kampung ataupun di desa-desa. Oleh kerana kadangkala bila pembangunan itu disarankan, maka orang kampung atau penduduk itu hanya melaksanakannya atas desakan dan bukan atas keperluan mereka sendiri.

Saya menyarankan di sini agar kita haruslah membuat satu kajian yang menyeluruh agar setiap kawasan atau daerah punyai satu perusahaan masing-masing agar ini tidak bercanggah dengan perusahaan di kampung jiran ataupun di kampung-kampung yang lain. Dengan adanya perusahaan seperti ini yang diperlukan oleh orang penduduk kampung sendiri, maka saya percaya dan yakin perusahaan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Menyentuh dengan 0103 – Bekalan Elektrik Luar Bandar Sabah, saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan kementerian khasnya kepada kementerian ini. Memang kita tahu bahawa bekalan elektrik luar bandar di Sabah begitu kekurangan sekali, khasnya di luar bandar. Ada tiang-tiang elektrik yang telah pun dilaksanakan pada tahun-tahun yang lalu ketika ini masih belum dapat bekalan elektrik, hanya telah dipasang didirikan tiang elektrik tetapi tanpa pendawaian dan juga tanpa lampu-lampu. Maka saya rasa sudah sampai masanya agar kita dapat memberi bekalan elektrik luar bandar dengan keperluan penduduk-penduduk kampung. Misalnya di kawasan saya masih ramai dan masih banyak kampung yang belum dapat kita salurkan bekalan-bekalan elektrik ke rumah-rumah mereka.

Tuan Baharum bin Mohamed: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya sila.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Belum habis lagi. Menyentuh dengan 04500.... *[Ketawa]* Menyentuh dengan Butiran 04500 – Penanaman Semula Getah seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran, di mana pada ketika ini hanya Lembaga Industri Getah Sabah yang akan mengendalikan dan sedikit ada juga daripada FELCRA. Tetapi pengendalian Lembaga Industri Getah ini hanya dikendalikan dengan menggunakan blok-blok *planting* yang mereka buat penanaman secara besar-besaran. Akibat ini di mana pekebun-pekebun kecil tidak dapat meneruskan penanaman semula.

Saya menyarankan di sini agar kita utamakan penanaman pekebun-pekebun kecil ini agar penanaman semula ini dapat ditanam semula oleh pekebun-pekebun kecil oleh kerana kita tahu bahawa masih banyak pengusaha dan pekebun kecil ini perlu bantuan penanaman semula oleh kerana kebanyakan kawasan-kawasan mereka pada ketika ini agak tua pokok-pokoknya dan tidak begitu memberi hasil yang banyak dan lumayan. Dengan ini saya menyokong.

Tuan Baharum bin Mohamed: [Bangun]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Sekijang.

5.14 ptg.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh 02300 iaitu Jalan-jalan Luar Bandar ataupun jalan-jalan kampung. Saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang ada dalam Dewan ini, yang mana Parlimen saya di dalam peringkat penggulungan peringkat dasar dahulu bahawa Parlimen saya diletakkan di dalam kategori kawasan luar bandar. Tetapi apa yang saya terima surat daripada Yang Berhormat Menteri tentang cadangan projek jalan kampung untuk tahun 2006 nampaknya masih lagi saya boleh kategorikan dalam bandar ataupun separuh bandar.

Jadi, saya inginkan penjelasan kerana yang menjawab soalan saya itu ialah Timbalan Perdana Menteri, jadi saya pun agak *confuse*, dengan izin, di mana kedudukan yang sebenar dan pada masa yang hari itu Yang Berhormat Timbalan Menteri pun bersungguh-sungguh mengatakan bahawa kawasan saya memanglah kawasan luar bandar.

Apabila saya terima surat peruntukan untuk tahun 2006 ini nampaknya tidak ada perbezaan daripada apa yang saya terima dahulu. Oleh kerana perkara ini saya pun telah memaklumkan kepada rakyat di kawasan saya agaknya cukup malulah saya benda ini berbalik-balik begini sebab bendanya saya rasa tidak sampai 6 bulan berlalu baru cuti hari raya benda ini sudah berubah balik, jadi saya inginkan kepastian semula kerana kepastian ini adalah satu penderitaan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tanpa kepastian.

Tuan Baharum bin Mohamed: Tanpa kepastian, betul itu Tuan Pengerusi. Jadi saya mintalah kepada Yang Berhormat Menteri untuk membuat pembetulan supaya kawasan saya menerima peruntukan yang sepatutnya sebagaimana peruntukan-peruntukan kawan-kawan ataupun kawasan-kawasan lain di luar bandar.

Kedua Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang lampu luar bandar ini yang mana yang dahulu kita gembar-gemburkan 10 lampu satu kampung yang bertujuan untuk menerangi kampung. Baru-baru ini saya telah dihubungi oleh pejabat daerah saya yang mana menerima peruntukan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, di mana memberitahu saya bahawa mereka hanya boleh mengagihkan sebanyak 100 lampu sahaja untuk seluruh kawasan Parlimen saya.

Jadi apabila 100 lampu ini untuk diagihkan seluruh Parlimen saya, saya ingat saya akan dapat 2 lampulah 1 kampung Tuan Pengerusi. Kalau keadaan yang sebegini rakyat akan marahlah sebab kita dahulu sudah menghebahkan 10 lampu 1 kampung, jadi kalau terima dua nanti dia kata kita sebagai wakil rakyat mengalih-alihkan projek ini ke tempat lain dan ini tentunya mendatangkan masalah kepada saya apabila berjumpa dengan mereka ini. Jadi, saya mintalah supaya peruntukan ini kalau hendak beri kita bagikan secukupnya sebagaimana keperluan janji kita dahulu kepada masyarakat-masyarakat luar bandar ini. Tuan Pengerusi, dengan itu saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kapit.

5.17 ptg.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja. Saya hanya ingin menyentuh Butiran 02002 - Bekalan Air Luar Bandar di

Sarawak. Sebelum saya meneruskan ucapan ini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjemput Yang Berhormat Menteri KKLW untuk melawat kawasan saya di Kapit, satu kawasan yang agak jauh sungguh jauh di pedalaman di Sarawak, Yang Berhormat Menteri ya?

Tuan Pengerusi, bekalan air bersih kepada setiap kampung dan rumah panjang di pedalaman negeri Sarawak amat penting serta diperlukan. Masih banyak tempat di pedalaman Sarawak belum mendapat sistem bekalan air bersih alternatif yang sempurna, yang sudah dapat satu ketika dahulu sekarang memerlukan pembaik pulihkan. Bukan sekadar kampung-kampung dan rumah-rumah panjang sahaja yang sangat memerlukan sistem bekalan air bersih alternatif, malahan sekolah-sekolah dan klinik-klinik desa juga sama.

Tuan Pengerusi, kerajaan telah mengagihkan jumlah perbelanjaan yang agak besar setiap tahun untuk membina dan juga membaik pulihkan sistem alternatif bekalan air bersih kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Saya minta penjelasan di sini adalah mengapa pula macam langsung tidak ada pelaksanaan projek pembinaan pembaik pulih sistem bekalan air di luar bandar dalam tempoh hampir setahun dua kebelakangan ini. Apa sudah terjadi dengan program projek ini? Siapakah yang sebenarnya bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek-projek ini di Sarawak sekarang.

Sebab Tuan Pengerusi, pada satu ketika dahulu jabatan kesihatan dengan *staff-staffnya* telah pernah mengimplementasikan pembinaan dan kerja pembaik pulih bekalan air ini dengan kerjasama gotong-royong bersama penduduk-penduduk di luar bandar. *Staff-staff* Jabatan Kesihatan telah menyumbangkan bahan-bahan pembinaan seperti paip dan simen juga pengetahuan mahir atau *technical skill* dan penduduk sendiri menyumbang buru. Dengan cara ini banyak projek bekalan air alternatif telah disampaikan kepada kampung-kampung dan rumah-rumah panjang. Tuan Pengerusi, sistem bekalan yang saya maksudkan tadi adalah sistem *Gravity Fact Water Supply*, dengan izin, iaitu air yang terdapat dari takungan atau sungai kecil di atas bukit dan disalurkan dengan paip plastik pada pengguna di kampung-kampung dan di rumah panjang.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ingin penjelasan daripada kementerian apakah sistem baru yang ada untuk melaksanakan projek yang amat penting dan diperlukan ini. Sehubungan ini saya minta juga penjelasan tentang sekiranya ada masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh kementerian yang mengakibatkan rakyat di pedalaman Sarawak seolah-olah diabaikan, dibiarkan begitu sahaja dalam keperluan ini. Justeru saya mendesak kerajaan ataupun kementerian ini mengambil tindakan dengan serta-merta supaya rakyat tidak lagi menunggu serta menderita kerana belum diberi bekalan air. Tuan Pengerusi masih banyak tempat di kawasan Parlimen saya memerlukan bekalan air, mereka ini sudah lama menunggu projek ini. Tuan Pengerusi, saya telah difahamkan bahawa projek pembinaan dan kerja pembaik pulihan sistem alternatif bekalan air di luar bandar Sarawak akan dikontrakkan kepada syarikat-syarikat pembinaan.

Dalam hal ini, saya hanya ingin penjelasan dari kementerian, adakah sistem ini nanti lebih baik, boleh menjamin kelicinan serta mempercepatkan pelaksanaan projek-projek bekalan air di luar bandar. Tuan Pengerusi, saya ada kerisauan sedikit kerana kalau menggunakan syarikat-syarikat ini akan hanya menaikkan kos pembinaan projek dan tidak semestinya menjamin mutu kerja mengakibatkan projek tidak dapat memberi kesan yang terbaik sekali kepada pengguna di luar bandar. Sehubungan ini juga adakah pejabat-pejabat daerah di Sarawak mampu dari segi *manpower* dengan izin sumber manusia lebih-lebih lagi dalam bidang teknikal yang akan diperlukan bagi memantau bagi mengimplementasikan projek-projek bekalan air sekiranya diperlukan nanti.

Saya mohon penjelasan dari pihak kerajaan tentang ini dan saya ingin mendesak kerajaan ataupun kementerian ini membuat sesuatu, bertindak agar segala-gala yang telah dirancang dapat diimplementasikan dengan segera, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tangga Batu.

5.23 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri tunggu sampai sekarang. Saya sebenarnya tidak kecil hati juga Tuan Pengerusi kalau tidak panggil pun kerana Parlimen Tangga Batu ini dikategorikan dalam pinggir bandar (*suburb*), jadi mungkin macam banyak hal Parlimen Tangga Batu ini tidak tertakluk di dalam Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) ini.

Tuan Pengerusi, ini satu perkara yang perlu kita lihat secara terperinci juga. Pinggir bandar, kedudukan ataupun status pinggir bandar ini mungkin terdapat banyak kelemahan daripada kebaikan. Umpamanya kawasan Parlimen Tangga Batu mempunyai 4 Dewan Undangan Negeri, 271 buah kampung dan kami tidak mempunyai satu bandar yang besar yang menunjukkan kawasan Parlimen Tangga Batu ini benar-benar berada di dalam bandar ataupun pinggir bandar. Walaupun dalam iklan Celcom sekarang ini yang pertama sekali ditunjuk Tangga Batu, kemudian latar-belakangnya adalah Bangunan Sultan Abdul Samad, jadi semua orang ingat Tangga Batu ini sebuah bandar yang besar dan sebagainya, padahal Tangga Batu tidak ada satu pekan yang besar pun untuk maklumat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk sama-sama membincangkan di bawah tajuk Butiran 021000 – Perhubungan Awam, 010200 – Perancangan Strategik, 010300 – Pengurusan Sumber Manusia dan beberapa butiran di bawah kemajuan masyarakat. Tuan Pengerusi, hari ini mungkin kita dapat lihat bahawa pekan-pekan, kampung-kampung yang membangun ke arah pembentukan pinggir bandar ini contohnya kampung-kampung di kawasan Tangga Batu. Kita dapat lihat berbagai-bagai bentuk kemajuan dibangunkan terutamanya di bawah pentadbiran majlis-majlis berkuasa tempatan seperti di Melaka, Majlis Bandar Raya Melaka Bersejarah dan kita dapat lihat pembangunan ini benar-benar meninggalkan kampung ini jauh ke belakang.

Saya ingin menyarankan kepada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini untuk mengadakan satu mekanisme menggunakan sedikit peruntukan mengadakan satu mekanisme untuk berbincang secara terperinci dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagaimana kemajuan-kemajuan yang dibawa oleh Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan tidak meninggalkan kampung-kampung yang kekal dengan konsep dan ciri-ciri tradisi ini. Umpamanya Tuan Pengerusi, hari ini kita dapat lihat sebuah taman yang berkonsepkan ciri-ciri moden, berkonsepkan moden dengan daya tarikan yang begitu memberangsangkan telah meletakkan sebuah kampung dengan atap zink rumbia dan mungkin sedikit lebih *adapt* ini seolah-olah seperti setinggan.

Walhal mereka adalah merupakan perintis di dalam kawasan pembangunan tersebut, sehinggakan pembinaan tembok yang besar, longkang yang besar benar-benar membezakan di antara orang kampung dan orang taman. Di manakah semangat kerajaan, semangat kementerian ingin mewujudkan integrasi di antara penduduk taman dan juga penduduk kampung. Saya pohon kepada kementerian supaya meletakkan syarat yang ketat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini meletakkan syarat yang ketat kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) supaya mana-mana pembangunan di peringkat kerajaan tempatan hendaklah mengambil kira ataupun membawa bersama pembangunan ataupun kedudukan kampung tersebut.

Umpamanya menyediakan satu kawasan untuk membina pusat-pusat kegiatan masyarakat, tabika Kemas yang boleh dikongsi bersama oleh orang kampung dan orang taman supaya pembangunannya akan berada dalam keadaan seimbang.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang ingin saya bawakan ke pemerhatian pihak kementerian ialah tentang Butiran 020100 – Sumber Manusia dan Pentadbiran di dalam Jabatan Kemajuan Masyarakat. Saya ingin memohon kepada kementerian supaya melihat perkara ini dengan terperinci supaya jika kita inginkan masyarakat di bawah pentadbiran kita dan pengurusan kita ini benar-benar maju ke hadapan untuk meletakkan struktur pentadbiran dan pengurusan organisasi tadi berada di dalam kedudukan tetap dan berpencen.

Memandangkan pada hari ini banyak daripada kedudukan-kedudukan di dalam struktur tersebut adalah merupakan jawatan kontrak, kemungkinan ia telah menyebabkan semangat pemimpin-pemimpin organisasi tadi untuk membawa keseluruhan jentera di

bawah pentadbiran dan pengurusanya tadi ke arah kemajuan agak sedikit kekurangan. Kalau boleh kita meletakkan mereka ini, pihak kementerian mengkaji meletakkan mereka ini ke jawatan tetap dan berpcen terutama kepada jawatan-jawatan kanan yang terdapat di dalam kawasan-kawasan-kawasan Parlimen. Apabila jawatan ini tetap dan berpcen maka kelulusan dan kelayakan mereka mestilah bertepatan dengan peranan dan tanggungjawab mereka yang begitu besar.

Akhir sekali Tuan Pengerusi boleh juga diletakkan di bawah Butiran 010200 - Perancangan Strategik, supaya pihak kementerian mengadakan kajian, kalau tidak kajian pun sedikit usaha untuk bagaimana boleh begitu strategik meletakkan pentadbiran pengurusan desa dan kampung ini sebagai satu kerajaan.

Kita telah ada Kerajaan Persekutuan, kita telah ada kerajaan negeri, kita sudah ada kerajaan tempatan. Hari ini kalau boleh kita ada pula kerajaan desa yang diketuai oleh satu institusi di mana institusi ini akan memberikan perhatian yang khusus kepada jentera-jentera pembangunan di peringkat desa dan kampung yang benar-benar memberikan peluang kepada orang-orang kampung, penduduk kampung dan desa ini untuk menunjukkan keupayaan mereka dalam membina negara maju pada tahun 2020. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Baram.

5.30 ptg.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini.

Tuan Pengerusi, Baram ialah satu kawasan yang cukup besar, 22 *square* kilometer, nombor dua terbesar kawasan Parlimen di seluruh Malaysia, bukan Sarawak, seluruh Malaysia. Jadi ini menimbulkan masalah yang besar juga dari segi usaha kita untuk membangunkan kawasan ini. Saya mempunyai kurang lebih 300 buah kampung dan penduduknya dari 10 pintu sampai 250 pintu dalam satu rumah panjang. Jadi, seperti mana yang kita tahu, ini memang menimbulkan satu masalah yang besar untuk kita membawa pembangunan di kawasan tersebut.

Tambah lagi, kawasan Baram juga mempunyai banyak kaum etnik, ada kaum-kaum yang kita tidak pernah dengar dulu, seperti masyarakat kaum Penan, kaum Saban, Kelabit, Kenyah, Kayan, Berawan, banyak lagilah yang lain itu. Jadi mereka ini mempunyai budaya masing-masing dan keperluan mereka pun berbeza juga. Jika dipandang dari tempat-tempat mereka ini diam, ada yang berdekatan dengan bandar, ada yang tinggal jauh di pedalaman, yang mengambil masa kurang lebih kalau kita menggunakan kenderaan *four wheel drive*, mungkin sampai 12 jam memandu.

Jadi, dengan mukadimah seperti itu, saya ingin sentuh Butiran 010000 - Bekalan Elektrik Luar Bandar di negeri Sarawak dan khususnya di kawasan saya di Baram. Saya nampak kita mempunyai tiga kaedah untuk bekalan elektrik ini di Sarawak. Satu ialah bekalan elektrik dari generator, yang kedua dari bekalan elektrik solar, yang ketiga dari mini-hidro.

Dari pengalaman yang saya dapat nampak, bahawa yang lebih popular sekali ini ialah dari bekalan elektrik yang kita dapati dari generator, tetapi masalahnya sekarang ialah harga diesel bertambah meningkat, jadi susah bagi mereka jika tinggal jauh di pedalaman untuk membeli diesel dan juga untuk membawa diesel tersebut ke kampung-kampung mereka. Jadi ini satu masalah yang cukup besar.

Bagi solar ini, saya ada nampak di kawasan saya, ada tiga kampung yang dibekalkan projek solar, dan kita berterima kasihlah kepada kementerian kerana membekalkan projek solar ini di rumah panjang, kampung rumah panjang, yang satu masalah dia ialah, ada satu kampung Penan di mana solar ini dibekalkan, apabila solar ini telah dilaksanakan di sana, dua minggu selepas itu, kampung tersebut pun terbakar. Jadi semua projek solar ini tadi terus hapus, tidak ada lagi. Jadi ada dua, tiga kampung yang

masih mempunyai solar, tapi masalahnya mereka ini tidak cukup mahir, *not skilful* untuk menjagakan, untuk menyelenggarakan projek solar ini.

Apabila bateri itu kurang, dekat mahu habis kuasanya, mereka tidak lagi mampu untuk membeli bateri yang baru. Nak beli bateri baru pun terlalu mahal, kerana mereka tinggal jauh di pedalaman, maka mereka tidak mampulah membeli kerana terlalu mahal. Jadi, ini menjadi satu masalah, bagaimana kita dapat mengekalkan supaya projek solar seperti ini dapat dijalankan di masa depan.

Apa yang ingin saya sentuh, saya nampak menjadi satu projek yang cukup baik, dari segi mini-hidro kerana di kawasan saya di Baram itu banyak sungai yang cukup besar dan boleh kita *damkan* untuk menjadikan mini-hidro. Jadi saya minta supaya kementerian boleh membuat kajian, bagaimana kita dapat menjalankan projek mini-hidro ini, lebih-lebih lagi di kawasan di mana penduduk-penduduk rumah panjang itu adalah cukup banyak.

Butiran 020000 iaitu Bekalan Air Luar Bandar. Ini juga menjadi satu masalah yang besar di kawasan saya, oleh kerana apabila projek ini dijalankan, kita selalu mempunyai masalah iaitu projek *gravity feed*. Projek *gravity feed* ini kadang-kadang apabila *didamkan*, hujan kuat dan kawasan tersebut pun terus banjir dan semua kayu, tanah-tanah lumpur masuk ke *dam* tersebut dan langsung tidak dapat digunakan lagi. Jadi ini menjadi satu masalah yang besar kepada mereka. Tapi saya rasa *gravity feed* memang satu pendekatan yang cukup baik jika kita dapat menyelenggarakannya dengan sebaik-baiknya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Saya minta di sini, oleh kerana ada beberapa kali saya bertemu dengan penduduk-penduduk kampung, yang cukup besar di kawasan Baram, mungkin Yang Berhormat Menteri telah menerima permohonan mereka. Satu di Longson, kampung Longson yang mempunyai sekolah menengah, sekolah rendah dan juga satu kampung yang kurang lebih 30 pintu penduduknya. Mereka ini telah mengemukakan permohonan mereka, tapi setakat ini belum lagi ada jawapan untuk menjalankan projek ini. Begitu juga, satu kampung di Long Bemang, yang mempunyai kurang lebih 200 pintu, kurang lebih 3,000 penduduknya, sampai setakat ini belum ada jawapan dari kementerian. Saya mintalah supaya projek ini dapat dikaji supaya dapat dilaksanakan, kerana mereka ini langsung tidak ada projek bekalan air, terpaksa ambil air dari sungai Apoh yang tidak baik untuk digunakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Saya juga ingin sentuh Butiran 023000 - Jalan-jalan Luar Bandar. Jadi jalan luar bandar ini lagi yang menjadi satu masalah yang besar di kawasan saya. Kawasan ini besar, terpaksa kita memerlukan jalan yang lebih panjang lagi, yang memakan belanja yang lebih besar lagi. Tapi kita bernasib baik, oleh kerana di kawasan Baram ini industri kayu balak ada di sana, dan telah membuat jalan besar yang melintasi semua kawasan di Baram. Jadi apa yang kita perlu ialah supaya jalan besar kayu balak ini dapat disambung dengan kampung-kampung yang ada. Jadi ini yang kita perlu, supaya jalan dari kampung ke *main road* kayu balak ini kita dapat buat. Ini makan belanja yang besar juga, kurang lebih *average* saya rasa tujuh kilometer jauhnya dari *main road* ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Jadi Tuan Pengerusi, saya mintalah jika boleh, saya minta kementerian mempertimbangkan jika ada permohonan kami yang lebih besar lagi dari kawasan-kawasan yang lain itu, mintalah menteri memberi pertimbangan yang lebih murah hatilah. Jadi dengan ucapan yang demikian, saya mohon menyokong dan mengucapkan, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kanowit dan lepas itu Pasir Puteh.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saratok, ya.

Tuan Jelaing Mersat: Terima kasih Tuan Pengerusi, dan terlebih dahulu saya hendak merakamkan ucapan terima kasih bagi mewakili rakyat di kawasan Saratok kerana telah juga dibagikan peruntukan selama ini untuk membuat jalan kampung, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan sebagainya. Bagi kita di luar bandar Tuan Pengerusi, kementerian inilah yang diharap-harapkan, di mana kita menempah harapan untuk membawa masyarakat luar bandar kita ke hadapan untuk sama-sama bersaing dengan masyarakat lain yang sudah maju daripada kita di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh dua, tiga butiran. Pertama sekali 02002 berkaitan Bekalan Letrik Luar Bandar. Di kawasan Saratok, Parlimen Saratok, Tuan Pengerusi telah diberi pada suatu ketika projek, pilot projek berkenaan dengan solar sistem dan ia merupakan satu ujian di mana projek itu diberi kepada penduduk-penduduk di rumah panjang dan masalahnya pada masa itu ialah mengendalikan *maintenancenya*, oleh kerana pihak yang membuat *maintenance* ini berpusat di bandar Kuching dan mereka jarang-jarang datang ke kawasan pedalaman oleh kerana masalah pengangkutan atau *transport*, tapi sekarang ini telah pun bertambah jalan kampung, jalan-jalan luar bandar, jadi ada senang sikit mereka datang tetapi tidak begitu kerap. Kalau dapat minta kementerian memberi arahan ataupun memberi bantuan tempat yang ada solar sistem diwujudkan kalau tidak silap saya pada tahun 1997 dahulu.

Dan, bagi bekalan elektrik luar bandar Tuan Pengerusi, kita di Saratok pada tahun ini telah diberi peruntukan untuk dipasang talian untuk bekalan elektrik di jalan Ulu Awit dan juga di jalan Ulu Kerian, di mana kedua-dua jalan ini banyak penduduk di rumah panjang, di mana kalau tidak silap saya adalah 50 hingga 60 buah rumah panjang yang duduk di dua batang jalan ini. Dan tahun ini, di jalan Awit telah diberi 6 buah rumah panjang, dan jalan ini panjangnya 24 kilometer dan rumah panjang yang lain belum dapat, tetapi semasa lawatan saya ke kawasan rumah panjang itu, saya suruh mereka bersabar sikit sebab saya beri tahu mereka, takkanlah kerajaan tengok satu bahagian Saratok itu gelap dan satu bahagian ada api.

Jadi, mereka sangat menunggu dan saya harap kementerian akan percepatkan atau dengan sedaya upaya memberi, membekalkan elektrik di dua kawasan ini. Kawasan yang sudah juga diberi elektrik seperti kebanyakannya di kampung-kampung, di sebelah hilir iaitu kawasan DUN N33, di mana banyak juga kampung yang diduduki oleh kaum Melayu, tapi ada satu kampung lagi kampung Kaba yang belum lagi ada bekalan elektrik mereka masih lagi menggunakan *genset* yang terhad dari segi *supply* elektriknya. Jadi, tempat-tempat lain yang memerlukan, telah pun saya sebut semasa membincangkan peringkat dasar pada suatu ketika dahulu.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara iaitu berkaitan dengan bekalan air luar bandar. Rakyat yang duduk di sebelah hulu sungai adalah bernasib baik sedikit oleh kerana airnya belum lagi tercemar dan kita dapat air daripada *gravity feed water supply* dan telah dikendalikan pada satu ketika dahulu oleh Kementerian Kesihatan, tapi sekarang ini *maintenance*, sekali sekala sebagai wakil rakyat kita pun memberi sedikit wang untuk mereka buat *maintenance*, *repair* dan sebagainya.

Kawasan yang kena dalam kawasan pembangunan SALCRA ataupun kawasan pembangunan tanah SALCRA, kawasan sebelah tengah Kerian, iaitu kawasan bekas Ahli Parlimen dahulu yang saya ganti tu, Datuk Seri Peter Tinggom beberapa rumah panjang di situ dalam kawasan pembangunan tanah SALCRA, dan punca air mereka dahulunya daripada sungai, tetapi sekarang ini oleh kerana aktiviti-aktiviti untuk membangunkan dan menyelenggarakan tanah ini, bekalan air itu agak suntuk.

Kalau kemarau panjang, mereka sampai satu bulan tidak ada air, terpaksa lah dihantar oleh pihak JKR daripada bandar Saratok ataupun cari air dari sumber lain supaya mendapatkan bekalan air. Setakat ini bekalan air luar bandar kepada kawasan-kawasan yang begitu teruk telah pun dikendalikan oleh pihak pembekalan air di Sarawak iaitu kawasan di sebelah Kabong, kawasan di sebelah Sesang dan Nyaboi iaitu kawasan hilir sungai di mana sumber airnya agak terhad.

Seperkara lagi Tuan Pengerusi, iaitu berkaitan dengan KEMAS iaitu 02000. KEMAS telah mengendalikan beberapa buah tabika ataupun tadika di kawasan Saratok seperti di kawasan-kawasan lain. Tetapi satu masalahnya adalah kesuntukan guru yang terlatih untuk memberi bimbingan kepada kanak-kanak yang masih muda ini. Saya selalu menjumpai orang-orang rumah panjang yang meminta supaya sekolah tadika ataupun tabika ini diwujudkan di kawasan mereka oleh kerana murid-murid kecil ini hendak pergi ke sekolah tetapi kerana kesuntukan guru tidak dapat diwujudkan.

Apa kata kalau kementerian dapat rekrut ataupun *employ* guru-guru kita yang telah bersara. Banyak, ramai yang di Saratok dan mereka ini cukup pengalaman dalam pengajaran mereka di sekolah rendah dahulu dan pernah juga mengajar di peringkat darjah satu, darjah dua dan mereka sekarang ini, di antara mereka ada juga direkrut balik untuk mengajar di sekolah rendah tetapi masih ramai lagi yang menunggu ataupun tidak ada kerja dan kalau kementerian setuju saya cadangkan supaya bekas guru ini *dideploy* untuk membantu KEMAS dalam -membuat staffing kepada sekolah setiap tabika di kawasan Saratok..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila gulung Yang Berhormat, ya.

Tuan Jelaing anak Mersat: Ya. Satu lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Teruskan.

Tuan Jelaing anak Mersat: *There is one more.* Berkaitan dengan FELCRA ini 03100. FELCRA juga telah bertapak di Saratok dan di kawasan sebelah hilir bandar Saratok di mana tanah itu daripada tanah kerajaan dan di kendalikan oleh FELCRA. Tetapi masalahnya apabila FELCRA ini hendak membangunkan tanah adat bumiputera di sebelah hulu sungai itu, masalahnya saya difahamkan adalah masalah berkaitan dengan kepunyaan tanah di mana dibanyak tempat tanah ini masih belum lagi *disurvey*, belum lagi diwartakan dan masih lagi belum *disoorted out* dengan izin.

Jikalau dapat kita minta FELCRA membantu agensi-agensi lain di Sarawak supaya pembangunan tanah yang terbiar di mana ainya sesuai untuk getah, sesuai untuk kelapa sawit dari segi mini estetkah ataupun dari segi ladang yang begitu besar, ladang penternakkah ataupun ladang tanaman getah ataupun yang lain. Saya rasa boleh meningkatkan lagi pendapatan orang-orang kampung kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Jelaing anak Mersat: Tuan Pengerusi, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam, selepas itu Pasir Puteh, selepas itu Menteri menjawab. Ya, Sabak Bernam. Ehh....Sik.

5.51 ptg.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh empat perkara dalam P22 tetapi sebelum pada itu saya mengucapkan tahniah kepada kementerian ini, kerana telah menyediakan peruntukan yang agak banyak dan ini amat membantu penduduk luar bandar untuk mempertingkatkan mutu hidup dan perkembangan ekonomi desa. Pertama sekali saya hendak menyentuh 02300 - Jalan Luar Bandar ataupun Jalan Kampung, yang dilaksanakan sekarang ini oleh kementerian ialah jalan kampung yang berturap masih lagi terdapat keperluan jalan-jalan kampung yang menghubungkan kawasan-kawasan kediaman dengan kawasan-kawasan ladang dan ini memerlukan perhatian daripada kementerian.

Saya berpendapat perlu juga disediakan jalan-jalan untuk ke kawasan pertanian kerana saya telah berusaha dengan Kementerian Pertanian dan Kementerian Pertanian hanya menyediakan jalan-jalan pertanian ke projek-projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian sahaja. Jadi kawasan-kawasan yang tidak dimajukan oleh Kementerian Pertanian, tetapi mempunyai kepentingan pertanian, ia tidak ada kemudahan ini. Kalau sekiranya kementerian ini dapat merencanakan satu lagi kategori jalan kampung

yang tidak perlu berturap tetapi memadai dengan menaruh *crusher run*, maka ini akan membantu penduduk luar bandar untuk mengeluarkan hasil pertanian mereka.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh 03100 - FELCRA. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri memperjelaskan kepada Dewan ini supaya kita dapat sampaikan kepada penduduk luar bandar apakah bezanya lembaga pemuliharaan dan penyatuan tanah persekutuan FELCRA dengan FELCRA Bhd. Saya pun keliru juga kerana sekarang ini kebanyakan projek-projek yang dilaksanakan ialah di bawah FELCRA Bhd tetapi dalam bajet ini disebut lembaga tidak ada pun Bhd di sini dan kita dapati dalam Bajet 2006 ini diperuntukkan kepada lembaga ini hanya RM75 juta sahaja. Saya rasa ia tidak cukup kerana masih lagi terdapat banyak tanah-tanah terbiar yang perlu dicantum dan dimajukan oleh pihak FELCRA ini.

Sehubungan dengan peranan FELCRA untuk memulih dan penyatuan tanah ini, saya dapati khususnya di kawasan saya, terdapat pelbagai masalah yang dihadapi. Di antaranya ialah kekurangan kecukupan pengurusan rancangan FELCRA, misalnya masalah pengeluaran struktur getah dan masalah pembelian dan penjualan hasil pertanian getah khususnya cara dilakukan secara tidak sah dan yang selama ini merugikan para peserta. Jadi saya hendak menyarankan kepada pihak kementerian supaya dapat meneliti dan mengkaji semula pengurusan FELCRA supaya perkara-perkara ini tidak berlaku.

Satu perkara lagi saya hendak sentuh tentang FELCRA ini, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri setelah tanah itu dipulih dan dimajukan dan sampai masanya kebun getah perlu ditanam semula, adakah FELCRA perlu meneruskan ataupun tanah itu boleh dimajukan oleh RISDA? Sebab saya telah pun bertemu dengan banyak peserta-peserta, mereka lebih suka, lebih gemar dan berhasrat tanah-tanah mereka supaya ditanam semula oleh pihak RISDA kerana mengikut tanggapan mereka, permohonan mengenai FELCRA melibatkan kos yang tinggi, kadang-kadang sampai 20 tahun barulah hutang mereka dapat dijelaskan.

Saya hendak minta perkara yang ketiga Yang Berhormat Tuan Pengerusi, 04000 - RISDA. Saya telah pun membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini Akta RISDA dan pihak kementerian telah pun menjawab bahawa Akta RISDA akan dibentangkan dalam Dewan ini untuk dikaji semula. Jadi kita menunggu-nunggu akta itu supaya ia dapat dibentangkan dan supaya pihak RISDA akan dapat diperkasakan selaras dengan penggunaan kuasa ini. Peruntukan yang agak banyak disediakan oleh pihak kementerian untuk RISDA dan saya berharap lebih banyak kebun getah di kawasan-kawasan agak pedalaman dapat ditanam semula.

Akhir-akhir ini pihak RISDA kurang sedikit memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan pedalaman. Pelbagai masalah yang dihadapi sekarang misalnya masalah tanah, masalah infrastruktur, prasarana dan sebagainya. Jadi saya rasa sekiranya pihak kementerian dapat menentukan hala tuju RISDA maka ianya dapat mempercepatkan lagi penanaman semula kebun-kebun getah yang banyak terbiar khususnya di kawasan saya.

Akhir sekali Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh 04100 - Lembaga Kementerian Wilayah, khususnya KEDA. Saya perhatikan di sini belanja mengurus lebih besar daripada belanja pembangunan. Sepatutnya dalam bajet ini kalau betul-betul kita hendak melihat kawasan luar bandar dapat diimbangkan dengan kawasan yang maju, maka bajet untuk permohonan lebih besar daripada pengurusan tetapi sebaliknya saya tidak tahulah misalnya KEDA RM13.6 juta sahaja, apa yang boleh hendak dibuat. Jadi saya mencadangkan supaya dalam Bajet 2006 ini diagihkan betul-betul di kawasan-kawasan yang mundur dan sangat-sangat memerlukan pembangunan.

Saya hendak menyarankan kepada kementerian supaya Lembaga Kementerian Wilayah ini dapat dikaji semula dan diletakkan pada asas penubuhannya iaitu untuk menyelesaikan masalah ketidakseimbangan pembangunan. Maka dalam konteks itu, jika kita lihat dalam tahun-tahun 80-an dan 90-an, Lembaga Kementerian Wilayah memainkan peranan yang penting dalam dua fungsi. Pertama sekali ialah mencetuskan perbandaran di luar bandar dengan penubuhan pusat-pusat pertumbuhan desa iaitu penubuhan pekan kecil-kecil.

Yang keduanya ialah menyusun semula kampung-kampung tradisional tetapi di akhir-akhir ini dua peranan penting ini, tidak lagi dimainkan oleh Lembaga Kementerian Wilayah, maka saya hendak menyeru kepada kementerian supaya pastikan Lembaga Kementerian Wilayah memainkan peranan yang penting dalam dua konteks ini, iaitu untuk mewujudkan aspek perbandaran melalui pembangunan pusat pertumbuhan desa supaya ia dapat membawa pelbagai kemudahan bandar di kawasan luar bandar dan juga menyusun semula kampung-kampung tradisional supaya kampung-kampung tradisional ini akan hidup lebih aktif lagi dan sekali gus menyelesaikan masalah kemiskinan di luar bandar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin: Jadi itulah yang sedikit sebanyak Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pasir Puteh selepas itu Menteri menjawab.

5.59 ptg.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Ahli-ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya cuba ambil masa yang paling singkat, Saya hendak supaya merangkumi semua butiran yang saya sebut iaitu 01707,02500 dan 05000.

Dalam membahar iaitu dalam jawatankuasa mengenai dengan B.22 dan P.22, ini, saya amat berterima kasih kerana diberi peluang oleh Tuan Pengerusi.

Kita melihat bahawa kementerian ini adalah cukup penting, kerana menteri yang hadir pun untuk menjawab dan menjelaskan. Pelaksanaan program-program pembangunan luar bandar bagi saya, supaya dapat mewujudkan kawasan yang maju dan menarik ini dan menguntungkan rakyat jelata adalah cukup penting. Kalau kita balik kepada kaedah Islam Hadhari, ataupun siasah syariah. Perkara pertama, *dhururiat*, *tafsirniat*, *alhadiat*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dasar Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ya. Jadi, *dhururiat* ini, takut tak fahamlah. Takut keliru. Kita perlu sediakan rumah PPRT. *Dhururiat* kepada orang-orang yang susah. Sediakan makan minum oleh kebajikan. Ini juga adalah *dhururiat*. *Tafsirniat*, kita nak lebuhraya. Lebuhraya yang cantik. Kita nak ialah serba kemudahan yang canggih di pejabat. Itu adalah *tafsirniat*. Tapi ada satu *alhadiat*. *Alhadiat* ini ialah keperluan.

Contohnya, jalan-jalan kampung. Jalan-jalan kampung ni, Tuan Pengerusi, cukup-cukup penting. Kalau kita nak melihat anak-anak kita cergas dalam pelajaran, boleh menyertai dalam aktiviti-aktiviti seperti di bandar, maka perlulah jalan-jalan kampung ini dilicinkan. Maka, saya selepas mengambil alih 14 tahun, hari ini saya boleh bercakap kerana rakan saya daripada PAS Kelantan tidak ada. Dia tak akan marah saya. Kalau dia ada pun dia tak akan marah, dia akan sokong saya. 14 tahun PAS memerintah, di Kelantan saya ambil alih baru saja, belum sampai setahun, kerana saya angkat sumpah lewat.

Jadi, saya tengok jalan-jalan teruk. Sebab itulah saya memohon sedikit demi sedikit. Saya terima kasih kepada Yang Berhormat, abang saya Menteri. Ha, tu dia, jet sikit tu! Ini kerana, ... Allah! Yang Berhormat bagi Larut dah bangun! Abang saya, kena bagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya nak tanya Yang Berhormat, pilihan raya yang kecil yang akan berlaku di Pasir Mas. [*Menyampuk*] Itu DUN, saya sebut Parlimen. Apakah Yang Berhormat yakin bahawa Barisan Nasional akan menang pada pilihan raya tersebut dan ini akan membuka mata rakyat dan parti PAS di masa-masa akan datang dengan perkhidmatan, pembangunan yang telah kita buat dulu, sekarang dan selama-lamanya. Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya dah ada bercakap dalam TV sempena sambutan Hari Raya. Saya yakin bahawa Barisan Nasional akan menang, sebab rakyat

mahukan perubahan. *[Ketawa]* Saya tidak fikir PAS. PAS sendiri pun manusia. Dia perlu kepada perubahan. Apabila perubahan 14 tahun tidak boleh dibuat, maka dia akan terima hakikat bahawa UMNO Barisan Nasional ini mampu, boleh buat. Maka rakyat akan buka minda dia. Dan akan menang. Bukan saya kata wajib menanglah.

Tapi insya-Allah, apabila minda terbuka, rakyat inginkan Barisan Nasional. Tengoklah kepada Terengganu, daripada tiga kerusi, sekarang PAS tinggal tiga kerusi. Itu sebagai contoh. Jadi dengan sebab itu, saya yakin tak nak banyak yang tu kerana masa, Tuan Pengerusi. Ketua Pembangkang dah keluar, tak apalah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap dia tariklah, tarik. *[Ketawa]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya terima kasih kerana beliau tak jawab, kalau dia jawab susahlah saya. *[Ketawa]* Jadi saya nak pergi kepada Butiran. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut kerana mencelah tadi. 01707 - Pemasangan/Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung. Saya minta Yang Berhormat Menteri beri pandangan di Kelantan khususnya. Di Kelantan telah pun lulus dua, tiga, empat bulan dulu. Kita dah senarai semua tiang-tiang dengan nombornya, sampai lampu pun dah ada. Cuma tunggunya automatik belum ada.

Jadi bagi saya, saya dah janji, sebelum raya baru ini, supaya satu, dua boleh pasang dulu. Rupanya di pasang di kubur. Kubur, surau, masjid, saya beri keutamaan. Jadi, orang kampung pun tak bercakap sebab ada di kubur. Saya bubuh tiga dahulu. Dia orang kata bijak Yang Berhormat ini bercakap. Ada selalu. Jadi kita nak supaya lampu-lampu jalan ini dah sedia dibekalkan, hendaklah dipasang. Soal, minta TNB bekerja keras sikit. Jihad sikitlah supaya lampu-lampu jalan ini dapat dipasangkan.

Yang kedua, soal jalan-jalan kampung saya sebut tadi, saya terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana dua batang jalan yang menghubungkan 10 kampung, 3 ribu orang setiap hari berjalan. Jalannya ialah panjangnya lebih kurang 16.8 kilometer dan satu jalan 6.0 meter. Jalan ini saya rasa tidak banyak, 1 juta lebih sahaja satu jalan. Bagi saya dah berkali-kali minta supaya pihak kementerian supaya melihat balik kalau boleh dipercepatkan.

Insya-Allah saya akan bawa isu ini biar sampai ke Pengkalan Pasir, Pasir Mas. Apabila pembangunan-pembangunan di Kelantan dilancar dengan hebat, kita nampak tidak tersangkut, insya-Allah di Pasir Mas, iaitu Pengkalan Pasir pun insya-Allah akan berubah. Saya minta supaya tarkan jalan-jalan tepi sungai.

Seorang Ahli: Beli undi, ke?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ini bukan kempenlah, minta maaf ya, pembangkang. Akhir sekali, ialah 03900 - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR). KESEDAR ini banyak memberi faedah, manfaat kepada masyarakat. Tetapi saya minta juga kerajaan negeri tengok balik tanah-tanah yang berada di bawah KESEDAR ini supaya janganlah mudah kita nak ambil dan sebagainya. Berilah peluang supaya dimajukan di bawah KESEDAR ini. Saya merayulah.

Bagi saya, kalau saya memerintah Kelantan pun, saya tidak akan usik apa yang dia buat. Saya akan bina lebih lagi. Lebih hebat lagi. Dasar kita, kita tidak nak *divide and rule*. Kita tidak nak pecah-pecah rintah. Kita nak supaya kita satukan umat. Maka saya sebelum akhir, Tuan Pengerusi, kerana masa tidak mengizinkan, kerana bajet RM2.3 bilion ditambah daripada tahun lepas. Tahun lepas saya ingat RM1.8 sahaja.

Tahun ini ialah RM2.3 bilion, saya minta *priority*, iaitu berilah keutamaan kepada Parlimen-parlimen di Negeri Kelantan walaupun kita tidak mengetepikan di Sabah dan Sarawak. Tapi di Kelantan ini teruk, supaya diberi keutamaan, jalan-jalan kampung ini diberi tumpuan ke Parlimen-parlimen di negeri Kelantan. Dan, saya tidak bermakna menyisihkan Parlimen yang dikuasai oleh PAS. Berilah kalau ada, kalau lebih. Tetapi kena keutamaan kepada kawasan UMNO dahulu.

Beberapa Ahli Pembangkang: Apa ini!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Hah, itu dia! Tetapi kena beri juga kepada kawasan PAS. Insya-Allah Hadhari.

Seorang Ahli: Islam Hadhari!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Hadhari, Hadhari. Kemudian saya akhir Tuan Pengerusi, dengan sepotongan ayat dalam surah Al-Ahzab untuk beri semangat kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga kementerian lain. Dalam surah Al-Ahzab, 72, saya minta izin nak baca ayat Al-Quran [*Membaca potongan ayat Al-Quran berkaitan*]. Mula-mula amanah, mentadbir, mengatur, menjadi Khalifah di bumi ini diberi kepada langit, bumi. Dia tak beri kepada manusia. Tapi mereka enggan. Tak mahu terima.

Tuan Pengerusi, langit, bumi tak mahu. Takut dia mengkhianati amanah ini. Tetapi diberi kepada manusia, dihadap kepada manusia, manusia terima dengan senang hati. Maka dalam senang hati ini kerana manusia mampu untuk meningkatkan strategik dalam perkhidmatan. Untuk mentadbirkan negara ini. Satunya ialah minda dan sikap mestilah kita mengejar kecemerlangan. Kalau kita nak menepati dengan ayat Al-Quran tadi. Antaranya, yang kedua etika mestilah luhur. Yang ketiga pembangunan tenaga manusia, ini yang kita penting.

Yang keempat, budaya kerja yang diasaskan pencapaian yang baik, berprestasi tinggi. Yang akhir sekali ialah daya kepimpinan yang kukuh. Inilah yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam menampilkan masyarakat Islam Hadhari ini ialah tujuannya nak membangunkan Islam dengan mengambil kira kaum-kaum yang majmuk, yang berbagai-bagai agama, berbagai-bagai anutan budaya dan sebagainya. Mengambil kira dalam masyarakat Islam Hadhari ini supaya sama-sama kita memikul tanggung jawab ini.

Kita tengok hari ini dalam Barisan Nasional, ada yang Islam, ada yang bukan Islam. Tidak menimbulkan sensitiviti langsung dalam soal ini. Dalam kerja pun, bersama-sama. Tapi pembangkang kadang-kadang dia cuba acah-acah kita supaya kita bergaduh. Alhamdulillah kita bersabar. Insya-Allah selama ini kita boleh bertahan, 48 tahun kita merdeka. Insya-Allah, saya yakin Yang Berhormat, abang saya banyak pengalaman. Dia duduk dengan Perdana Menteri lama lagi.

Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir lagi. Dia tahu bagaimana nak membangunkan kerana dia pegang pendidikan dulu. Sekarang dia pegang Luar Bandar. Insya-Allah. Dengan ini saya menyokong penuh bajet ini dan kalau boleh tambah lagi pada tahun depan. Bukan sahaja sekadar yang disebut 2.3, kita minta 5 bilion akan datang. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yaacob]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.09 ptg.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bagi pihak kementerian mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas pandangan, cadangan dan juga perkiraan-perkiraan yang akan dilaksanakan oleh kementerian berhubung dengan masalah manusia, cita rasa dan permintaannya yang akan berterusan.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kementerian telah memajukan dalam Bajet 2009 sebanyak RM32 bilion. Tetapi bagi peringkat *interim offer* ataupun pemberian sementara meluluskan bagi Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM12 bilion. Daripada RM12 bilion ini, bagi tahun 2006, kita diperuntukkan RM686,084,900 untuk pengurusan dan RM101,589,564 untuk pembangunan. Di kawasan inilah yang kita harus bertindak bagaimana menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia yang berada di luar bandar. Dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen luar bandar, saya sedar akan masalah yang Yang Berhormat-Yang Berhormat hadapi kerana kita akan sentiasa berhadapan dengan mereka dan mereka mengharapkan pertolongan dan bantuan daripada kita.

Oleh sebab itu kementerian telah menyusun, umpamanya kawasan-kawasan dalam bandar yang perlukan air. Bekalan air luar bandar untuk Semenanjung Malaysia ialah RM59 juta, bagi Sabah RM19 juta dan Sarawak RM21 juta. Keseluruhan bagi tahun 2006 ialah RM151 juta. Dan di sini kita akan menentukan di manakah *area priority* atau keutamaan supaya kawan-kawan kita yang tertinggal jauh dan lama menderita akan dapat diselesaikan. Sementara menjalankan usaha itu, saya harap Yang Berhormat sekalian bekerjasama supaya kalau terlewat sedikit, maafkan kami kerana ini adalah hasrat kita bersama.

Bagi program jalan kampung, kita memperuntukkan sebanyak RM300 juta seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat maklum. Bagi Sabah ialah RM60 juta dan Sarawak RM66 juta. Dan juga dalam jalan luar bandar, keseluruhannya kita peruntukkan RM223 juta di mana Sabah akan mendapat RM44,600,000 manakala Sarawak RM51,900,000. Air diselesaikan tetapi bekalan air elektrik juga akan diusahakan supaya menepati keperluan yang sedang dihadapi oleh rakyat. Banyak mengatakan kita telah merdeka 48 tahun tetapi masih lagi ketinggalan. Tidak dapat diragukan *statement* itu sebenarnya benar tetapi kawasan kita berselerak dan kemajuannya bergantung banyak kepada sejarah di mana ada negeri yang lebih maju daripada negeri yang lain dan itulah penyusunan yang terpaksa kita hadapi. Realiti di antara realiti dengan angan-angan, maka kita terpaksa menghadapi realiti dengan secara berani walaupun kita akan terus dikritik.

Namun demikian, saya yakin apa yang kita buat adalah berpatutan seperti kehendak-kehendak manusia lain. Bekalan elektrik luar bandar keseluruhannya adalah RM140 juta, Sabah akan diperuntukkan RM47 juta manakala Sarawak RM48 juta. Lampu jalan kampung yang dipersoalkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali dari pihak Johor tadi, dia kata bagaimana kita hendak ceritakan. Mungkin kita akan menyelesaikan masalah dengan tidak memberi semua kampung tetapi akan menentukan kampung-kampung tertentu supaya 10 unit itu dapat dinikmati oleh kampung-kampung. Dan yakinlah pegawai kementerian akan mengusahakannya. Peruntukan jalan kampung hanya RM35 juta bagi tahun 2006 dan di Semenanjung keseluruhannya ialah RM10 juta sahaja.

Sementara itu, diperkatakan juga pembangunan manusia, maka KEMAS akan mengambil langkah terperinci dalam hal ini di mana KEMAS akan memperuntukkan sebanyak RM130,345,222 bagi melatih sebanyak 5,716 guru-guru. Dan kos bagi melatih guru ini ialah RM32,861 bagi guru-guru yang dilatih sepenuh masa dan RM14,180 kursus dalam cuti. Sementara itu ada juga guru yang sedang menunggu untuk mendapat diploma yang dilatih oleh Universiti Malaya, jumlah mereka ialah 169 orang. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, semua guru ini akan dibiayai oleh kerajaan. Mereka tidak perlu membayar apa-apa kerana kita yakin dengan adanya pengetahuan yang baik kepada guru-guru ini, maka anak-anak kita, generasi yang akan menggantikan kita akan mendapat faedah dan memajukan negara kita seterusnya.

Oleh sebab itu, demikian juga dengan anak-anak ini akan diberi geran per kapita. Sebanyak 80 ribu murid akan mendapat RM150 setahun supaya mereka dapat pakaian, kasut, beg pakaiannya dan juga yuran daripada tuntutan oleh KEMAS-KEMAS daerah. Untuk ini, RM12 juta akan diperuntukkan. Dalam pada masa itu kita sedar bahawa ada anak-anak yang datang daripada kumpulan yang paling miskin ataupun kita kenal dengan kumpulan miskin tegar. Ramai mereka ini, 80 ribu orang seperti mana yang saya katakan tadi, mereka akan diperuntukkan RM150 seorang setahun dan yang menunggu, miskin, ialah 200 ribu orang murid. Mereka akan diperuntukkan RM100 setahun bagi sekepala.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, mudah-mudahan dengan adanya penyusunan yang ketat untuk kita melatih guru-guru KEMAS dan juga guru-guru bina insannya, maka mudah-mudahan rakyat kita tidak akan ada perbezaan di antara di kampung dengan di bandar. Tetapi ini bukan proses yang senang, ini adalah proses yang susah kerana ketibaan kita tidak sama. Ada yang lahir di bandar, maka mendapat kesenangan yang begitu mudah, hospitalnya ada, kliniknya ada, sekolahnya cantik dan sebagainya. Dan kita meredah hutan supaya ke Baram, ke Kapit dan juga ke Sepulut di Sabah dan Sarawak, maka ini adalah tanggungjawab bagi kerajaan dan kita akan pastikan supaya ini semuanya dapat kita renangi dengan cara berkesan supaya rakyat kita mendapat kemudahan.

Disentuh juga begitu banyak berkenaan dengan Orang Asli, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menyentuh perubahan orang Asli. Ingin saya menyatakan di sini, di Parlimen yang mulia ini, inilah sebuah negara yang membela rakyat Orang Asli tidak ada taranya dan tidak ada bandingnya di seluruh dunia. [Tepuk]

Kita membangkitkan umpamanya kelas tadika. Kelas tadika kita mulakan bagi anak Orang Asli pada tahun 1990, ertinya baru 15 tahun. Mengapakah agaknya baru tahun 1990 kita bangkit? Kerana dulu mereka tidak menetap, mereka seperti juga kaum Penan dan juga kaum-kaum lain di Sabah dan Sarawak berpindah-randah dan untuk mengejar mereka bukanlah senang. Mereka berpindah mengikut musim buah-buahan. Kalau ada di Pahang, hari ini Lipis ada durian, dia akan pergi ke Lipis, kalau ada pula durian di Rompin, dia akan pergi ke Rompin, dan itulah caranya. Apabila manusia ini sudah dibela dan juga diberi pengetahuan, datangnya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, maka kita pujuk, 1990 baru mereka mahu menetap dan masa itulah kita buka kelas-kelas tadika.

Saya bersimpati, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat bersimpati, saya lebih bersimpati kerana saya tahu Orang Asli dan saya pujuk mereka. Untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, ada hari ini anak-anak dia sudah menjadi pensyarah di universiti-universiti sebagai profesor dan *associate professor*. Ada yang kerja di RTM tetapi....

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa rekod kita atau prestasi kita untuk membela Orang Asli tidak setaraf di dunia dan kalau begitu mengapa selepas dekat 50 tahun masih tidak ada seorang Orang Asli yang boleh memegang jawatan bukan KP, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tetapi pun pengarah peringkat negeri. Kenapa sampai 50 tahun, 80% masih di bawah *poverty line*? Bukankah ini menunjukkan bahawa *something is wrong*?

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin membuat satu contoh. Saya ada sahabat baik sebagai penyiar ataupun pengacara di RTM. Dia mempunyai lapan orang anak. Nasihat saya dari awal, bawa anak-anak ini balik ke kampung supaya mereka tahu *cousin* dia, *uncle* dia, *auntie* dia. Jawapan dia "Pak aziz bawa boleh tetapi mereka tak mahu duduk lama-lama". *There are successful aborigines but they do not wish to stay there, they do not wish to come back. This is reality of life.*

Kalau kita paksa dia siapa yang akan paksa dan siapa yang akan untung siapa yang akan rugi? Kita mesti melihat minat dia, demikian juga dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Memang dari mulanya Tuan Lun yang mula-mula jadi pengarah, *the British colonialist*, lepas itu baru diambil oleh bumiputera yang akan-akan rupanya Orang Asli juga pun. Baharom, lepas itu Sidek dan Orang-orang Asli tidak ada pengetahuan, takkan kita nak bagi dia jawatan ketua pengarah kalau dia tidak ada pengetahuan, kalau dia ada pengetahuan dia tidak ada minat.

Hari ini ada tiga anak Orang Asli daripada Gombak yang membuat *professorship* di UK dan saya tanya bapa dia apa besok hendak jadi? Dia kata hendak jadi pensyarah di UKM, hendak jadi pensyarah di USM, hendak menjadi pensyarah di UM. Tak hendak ke balik ke Orang Asli? Dia kata itu buat orang lain dulu. Yang Berhormat tidak ada kerajaan akan menyekat Orang Asli untuk menjadi ketua pengarah ataupun pengarah-pengarah negeri, masalahnya minat mereka itu sendiri.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Baik, boleh saya minta penjelasan sedikit? Saya ingat saya hendak perbetulkan Ketua Pembangkang Yang Berhormat kalau dengan izin. Memang pernah ada Orang Asli jadi ketua pengarah. Ada Orang Asli jadi ketua pengarah, saya tahu dan juga pengarah. Bererti Ipoh Timor mengambil kesempatan untuk 'menanggung di air yang keruh' Yang Berhormat. Dia tak tahu, memang dah ada pun Orang Asli jadi Ketua Pengarah Jabatan Orang Asli dan juga pengarah-pengarah negeri. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Biar saya cakap, minta maaf saya ingat ketua pengarah belum ada, pengarah negeri ada dan juga....

Tuan Lim Kit Siang: Dia cakap bohong sahaja, tidak adalah ketua pengarah. Tarik balik, tarik balik apa ini.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ketua Pembangkang tuduh buat pembohongan.....

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini, jangan buat perkara tak betul. Kita serius, kita serius dalam perkara ini yang kita bincang.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ketua Pembangkang, sila tarik balik ayat pembohongan.

Tuan Lim Kit Siang: Satu perkara yang serius, jangan main-main, ini main-main sahaja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat. Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat. Tuan Pengerusi peraturan mesyuarat, minta Ketua Pembangkang tarik balik, tarik balik, tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: Satu tuduhan, apa ini, kita serius, jangan main-main, main politik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ketua Pembangkang tarik balik, Ketua Pembangkang tarik balik ayat pembohongan. Peraturan mesyuarat tuduh. saya bagi peraturan mesyuarat boleh cek dengan JPA.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri sudah kata tidak ada ketua pengarah, adakah Yang Berhormat lebih pandai daripada Yang Berhormat Menteri?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tak mengatakan saya lebih pandai daripada menteri, saya cuma minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri semua bodoh?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduklah orang bagi peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Tak tahu, tak tahulah. Bising sahajalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sudahlah, sudahlah dah basilah, dah modal tak ada sudahlah, sudahlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat Menteri, cukuplah. Yang Berhormat Menteri teruskan.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Pengerusi *the slip of the tongue doesn't mean a complete mistake*.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan sir, tapi *don't have to make a big issue. Play politic overage*. Itulah, ini yang serius kita bincang dengan serius.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Yang Berhormat,, saya faham Yang Berhormat. Terima kasih banyak dan boleh saya mula Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih banyak. Oleh sebab itu pada peringkat ini memanglah kita susun supaya Orang-orang Asli ini dibangunkan dan mereka nampak sudah rapat. Umpamanya di Padang Sewa di Pekan, kita telah menempatkan mereka dan dipanggil penempatan semula dan mereka telah diberikan tanah enam ekar

untuk dibangunkan bagi seorang satu keluarga dan setengah ekar rumah untuk tapak rumah. Mudah-mudahan dengan adanya persetujuan daripada kerajaan nanti, setiap keluarga Orang Asli akan diperuntukkan enam ekar tanah untuk dibangunkan dan berserta dengan setengah ekar untuk perumahan.

Ini menunggu keputusan daripada negeri-negeri untuk menjawab sama ada bersetuju atau tidak. Jadi ertinya, bagi pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar, kita berusaha supaya ada penempatan yang tetap bagi kawan-kawan kita ini supaya jangan lagi merayau-rayau. Walaupun kita sedar mereka ada hak untuk tanah yang dikatakan ini *my land, my beautiful land* tetapi lama-kelamaan kalau kita tidak tetapkan kawasannya, tanah-tanah ini akan di ceroboh, lama-lama mereka tidak ada tanah.

Oleh sebab itu, kementerian berpendapat supaya nasib mereka dibela dengan menentukan adanya peruntukan tanah untuk mereka supaya mereka dapat terus maju. Dalam keadaan kedua pula anak-anak mereka pun diberi persekolahan yang baik dan hari ini alhamdulillah, seperti mana yang kita tadi tidak secara *detail* tetapi sudah ada yang masuk ke sekolah menengah dan juga di universiti. Mungkin di Kolej Tunku Abdul Rahman ataupun di UTAR, Kampar pun ada lima, enam orang anak Orang Asli yang datang daripada Hulu Beruntung, Gopeng Perak. Jadi Yang Berhormat....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai keutamaan ataupun pembangunan ataupun sokongan kerajaan terhadap Orang Asli ini, saya kalau tak silaplah daripada ucapan Perdana Menteri dalam bajet, memperuntukkan wang sebanyak RM104 juta saya rasa kepada Orang Asli. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dari segi pembahagian dan keutamaan yang diberi untuk perbelanjaan ini, agaknya kalau secara ringkaslah di manakah keutamaan dari segi kepentingan Orang Asli akan dibuat?

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Keutamaan pada masa ini ialah menempatkan semula supaya mereka *settle* dan dapat kita bawa pembangunan yang lain seperti pengeluaran dia dan juga persekolahannya dan juga kesihatannya. Pada masa ini kita hanya mempunyai sebuah hospital untuk orang asli khususnya di Gombak dan kosnya amat *expensive* kerana kita terpaksa menyewa helikopter kadang-kadang untuk membawa mereka ke dalam dan Orang Asli ini kalau anaknya sakit, ibunya akan turun, adik-beradiknya akan turun, bapaknya akan turun dan apabila mereka lebih tinggal tiga bulan di dalam klinik atau hospital di Gombak kita terpaksa bagi pakaian baru, makanan baru dan sebagainya dan sampai begitu kita jaga dan mudah-mudahan kita akan buka klinik-klinik lain supaya mereka ini dapat disusun dan ini bukan senang kerana mengubah fikiran adalah satu perkara yang amat penting. Yang kedua....

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, tiga yang bangun Yang Berhormat, nak bagi mana?

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Sukalah kalau puas hati kita dengar, tak puas hati....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak bagi yang mana Yang Berhormat?

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Mana-mana satu yang Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Timor dululah tak apa.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana Yang Berhormat Menteri tadi ada mengakui masalah ini rumit, bukan senang tetapi memandangkan perkara sudah dekat separuh abad dan ini perlu diberi keutamaan tekanan yang lebih. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu jaminan bahawa ia akan menjadi satu fokus sebagai satu sasaran *group* dalam Rancangan Malaysia Kesembilan supaya segala semua sektor boleh fokus dalam perkara ini dan ini pun ada *target group* yang lain, tetapi sampai sekarang sebelum ada Orang Asli diistilahkan sebagai satu *target group*. Mungkin ini satu cara di mana segala bantuan atau bentuk pembangunan boleh disalurkan.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Setuju Yang Berhormat. Tuan Pengerusi memang itulah hasrat kerajaan dan kerajaan jalankan hal ini dan saya juga tertarik hati menengok begitu banyak NGO hari ini yang masuk ke hutan-hutan untuk menjumpai kawan-kawan kita ini, mudah-mudahan niat mereka baik dan saya selalu memandang secara terbuka dan apa juga yang datang kepada Orang Asli sama ada *friendly or unfriendly*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat nak bagi? Kudat Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Saya belum habis lagi jawapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, yang lain sila duduk. Yang Berhormat okey.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Fokus, biar fokus.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apa yang saya ingin bawa di sini ialah berkaitan dengan masyarakat Orang Asli Pulau Banggi daripada kawasan Parlimen saya, Kudat. Seperti mana yang kita tahu bahawa mungkin ramai yang tidak sedar bahawa kewujudan satu masyarakat yang dipanggil masyarakat Orang Asli Banggi yang mempunyai penduduk di sana lebih kurang 3,000 orang dan mereka ini mempunyai ciri-ciri dan juga kehidupan yang sama dengan Orang Asli di kawasan ini seperti orang Jakun, orang Semai dan juga orang Senoi.

Tetapi yang menyedihkan bagi penduduk Orang Asli Banggi ini, yang kehidupannya hanyalah berpindah randah, memburu dan juga menjalankan pertanian pindah dan mempunyai cara hidup yang memang kesemuanya sama dengan masyarakat di sini tetapi mereka ini tidak pula dilindungi oleh dan juga bantuan-bantuan yang setara dengan apa yang diperolehi seperti mana kaum asli di Semenanjung khususnya dengan penubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Saya percaya dengan keprihatinan Menteri yang juga memang sedar tentang keperluan ini mungkin ada keperluan sekarang untuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di bawah kementerian Yang Berhormat Dato' untuk mengadakan *extension of service* di kawasan Pulau Banggi dan membolehkan mereka ini dibawa kepada *mainstream*. Hari ini mereka masih lagi berkeliaran di hutan Pulau Banggi dan masih lagi memerlukan banyak bantuan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih. Tuan Pengerusi dengan masuknya FELCRA besok ke Pulau Banggi, saya tahu Pulau Banggi adalah satu tempat yang taat setia pada Barisan Nasionalnya semenjak Tun Datu Mustapha hidup dahulu. Mereka masih 'bercawat' saya tahu kerana saya sudah pergi ke tempat itu. Dengan masuknya FELCRA maka sebelum masuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli kita akan bentuk mereka mendapatkan tanah daripada FELCRA dan insya-Allah kita akan dapat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: [Bangun]

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Puchong dan Kuala Krau.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Puchong.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Menteri jangan panjang sangat soal Orang Asli ini nanti banyak lagi yang lain.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Ya, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa permohonan tanah akan dibuat pada kerajaan negeri untuk enam ekar dan setengah ekar untuk perumahan. Saya mencadangkan, walaupun kita luluskan kepada Orang Asli ini, tetapi ada agensi-agensi tertentu untuk memajukan, untuk menjayakan tanah-tanah yang diluluskan untuk masyarakat Orang Asli. Kerana kita bimbang kalau kita luluskan kepada Orang Asli sejumlah enam ekar akan adalah pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan untuk memajak, menggadai dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Pengerusi terima kasih. Kita bercakap pasal dasar dan tentulah *technicality* akan datang kemudian, jadi masalahnya mesti ada persetujuan daripada negeri dahulu kerana tanah dipunyai oleh negeri. Dan untuk berunding ini kita panggil exco-exco luar bandar mungkin di sini tidak ada orang Sabah, Sabah ada Ahli Parlimen ada juga Adun, jadi masalahnya kita ambil dasar dahulu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Kalau diterima dasar maka kita akan ikut dengan *technicalities* yang lain – insya-Allah. Jadi berhubung dengan saranan Orang Asli di Johor yang kena tipu Yang Berhormat kata, yang kaya sebenarnya ialah peguam, peguam yang kaya, peguam yang ambil kes itu kaya. Dan yang merana Orang Asli dan ketua Orang Asli yang bersetuju pun tidak kaya, dia pun merana juga. Dan detailnya kalau Yang Berhormat perlu saya akan bentangkan kerana kalau kita terus tidak patut kepada yang lain. Namun demikian masalah Orang Asli kita akan....

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Puchong Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Sila.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kembali kepada dasar yang telah dicadangkan oleh menteri mengenai pemberian tanah enam ekar dan juga setengah ekar untuk perumahan Orang Asli ini mungkin berjaya di kawasan luar bandar. Tetapi di kawasan saya juga ada lebih kurang 200 keluarga Orang Asli. Kawasan ini, ialah di tengah-tengah kawasan pembangunan. Jadi saya hendak tanya kalau ini terjadi, kalau dasar dilaksanakan bagaimana kita boleh proses penempatan semula Orang Asli di kawasan Puchong sebagai contoh, itu satu persoalan.

Yang kedua, ada dua, tadi Yang Berhormat Jerai menyatakan banyak masalah mengenai Orang Asli dengan masyarakat biasa. Apakah rancangan dan juga strategi kementerian untuk mengintegrasikan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat majmuk di negara ini. Akhir sekali bolehkah saya tahu sedikit angka atau jumlah Orang Asli di seluruh negara? Itu sahaja terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Mereka ada lebih kurang 350,000 daripada Perlis sedikit sampailah ke Johor. Masalahnya kalau kita tidak tentukan, masalah tanah ini Tuan Pengerusi bila tanah dekat Puchong itu di mana ada Orang Asli kita rempuh tanah dia, *they summon us for billion of dollars* dan *who is going to answer for that. So the government must be responsible enough to take action so that they are aligned or put in the place suitable enough for them to survive in the very good way.*

Yang kedua kita ada dua pusat untuk melatih Orang Asli, belia-belia dia kita latih dekat Sungai Lanjan dahulu, tetapi sekarang sudah kita pindahkan ke Sungai Buloh ajar mereka pada *motor mechanic, air conditioning* dan lain-lain yang berhubung dengan hidupan di bandar. Dan bagi wanita dia ada di Pahang dekat Kuantan, nama saya tidak ingat tetapi di situ kita melatih mereka membuat jahitan dan sudah ada pun membuka kedai sendiri di bandar Kuantan dan anyaman mereka, jahitan mereka cukup baik. Dengan cara

inilah kita akan merapati mereka dan kalau kita pergi ke Hyatt di Kuantan kita akan jumpa anak-anak Orang Asli, saya ingat anak dara Melayu rupanya lebih cantik daripada anak dara Melayu kerana dia sudah pandai *make-up* dan ini menunjukkan bahawa mereka bersedia untuk bersama dengan kita. Hanya berilah mereka peluang dan mereka akan berjaya seperti kita juga. Terima kasih.

Tuan Baharum bin Mohamed: *[Bangun]*

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Banyak soalan lagi.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya sedikit sahaja, adakah benar satu kenyataan yang saya dengar bahawa individu ataupun kumpulan etnik Orang Asli yang terkaya di dunia ini datangnya daripada Malaysia? Sebab Yang Berhormat Menteri yang menjaga ini mungkin boleh memberi penjelasan sedikit. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Saya tidak dapat bukti mungkin ada di Amerika yang sudah pun hari ini sudah jadi orang Amerika, mungkin dia lebih kaya tetapi kalau standard di Rompin memang ada seorang Orang Asli lebih kaya daripada orang Melayu di tempat Rompin. Di Gunung Mesah tempat saya lahir namanya di Hulu Beruntung orang Gopeng belum ada lagi Hylux dia sudah pakai Hylux sudah dua orang. Jadi kalau ada peluang dan diberi peluang mereka akan lebih maju seperti juga orang lain hendak maju, jadi kita juga kalau hendak maju kita usahalah. Dan mereka kita doakan maju kerana *the good neighbours are healthy neighbours*.

Tuan Pengerusi biar saya sambung berkenaan dengan perkara-perkara lain iaitu.....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi terakhir sebelum Yang Berhormat Menteri alih, terakhir ini pendek sahaja. Akibat daripada apa yang kita bincang tadi bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbang bahawa untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ada satu seksyen yang khas untuk Orang Asli yang menunjukkan bukan sahaja tujuan untuk mengkategorikan Orang Asli sebagai sasaran *group*, *target group* yang khas, tetapi minat kita yang khas *special section in The Ninth Malaysia Plan*.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Pengerusi kita tidak khususkan seksyen kerana kita harap integrasi. Kalau kita khususkan dia kepada satu *compartment they will never bring themselves out of the box*, jadi Yang Berhormat masalah kita ialah bagaimana kita harus susun rancangan supaya di dalam perubahan itu mereka tidak terasa yang dia terasing *and this is not an easy problem but we will do our best and with assistance of all* Yang Berhormat dengan kawasan di mana ada Orang Asli, maka kita dapat memajukan apakah yang diharapkan untuk orang ini. Oleh sebab itu Yang Berhormat Ipoh Timor kita akan membuat rancangan dengan tidak merasa bahawa mereka tidak terpisah. Itu sebabnya hari ini rancangan radio umpamanya kalau kita perhatikan di RTM memang suara mereka berkumandang setiap pagi setiap petang dan setiap malam, dan ini menyenangkan hati mereka dan merasakan mereka tidak terpisah daripada masyarakat yang besar ini.

Tuan Lim Kit Siang: Akhir, akhir on akhir. Saya faham penjelasan Yang Berhormat Menteri kita tidak mahu mengasingkan, tetapi itu juga tidak begitu konsisten. Kita ada satu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ada satu jabatannya sebab itu kita perlu satu seksyen yang menunjukkan kita selaras dan kita konsisten dalam perkara ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh fikir timbangkan cadangan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tiada akhir lagi ha?

Tuan Lim Kit Siang: No, akhir on akhirlah.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih Yang Berhormat saya akan pertimbangkan dan saya yakin pegawai-pegawai kita akan bekerja ke arah itu. Oleh sebab itu saya sudah terangkan tadi peruntukan-peruntukan kerajaan yang terhad, tetapi ini bukanlah untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, tetapi hanya untuk 2006. Oleh sebab itu seperti juga orang mengandungi kita tidak boleh hari ini hendak dia mengandungi besok

dia beranak budak itu *under age* ataupun tidak sihat *we have got to wait for nine months*, sembilan bulan sepuluh hari. Demikian jugalah rancangan-rancangan seluruhnya kita harus menunggu, demikian juga masalah jalan hari ini orang di bandar eloklah dia ada batang yang kita panggil "batang" itu jalan besarlah. Tetapi kita hendakkan "dahan" so inilah yang dipanggil jalan luar bandar, daripada dahan ada ranting, *this is jalan kampung and the batang dengan dahan dengan ranting perlu supaya banyak daun, because from daun you get osmosis*.

Daripada itulah yang kita akan lahirkan masyarakat yang lebih berjaya dan yakinlah, saya yakin kepada pegawai-pegawai saya, kita akan usahakan dan hari ini kita membuat struktur baru iaitu dengan mengadakan pegawai pemantau bagi setiap negeri. pegawai pemantau inilah yang akan tuan-tuan hubungi dan mereka akan membantu kita mengatakan apa yang hendak dibuat dan apa yang belum selesai dan hari ini bagi tahun 2005 ini ada 5 negeri dan bagi tahun 2006 Tuan Pengerusi kita akan ada di seluruh negeri. Mereka akan membantu kita supaya masalah Yang Berhormat-Yang Berhormat dapat sedikit banyak diringankan untuk *completely satisfied is not possible* tetapi *we will do our best* dengan izin, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM686,084,900 untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan disetujukan.

Wang sebanyak RM686,084,900 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.23 [Jadual] –

Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan 2006] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.23 dan Kepala Pembangunan P.23 di bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Batu Pahat.

6.42 ptg.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, saya ingin juga untuk turut serta dalam perbahasan di bawah tajuk 060000 - Minirial Geosains bahawa Butiran 060200 dan 060300. Persoalannya, bagaimanakah kedudukan kita dalam segi perlombongan?

Kita dapati bahawa dalam awal tahun 70-an negara kita mempunyai lebih kurang 1000 lombong timah dan sekarang kita dapati bahawa di negara kita sudah berkurang banyak hanya ada lebih kurang 260 sahaja yang tinggal. Dalam menyediakan satu proses untuk cari gali mineral ia memerlukan proses pemetaan dan saya dapati bahawa untuk melaksanakan proses pemetaan secara menyeluruh dalam proses cari gali secara umum ia mesti sudah dilakukan terutamanya oleh pihak kerajaan kerana ia memerlukan belanja yang besar.

Saya berharap pihak kementerian memberikan pandangan yang serius untuk kita memastikan bahawa pemetaan dibuat secara intensif dan menyeluruh dan selepas itu diberi peluang kepada pihak-pihak swasta ataupun pihak-pihak daripada luar negara untuk meneruskan usaha mencari gali secara spesifik kerana ini memerlukan modal yang besar.

Perkara yang kedua, berkenaan dengan proses pemetaan juga dan juga proses cari gali ia memerlukan kelulusan yang melibatkan berbagai-bagai jabatan dan juga yang paling utama melibatkan pihak kerajaan negeri. Saya juga berharap supaya pihak kerajaan dapat menyediakan satu *one stop center* untuk memudahkan terutamanya pada pihak-pihak swasta ataupun pihak-pihak luar negara yang ingin melakukan proses cari gali di negara kita dan untuk mendapat kelulusan yang lebih mudah dan cepat. Ketiga, berkenaan dengan tempoh pajakan bagi sesuatu lombong tersebut. Saya difahamkan bahawa peringkat ataupun tempoh masa pajakannya ialah mempunyai tempoh masa yang amat singkat ada yang antara yang satu tahun hingga 3 tahun ataupun maksimum 5 tahun.

Kalau kita fikirkan dengan belanja yang besar yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat perlombongan untuk memastikan proses perlombongan atau cari gali di negara kita akan lebih maju, saya juga ingin mencadangkan supaya tempoh masa pajakan tadi dipanjangkan. Kerana ini akan dapat memastikan pelabur-pelabur ataupun pihak-pihak yang berminat untuk mengadakan perlombongan di negara kita, mempunyai tempoh masa untuk balik semula modal mereka.

Bagi saya, di negara kita, kita sebenarnya mempunyai *reserve* yang paling tinggi paling besar, kita masih lagi mempunyai *reserve* timah yang tertinggi di dunia 60% dan saya rumuskan bahawa kita sebenarnya mempunyai, "kekayaan yang lama tetapi kita mestilah melakukan satu proses perlombongan dengan cara yang baru". Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tanjong.

6.46 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 080000 - Pengairan dan Saliran. Saya ingin membangkitkan masalah pengairan di Pekan Semeling daerah Kuala Muda Kedah khasnya berhubung dengan hakisan dan banjir di lot tanah 339 di mana projek membina jalan lencongan Barat Sungai Petani melalui Pekan Semeling ke Pekan Pedung daerah Kuala Muda Darat, Kuala Kedah sedang dijalankan.

Tuan Pengerusi, Pekan Semeling pada satu ketika merupakan satu kawasan lombong bijih timah dan pada hari ini di kawasan ini tinggal banyak kolam yang terbiar yang tidak diuruskan dengan baik oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dan oleh sebab itu pernah berlaku banjir di pekan tersebut. Saya ingin mencadangkan supaya JPS mengkaji dan seterusnya melaksanakan projek untuk mengatasi masalah banjir di pekan ini.

Mengenai masalah hakisan dan banjir di Lot 339 akibat tambakkan tanah di atas laluan air semula jadi, saya ingin menyatakan sememangnya laluan air itu bukan semula jadi tetapi adalah kesan daripada masalah banjir dari kolam-kolam lombong yang tidak diuruskan oleh JPS. Seperti mana disuarakan oleh tuan tanah tersebut saya juga tidak faham mengapa JPS dan juga JKR boleh membenarkan satu pembetulan dibina untuk mengalir air ke dalam tanah tersebut yang sebenarnya bukanlah laluan air semula jadi.

Lebih-lebih lagi ia akan menimbulkan masalah banjir dan hakisan atas lot tanah ini. Saya sudah membangkitkan masalah ini melalui soalan dan membawa kepada perhatian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang kata akan membuat lawatan ke tapak dan menjalankan siasatan.

Saya berharap dapat penjelasan di Dewan ini, apakah JPS akan buat untuk mengatasi masalah ini? Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon penjelasan daripada kementerian dan JPS khususnya berkaitan dengan projek membasmi banjir di Bandaraya George Town di Kawasan Parlimen Tanjong iaitu, bilakah projek ini akan siap sepenuhnya memandangkan sudah 10 tahun projek ini dilaksanakan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai.

6.49 ptg.

Dato' Paduka Haji Badaruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun Tuan Pengerusi untuk bahas tentang Butiran 011200 - Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, kita nampak akhir-akhir ini banyak bencana alam berlaku, bukan sekadar negara-negara di rantau Asia, tetapi di seluruh dunia. Bencana alam berlaku dan di Malaysia pun kita telah menghadapi beberapa bencana yang berlaku tetapi tidak serius. Tetapi kalau pemulihan ataupun pengawalan ini tidak dijalankan dengan sebaiknya, maka suatu hari nanti, kita, rakyat kita akan menanggung masalah yang kita akan hadapi di masa akan datang.

Hari ini Tuan Pengerusi, kita lihat di persekitaran pantai dah terhakis. Di dalam kawasan Parlimen saya cukup banyak yang terpaksa kita pindahkan dan masalahnya mereka ini adalah nelayan-nelayan dan tidak mempunyai tanah untuk kita pindahkan. Jadi kos untuk membuat benteng, untuk mempertahankan air ini, belanja cukup besar. Ada yang mencadangkan supaya tanam bakau dan kita dapati kajian daripada tanaman bakau ini amat baik...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini semua di bawah mana satu butiran ...

Dato' Paduka Haji Badaruddin bin Amiruldin: Butiran 011200.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Paduka Haji Badaruddin bin Amiruldin: Jaga alam sekitar, saya nak masuk, perlahan-lahan la ni. Jadi Tuan Pengerusi, kerajaan, kementerian kena buat sesuatu. Bagaimanakah kita hendak menjaga jangka masa panjang, hakisan-hakisan pantai yang begitu ketara sangat pada hari ini. Kalau kita lihat daripada Perlis sampai ke Pulau Pinang, pantai-pantainya telah terhakis. Begitu juga saya ingat di sebelah pantai timur dan sebagainya. Jadi, kalau kerajaan tidak bertindak, pertamanya sebelah kawasan Parlimen saya, lepas pantai tu Tuan Pengerusi dia ada bendang dan bendang ini orang tanam padi. Kalau air masin ini masuk ke dalam bendang, maka bendang itu sudah tidak boleh ditanam padi, sampai dua tiga musim kerana tanah itu telah dicampuri dengan air masin, maka tanah itu akan rosak, tidak sesuai untuk tanaman.

Begitu juga nelayan-nelayan Tuan Pengerusi. Bot depa bila ribut mai, angin mai pecah kerana hakisan terlampau kuat. Kadang-kadang saya turun waktu hakisan kuat Tuan Pengerusi, kita takut, kita takut ribut yang mai tu, ombak mai cukup kuat. Dia pukul pantai bukan sepoi-sepoi bahasa dah, ni sepoi-sepoi sapu. Kalau wakil rakyat duduk dalam tu, dengan wakil rakyat dia lambung. Jadi pihak kementerian kena buat kajian, memastikan bagaimanakah cara kita hendak menyelesaikan masalah ini. Jadi, saya telah menghantar dengan kerjasama JPS, kita telah menghantar dia punya keperluan-keperluan yang harus dilakukan.

Jadi kementerian ini kena jaga. Contoh satu lagi Tuan Pengerusi ni banjir. Baru ini di kawasan Singkiak ataupun Singkir dalam bahasa buku, dalam Parlimen Jerai, satu jam aja hujan Tuan Pengerusi, air naik dua kaki...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masalah di Jerai memang banyak ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Banyak Tuan Pengerusi, sebab itu saya cakap banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan kerana Yang Berhormat la..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak. Bukan kerana saya. *[Ketawa]* Kepong betul, dia tak ada masalah, dia cari masalah, saya masalah betul. Singkiak tu Tuan Pengerusi, baru ini 12 haribulan, baru raya, tengah dok rasa mood raya hujan satu jam, air bukit turun dua kaki, pekan Singkiak bah, masuk habis air, selut dalam sekolah. Dua kaki belah pagi.

Tuan Pengerusi, saya telah bagi tau, baru ini, Jabatan Alam Sekitar telah meluluskan, yang saya tahan dulu jangan lulus, kerana di penghujung Gunung Jerai depa buat kauri, kuari batu, bila depa tembak bukit tu Tuan Pengerusi, bukit tu turun, pokok relai apa semua, bila hujan mai, dia bawak dengan air, dengan selut semua masuk habis dalam kampung ni. Dah tahan sekejap, tau-tau Jabatan Alam Sekitar, baru-baru ini saya difahamkan pada 30 Oktober, meluluskan, ha ni saya nak tengok ni, saya tanya surat, dia kata surat tak ada hantar, sebab cuti raya. Dah tau penyakit dok mai - dia tau bukit Tuan Pengerusi, bila ada pokok, dia ibarat macam orang Tuan Pengerusi, bila orang ni rambut elok macam ni, bila mandi dia lambat basah badan, tapi kalau orang tu botak, jirus, jirus basahlah. Minta maaflah...*[Ketawa]*

Kalau ada Samy, macam kita punya menteri, dia memang suka macam tu. Pasal jenis ini dia seronok, bila kita gosok dia karan Tuan Pengerusi... jadi saya nak mintak

Jabatan Alam Sekitar kaji balik. Alasan dia bagi, pihak yang memohon telah membuat pelan tindakan seandainya berlaku sesuatu, ini dia cara dia, kita nak perbetul. Benda ni Tuan Pengerusi bukan mudah, bila bukit ni kita tebang pokok semua, dia hakis, bila dia hakis, dia akan landa habis kampung Singkiak tu. Pokok durian mati, pokok tanaman mati, selut akan turun masuk dalam pekan. Akhirnya, rakyat akan marah. Dia bukan marah kat kementerian, dia bukan marah kat menteri, tak marah timbalan menteri, dia nak marah orang pertama, siapa Tuan Pengerusi, wakil rakyat, wakil rakyat yang dinamakan "Yang Berhormat", nama sedap, Yang Berhormat.

Orang kampung Tuan Pengerusi, la ni bukan macam dulu, anak-anak depa *graduate*, hak dulu tak apalah yang jenis pakai kain pelekak, kain batik, kain pelekak in dok sidai atas bau, la tak ada. La anak *graduate*, raya ni, baru balik raya Tuan Pengerusi, sebelum balik raya, JKKK bagi tau kat saya, Dato' ni, jalan kampung ni bubuh sikit batu, bagi elok pasal anak cucu nak balik mai, takut bentan, ni mai kereta ni, terentak-terentak bentan punggung depa tu. Kemudian wakil rakyat inilah, pi hantar batu dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah sebab itu Yang Berhormat tak berani balik?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dak, saya Tuan Pengerusi, saya hadapi yang tu semua, saya berani hadapi, kerana saya tau Kerajaan Barisan Nasional akan selesai masalah ni. Ha.. kerajaan DAP tak usah kiralah, depa kira roket, depa bukan berjuang di bumi, depa berjuang di angkasa..[Ketawa] hang pi lah, angkasa boleh naik berapa orang? Kereta Kepong la ni bubuh pembesar suara atas bumbung, ha tu dia. Jadi saya nak mintak, tolonglah kementerian, kaji balik, saya pasti, lepas ini kalau diluluskan, kerajaan luluskan juga untuk kuari itu dibina di kawasan itu, pertamanya merosak keindahan Gunung Jerai Tuan Pengerusi.

Gunung Jerai ini adalah satu gunung yang terindah di dunia Tuan Pengerusi. Tak percaya tanya Yang Berhormat Kepong, dia biasa pergi dah, cuma dia habak saya dia cari bilik air tak jumpa, dalam hutan mana ada bilik air. Jadi mana nak cari gunung dalam bandar Tuan Pengerusi. Nak cari gunung dalam kawasan perindustrian tak ada, inilah satu-satu gunung yang cantik di Malaysia dan juga di seluruh dunia. Ibarat, cuma nasib tak baik di kawasan Parlimen saya tidak ada salji, *there is no snow* Tuan Pengerusi. Kalau dia ada salji, *is more or less like* Switzerland Tuan Pengerusi, dengan izin.

Fantastic, beautiful, especially during sunset oh... marvellous [Ketawa].. jadi, saya mintak kementerian, timbalan menteri tolong, jaga, jaga alam sekitar, jangan kerana nak, dan saya nak minta juga kepada syarikat-syarikat besar ni, *developer* apa ka, jangan ingat diri kita pada hari ini, jangan ingat poket kita pada hari ini, ingat anak cucu kita masa depan ni, anak cucu kita, kita akan tinggal kat depa. Kalau habis bukit kita tebang, kita buat perumahan, tak lama apa nak jadi negara kita.

Tengok di Pakistan, akhir-akhirnya Tuan Pengerusi, orang yang duduk di kondomium besar-besar, akhirnya duduk bawah khemah, dalam khemah terpaksa Malaysia hantar ubat, jarum pi cucuk depa pulak di sana. Kerana apa? Alam sekitar. Dalam Quran ada, ulama pun tak ada, balik dah.. dalam Quran ada kata, bukit bukau itu adalah pasak pada bumi, maknanya paku kepada bumi, bukit-bukit ni Tuhan cipta untuk menjaga bumi-bumi yang ada ni, tapi kalau kita pi lingkupkan, kerana apa, pembangunan, kerana apa, duit, kerana apa, keindahan ..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, sikit aja, kalau orang meminta, kita memberi Tuan Pengerusi..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, satu minitlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cukuplah. Jadi saya nak pesan, orang-orang di kementerian ni pun, hak yang Islam, dia akan dipersoalkan di akhirat, kalau kita lulus, termasuk majlis-majlis daerah Tuan Pengerusi, yang meluluskan pelan-pelan perumahan di atas tapak-tapak yang tak sepatutnya dilulus. Ahli-ahli majlis bertanggungjawab, menteri-menteri besar pun bertanggungjawab, kerana tak lama bila jadi

banjir, masa tu jangan salah orang, kalau orang mengamuk, kerana kita pi kacau, pi usik, macam kita usik sarang tebuang la Tuan Pengerusi, cuba kita usik, dia serang, ni dia, kita pi usik bukit bukau yang Tuhan buat elok-elok, padahal kita tengok bukit kita rasa aman.

Sebab itu saya Tuan Pengerusi, aman. Walaupun wakil rakyat tanggungan berat, kerja banyak, semak, tapi bila saya pegi ke Gunung Jerai, saya duduk, tengok gunung tu, aman dan tenteram jiwa saya. Gamak merasa tak puas, menghadap ke kanan tengok lautan yang begitu jauh, lapang fikiran saya. Balik-balik tengok Kepong, naik lemas perut.. *[Ketawa]* Ini Arau punya idea.

Jadi, saya ingat Tuan Pengerusi, saya nak ucap terima kasih banyaklah, tolonglah, hak yang dilulus di Yan tu, iaitu hutan simpanan Gunung Jerai, mukim Singkiak daerah Yan ni, tolonglah..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ...janganlah dan pesan saya ..

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badaruddin bin Amiruldin: Kepong minta penjelasankah? Sila, sila..

[Dewan riuh] [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa dia cukup. Baik, Tangga Batu berucap, sila.

7.00 mlm.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan sama di peringkat Jawatankuasa ini beberapa butiran di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, di bawah Butiran 011200 – Pemulihan dan Pengurusan Alam Sekitar. 030200 – Perancangan Pendidikan dan Pembangunan berserta dengan Pembangunan dan Pemuliharaan Sungai Melaka di bawah Butiran 13000.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ucapkan terima kasihlah kepada pihak kementerian melalui Timbalan Menterinya kerana mengadakan lawatan ke Parlimen Tangga Batu baru-baru yang lalu dan kesan daripada lawatan tersebut, saya dapat lihat pemantauan yang rapat oleh Jabatan Alam Sekitar dan juga pihak loji penapisan minyak Petronas (Petronas *refinery*) di Tangga Batu yang terbesar di negara ini yang sebelum ini dirungutkan oleh rakyat di peringkat Tangga Batu meninggalkan kesan hasil daripada pengeluaran sisa-sisa asap dan juga pepejal (*smoke admission*) telah sedikit sebanyak menjejaskan kualiti hidup masyarakat di sekitar Pekan Sungai Udang.

Di sini saya ingin menarik perhatian pihak kementerian supaya melihat perkara ini dengan lebih dekat di mana sistem-sistem pengukuran pencemaran tadi yang dilaksanakan oleh pihak Petronas terutamanya perlulah mengambil kira masa. Saya difahamkan mereka mengukur pencemaran itu mengikut masa-masa yang ditetapkan oleh pihak mereka, bukannya berasaskan kepada sepanjang masa. Untuk makluman Tuan Pengerusi, pencemaran ini berlaku sepanjang masa. Jadi saya mahu lihat sekiranya dapat satu maklumat ataupun data yang lengkap yang memberikan gambaran terhadap satu jangka masa secara berterusan. Laporan lengkap dan dapat kita buktikan kepada masyarakat di sekitar Parlimen Tangga Batu ini yang sebenarnya kewujudan loji penapisan minyak ini tidak akan menjejaskan tahap kehidupan mereka.

Begitu juga tentang beberapa perkara lagi yang perlu diberikan penjelasan, tentang apakah ia piawaian di peringkat antarabangsa terutamanya dari segi deruman ataupun bunyi bising yang pada suatu ketika mereka menyatakan tahapnya adalah di peringkat satu angka tetapi apabila kita rujuk di peringkat antarabangsa, angka yang diterima pakai oleh pihak Petronas dan juga Jabatan Alam Sekitar tidak menepati piawaian antarabangsa dan juga laporan-laporan yang kita terima seperti sakit kepala, pening dan juga ada satu kes yang mengatakan keguguran kandungan dan sebagainya. Ia tidak berasaskan kepada apa-apa *authority* tetapi mungkin boleh dijadikan sebagai punca untuk

siasatan pihak kementerian dan memperuntukkan sedikit jumlah wang untuk menyiasat perkara-perkara seperti ini, penyelidikan dan kajian.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga melihat setiap aktiviti pihak kementerian yang melibatkan impak kepada alam sekitar, ianya memerlukan pihak ketiga dan memerlukan belanja yang agak tinggi. Jadi di sini saya kira kalau pihak kementerian mungkin boleh menjadikan ianya sebagai satu punca pendapatan, menyediakan satu unit khas yang mana pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai kekompetenan, kecekapan, kelayakan dan kepakaran untuk melakukan analisa-analisa ini dan boleh menjadi satu pendapatan yang tetap kepada pihak kementerian dan saya yakin laporan yang disediakan oleh pihak kementerian akan mempunyai lebih integriti, akan mempunyai lebih kebolehpercayaan daripada yang disediakan oleh pihak-pihak ketiga.

Saya percaya ini adalah berkaitan rapat dengan pembangunan ICT ataupun *information communication technology* yang berkembang begitu pesat pada hari ini apabila dengan menggunakan satu disket sahaja, setiap maklumat, data yang terperinci boleh diperolehi daripada sesuatu kawasan. Untuk makluman Tuan Pengerusi, kita juga kalau boleh dapat melihat bahawa maklumat tersebut disimpan dan boleh digunakan beberapa kali. Jika ada permohonan-permohonan yang datang bertimpa-timpa, maka pelbagai laporan diminta, sedangkan laporan itu mempunyai fundamental ataupun asas yang sama. Jadi mungkin pihak kementerian boleh menggunakan asas ini. Jika ada pihak lain yang memohon ataupun memerlukan maklumat, kementerian telah menyediakan dan boleh juga menjadi punca pendapatan kepada pihak kementerian.

Untuk Butiran 15100 iaitu Mencegah Hakisan Pantai. Terdapat teknologi-teknologi terkini di mana baru-baru ini kita telah diperkenalkan satu teknologi daripada Taiwan yang menggunakan jaring perangkap pasir di mana aliran ombak secara semula jadi ini boleh mengembalikan kedudukan pantai yang asal. Di sini, Parlimen Tangga Batu ingin menawarkan pantai kami yang sepanjang 21 kilometer ini untuk dijadikan bahan ujian oleh pihak kementerian. Jika pihak kementerian dapat menggunakan teknologi ini, mungkin kita dapat melihat hasilnya memandangkan Selat Melaka sepanjang sisiran pantai Tangga Batu ini telah lama tercemar dan kebanyakan daripada pantainya telah pun terhakis. Jadi mungkin pihak kementerian akan nampak hasil daripada cubaan ataupun ujian ini. Nasihat saya kepada pihak kementerian supaya cubalah teknologi ini dan gunakanlah di pantai Tangga Batu dan mungkin kita akan dapat melihat hasilnya.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya melihat Kerajaan Negeri Melaka begitu bersungguh-sungguh di dalam mengembalikan semangat Melaka untuk menjadi *Venice of The East*. Baru-baru ini sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dan juga Deepavali, kita telah.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Janganlah macam itu Ketua Pembangkang. Saya bercakap untuk memberi penjelasan kepada menteri ini, tengah serius dan Dewan semua hendak dengar kita bercakap. *Venice of The East*, Tuan Pengerusi dan baru-baru ini sempena Hari Raya Aidilfitri kita telah pun mengembalikan zaman kegemilangan Melaka apabila Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri bersama pemimpin negeri dan juga pemimpin di peringkat Persekutuan bersama-sama menaiki bot sepanjang 4.2 kilometer daripada Kampung Moten, taman rempahnya sehinggalah ke pusat dagangan *barter trade* yang dahulunya dikenali di muara Sungai Melaka ini dan telah menampakkan yang sebenarnya sungai ini bukan lagi menjadi satu masalah kepada negeri Melaka tetapi ia telah menjadikan ianya satu peluang dan saya yakin *over time*, ia akan mengembalikan semula Melaka sebagai kerajaan yang gemilang suatu ketika dahulu.

Saranan saya pada pihak kementerian di bawah Butiran 13000 ini supaya mengadakan kerjasama dengan pihak Kementerian Pelancongan untuk melihat bagaimanakah pihak kementerian boleh membantu memulihkan kembali. Dahulunya air di muara Sungai Melaka ini berwarna hitam tetapi hari ini kita sudah nampak ia warna..... dahulu warna kopi. Hari ini sudah warna teh susu sedikit. Saya yakin dalam jangka masa yang begitu singkat, air sungai ini akan menjadi jernih seperti yang berlaku di *San Antonio*,

yang berlaku di Singapura dan beberapa negara maju di rantau ini. Jadi saya minta supaya pihak kementerian memperuntukkan sedikit jumlah wang ini untuk mengkaji bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan bagaimana hasrat Kerajaan Negeri Melaka untuk menjadikan sungai ini, mengembalikan gemilangnya sungai ini, kenyataan dalam masa yang lebih singkat. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tuaran, sila.

7.10 mlm.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan di peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Saya ingin berbahas bagi Maksud P.23 Butiran 13400 - Pembangunan Sumber Air Pertanian. Bagi butiran ini untuk tahun 2006 sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan bagi negeri Sabah. Persoalan saya di sini, sejak dan setelah kementerian ini distrukturkan semula iaitu Bahagian Jabatan Pengairan dan Saliran dipindahkan daripada Kementerian Pertanian ke Kementerian Sumber ini persoalan timbul, siapa sebenarnya yang bertanggungjawab dalam soal pengairan dan saliran untuk sawah padi.

Jadi, dalam Kementerian Pertanian ada juga butiran yang menunjukkan kementerian itu bertanggungjawab dalam soal pengairan pertanian. Persoalan di sini ialah siapa yang bertanggungjawab sebab ini ada dibuat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kementerian tentang masalah yang dihadapi di kawasan saya di Tuaran iaitu kita mempunyai lebih 2,000 hektar sawah padi yang menghadapi masalah pengairan sawah padi yang sebahagian besar daripadanya terdapat diusahakan secara optimum, oleh sebab masalah pengairan.

Kita masih menunggu peruntukan untuk empangan di mana untuk memberi pengairan kepada sawah padi yang saya maksudnya tadi. Kita sudah lama menunggu dan keperluannya adalah RM10 juta. Kalau kita lihat peruntukkan RM10 juta ini, Tuaran pun tidak cukup, kalau inilah untuk seluruh negeri Sabah. Jadi, saya minta supaya pihak kementerian melihat masalah itu secara serius. Sebenarnya saya telah berbincang dengan jurutera yang berkenaan, JPS di kawasan saya untuk menyelesaikan masalah ini. Yang pentingnya ialah pihak kementerian melihat perkara ini secara serius sebab ini melibatkan ramai petani.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya beralih ke P.23 Butiran 16500 - Rancangan-Rancangan Mencegah Banjir Sabah. Untuk butiran ini, bagi tahun 2005 peruntukan, token RM10 telah diberikan dan untuk tahun hadapan pula, tahun 2006, sebanyak RM936,000 diperuntukkan.

Tuan Pengerusi, di negeri Sabah ini dalam soal menjaga banjir ini amat bermasalah. Di kawasan saya di Tuaran dengan juga kawasan jiran saya Sepanggar, baru-baru ini telah menghadapi banjir lumpur. Setiap kali hujan, saya bersama-sama dengan Yang Berhormat bagi Sepanggar dan juga ADUN-ADUN yang berkenaan, kami risau sebab pasti ada banjir, beberapa taman, Taman Telipok Jaya misalannya.

Masalah itu saya sudah sendiri menulis surat kepada Menteri Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, untuk menyelesaikan masalah perparitan di sepanjang jalan daripada Tuaran melalui Telipok dan sampai ke Menggatal untuk menyelesaikan masalah ini. Masalah-masalah yang telah timbul akibat daripada pembangunan Taman Perindustrian Kota Kinabalu – KKIP. KKIP ini amat penting sebab inilah pemangkin perindustrian bagi negeri Sabah.

Tetapi apabila dibuat bukit-bukit di potong untuk memberi laluan kepada Taman Perindustrian Kota Kinabalu ini, jelas bahawa pihak Jabatan Parit dan Saliran ini tidak membuat koordinasi dengan jabatan-jabatan yang terlibat. Sehingga orang-orang kampung, rumah-rumah yang terlibat hendak dipindahkan pun susah. Ada tempat perpindahan tetapi rumah atau tempat perpindahan di Taman Perindustrian Kota Kinabalu, prasarana tidak disediakan dengan baik, jalan raya tidak sempurna dan sebagainya.

Oleh sebab itu, baru-baru ini kita telah menghadapi satu malapetaka yang amat teruk dan sehingga pada hari ini kita ini ditagih oleh penduduk-penduduk di situ tentang bantuan bencana alam. Ini adalah kerana satu buah rumah telah hanyut dengan berbagai-bagai-bagai prasarana dan sebagainya. Saya hairan kenapa misalnya dalam soal menjaga banjir ini peruntukan begitu sedikit, tidak pun sampai RM1 juta untuk negeri Sabah. Kenapa tidak sampai RM1 juta? Apakah pihak Jabatan Parit dan Saliran Negeri Sabah tidak membuat apa-apa *solution*, permohonan dan sebagainya.

Saya minta pihak kementerian untuk mengkaji, bukan sahaja mengkaji tetapi menyelesaikan masalah banjir di sepanjang jalan daripada Tuaran melalui Telipok dan ke Menggatal. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri semasa banjir lumpur tempoh hari, beliau sendiri datang ke situ telah membawa Pengarah JPS dan telah minta laporan dan selesaikan masalah tetapi sehingga pada hari ini bila kita tengok cara perlaksanaannya, secara ad-hoc itu amat menyedihkan. Amat menyedihkan.

Saya minta supaya seluruh masalah saliran dan perparitan di Taman Perindustrian Kota Kinabalu ini diselesaikan dengan baik dan peruntukkan yang secukupnya hendaklah disediakan.

Tuan Pengerusi, saya beralih seterusnya kepada butiran bagi Maksud P.23 Butiran 10200 - Penubuhan Stesen Hutan Sejadi Sabah; Pusat Perhutanan Bersepadu Wilayah Kota Kinabalu. Untuk butiran ini peruntukan sebanyak lebih kurang RM2 juta telah disediakan.

Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, kita berterima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan melalui kementerian ini di atas peruntukan-peruntukan yang telah diberikan selama ini untuk membuat *surveying* pada hutan-hutan simpan di negeri Sabah. Pengukuran hutan-hutan simpan ini adalah amat penting ataupun *the demarcation* hutan-hutan simpan ini adalah amat penting sebab di sinilah cara kita untuk memelihara hutan simpan yang sedia ada.

Persoalannya di sini ialah apabila peruntukan itu diberikan dan *surveying* dimulakan biasanya kumpulan tukang sukat ini ataupun *surveyor* ini menghadapi masalah penduduk kampung. Masalah penduduk kampung, sebab saya minta pihak kementerian mengkaji sedikit dan memahami sedikit masalah sejarah bagaimana hutan-hutan simpan di negeri Sabah ini telah digazetkan melalui satu enakmen, di Dewan Undangan Negeri Sabah pada tahun 1984. Pada ketika itu, lakaran hutan-hutan simpan negeri Sabah telah dibuat dalam sekeping kertas, di masukkan dalam rang undang-undang, kemudian dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Sabah dan diluluskan serta digazet, diluluskan serta diwartakan.

Tetapi sebenarnya ada lagi jabatan-jabatan lain yang tidak dirujuk, misalannya Jabatan Tanah Negeri Sabah. Kesanya ialah terdapat banyak kampung yang terperangkap dalam hutan-hutan simpan, sama ada di pinggir mahupun di dalam. Akibatnya pada hari ini apabila Kerajaan Persekutuan melalui kementerian ini memberi peruntukan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Sabah untuk tujuan menjalankan survey, apa yang di *survey* hanyalah ia punya *perimeter* dan perkampungan-perkampungan terbiar untuk dikeluarkan, eksais daripada hutan-hutan simpanan ini.

Apa yang telah berlaku banyak rumah panjang, misalannya di Pensiangan, banyak perkampungan di Kinabatangan, malah di tempat saya sendiri dan kawasan saya sendiri pun, ada kampung yang terperangkap. Orang-orang ini tidak boleh bergiat menjalankan kegiatan pertanian mereka untuk sara hidup sebab mereka dikatakan sebagai menceroboh dalam hutan simpan tetapi sebenarnya mereka bukan menceroboh, yang menceroboh sebenarnya kerajaan sebab kerajaan baru menggazetkan hutan simpanan itu pada tahun 1984.

Mereka ini sudah tinggal bertahun-tahun dahulu. Sebab itu saya minta apabila peruntukan diberikan, pastikan supaya peruntukkan juga diberikan yang mencukupi untuk membuat *surveying to excise out* perkampungan-perkampungan, sama ada di pinggir mahu pun yang terperangkap di tengah-tengah hutan simpan tersebut.

Pada masa yang sama juga perlulah buat koordinasi dengan ketua-ketua masyarakat, pemimpin-pemimpin masyarakat, sebab jika tidak, menyukarkan proses penyukatan ini pasti gagal dan saya difahamkan pada suatu ketika dahulu peruntukkan yang telah disediakan telah dikembalikan kepada Kerajaan Persekutuan ataupun disimpan di Jabatan Hutan, tidak dapat diteruskan kerja-kerja penyukatan sebab masalah dengan penduduk kampung.

Tuan Pengerusi, saya teruskan dan beralih ke Butiran 070000 - Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar. Di kawasan saya, Tuan Pengerusi, kami sedang berhadapan dengan dua masalah yang besar, satu ladang khinzir dan yang keduanya soal pengambilan pasir di Sungai Tuaran. Ladang khinzir ini sudah lama, sekian lama. Pihak majlis....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung, ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya, saya habiskan, Tuan Pengerusi. Ladang khinzir ini sudah lama kita bincang dalam majlis daerah tetapi masalahnya dari segi perundangan. Undang-undang mana yang kita gunakan untuk memastikan supaya pihak penguasa ini tidak mengusahakan ladang khinzirnya di tempat itu, tempat yang tidak betul ini.

Kita tidak mempunyai undang-undang. Jadi undang-undang ini di mana? Undang-undang di majlis daerahkah? Undang-undang peringkat negerikah, peringkat Persekutuan? Jadi dalam soal ini saya mohon, pihak kementerian untuk mengkaji sebab dalam mesyuarat pembangunan daerah, dalam mesyuarat majlis daerah, kita juga menjemput Jabatan Alam Sekitar, Persekutuan bersama-sama. Yang mereka dapat, kadang-kadangnya, *"Oh! Kita tidak boleh buat estimate bagaimana teruknya kesan daripada ladang khinzir ini. Sebab tidak ada ukuran bagi wangi bau dia."*

Kalau misalannya bunyi, ada dia punya ukuran (*decibel*). Tetapi yang baunya macam mana? Tetapi soal bukan bau dia. Orang yang tinggal situ yang tahu. Itu ukuran dia. Kalau orang di sekitar situ sudah menghadapi kemudaratan daripada ladang Khinzir ini, ya, tetapi persoalan di sini dari segi perundangan. Yang keduanya, soal pasir tadi. Pasir ini juga masalah. Kita merujuk kepada pihak polis, pihak polis pun tidak boleh mengambil tindakan sebab kalau dia tengok dalam *Panel Code*, ini tidak boleh dilihat sebagai soal curi. Jadi dia mahu caj pun dia tidak ada seksyen tertentu di dalam *Panel Code* untuk orang-orang yang dikatakan mencuri pasir ini. Tetapi kegiatan mencuri pasir ini amat memudaratkan. Ya, memudaratkan alam sekitar.

Ya, sebab itu baru-baru ini di Tuaran kita telah meminta supaya semua kegiatan mengambil pasir daripada sungai Tuaran kita telah hentikan. Tetapi masih ada yang buat dan kita tidak mempunyai undang-undang daripada alam sekitar untuk menyelesaikan masalah ini, dan kesan alam sekitar ini amat parah. Jadi saya mohon, pihak Jabatan Alam Sekitar supaya mengkaji perkara ini supaya dapat melahirkan undang-undang yang berkenaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Okey, yang akhir sekali, pihak kerajaan negeri telah cuba meminda Ordinan Tanah supaya pihak kerajaan negeri cuba *address* masalah ini daripada Ordinan Tanah tetapi akhirnya, yang melihat ini untuk menyelesaikan perkara ini pada pandangan saya ialah Jabatan Alam Sekitar. Saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, muka surat 292, di Butiran 010000, Pengurusan Am, muka surat 296, Butiran 080000 – Pengairan dan Saliran, muka surat 300, Butiran 07900 – Pembangunan Taman Botani Kepong, dan muka surat 295, Butiran 070000 – Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak bangkitkan mengenai *Forest Research Institute Malaysia (FRIM)* yang sekarang mempunyai laman web yang baru, kita boleh nampak laman web FRIM.gov.my. Walaupun saya ada tengok banyak penyelidikan yang dibuat di FRIM yang usianya sudah 70 tahun. Tetapi saya hendak menekankan di sini pihak

itu Pengarah, itu Pengerusi Datuk Ishak bin Yeop dan juga Ketua Pengarah Dato' Abdul Razak Mohd. Ali, mereka mestilah menjaga bahawa kualiti penyelidikan di dalam FRIM itu mestilah dipertingkatkan kerana kita memainkan peranan yang penting di dalam 70 tahun ini.

Dan kita mesti mempertingkatkan kerana kita nak jadi satu negara yang maju 2020 dan secocok dengan hasrat kita ini, kualiti penyelidikan mestilah dipertingkatkan. Ini termasuk memupuk dan mengadakan itu pakar-pakar dan penyelidik-penyelidik yang berkaliber. Ini yang penting sekali. Dan selain daripada itu yang penting di sekitar FRIM, .. Arau mana dia tahu? *[menoleh kepada Yang Berhormat Arau]* Di dalam buku ini ada banyak yang mengenai Kepong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Arau tak ada kacau Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya,ya, itu dia senyum saja tu. Ya, saya nampak. *[Ketawa]* Ya, di dalamnya..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tunggu dia kacaulah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada di dalamnya, misalnya di muka surat 277, dia ada sebutkan FRIM dan juga di muka surat 300 ada Taman Pembangunan Botani Kepong. Taman Botani, ingat Arau dan Jerai, *[Ketawa]*. Taman Botani Kepong *[Ketawa]* jangan, jangan lupa. Dan FRIM di sekitarnya kita nampak ada banyak pembangunan, taman-taman perumahan dan juga industri dan sebagainya di sekitarnya.

Dan, saya sering kali nampak pokok-pokok ditebang di tepi itu. Dan saya mencadangkan supaya FRIM dan juga kerajaan tempatan kita mengkaji semula di alam sekitar FRIM, termasuk di bukit bukau. Kita ada bukit bukau di situ yang setakat ini kita nampak tak botak lagilah. Tak botak lagi, tapi kita mesti menjaga dengan baik-baik termasuklah menggazetkan,ewartakan kawasan-kawasan lapang di sekitar FRIM ini. Inilah saya hendak menyaksikan.

Dan, seterusnya mengenai pembangunan Taman Botani Kepong yang jumlah yang diperuntukkan nampaknya ada RM7 juta. Dan, untuk tahun hadapan RM2.5 juta, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan kepada kita apakah Taman Botani Kepong ini, ya? Kerana belum lagi kita tahu butiran itu. Mana ada di Santubong, tak ada taman botani ya, di situ? Tapi di Kepong, kita ada. Dan mungkin akan menjadi satu taman botani yang bertaraf tinggi. Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkannya.

Dan seterusnya, mengenai tebatan banjir. Di Kuala Lumpur, ada projek-projek seperti projek terowong bestari, dan juga projek Premba di Kepong. Dan walaupun projek itu dijalankan dengan kesesakan lalu lintas dan sebagainya, banjir masih berlaku. Banjir kilat dari semasa ke semasa, kerana musim Tengkujuh kita sekarang, kita ada banyak hujan dan seterusnya kita dapati ada banjir kilat lagi. Dan di sini bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada kita semua bilakah projek terowong bestari ini akan disiapkan dan apakah jumlah perbelanjaan untuk projek itu dan juga bagi projek Premba Kepongnya, apakah akhirnya peruntukan yang diberi dan bilakah projek ini akan disiapkan? Saya tengok dari iklan yang ada di situ, nampak ada kelewatan bagi projek tersebut.

Tuan Pengerusi, mengenai pentadbiran tanah kita, termasuk ukuran tanah dan sebagainya, saya berharap kementerian Yang Berhormat dapat mengkaji mengenai geran strata kita. Katanya kerana lewat. Kerana ukuran itu lewat, dan sebagainya. Dan kita berharaplah ini dapat dipertingkatkan lagi, dipercepatkan lagi untuk menguruskan semua permohonan bagi geran strata. Saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji semula. Sebab di Malaysia ini, di seluruh negara. Kalau kita bagi pelan strata, dan saya nampak PTG kita banyak ada jabatan geran strata itu.

Tetapi apabila di banyak di tempat, terutamanya di flat-flat kos sederhana dan kos rendah, apabila mereka mendapat geran strata, masalah timbul lagi, apa masalahnya? Pengurusan tidak sempurna sebab apa rakyat Malaysia tidak mempunyai kebudayaan pangsapuri, kebudayaan rumah pangsa, belum lagi kita ada walaupun kita perlukan rumah

pangsa, apartmen dan sebagainya. Bagi apartmen kos tinggi, tak jadi masalah kerana itu kos perbelanjaan untuk mengurus dimasukkan di dalam kos dan sebagainya. Tetapi bagi kos sederhana dan kos rendah, saya berharap pihak kementerian bersama-sama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mengkaji macam mana kita boleh tolong dari segi geran strata, dari segi pengurusan pangsapuri ini dengan lebih baik.

Mungkin kementeriannya dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mewujudkan jabatan khas untuk penyelenggaraan geran strata dan bangunan bagi pangsapuri ataupun rumah pangsa kos sederhana dan kos rendah. Ini memang satu perkara yang penting kerana ramai rakyat Malaysia sekarang ada mendiami pangsapuri dan rumah pangsa. Dan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak gulung dah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Mengenai PERHILITAN dan juga taman laut kitalah, ini termasuk kerana kakitangan tidak cukup. Kakitangan PERHILITAN dan juga taman laut itu tidak cukup untuk mengendali, untuk memantau keadaan termasuklah di Taman Negara kita walaupun sering kali saya ada bangkitkan hal ini tetapi saya masih nampak pengurusan untuk menjaga Taman Negara, untuk pemuliharaan alam sekitar di dalam Taman Negara masih tidak begitu sempurna.

Saya berharap dengan tambahnya bilangan kakitangan PERHILITAN, mereka dapat latihan yang cukup supaya mereka benar-benar menjalankan tugasnya dengan baik, dengan berkesan, ini termasuk taman laut kita. Ini memang satu perkara yang penting untuk kita sama-sama menjaga Taman Negara dan juga taman laut kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Santubong.

7.33 mlm.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap banyak cerita ini, Tuan Pengerusi tetapi malangnya masa tidak cukup jadi saya tumpu sajalah dalam Butiran 01000 – Pengurusan Am. Jadi, tadi rata-rata kita mendengar kawan-kawan bercakap bahawa persoalan undang-undang, persoalan pemantauan dan banyak lagi persoalan koordinasi daripada satu jabatan dan berbagai-bagai lagi.

Jadi persoalan yang berbangkit ini oleh sebab struktur negara kita. Kita, Federal iaitu ada kuasa di tengah, ada kuasa peringkat negeri dan ada kuasa di peringkat tempatan. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, ada keperluan ini dibuat oleh kerajaan tempatan atau majlis, ada pula di peringkat negeri, kuasa undang-undang di peringkat negeri dan ada kuasa di peringkat Pusat. Jadi persoalan yang dibangkit di sini ialah soalan dasar keseluruhan, satu sistem yang komprehensif yang mempunyai dasar telus nasional dan diturunkan kepada peringkat negeri dan akhirnya dilaksanakan dan dipantau di peringkat majlis, peringkat pelaksanaan yang semuanya merangkumi soal keadaan sungai, kadang-kadang sungai kita tercemar.

Kalau persoalan berbangkit, sungai yang tercemar siapa punya tanggungjawab? Jadi semua kata tidak ada tanggungjawab, sebabnya pembinaan rumah, hakisan dan sebagainya pergi ke sungai, *affluence* yang pergi ke sungai, barang-barang keluar ke sungai itu banyak kita lihat daripada majlis yang bertanggungjawab. Tetapi dalam masa yang sama, soalan pembangunan, rumah, kontrak dan sebagainya, ada juga Kerajaan Pusat yang buat. Jadi di mana letaknya pengurusan? Udara umpamanya, pencemaran udara, majlis juga bertanggungjawab, negeri juga bertanggungjawab. Dalam masa yang sama pencemaran udara juga di dalam bidang kuasa Kerajaan Pusat.

Jadi udara dan bising umpamanya, ini juga dalam bidang kuasa majlis. Tetapi dalam masa yang sama kereta yang banyak di jalanraya itu siapa yang buat undang-undang? Kementerian Pengangkutan. Jadi dalam keadaan yang bercelaru dan kelam-

kabut ini tidak ada satu badan yang boleh mengatakan yang merekalah yang bertanggungjawab soal-soal pencemaran daripada sungainya, tanahnya, udaranya, hakisannya, lautnya, semua segi.

Jadi Tuan Pengerusi, saya hendak tanya dengan kementerian ini, ada atau tidak satu struktur undang-undang yang boleh dipakai sebagai satu rangka undang-undang yang boleh diturunkan kepada negeri sebagai undang-undang nasional yang diguna pakai oleh pihak negeri dan boleh diselaraskan ke negeri-negeri, khususnya negeri macam Sarawak dan Sabah yang nampak sedikit kelainan oleh sebab keadaan dalam Perlembagaan kita dan sebagainya. Jadi boleh tidak undang-undang nasional itu diguna pakai di peringkat negeri, akhirnya diturunkan kepada pihak majlis? Barulah kita membuat penyeragaman dasar daripada peringkat Pusat dan diturunkan ke peringkat negeri, dilaksanakan di peringkat negeri dan akhirnya dipantau oleh majlis-majlis untuk menentukan bahawa dasar peningkatan nasional itu boleh diguna pakai oleh negeri-negeri dan dipantau oleh pihak-pihak pegawai dan pelaksana di peringkat majlis.

Jadi kalau ini tidak berlaku, berlakulah pencemaran tanah umpamanya, orang yang buat *soil contamination*. Dengan tanah ini dibuat macam-macam, orang yang tanam sampah-sarap, tempat *sanitation* dan sebagainya dan pencemaran udara oleh sebab perundangannya berlainan tetapi dalam masa yang sama kita tidak mempunyai penyatuan, tidak mempunyai pemantauan dan *the green lung* dalam satu-satu tempat. Jadi kita bercerita hal *theme park*, tempat peranginan dan tempat *botanical garden* dan sebagainya yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi memang betul. Persoalannya di sini siapa pelaksana? Siapa memantau dan siapa yang buat dasar? Kita tidak ada mempunyai. Jadi akhirnya nanti *human population* kita, masyarakat kita yang terkena, yang rugi sebab kecelaruan dalam pengurusan alam sekitar kita.

Jadi saya ingat kementerian mesti melihat dari segi asas ini. Satu, kita mesti mempunyai undang-undang. Yang kedua kita mesti mempunyai dasar. Dasar ini boleh diguna untuk dua perkara, satu dasar *urban management*, yang kedua untuk keseluruhan *management resource* kita di luar bandar dan penggunaan sungai, penggunaan laut, penggunaan semua *natural resources* kita dan akhirnya tidak mencemarkan alam sekitar. Dan ini baru dikatakan kita boleh menjaga alam sekitar kita untuk masa yang akan datang.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sila.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Tuan Pengerusi, saya tertarik, terpanggil hati saya untuk bertanya kepada Yang Berhormat bagi Santubong kerana pakar undang-undang. Apakah setuju kita jadikan macam tanah, kita melalui Akta Parlimen, wujud satu Akta Parlimen kerana tanah dan hutan ini, binatang luar dalam negeri, hak negeri, *state matter not Federal matter*. So why not kita buat, dengan izin, jadikan satu akta macam Akta Tanah, Federal boleh campur tangan, boleh kuat kuasa.

Jadi satu lagi kita tengok tadi alam sekitar ini membawa kepada bencana yang besar kalau kita tak jaga. Macam saya di Kelantan di Lojing itu dia tebang balak-balak jadi botak kemudian banjir lumpur masuk dalam kedai dua kaki, sampai ke lutut, sampai ke lututlah dua kaki itu. Banjir lumpur tak pernah berlaku kerana Tuhan hendak ajar kita tebang balak, jaga alam sekitar biar ada perparitan, saliran yang betul. Ini dia tebang tanpa saliran yang betul, banjir lumpur pergi dalam *market* dalam masjid Kota Bharu, Pasir Puteh terlepaslah kerana Pasir Puteh dia tak buat kacau begitu. Terima kasih setuju tak kita wujud satu akta, negeri beri kuasa kepada Parlimen untuk jaga alam sekitar.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya bersetuju Tuan Pengerusi kerana kalau kita lihat tiap-tiap aktiviti kita, tiap-tiap pengeluaran produk kita, tiap-tiap pengeluaran servis kita, tiap-tiap proses penglibatan ini mesti ada undang-undang di sebaliknya. Jadi di sebalik undang-undang ini kita sudah ada mempunyai legal *framework*,

kita sebab wujudkan *institutional organization*, dengan izin. Selepas itu, *technical structure* kita di peringkat nasional, negeri dan tempatan supaya aktiviti-aktiviti yang terlibat itu barulah dapat di selaras dan diseragamkan di seluruhnya.

Saya tidak melihat bahawa negeri akan membuat satu pendirian yang bercanggah dengan pendapat, dengan dasar yang kita boleh wujudkan bahkan kita boleh memanggil semua wakil tiap-tiap negeri untuk satu perbincangan meja bulat. Saya ingat Kelantan pun dia mahu, kalau Kelantan tak mahu maknanya Ketua Menteri Kelantan ataupun pengurus Jabatan Kerajaan Kelantan tidak secocok dengan pandangan soal alam sekitar ini.

Jadi dia mesti duduk semeja dengan kita untuk menyeragamkan dan untuk membina satu dasar yang akan di latar belakangkan dengan undang-undang peringkat nasional. Jadi ini tidak menjadi satu masalah, saya setuju Yang Berhormat supaya kita bukan mengambil kuasa daripada negeri, tujuan kita ialah untuk menyeragamkan dasar. Untuk menyeragamkan pelaksanaan di peringkat negeri dan akhirnya untuk pemantauan di peringkat majlis-majlis yang memang sebetulnya di bawah kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat habis.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tetapi ini mestilah dibuat secara holistic baru kita boleh cerita soal hakisan air, pencemaran sungai, soal *noise pollution* dan sebagainya Tuan Pengerusi. Jadi kalau kita tidak ada *framework* ini, kita hanya cekap bercakap, bercakap, bercakap akhirnya tahun berganti sampai tahun 2020 kita masih macam itulah juga. Tuan Pengerusi saya minta penjelasan, terima kasih dan saya sokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kemaman.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil masa yang ringkas sahaja iaitu mengenai butiran 15300, mengorek kuala-kuala sungai, untuk saya mengambil kesempatan di sini bagi menyatakan pandangan ataupun rintihan terutama sekali di kalangan nelayan-nelayan di negeri Terengganu dan kita tahu bahawa negeri Terengganu sebahagian besar daripada penduduk di sana secara tradisinya bergantung pada laut iaitu di kalangan nelayan-nelayan dan tidak ada sebenarnya nelayan yang dimaksudkan itu ialah nelayan yang besar, yang mempunyai bot ataupun kapal dan sebagainya.

Kebanyakan nelayan di sana ialah nelayan kecil terutama sekali nelayan-nelayan pantai yang bergantung kehidupan mereka untuk menyimpan ataupun untuk meletakkan bot-bot kecil mereka ialah di kuala-kuala sungai. Ertinya di sini sekiranya kuala-kuala sungai itu berada dalam keadaan yang cetek dan kadangkalanya tiba pada waktu-waktu yang tertentu di mana musim-musim yang tertentu di mana keadaan kuala sungai menjadi sangat-sangat teruk bagi bot-bot kecil untuk masuk bagi nelayan-nelayan kecil ini untuk meletakkan bot mereka.

Ini sudah tentulah memberi ancaman yang besar kepada nelayan-nelayan di sana. Ada pandangan yang mengatakan bahawa ada waktu yang tertentu di mana bukan pandangan, tetapi kenyataan yang berlaku ada pada waktu yang tertentu bila ombak besar menyebabkan terus beberapa sungai-sungai terutama sungai-sungai yang kecil di sepanjang negeri Terengganu kuala sungainya terus tertutup. Saya ucapkan terima kasihlah setakat ini kalau yang berlaku di kawasan saya sendiri di Kemaman, pihak JPS telah memberi kerjasama bagaimana untuk menyelesaikan masalah-masalah secara jangka pendek, membuat terusan dan sebagainya bagi nelayan memasukkan bot mereka dalam kuala sungai tetapi oleh sebab peruntukan yang terlalu sedikit, jangka pendek itu benar-benar jangka pendek tidak ada satu program yang lebih bersifat jangka panjang untuk menyelesaikan masalah mereka.

Sebab itulah apabila dilihat di sini peruntukan sebanyak hanya RM31 juta bagi menyelesaikan tentang soal kuala sungai di seluruh negara saya kira adalah peruntukan yang terlalu sedikit, kerana untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut ia memerlukan peruntukan yang lebih besar kerana ia menyentuh soal kehidupan nelayan yang kecil tadi. Tuan Pengerusi, ada pandangan cadangan supaya misalnya di negeri Terengganu, pihak kementerian dapat menyediakan sekurang-kurangnya atau beberapa buah kapal-kapal korek ataupun jentera yang dapat mengorek apabila berlaku sahaja keadaan yang mendesak jentera pengorek ini atau *dredging* dan sebagainya dapat dihantar segera

kepada mana-mana kuala sungai yang tertimbus ataupun yang tertutup akibat berlaku kadang-kadang cukup dengan dua hari bot besar, dua hari ombak besar, seluruh pantai tersebut atau kuala sungai tertutup begitu sahaja dan perlukan tindakan segera tanpa memerlukan proses untuk mendapatkan peruntukan dan sebagainya.

Jadi kalau ada kapal korek ataupun bentuk *dredging* yang sedia dihantar bagi menyelesaikan masalah ini saya kira ia akan dapat bukan sahaja menjimatkan kos tetapi dapat segera memberi keyakinan kepada nelayan-nelayan terutama nelayan kecil ini dalam menyelesaikan masalah mereka. itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Tuan Pengerusi, saya bercadang untuk mengambil bahagian membahaskan maksud Bekalan 23 di bawah pertamanya bawah Butiran 07000 dari segi pemuliharaan dan pengurusan alam sekitar. Jadi saya telah meneliti semua butiran yang ada di bawah maksud bekalan 23 dan pembangunan 23 ini dan saya dapati tidak ada satu butiran pun mengenai dengan pendidikan alam sekitar, walaupun ada segi penyelidikan dan pembangunan tetapi penyelidikan, tidak ada. Jadi di sini saya suka nak mencadangkan supaya butiran khusus dibuat tentang pendidikan alam sekitar dan kalau tak cukup peruntukannya bolehlah ditambah kerana bagi saya pendidikan alam sekitar ini adalah sangat penting.

Jadi pihak Kementerian Sumber Asli dan alam Sekitar tak perlulah membuat satu kurikulum baru dan sebagainya, tetapi mereka boleh bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk menjadikan kesedaran, kepekaan dan juga pemuliharaan alam sekitar ini sebagai satu daripada nilai yang boleh merentasi keseluruhan atau seluruh kurikulum yang ada di Kementerian Pelajaran, sama ada di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah ataupun di pusat-pusat pengajian tinggi kerana bagi saya.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, kalau tidak ada dalam butiran boleh bincangkan?

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Ada dalam Butiran 07000 - Pemuliharaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia cadangkan tadi Yang Berhormat, dia ada sebut kepala.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Bung buat kejutan ya? Jadi bagi saya ini sangat penting kerana pemuliharaan alam sekitar merupakan satu budaya sebenarnya. Dia bukan boleh dibuat sebagai *one-off* ataupun sekali skala. Dia merupakan satu budaya dan kesedaran dan kepekaan terhadap alam sekitar juga haruslah menjadi satu budaya. Jadi dengan kita masukkan kepekaan terhadap alam sekitar ini sebagai satu daripada perkara ataupun nilai murni yang masuk dalam kurikulum sekolah, ini membolehkan para pelajar dapat menghayatinya betul-betul dan akhirnya dalam satu atau dua generasi akan datang, rasa saya masalah-masalah yang kita hadapi berkait dengan alam sekitar ini mungkin tidak akan terjadi lagi.

Tetapi kalaulah pendidikan terhadap alam sekitar ini tidak dibuat, kita hanya membuat pembangunan, penyelidikan dan macam *fire bridged*, dengan izin bila ada masalah kita tembak di sana-sini, sembur air, kalau ada sungai yang tohor kita gali lepas itu sungai pun tohor lagi, akibat daripada aktiviti-aktiviti pembalakan dan sebagainya jadi perkara ini tidak berkesudahan dan bagi saya pendidikan alam sekitar ini amat penting. Boleh Bung ya?

Yang keduanya saya hendak melihat ini Butiran 040000 dari segi pemetaan. Saya percaya mungkin ada satu kawalan agaknya terhadap peta-peta yang dijual di bandar-bandar ataupun di kedai-kedai buku dan sebagainya, walaupun ada peta-peta ini yang tidak mengikut ukuran sangat. Tetapi kadang-kadang ada maklumatnya yang salah langsung.

Semalam saya pergi ke sebuah kedai buku yang terkenal di Mid Valley. Saya bercadang hendak membeli peta kerana ada kawan saya daripada Australia hendakkan peta tentang tempat-tempat peranginan dan tempat-tempat yang boleh dilawati. Tetapi bila saya lihat ada beberapa kedudukan taman rimba dan sebagainya yang memang salah letak sebagai contohnya Taman Rimba Kenong yang sepatutnya terletak di antara Lipis dengan Jerantut, tetapi letaknya dalam peta itu dia letaknya antara Gua Musang dengan Lipis lari terus. Jadi saya pun tidak jadilah hendak beli saya harapkan pihak ini, saya mencadangkan kalau tidak ada kawalan sekarang buatlah kawalan supaya maklumat yang kita beri kepada pelancong-pelancong sebenarnya tepat dan mereka tidak tercari-cari tempat yang sebenar. Saya percaya tempat-tempat yang lain pun mungkin ada yang tersalah letak dalam lokasinya.

Jadi seterusnya adalah Butiran 070200 iaitu dari segi PERHILITAN. Tuan Pengerusi pintu masuk ke Gunung Tahan sebenarnya ada dua, yang pertama sekali ialah di Taman Negara Kuala Tahan dan yang keduanya adalah di Merapuh, Taman Negara Merapuh. Saya lihat *resort* yang ada di Taman Negara Kuala Tahan memanglah terus kerana mereka telah swastakannya kepada sebuah rangkaian perhotelan. Walaupun harganya agak mahal saya percaya *resort* itu memang bukan untuk orang-orang tempatan kerana harganya dalam RM1000 satu malam dan saya percaya pelancong tempatan tidak akan mampu duduk di sana. Tetapi mereka boleh memilih untuk duduk di seberang sungai Tembeling, di seberang Sungai Tembeling ada lagi *resort* kecil-kecilan yang dibuat oleh penduduk-penduduk kampung dan saya percaya mereka juga mendapat bantuan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dalam program peningkatan ekonomi untuk penduduk kampung.

Jadi apa yang saya lihat *resort* ini memang diurus dengan baik, tetapi bahagian yang diurus oleh PERHILITAN ini ada tempat-tempat sebagai contohnya, kita ada *canopy walk* kebetulan saya berpeluang pergi selepas hari raya hari itu ke Kuala Tahan - *canopy walk*, saya lihat tandasnya pun tidak ada. *Canopy walk* itu cantik rasa saya yang terpanjang di dunia ramai yang datang melawat, tetapi ada saya lihat pelancong, saya mula tidak perasan tidak ada tandas, tetapi bila ada pelancong yang terlari-lari ke sana ke mari bertanya tentang tandas yang sesuai terutamanya di hujung *canopy walk* itu tidak ada, sebenarnya saya pun tengok baru saya sedar tidak ada, tidak ada tandas. Jadi mungkinlah kita terpaksa menggunakan tandas secara dahulu-dahulu duduk dalam semak ke dan sebagainya baling-baling ke sana ke mari. Jadi saya harap dari segi pengurusan pada segi PERHILITAN ini perlu diperbaiki dan begitu juga pintu masuk yang kedua di sebelah Merapuh ini saya tengok memang tidak terus.

Saya percaya kerana mungkin pegawai-pegawai PERHILITAN atau pegawai-pegawai Taman Negara itu tidak mampu hendak mengurus tempat tidur, asrama dan sebagainya. Dan saya suka hendak mencadangkan di sini kerana tempat ini juga adalah penting sebagai pintu masuk pelancongan kalau tidak ada bolehlah kita swastakan kepada mungkin ada hotel-hotel dalam negara yang boleh menguruskan tempat itu dan dia boleh menjadi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila gulung Yang Berhormat habiskan.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:tempat pelancongan. Boleh lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Masa sudah habis nanti.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh bagi peluanglah.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Bagi peluanglah saya kasihan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya mintalah supaya kementerian menyediakan peruntukanlah kalau Yang Berhormat setuju untuk Taman-taman Negara, setuju tidak? Biar ada peruntukan yang khas, tidak banyak saya tengok di Nahluk, Kelantan itu comel sempadan dengan Pahang tetapi tidak terus dengan baik, dia cakap tidak ada duit. Setuju tidak?

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Saya setuju dengan cadangan itu dan rasa saya memang sudah ada peruntukan untuk PERHILITAN ini ataupun Taman Negara tetapi tidak banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Jadi, yang akhirnya dari segi pemulihan alam sekitar kita iaitu aktiviti perlombongan, Butiran 070100. Di Lipis ini bernasib baik kerana banyak lombong emas sebenarnya ada di Lipis, jadi lombong-lombong ini ada yang diusahakan secara berlesen dan ada juga rasa saya berdasarkan pada laporan penduduk-penduduk kampung yang telah diusahakan secara haram. Jadi saya berharap pihak berkuasa di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini memastikan semua lombong itu diusahakan secara berlesen dan mereka mematuhi keperluan alam sekitar kerana.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: *Last sentence* Tuan Pengerusi, kerana sekarang ini saya dapati sungai-sungai, Sungai Jelai, Sungai Pahang dan sebagainya sangat berkeladak dan cetek dan airnya memang air tanah, dan saya percaya ini kesan daripada sumber kesan daripada aktiviti perlombongan yang berlaku di kawasan rasa saya di kawasan Cameron Highlands, kerana Cameron Highlands merupakan hulu kepada Parlimen Lipis. Dan mungkin juga aktiviti perlombongan yang berlaku di Lojing, di Lojing yang juga merupakan hulu Lojing, Gua Musang yang merupakan hulu Sungai Lipis. Jadi sekali lagi saya mengharapkan pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini meneliti perkara ini siasat betul-betul supaya semuanya mematuhi keperluan alam sekitar. Sekian terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ramai hendak bercakap ada lima orang. Saya hendak minta Yang Berhormat hadkan kepada lima minit saya hendak bagi semua bercakap. Kinabatangan.

7.58 mlm.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi hari pun sudah mahu masuk malam memang pendek sahaja ini. Saya cuma ingin menumpu kepada iaitu Butiran 010100 – Pentadbiran dan juga Butiran 020200 – Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, iaitu saya hendak bertanya kepada kementerian berhubung dengan beberapa kes iaitu pertama kes Rumie Azzan Mahlie yang didapati membunuh diri di Kuching. Dan masyarakat juga keluarga dia mendakwa bahawa beliau ini bukan bunuh diri, tetapi dibunuh sebab kes ini beliau diminta menyiasat satu kes yang melibatkan orang dalaman dalam kementerian ini dan apakah kedudukan kes ini pada masa ini? Sebab masyarakat ingin tahu tidak ada apa keputusan yang diperolehi memandangkan kes ini melibatkan masyarakat dan juga keluarga yang berkenaan.

Yang kedua.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan. Adakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju dengan setengah pandangan yang ada membanding kes ini dengan Jalil Ibrahim Pengurus Auditor yang ada dibunuh di Hong Kong mengenai kes skandal Bumiputera Malaysia Finance, apabila Jalil Ibrahim ada pergi Hong Kong untuk siasat penyelewengan yang ada berlaku skandal-skandal. Dan di sini nampaknya ada satu kes seorang yang sangat rajin, sangat bertanggungjawab untuk siasat mengenai penyelewengan-penyelewengan yang berlaku di Jabatan Environment....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...yang beliau ada dibunuh dan kalau begitu bukankah perlu satu sikap yang sangat serius dalam perkara ini oleh kerana kita tidak mahu kakitangan kerajaan dibunuh oleh kerana mereka bertanggungjawab dengan tugas mereka.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih. Sudah 1 minit setengah diambil. Sebab itu saya bertanya kepada kementerian kedudukan kes ini sebab ianya seolah-olah kita melindungi sesuatu, jadi saya harap dapat penjelasan daripada kementerian berhubung dengan kedudukan kes yang sebegini sebab ia melibatkan keperluan orang ramai dan *dispute*, dengan izin di kalangan masyarakat.

Kedua iaitu saya juga ingin bertanya, baru-baru ini iaitu di Perak sendiri terdapat satu kes iaitu lori yang membawa toksik juga telah hilang daripada penjagaan pihak-pihak berkuasa, jadi ini juga menimbulkan satu syak wasangka bagaimana kejadian sebegini boleh berlaku sehingga perkara-perkara yang menjadi bahan bukti boleh hilang daripada jagaan pihak-pihak yang tertentu.

Ketiga iaitu demikian jugalah dengan iaitu fail sulit di Jabatan Alam Sekitar di Johor Bahru yang juga terbakar, sedangkan banyak perkara yang terlibat dalam perkara tersebut melibatkan aset negara. Ini juga perlu penjelasan daripada kementerian bagaimana perkara sebegini boleh berlaku sehingga mengakibatkan mungkin keraguan di kalangan masyarakat apabila melibatkan kes-kes tertentu maka banyak perkara yang meragukan ditimbulkan.

Pihak kementerian ini harus memberi penjelasan yang jelas kepada rakyat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

8.01 mlm.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut mengambil bahagian dan ingin menyentuh Butiran 02000 - Pengurusan dan Perundangan Tanah, 05000 - Perhutanan, 07000 - Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar, 08000 - Pengairan dan Saliran, dan 07100 - PERHILITAN yang mana saya rangkumkan isu yang berkaitan dengan *enforcement* dengan izin penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Tanah, kepada Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan.

Kita ada Akta Perhutanan, kita ada Kanun Tanah Negara, kita ada Akta Kawalan Alam Sekitar dan juga ada kaitannya dengan Akta Pihak Berkuasa Tempatan. Saya hendak merujuk kepada beberapa kes yang saya lihat pegawai dan kakitangan *enforcement agency* dengan izin, saya sebutkan tadi tidak mengambil tindakan ataupun lambat mengambil tindakan. Saya hendak penjelasan apakah masalah yang berbangkit, adakah kerana kurang pengalaman, kurang kepakaran, kurang pegawai dan kakitangan atau ada elemen '*cautim*' dalam melaksanakan undang-undang kerajaan bagi memastikan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, apa itu '*cautim*'?

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Dia ada kira belakang atau ada kira bawah. Jadi saya hendak merujuk kepada beberapa kes yang saya membuat pemantauan menyentuh soal kilang sama ada kilang halal ataupun kilang haram. Umpamanya kilang membuat getah *kosan*, buat *glove* dan juga *condom* di Sungai Sembilang, Jeram, kumbahan dialirkan terus ke sungai menjejaskan pendapatan nelayan. Habis ikan-ikan, anak ikan, kerang dan sebagainya.

Tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar sudah beberapa kali dibuat ke mahkamah tetapi mungkin agaknya jumlah hukuman yang dikenakan tidak memadai dan Jabatan Alam Sekitar pun sudah memperakukan kepada pihak berkuasa tempatan supaya tutup kilang

tetapi ada kesan kepada pekerjaan dan inilah yang menjadi mungkin masalah apabila melibatkan pihak yang lain.

Yang kedua soal tanah yang tidak ditukar syarat, kilang tauhu kering di Simpang Tiga Jeram mencemarkan parit. Hari ini parit dan sungai di bawah pengawasan Jabatan Pengairan Saliran (JPS) dia sudah tidak ada kuasa apa-apa, tidak boleh buat apa-apa sebab tidak ada peruntukan undang-undang diberikan kepada jabatan berkenaan. Undang-undang atau akta dipegang oleh jabatan agensi yang lain. Jadi kilang tauhu ini tadi menyalurkan kumbahannya juga ke parit habis tersumbat parit, busuk dan sebagainya. Di sini saya lihat pejabat tanah pula dia tahu tetapi tindakan tidak diambil mungkin ada kaitan dengan elemen yang saya sebutkan tadi.

Saya fikir satu lagi perkara soal hutan paya bakau di mana seluas 1000 ekar hutan paya bakau di Asam Jawa, Kuala Selangor dibangunkan untuk projek kolam udang harimau secara besar-besaran tanpa melakukan EIA atau kajian alam sekitar secara terperinci. Kesannya kepada sistem perparitan yang ada dan untuk makluman Dewan yang mulia ini saya lihat kawasan Penampian yang tinggal lebih kurang dalam 3 rantai. Kalaulah ditakdirkan banjir besar atau tsunami habis penduduk di kampung-kampung persekitaran mati.

Inilah di antara kesan-kesan daripada kelambatan atau tidak diambil tindakan dan satu lagi saya hendak kaitkan dengan sebuah kilang *ready mix* membuat *premix* tanpa disedari oleh pejabat tanah, kilang dibina mencemarkan alam sekitar di kawasan perumahan, pihak berkuasa tempatan mengutip cukai pintu, cukai tanah dibayar atas sekadar pertanian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat ucapan.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Inilah di antara perkara-perkara yang saya hendak paparkan supaya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang ada kaitan dengan tanah dan juga alam sekitar walaupun melibatkan pihak berkuasa tempatan yang lain, apakah mekanisme yang berkesan supaya perkara ini dapat ditangani secara baik. Satu lagi Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: ..penting, baru-baru ini Jabatan Alam Sekitar menarik balik larangan pembakaran terbuka yang telah dikenakan sekian lama bulan September yang lepas, sedangkan hari ini pembakaran terbuka tempatan termasuk di Kuala Selangor turut menyumbang kepada masalah jerebu.

Itu sebabnya baru-baru ini Kuala Selangor diisytiharkan darurat jerebu. Jadi saya hendak penjelasan mengapa larangan pembakaran terbuka ditarik balik sedangkan jabatan hutan tidak jaga hutan, hutannya diteroka oleh peneroka haram sama ada di Hutan Simpan Ulu Tinggi termasuk juga Hutan Simpan Sungai Panjang di Sungai Besar yang hari ini masalah kebakaran ini tidak selesai. Bersusah payah bomba memadamkan kebakaran ini. Jadi saya harap keputusan menarik balik larangan pembakaran terbuka ini dapat dikaji semula oleh Jabatan Alam sekitar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik cukuplah Yang Berhormat ya.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Yang akhir Tuan Pengerusi, penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Saya bangkitkan masalah....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua pun penting Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Saya bangkitkan masalah makhluk perosak, perosak tanaman dalam perbahasan Kementerian Pertanian dan Asas Tani. Lotong, babi

hutan dan sebagainya memusnahkan harapan petani di Kuala Selangor untuk menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian. Saya minta Jabatan Pertanian tolonglah ambillah pendekatan seperti yang saya sebutkan dalam perbahasan saya yang lepas, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh ya.

Beberapa Ahli: [Bersorak] [Menyampuk]

8.11 mlm.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pasir Puteh sokong ya.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 - Pengurusan dan Perundangan Tanah dan juga Butiran 070000 - Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar.

Di kawasan bandar, seperti di Kuala Lumpur, salah satu masalah yang dihadapi oleh pembeli rumah ialah Hak Milik Strata. Walaupun kerajaan telah meminda Akta Hak Milik Strata pada tahun 2001, tetapi pindaan ini adalah amat tidak mencukupi untuk memberi perlindungan kepada pembeli dan juga penduduk kondominium kerana banyak masalah yang dihadapi oleh penduduk kondominium tidak ditangani dalam pindaan tersebut. Apa yang saya rasa kesal ialah Lembaga Hak Milik Strata ataupun *Strata Titles Board* yang termaktub dalam pindaan akta tersebut masih tidak ditubuhkan di semua Pejabat Tanah dan Galian seluruh negeri sehingga hari ini. Soalan saya kepada kementerian ialah, bilakah Lembaga Hak Milik Strata ini akan ditubuhkan di semua Pejabat Tanah dan Galian dan setakat ini, berapakah dan di negeri manakah Lembaga Hak Milik Strata telah pun ditubuhkan?

Tuan Pengerusi, ramai pembeli kondominium di kawasan saya menghadapi masalah yang berkaitan dengan Hak Milik Strata. Di sini ingin saya menyenaraikan contoh dan masalah mereka.

Nombor satu, pemaju membuat pertukaran dari segi *common facilities* dan juga saiz unit semasa membentangkan permohonan Hak Milik Strata kepada pejabat tanah dan ini selalunya diluluskan oleh pejabat tanah. Contoh satu, Kondominium Villa OUG. Tempat perkongsian ataupun *common facilities* dalam kondominium yang sepatutnya digunakan oleh semua penduduk kondominium tersebut ditukar kepada nama pemaju semasa permohonan Hak Milik Strata.

Contoh kedua, Kondominium Divana Mansion, pemaju menghendaki pembeli rumah untuk membayar lebih bayaran kepadanya apabila mereka mengagih Strata Title daripadanya kerana pemaju masukkan *common facilities*, seperti *corridor* kepada pemilik ini. Ini sebenarnya satu bentuk penipuan tetapi kesannya apabila tindakan ini diluluskan oleh pejabat tanah dan juga apabila penduduk membuat aduan kepada Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Tanah dan Galian suruh mereka menyelesaikan masalah ini di mahkamah.

Contoh ketiga, Kondominium Seri Desa, di Kuchai *Entrepreneurs Park*. Pembeli rumah mendapati *common facilities* mereka seperti kolam renang dan kelab kondominium itu dikeluarkan daripada lingkungan kondominium mereka. Kelab itu dijadikan restoran dan juga pub dan disewa kepada orang luar. Kesemua wang sewa disalur ke tangan pemaju dan bukan kepada *management corporation* ataupun persatuan penduduk. Kesemua masalah ini terwujud kerana Akta Hak Milik Strata tidak memberi definisi yang jelas tentang perkataan "*common facilities*" dan pejabat tanah memang terlalu senang meluluskan pindaan terhadap pelan asal kondominium semasa pemaju membuat permohonan terhadap Hak Milik Strata.

Tuan Pengerusi, masalah kedua ialah masalah rumah pangsa lama. Rumah pangsa lama seperti rumah pangsa di Taman Salak Selatan yang didirikan dalam tahun

60-an menghadapi masalah dari segi permohonan Hak Milik Strata, kerana pemaju tidak dapat mengikut keperluan yang termaktub dalam Akta Hak Milik Strata. Saya mencadangkan supaya kerajaan adakan peruntukan baru dalam akta ini, untuk membantu pembeli rumah di kondominium lama ini untuk mendapat Hak Milik Strata.

Masalah ketiga ialah bangunan ataupun rumah pangsa anak yatim ataupun *orphans building*. Di kawasan saya, syarikat pemaju rumah pangsa Taman Niaga Emas, di Taman Salak Selatan telah pun gulung tikar. Dua antara lima blok rumah pangsa ini masih dalam tahap CCF yang telah lama luput. Pihak *official assignee* dan juga DBKL tidak dapat membantu para pembeli rumah ini, walau pun para pembeli rumah berharap sangat untuk mendapat Hak Milik Strata.

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya mengadakan peruntukan dalam Akta Hak Milik Strata untuk membantu pembeli rumah kondominium yang kurang bernasib ini. Kerajaan mungkin boleh menubuhkan satu perbadanan baru seperti Syarikat Perumahan Negara yang sama seperti Syarikat Perumahan Negara untuk membantu pembeli rumah untuk memohon Hak Milik Strata dalam kes ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan ucapan Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Masalah yang kelima ialah pejabat tanah tidak mengambil tindakan terhadap pemaju yang tidak memohon Hak Milik Strata. Akta Hak Milik Strata menghendaki pemaju membuat permohonan Hak Milik Strata, enam bulan selepas mendapat sijil kelayakan ataupun CF. Tetapi banyak Pejabat Tanah dan Galian tidak menjalankan pemantauan terhadap projek kondominium yang tidak memohon Hak Milik Strata. Misalnya saya mendapat jawapan dari pihak Kementerian Wilayah Persekutuan pada tahun lepas, di mana terdapat 21 projek kondominium yang dibangunkan bersama oleh DBKL dan pemaju swasta tidak memohon Hak Milik Strata di Kuala Lumpur. Salah satunya ialah Kondominium Danau Impian, di Taman Desa di kawasan Parlimen saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi apabila persatuan penduduk dan saya menunjukkan bukti tentang perkara ini kepada Pejabat Tanah dan Galian, Pengarah hanya kata, bahawa pejabatnya akan memberi amaran kepada pemaju dan tidak ada tindakan undang-undang terhadap ini.

Satu lagi isu yang saya nak bangkitkan ialah isu *proxy* dalam pemilihan anggota Jawatankuasa *Management Corporation*. Adalah tidak jelas dalam Akta Hak Milik Strata sehinggalah pergaduhan selalu berlaku dalam kes di mana mungkin seseorang memegang *proxy* yang banyak dan menentukan siapa yang dimasukkan dalam anggota Jawatankuasa *Management Corporation*.

Akhirnya, saya hanya ada beberapa soalan yang ditanya kepada timbalan menteri yang berada di sini, saya ingin tanya apakah program tentang kitar semula sampah sarap, yang mana telah pun diadakan di sekolah dan adakah kementerian mempunyai apa-apa rancangan untuk mengembangkan program seperti ini?

Jadi, saya juga ingin menyeru, apakah langkah kementerian untuk memastikan bahawa pertukaran nama pemilik tanah tanpa pengetahuan pemilik tanah asal itu tidak akan berlaku lagi? Kerana banyak tanah telah pun ditukar nama tanpa pengetahuan pemilik tanah. Saya juga ingin menyeru kementerian supaya menghendaki pemaju memohon Hak Milik Strata apabila mereka memohon sijil kelayakan (CF) daripada Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sepanggar, lepas itu Seputeh, selepas itu kementerian menjawab.

8.16 mlm.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Butiran 10300 - Pembangunan Teknologi Penggunaan Kayu; Latihan Pencegahan Kebakaran Hutan. Kita dapati bahawa memang khasnya di Sabah, ini menyentuh di Sabah di mana adanya kebakaran seluruh kawasan akan musnah dengan api dan bukan sahaja dia melibatkan pencemaran, tetapi dia juga memusnahkan kayu-kayan dan juga binatang liar. Ini tentu sekali akan merugikan bukan sahaja rakyat, tetapi saya rasa kerajaan, disebabkan kebakaran ini tanpa pencegahan, kebakaran ini memang sukar kita dapat pemulihan semula. Jadi saya mintalah kepada pihak kerajaan supaya dengan adanya pembangunan teknologi, penggunaan ini, saya minta supaya diperkuatkan, diperkuatkan undang-undang mengenai pencegahan kebakaran ini.

Saya juga ingin menyentuh mengenai Butiran 15100 - Mencegah Hakisan Pantai, Butiran 15200 - Memperbaiki Sungai-sungai, Butiran 15400 - Rancangan Pengurusan Sungai. Saya satukan semua ini, butiran ini dengan cabaran pelaksanaan yang mana saya rasa masalah-masalah yang kita sering kali hadapi ialah oleh kerana pelaksanaan itu tidak begitu menentu, misalnya, satu di negeri-negeri kita selalunya sering kait dengan kuasa negeri-negeri, misalnya bila di kementerian, pusat tidak akan memberi peruntukan-peruntukan melaksanakan ini, oleh kerana ini konon-kononnya kuasa negeri, sedangkan kita semua adalah rakyat Malaysia. Jadi saya mintalah, saya merayu supaya jangan kita ketepikan, walaupun ini kuasa negeri tetapi saya rasa ada saluran-saluran tertentu yang boleh kita memberi bantuan-bantuan dan juga peruntukan-peruntukan supaya kita boleh mencegah semua masalah ini.

Demikian juga dengan Butiran 16700 - Perparitan dan Tebatan Banjir (PTB) yang diperuntukkan begitu banyak sekali sehingga RM390.65 juta. Ini peruntukan yang begitu besar sekali. Ini saya rasa kalau kita boleh agih-agihkan kepada negeri-negeri khasnya di Sabah dan Sarawak, tentu sekali kita boleh dapat mencegah banjir di bandar dan juga di desa-desa. Tentu sekali dengan saluran peruntukan ini kepada negeri-negeri, walaupun sukar disalurkan, salurkan kepada Ahli-ahli Parlimen oleh kerana saya rasa Ahli-ahli Parlimen tentu sekali tahu di mana kawasan-kawasan yang sering kali menghadapi masalah banjir, disebabkan perparitan yang tidak begitu menentu sekali. So, saya mintalah kepada kementerian ini supaya ambil berat tentang perparitan dan tebatan banjir ini supaya kita beri saluran kepada Ahli-ahli Parlimen di kawasan masing-masing. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pasir Puteh, sila.

8.19 min.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat sejahtera masyarakat Islam Hadari. Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, timbalan menteri yang telah memberi peluang untuk saya mengambil bahagian untuk membincang dalam Jawatankuasa ini mengenai dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mukadimah jangan panjang sangat Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Insya-Allah, saya akan pendekkan, terima kasih. Saya hendak baca sepotong ayat Quran, tadi pun saya baca sepotong....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Selesai Yang Berhormat, merujuk kepada kepala.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Merujuk kepada kepala 010900, 011000, 050300, tiga kepala, tiga minit.

Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Baqarah ayat 30. *[Membaca dalam bahasa Arab]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Seputeh menyokong. *This is what the Al-Quran said, dengan izin, yang bermaksud di mana, "Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman*

kepada malaikat, Aku hendak jadikan di bumi seorang pemimpin agung terdiri daripada manusia, Adam (Tok kita semua tidak kira Islam, bukan Islam. Tok kita ialah Adam, dan Hawa mak kita.) Maka malaikat 'komen' kepada Tuhan, bukan komenlah (bertanya) kepada Allah. Kenapa hendak jadi manusia yang suka membuat kerosakan dan bencana di muka bumi ini, sedangkan aku bertasbih kata Malaikat, kenapa tidak lantik aku." Kalau lantik malaikat, hendak rasuah susah, tidak nampak. "Maka dilantik makhluk manusia Adam." Maka kita hari ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri bawa dalam 10 prinsip Islam Hadhari termasuk alam sekitar yang

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order* Tuan Pengerusi, *point of order*.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ini adakah dasar atau

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya. Saya sudah tegur Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya. Ini mustahak. Kalau begitu banyak kita boleh bincang. Ini dasar atau *committee stage*? Kita perlu....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah tegur. Cukuplah, cukuplah Ipoh Timur, ya.

Tuan Lim Kit Siang: satu definisi yang jelas, tidak boleh disalahgunakan. Salah gunakan, Al-Quran pun tidak boleh dibenarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor cukuplah. Saya sudah tegur tadi.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Jadi hak saya hendak bercakap, pandangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak, Yang Berhormat balik kepada....

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya balik kepada soalan saya. Apabila kita mengatakan bahawa alam sekitar dalam prinsipnya ialah kita hendak kena jaga, maka kita kena jaga alam sekitar ini, saya cadanglah satu akta diwujudkan. Kenapa air kita boleh ubah Perlembagaan? Air adalah kuasa negeri, *state matter*. Kenapa kita boleh ubah Perlembagaan, memberi kuasa kepada Persekutuan bersama di dalam untuk menguruskan air, merawat air kemudian menyalurkan air hasil masuk kepada negeri? Kenapa alam sekitar kita tidak boleh buat? Ipoh Timor saya hormatlah. Sebagai Ketua Pembangkang jangan campur lagi saya bercakap sebab masa tidak mengizinkan.

Maka dengan sebab itulah saya hendak supaya alam sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini jaga betul-betul amanah ini, buat peruntukan, binakan taman-taman negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, dasar itu Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Ya. Kemudian pengairan saya sebut tadi 01000 – Pengairan dan Saliran, kita hendak jaga supaya kebersihan ini yang tidak menyebabkan pencemaran di tepi pantai dan sebagainya. kemudian saya cadangkan tepi-tepi pantai kalau kita hendak gunakan satu teknologi baru untuk pecah ombak, jangan kita buat di tepi pantai, rosak pantai kita. Di Kelantan telah pun mula teknologi memecah ombak tetapi dia buat dekat sangat. Orang hendak berkelah tidak dapat lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Kita kena adakan biarlah jarak lebih kurang satu kilometer ke laut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Teknologi itu adakah seperti teknologi Yang Berhormat buat, yang sekarang ini petik suis sahaja, dia peluru dia pi..., boom! Adakah macam itu?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya ingat sesuai. Kalau boleh kita buat pecah ombak ini dia tengah-tengah, jangan tepi. Bila dia mari.... boom! Pecah. *[Ketawa]* Itu yang saya hendak. Kemudian yang akhir Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat, ya.

Cik Fong Po Kuan: Islam Hadhari.... *[Menyampuk]*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:050300.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]* *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Timor. Jangan kacau dia.

Cik Fong Po Kuan: dia tengah marahlah.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya minta jangan kacau sayalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat, ya.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Jadi saya gulung di sini, pengurusan kawasan hutan negara dengan cara yang teratur untuk menjamin bahawa bekalan kayu-kayu kita, keluaran kayu-kayu tadi mengikut peraturan, mengikut undang-undang dan mencukupi serta keadaan iklim kita, fizikalnya, alam sekitarnya yang baik dan untuk kepentingan rakyat jelata. Ini ada termaktub dalam objektif kementerian sendiri. Tetapi apakah kita boleh laksana ini, boleh pastikan mencapai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau ini boleh mencapai, insya-Allah saya puji dan saya sokong sepenuhnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

8.24 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S.G. Sothinathan]: Tuan Pengerusi, saya bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sebanyak 14 orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi cadangan dan juga pandangan mereka tentang pengurusan alam sekitar dan juga jabatan-jabatan lain di bawah kementerian saya, khususnya Yang Berhormat bagi Batu Pahat, Yang Berhormat bagi Tanjong, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Yang Berhormat bagi Tuaran, Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Kemaman, Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat bagi Sepanggar dan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih dan khususnya kerana kesedaran adalah elemen yang penting untuk kita menjayakan pemeliharaan alam sekitar yang baik. Jadi memang....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Ipoh Timor bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu Dewan ini, kenapa Yang Berhormat Menteri kita tidak ada di sini? Kita tahu Yang

Berhormat Menteri kalau daripada segi *man-hours* Menteri yang kurang sekali berbanding dengan semua menteri, *the list man-hours spend in his ministry, in the cabinet*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Dia ada banyak masa dalam Sarawak. Kita tahulah dia ada *ambitious* sana hendak jadi ketua menteri tetapi apabila dia menjadi menteri...'

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: dia perlu 100% masa menjalankan tugasnya. Bukan dengan *man-hours* yang *the worst record* dalam *all ministers in the cabinet*. Bolehkah kita tahu kenapa dia tidak boleh ada di sini untuk

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: bertanggungjawab dalam menjawab, dalam perkara ini atau Parlimen tidak mustahak kepada beliau.

Dato' S.G. Sothinathan: Tuan Pengerusi, sebenarnya isu itu tidak timbul. Sejak kementerian ini ditubuhkan pada bulan Mac tahun dahulu, kita boleh lihat banyak perkembangan dalam alam sekitar. Ini bukan usaha seorang tetapi itu dengan pimpinan Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar kita dapat lihat satu pergerakan yang begitu mendadak di mana semua Ahli Parlimen pun begitu lantang menyuarakan keprihatinan mereka terhadap alam sekitar. Alam sekitar adalah satu perkara bukan sahaja yang melibatkan perbincangan dalam negeri tetapi di mana kita ada banyak perjanjian *multilevel*....

Tuan Lim Kit Siang: Haa mana menteri, mana menteri?

Dato' S.G. Sothinathan: yang perlu kita....

Tuan Lim Kit Siang: Mana menteri?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor tidak apalah.

Dato' S.G. Sothinathan: Biar saya jawab dahulu Yang Berhormat, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Haa, jawab, jawab. Mana menteri?

Dato' S.G. Sothinathan: Jadi Yang Berhormat Menteri terpaksa menghadiri satu mesyuarat di Hanoi kerana dan beliau agaknya akan pulang pada hari ini. Jadi.....

Tuan Lim Kit Siang: Apa mesyuarat?

Dato' S.G. Sothinathan: Ini adalah berkaitan dengan alam sekitar. Jadi....

Tuan Lim Kit Siang: Apa mesyuarat?

Dato' S.G. Sothinathan: Yang Berhormat, ini jawapan Kementerian Alam Sekitar sekarang. Kita ada banyak, *we have 50 multilateral agreements*.

Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]

Tuan Lim Kit Siang: Apa mesyuarat?

Cik Fong Po Kuan: Apa mesyuarat?

Dato' S.G. Sothinathan: Harus perbincangan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Biar dia jawablah.

Tuan Lim Kit Siang: Apa mesyuarat? Tidak boleh kata mesyuarat. Apa mesyuarat? Tentu ada nama. Apa mesyuarat? [Dewan gamat seketika]

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' S.G. Sothinathan: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh kata mesyuarat.

Dato' S.G. Sothinathan: Biar saya.....

Tuan Lim Kit Siang: Ini bukan budak-budak di sekolah-sekolah, ini Parlimen, Ahli Parlimen semua, bukan budak-budak. *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Apa mesyuarat kita mahu tahu.

Dato' S.G. Sothinathan: Ini bila kita katakan alam sekitar ini, bukan kata kita boleh jaga kepentingan alam sekitar dalam negara kita, bermakna keadaan di seluruh dunia itu boleh selesai.....

[Dewan gamat seketika]

Seorang Ahli: Teruskan jawapan menteri, teruskan jawapan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Timor, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Apa mesyuarat?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' S.G. Sothinathan: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak tahu, kata tidak tahu. Apa mesyuarat?
[Bercakap tanpa pembesar suara]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya. Teruskan.

Dato' S.G. Sothinathan: Saya telah maklumkan bahawa kita ada....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dia tidak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus, teruskan.

Dato' S.G. Sothinathan: Bukan saya tak tahu...

Tuan Lim Kit Siang: Pembohong!

Beberapa Ahli Pembangkang: Bohong!

Dato' S.G. Sothinathan: Saya ingat minta tarik baliklah Yang Berhormat. Jangan cakap macam itu.

Seorang Ahli: Tarik balik.

Dato' S.G. Sothinathan: Saya sudah katakan beliau berada di Hanoi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah.

Dato' S.G. Sothinathan: ... akan balik pada hari ini kerana ada perbincangan dengan kementerian di sana.

Tuan Lim Kit Siang: ... sendiri bohong. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' S.G. Sothinathan: Apa lagi hendak beritahu?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah Ipoh Timor, ya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' S.G. Sothinathan: Bukan takut, bukan takut. Yang benar itu kita mesti cakap.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

[Dewan gamat seketika]

Dato' S.G. Sothinathan: Cuma, saya bohong di sinikah?

Tuan Lim Kit Siang: Apa mesyuarat? Tidak boleh.

Dato' S.G. Sothinathan: Saya sudah katakan beliau ada perbincangan dengan Kerajaan Hanoi.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Timor ya.

Dato' S.G. Sothinathan: Apa lagi saya hendak katakan?

Tuan Lim Kit Siang: Apa mesyuarat?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat....

Dato' S.G. Sothinathan: Beliau ada.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

[Dewan gamat seketika]

Dato' S.G. Sothinathan: Yang Berhormat, Yang Berhormat, walaupun beliau telah pergi ke mesyuarat, tetapi beliau minta saya supaya menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan.

Tuan Lim Kit Siang: Bila. Mengapa balik, mengapa balik? Tidak tahu. Apa guna!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, ya.

Dato' S.G. Sothinathan: Yang Berhormat, itu bukan perkara dalam perbincangan pada hari ini. Cuma butir-butir yang ada dalam bajet ini kita bincangkanlah. Jadi Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak tahu jawapan dia?

Dato' S.G. Sothinathan: saya memulakan dengan isu yang dibangkitkan dengan Batu Pahat tentang kedudukan kita dari segi perlombongan, perlu proses pemetaan geologi secara menyeluruh untuk meningkatkan usaha cari gali.

Sebenarnya Jabatan Mineral dan Geosains telah, sedang akan terus meningkatkan usaha menjalankan kajian bagi mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi mineral. Pelbagai kajian dibuat meliputi mineral, logam dan mineral perindustrian. Lebih banyak kajian akan dibuat di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mengenal pasti longgokan mineral. Kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti mempunyai potensi mineral boleh dikaji seterusnya oleh pihak swasta yang berminat. Pada masa ini, diakui bahawa minat pelabur dalam industri perlombongan kurang memberangsangkan.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat bagi Batu Pahat tentang perlu disediakan *one-stop center* bagi memudahkan pelabur membuat permohonan dalam perlombongan, sebenarnya di bawah Enakmen Mineral Negeri, negeri-negeri yang menguatkuasakan enakmen tersebut perlu mewujudkan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri. Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh pelbagai jabatan ataupun agensi kerajaan yang berkaitan dengan urusan meluluskan sebarang permohonan berkaitan perlombongan negeri berkenaan.

Di peringkat persekutuan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan menubuhkan satu one stop agency. Yang Berhormat Batu Pahat juga telah menyentuh tentang tempoh pajakan melombong yang singkat iaitu di antara 1 hingga 3 tahun dan perlu dipanjangkan supaya dapat memberi pulangan kepada modal mereka. Sebenarnya amalan

lama tempoh pajakan ialah 5 tahun tetapi boleh diperbaharui, tetapi di bawah enakmen negeri yang baru, tempoh pajakan melombong bergantung kepada tempoh hayat ekonomi ataupun ekonomi life longgokan mineral berkenaan dengan tempoh maksimum 21 tahun dan boleh diperbaharui lagi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tangga Batu telah bertanya tentang piawaian antarabangsa bagi bunyi bising dan juga tentang aduan masyarakat di kawasan Tangga Batu tentang adanya sebuah kilang penapis di kawasan tersebut. Sebenarnya piawaian bunyi bising yang diguna pakai adalah piawaian antarabangsa iaitu piawaian World Health Organization.

Jabatan Alam Sekitar memang menjalankan pengukuran paras-paras pencemaran yang berpunca dari industri dan sebagainya. Jabatan Alam Sekitar dan unit-unit penguatkuasaan yang menjalankan atau menentukan paras pencemaran dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya mengikut peraturan-peraturan alam sekitar ke atasi piawaian yang didapati tidak mematuhi peraturan-peraturan ini.

Berkaitan dengan asap dan sisa buangan daripada kilang penapis di Tangga Batu, Jabatan Alam Sekitar ada menerima aduan berkaitan pelepasan asap dan buangan dari kilang penapis minyak dan Tangga Batu Melaka dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah pun menyiasat dan mengenal pasti masalah yang dihadapi dan kilang-kilang penapis telah diarahkan untuk memperbaiki dan mengurangkan masalah pencemaran yang berpunca dari kilang tersebut. Tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah akan mengambil sedikit masa, Jabatan Alam Sekitar akan juga menempatkan seorang pegawai di kilang tersebut bagi memastikan tindakan-tindakan pembaikan dilaksanakan.

Yang Berhormat Tangga Batu juga ada mencadangkan tentang kaedah-kaedah mencegah pantai iaitu menggunakan jaring perangkap pasir. Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengenal pasti beberapa kaedah pencegahan yang bersesuaian mengikut jenis pantai. Beberapa kaedah akan terus dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Jerai, membangkitkan masalah hakisan pantai dan tanaman bakau bagi melindungi pantai-pantai daripada masalah hakisan. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah salah satu jabatan kerajaan yang terlibat dalam melindungi pantai daripada fenomena hakisan. Pihak Jabatan Perhutanan Malaysia akan melaksanakan projek penanaman bakau dan lain-lain spesis yang sesuai. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM30 juta telah dipohon untuk tujuan tersebut dan ini adalah satu-satunya kaedah yang dianggap sebagai perkara yang paling baik untuk mengatasi masalah hakisan pantai dan juga masalah bencana seperti Tsunami.

Yang Berhormat Jerai juga membangkitkan projek pembangunan di kawasan Gunung Jerai yang mendatangkan kesan hakisan dan banjir kilat terjejas akan menyiasat perkara ini dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut peraturan ataupun undang-undang alam sekitar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya minta izin hendak tanya sedikit. Sebenarnya saya difahamkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar, kelulusan telah pun diberi jadi yang ini jadi masalah. Jadi apabila kelulusan telah diberi ini dari segi planningnya okey tetapi dari segi realitinya apabila berlaku hujan, di luar kawalan. Jadi apakah pihak kementerian Yang Berhormat boleh mengkaji semula supaya surat kelulusan itu dikaji balik dan mengambil kira sedikit pendapat-pendapat masyarakat ataupun penduduk-penduduk di kawasan yang terlibat.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Pengerusi, sebenarnya kita bila saya aspek alam sekitar kita bila kita menilai untuk memberikan kelulusan, kita lihat pada laporan yang disediakan dan juga cadangan-cadangan mereka untuk yang diambil untuk *mitigate* masalah pencemaran, tetapi mungkin dari segi perlaksanaan mungkin ada kelemahan dalam perkara ini, jadi perkara ini harus disiasat dan kita akan ambil tindakan dan saya akan minta Pengarah Jabatan Alam Sekitar di negeri Kedah untuk sendiri menyiasat perkara ini untuk menentukan apakah sumber masalah pencemaran di kawasan tersebut

dan juga masalah banjir. Sama ada ia wujud daripada projek ini ataupun lain-lain sumber yang melibatkan banjir di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri hendak habiskan hari ini atau hendak sambung esok?

Dato' S. G. Sothinathan: Sambung esok.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah.

Dato' S. G. Sothinathan: Sebab ada banyak lagi Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.35 malam.